

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil. 10</b>	<b>Selasa</b>	<b>22 Mac 2016</b>
----------------	---------------	--------------------

---

**KANDUNGAN**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 26)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 25)
Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang (Sibuti)</i>	(Halaman 26)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT PERTAMA**

**Selasa, 22 Mac 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah golongan belia yang telah memiliki rumah sendiri berdasarkan "Skim Rumah Pertamaku" khususnya di negeri Perlis dan apakah terdapat sebarang usaha dalam mendukung hasrat kerajaan iaitu "1Keluarga 1Rumah" dengan mengkaji semula syarat-syarat kelayakan pembelian rumah pertama dalam usaha untuk membantu golongan muda yang rata-ratanya berpendapatan RM2,500 dan ke bawah.

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu golongan belia memiliki rumah yang selesa dan mampu milik termasuk program Skim Rumah Pertamaku. Program Skim Rumah Pertamaku yang dilancarkan pada bulan Mac 2011 bertujuan membantu golongan belia untuk memiliki rumah sendiri.

Di bawah Skim Rumah Pertamaku ini, golongan belia layak membeli rumah berharga sehingga RM500,000 sambil mendapat pembiayaan sehingga 100% tanpa perlu menyediakan 10% wang pendahuluan. Ini adalah kerana kerajaan melalui Cagamas memberi jaminan kepada institusi kewangan bagi wang pendahuluan tersebut. Manakala kerajaan turut memperkenalkan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama bagi menggalakkan lagi pemilikan rumah dalam kalangan belia.

Berdasarkan maklumat Bank Negara Malaysia dari tahun 2013 hingga bulan Januari 2016, jumlah kelulusan pinjaman di bawah Skim Rumah Pertamaku ialah sebanyak 2,114 permohonan melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM431 juta. Manakala bagi Skim Perumahan Belia pula sehingga akhir bulan Februari 2016, sebanyak 876 permohonan telah diluluskan oleh Bank Simpanan Nasional melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM215.5 juta. Secara khusus bagi negeri Perlis termasuk Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia, sejumlah 767 telah siap dibina manakala sebanyak 55 buah dalam proses pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan keperluan perumahan pada setiap seisi rumah di negara ini terutama sekali golongan berpendapatan rendah dan sederhana, selaras dengan matlamat meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat. Meskipun ekonomi global tidak menentu ekorannya kejatuhan harga

minyak mentah dan kemerosotan nilai ringgit, namun kerajaan tetap akan terus membina rumah mampu untuk rakyat terutama golongan belia.

Justeru, pelbagai inisiatif dan program dilaksanakan oleh kerajaan supaya hasrat 1Keluarga 1Rumah mampu dicapai. Kerajaan telah mengambil langkah memperbanyakkan bilangan rumah mampu milik seperti Projek Perumahan Rakyat, Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, Rumah Mesra Rakyat, Rumah Idaman Rakyat dan Rumah Aspirasi Rakyat melalui pelbagai agensi seperti PR1MA, Syarikat Perumahan Negara (SPNB) dan Jabatan Perumahan Negara.

Melalui Bajet 2016, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.6 bilion untuk membina 175,000 buah unit rumah PR1MA, 10,000 Rumah Mesra Rakyat yang dijalankan oleh SPNB dengan pemberian subsidi RM20,000 bagi setiap unit rumah, 100,000 unit rumah Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia dengan harga di antara RM90,000 hingga RM300,000 seunit, 22,300 unit pangsapuri dan 9,800 unit rumah teres di bawah Program Perumahan Rakyat dengan peruntukan RM863 juta, 5,000 unit rumah PR1MA dan PPA1M di sepuluh lokasi sekitar stesen dan koridor transit aliran ringan (LRT) serta monorel.

Peruntukan sebanyak RM60 juta untuk pembinaan rumah masyarakat Orang Asli, membina rumah untuk generasi kedua peneroka iaitu 20,000 unit rumah untuk FELDA, 2,000 unit rumah untuk FELCRA, dan 2,000 unit rumah untuk RISDA. Sebanyak 800 unit rumah mampu milik akan dibina oleh syarikat GLC berhampiran stesen MRT dan 4,600 unit rumah mampu milik oleh Sime Darby Property.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pelbagai inisiatif yang diwujudkan di bawah Skim Rumah Pertamaku seperti pengecualian duti setem, deposit had umur paras harga rumah dan jumlah gaji, diyakini boleh membantu golongan belia terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memenuhi impian mereka memiliki rumah. Ditambah dengan usaha berterusan kerajaan melalui pelancaran projek-projek perumahan mampu milik terutama di kawasan bandar, matlamat 1Rumah 1Keluarga akan mampu dicapai demi kesejahteraan rakyat.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Terima kasih kepada kerajaan kerana telah mengumumkan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama dengan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi membantu pembeli untuk memiliki rumah pertama.

#### ■1010

Namun begitu, pinjaman perumahan yang tidak diluluskan merupakan antara punca utama jumlah pembelian rumah pertama berada pada tahap yang rendah. Ini adalah akibat daripada pembeli disenaraihitamkan oleh CCRIS dan CTOS. Oleh itu, adakah kerajaan bercadang untuk melonggarkan syarat permohonan pinjaman kewangan oleh individu yang mempunyai rekod kewangan yang tidak meyakinkan serta berpendapatan rendah dalam usaha untuk memiliki rumah pertama mereka? Adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan pembeli rumah membuat pembayaran ansuran bulanan pinjaman perumahan melalui pemotongan daripada wang caruman KWSP? Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, pihak bank tidak menggunakan senarai CCRIS dan CTOS semata-mata tetapi lebih melihat kepada kemampuan seseorang itu untuk membayar balik pinjaman perumahan berdasarkan kepada pendapatannya dan juga, dengan izin, *disposable incomenya*. Misalnya kalau dia merupakan seorang yang mempunyai pendapatan RM3,000 sebulan, dia mesti memerlukan lebih kurang RM1,200 untuk sara hidupnya. Jadi kalau pembiayaan pinjaman-pinjamannya kesemuanya dalam lingkungan RM1,800, maknanya itulah tahap maksimum dia untuk memperoleh pinjaman, tidak boleh lebih daripada itu. Jadi, sebab itulah setiap permohonan itu akan dilihat dan diteliti daripada segi kemampuan berdasarkan contoh yang saya telah berikan tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, akses kepada pinjaman perumahan daripada segi faktanya telah pun bertambah lebih baik. Misalnya, peratus penolakan untuk permohonan pinjaman perumahan telah mencatatkan penurunan daripada lebih kurang 30 peratus pada tahun 2012 kepada 20 peratus pada tahun 2015. Jumlah pinjaman perumahan melalui sistem perbankan juga terus meningkat pada kadar 11.7 peratus kepada RM435.6 bilion setakat penghujung tahun 2015 dan 85 peratus daripada jumlah pinjaman ini adalah untuk rumah bernilai RM500,000 dan ke bawah.

Namun, kalau ada mereka yang masih tidak puas hati, saya cadangkan supaya mereka rujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit di bawah Bank Negara untuk Bank Negara ataupun unit tersebut melihat satu persatu, maka pertimbangan yang sebaik mungkin dapat diberikan.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Soalan yang timbul ialah berkenaan dengan kemampuan terutama daripada kalangan orang-orang muda untuk memiliki rumah di bandar-bandar— soalan yang ditanya. Oleh kerana untuk meminjamkan dalam RM300,000 punya harga rumah, ia sekurang-kurangnya gaji mencecah RM6,000 baru dapat kelayakan dari bank. Maka dengan sebab itu, kerajaan mesti memikirkan macam mana untuk supaya harga rumah terutama di bandar-bandar— kerana mengikut daripada *Khazanah Research Institute*, sepatutnya untuk kita memiliki rumah di Malaysia ini ialah iaitu tiga kali medium, maknanya tiga tahun gaji kita. Sedangkan, harga rumah di Kuala Lumpur iaitu 5.4 dan juga di Pulau Pinang 5.2.

Jadi cadangan saya supaya, terutama pihak GLC, mesti untuk bertindak sebagai CSR supaya membolehkan harga rumah ini di*control* dan boleh untuk dijualkan dengan harga yang mampu milik terutama di kalangan belia-belua yang baru sahaja bekerja. Ini kerana kita bimbang kalau keadaan ini tidak diatasi, ia akan mendatangkan permasalahan daripada segi pemilikan rumah di kalangan orang muda. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, itu juga sememangnya hasrat kerajaan supaya kita dapat menambahkan lagi bilangan rumah-rumah mampu milik yang dapat ditawarkan.

Soal perumahan ini mesti dilihat dari dua sudut. Satu, dari sudut kemampuan pembeli itu. Satu lagi dari sudut tawaran, maknanya *supply* dan *demand*. Jadi dalam soal *supply* ini, soal tawaran ini, kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat GLC untuk menyediakan rumah-rumah mampu milik yang lebih besar bilangannya. Namun, hakikat realitinya, kita kena terima bahawa kalau di tengah-tengah bandar mungkin nilai tanah itu terlalu tinggi untuk membina rumah mampu milik.

Apa yang kita perlu ialah di sekitar pinggir bandar tetapi dengan sistem pengangkutan awam yang efisien. Seperti mana di bandar-bandar utama di dunia, di negara lain, itulah hakikat yang berlaku. Maknanya, rumah mampu milik berada di sekitar *outskirt* dengan izin, *suburb* daripada *city* tetapi ada sistem pengangkutan yang efisien. Dengan ini maka kita dapat memenuhi keperluan untuk golongan muda memiliki rumah mampu milik.

Di samping itu, program-program yang telah saya sebutkan tadi itu perlu diteruskan dan mungkin kita boleh tambah lagi kriteria ataupun memperbaiki lagi kriterianya supaya lebih ramai lagi golongan belia dapat kemudahan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Isu mustahak, saya benarkan satu lagi soalan. Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Pertamanya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil kira keperluan rakyat dengan membina rumah-rumah mampu milik sama ada di peringkat kawasan bandar, pinggir bandar atau di peringkat negeri-negeri. Seperti di Johor, rumah-rumah mampu milik dibina dengan galaknya oleh kerajaan negeri.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya kepada Yang Amat berhormat, apakah tindakan kerajaan di dalam memastikan rumah-rumah mampu milik ini disediakan kepada rakyat kita? Ini kerana bila rumah sudah terlampau mahal, rumah-rumah ini seolah-olahnya kita membina rumah untuk rakyat-rakyat yang berkemampuan sahaja dan dalam masa yang sama menggalakkan pembeli-pembeli dari luar. Jadi, apakah perancangan bagi kementerian terutamanya, mengawal harga-harga rumah yang seolah-olah tiada kawalannya? Sekian, terima kasih Yang Amat Berhormat.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kita perlu melaksanakan beberapa inisiatif tambahan seperti mana yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Gudang.

Kebetulan beberapa hari yang lalu saya telah melancarkan satu program dengan Kerajaan Negeri Pahang di mana rumah yang dibina oleh swasta atas tanah yang diluluskan oleh kerajaan negeri dengan premium yang begitu rendah, dijual dengan harga RM175,000 tetapi harga pasarannya RM300,000 ke atas. Jadi, ini contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan

negeri bekerjasama menyediakan tanah dengan premium yang rendah, rumah-rumah yang bawah daripada harga pasaran boleh dibina dan boleh ditawarkan untuk golongan belia.

**2. Tuan Loke Siew Fook [Seremban]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan apakah sasaran jumlah ketibaan pelancong dari China pada tahun ini ekoran daripada keputusan kementerian untuk memberi pengecualian visa kepada pelancong-pelancong dari China dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencapai sasaran tersebut.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, izinkan saya menjawab soalan ini bersama empat lagi soalan Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu Yang Berhormat Bukit Bintang pada 22 Mac, Yang Berhormat Kota Melaka pada 24 Mac, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan pada 6 April dan Yang Berhormat Putatan pada 6 April kerana ia menyentuh perkara yang berkaitan iaitu kesan positif kepada industri pelancongan negara berikutan pemberian pengecualian visa dan kemudian e-visa kepada pelancong-pelancong dari China serta program-program bagi menarik pelancong-pelancong ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**■1020**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia menasaskan seramai 2.03 juta ketibaan pelancong dari negara China pada tahun 2016 selepas diberi pengecualian visa. Berikut adalah statistik ketibaan pelancong China dari tahun 2013 hingga tahun 2015.

Tahun	Bilangan (juta)
2013	1.79
2014	1.61
2015	1.68

Pertumbuhan perbandingan di antara 2015 dengan 2014, ialah empat peratus. Bagi tempoh pelaksanaan perjalanan tanpa visa, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan masih belum memperoleh data ketibaan pelancong China memandangkan Kementerian Dalam Negeri baru sahaja melaksanakan visa, baru melaksanakannya pada 1 Mac 2016. Menjelang tahun 2020 pula, sasaran jumlah ketibaan pelancong dari negara China adalah seramai lapan juta orang.

Bagi sasaran pendapatan dijangka, pendapatan pelancong bagi rakyat negara China adalah sebanyak RM31.5 bilion pada tahun 2020. Perbelanjaan per kapita akan meningkat pada kadar empat peratus setiap tahun dari RM 3419.30 pada tahun 2015 kepada RM 3940.40 pada tahun 2020. Jumlah keseluruhan ketibaan pelancong, keseluruhan ya, bukan China sahaja. Dari

tahun 2013 hingga tahun 2015 adalah seperti berikut. Tahun 2013 - 25.7 juta, 2014 - 27.4 juta, iaitu kenaikan 6.7 peratus. 2015 - 25.7 juta, penurunan sebanyak 6.3 peratus.

Bagi pecahan pelancong China yang ke Sabah, ini Yang Berhormat Putatan. Ada? Okey. Bagi pecahan pelancong China ke Sabah daripada keseluruhan ketibaan, pada puratanya 15 peratus daripada mereka mengunjungi negeri Sabah setiap tahun. Sebagai contoh pada tahun 2015, Malaysia telah menerima seramai 1.68 juta orang pelancong dari negara China yang mana seramai 246,918 telah mengunjungi Sabah.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui *Tourism Malaysia* juga sentiasa mempelbagaikan usaha-usaha promosi di negara China. Ini Yang Berhormat Bukit Bintang. Walau bagaimanapun, seiring dengan saranan perbelanjaan berhemah, kementerian pelancongan dan kebudayaan telah pun merancang beberapa aktiviti strategik bagi memaksimumkan impak promosi yang dijalankan dengan usaha-usaha berikut:

- (i) Penggunaan saluran media sosial secara meluas dalam memasarkan Malaysia kepada pasaran China;
- (ii) meningkatkan jaringan kerjasama dalam program Mega Fame dengan membawa para wartawan dan media, *social influencer* seperti *bloggers*, agensi-agensi pelancongan serata kru perfileman;
- (iii) menggalakkan lebih banyak pakej insentif istimewa yang memberi fokus kepada percutian ringan;
- (iv) memperbanyakkan kerjasama pintar dengan pengusaha-pengusaha pelancongan, syarikat-syarikat penerbangan dan badan-badan korporat;
- (v) seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Seremban tempoh hari, pelantikan Shila Amzah sebagai duta pelancongan Malaysia untuk pasaran China yang kita harapkan akan membatu daripada segi promosi dan publisiti pelancongan kerana popularitinya yang tinggi di negara China.

Bagi pelancong negara China yang datang ke Sabah khususnya, kementerian mempromosikan program seperti *Sabah Food Trail Packages* yang menawarkan pakej *food trail* di Kota Kinabalu dan Sandakan. Pelancong dari China sememangnya menggemari masakan makanan laut, kuih-muih, bak kut teh [*Disampuk*] [*Ketawa*] dan juga makanan lain seperti sarang burung dan 'tongkat asli'.

**Seorang Ahli:** Bukan Tongkat Ali?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Bukan Tongkat Ali, tongkat asli yang dipromosikan untuk mereka. Di bawah Program Mega Fame sendiri, Tourism Malaysia menjadi hos kepada wakil agen pelancong, media dan kru televisyen China ke Malaysia bagi membuat liputan dan bagi merasai sendiri masakan dan makanan dari negeri Sabah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terlebih dahulu saya hendak mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri kerana menerima cadangan

saya tahun lepas untuk melantik Shila Amzah sebagai duta pelancongan Malaysia di negara China. Jangan lupa beritahu kepada Shila, ini cadangan daripada Ahli Parlimen Seremban. Saya pun tahu Yang Amat Berhormat Pekan telah meluluskan kepada Yang Berhormat Menteri untuk pergi lebih kerap ke negara China. Itu mungkin antara sebabnya.

Yang Berhormat Menteri, saya hendak beri lagi satu cadangan kepada pihak kementerian iaitu pihak kementerian boleh menggunakan satu pendekatan baru untuk memasarkan produk-produk pelancongan kita khususnya di negara China. Mungkin pihak kementerian boleh melihat untuk membuat filem usaha sama di antara negara China dan Malaysia dan menggunakan pelakon-pelakon terkenal dari China atau pun Hong Kong dengan pelakon-pelakon di Malaysia. Sebab filem ini merupakan satu pendekatan, satu *tools* yang amat penting, amat *powerful* untuk memasarkan satu-satu produk pelancongan.

Saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya melihat kemungkinan untuk melantik seorang pengarah msa yang amat berbakat dan amat berpengaruh yang baru-baru ini telah mengarahkan filem *Ola Bola* yang sangat telah memaparkan keindahan negara kita. Nama beliau ialah Chiu Keng Guan, seorang pengarah yang amat berbakat berasal dari Batu Pahat, Johor.

Saya harap ini kita dapat gunakan pendekatan ini untuk memasarkan produk pelancongan, mungkin boleh lantik juga Shila Amzah sebagai pelakon sampingan dalam filem itu supaya dapat memasarkan lagi produk-produk kita. Itu cadangan saya, saya harap kementerian boleh memberikan sedikit bajet untuk membuat filem ini dalam masa yang akan datang.

Kedua Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan fi visa walaupun pihak kerajaan telah mengumumkan bahawa untuk pelancong-pelancong dari China telah diberikan pengecualian visa, fi visa telah dikecualikan dan permohonan visa telah pun dikecualikan. Namun jawapan yang saya terima daripada Kementerian Dalam Negeri mengatakan bahawa walaupun fi visa dikecualikan namun caj untuk pemprosesan *entry* masih dikenakan kepada pengguna pada kadar USD20. Saya membangkitkan persoalan ini semalam kepada Yang Berhormat Bagan Datok tetapi beliau mengatakan ini telah pun dikecualikan semalam dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi. Saya hendak tanya, apakah status terkini daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan banyak terima kasihlah kepada Yang Berhormat Seremban yang banyak menunjukkan minat dengan kedatangan pelancong ke negara Malaysia khususnya untuk menggunakan perkhidmatan Shila Amzah dalam menarik promosi pelancong-pelancong ini. Saya amat bersetuju sekali dengan cadangan untuk kita mengadakan satu kerjasama dengan syarikat-syarikat *production* perfileman daripada negara China untuk mengadakan perfilemannya di Malaysia. Seperti mana yang telah ditunjukkan dalam *Ola Bola*.

#### ■1030

Sememangnya itu merupakan satu cadangan yang cukup baik kerana sebelum kita ini pun, negara Thailand telah pun mengadakan satu perfileman dengan *film production* negara



China yang memaparkan perfilemannya, perjalanan ceritanya berkisar di sebuah wilayah di Thailand di Chiang Mai yang sebenarnya menyebabkan ramai dalam kalangan pelancong negara China berminat untuk terbang ke Thailand semata-mata hanya untuk hendak melihat Chiang Mai. Jadi memang betul, promosi yang cukup bagus.

Kita setakat ini belum ada lagi secara besar-besaran. Akan tetapi kita telah mempunyai pengalaman dalam hal ini dengan menjemput Bollywood dan juga Mollywood. Mollywood ini – Hah! itu Mollywood... *[Ketawa]* Bila disebut Mollywood, Yang Berhormat Ipoh Barat angkat tengkuk, fahamlah. Itu Rajinikanth. Rajinikanth sendiri - kita amat berterima kasih kepada beliau melakukan perfileman di negeri Melaka dan belum pun lagi filem itu sudah habis Tuan Yang di-Pertua, sambutannya amat hebat sekali. Sudah ramai pelancong India datang ke Malaysia untuk melawat Melaka.

Jadi impaknya memang begitu bagus sekali dan saya bersetuju supaya ini akan diadakan dan Yang Berhormat cuba cadangkanlah mana-mana. Saya kira Shila Amzah, dia penyanyi. Saya ingat kalau Yang Berhormat cadangkan kepada saya, saya berjumpa dengan Gong Li kah, berjumpa... *[Disampuk][Ketawa]* Yang Berhormat Seputeh cemburukah? *[Disampuk]* Ya? Fang Pei Pei kah..

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar Yang Berhormat Seputeh yang buat cadangan itu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, ya, Yang Berhormat Seputeh yang buat. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seputeh kalau buat cadangan, dia cadangkan kepada aktor lelaki sahaja. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Seremban cadangkan ya. Saya percaya dengan adanya aktor-aktor yang popular dalam filem ini, sudah tentu...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Andy Lau ialah isterinya orang Malaysia.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Eh! Betul, betul, memang saya setuju. *[Ketawa]* Saya cerita itu saya baca juga, Andy Lau. Jadi boleh jemput Andy Lau juga datang. Saya percaya ramai. Jadi saya bersetuju Yang Berhormat, kita sebagai permulaan sepertimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mencadangkan untuk saya pergi ke China selalu, saya akan bawa Yang Berhormat Seremban kita berjumpa dengan Gong Li. Saya minat Gong Li. Dia memang seorang aktres yang cukup menarik. Saya setuju.

Keduanya, berkenaan dengan visa ini. Sebenarnya, bukan ada apa-apa masalah Yang Berhormat kerana orang tidak memahami sebenarnya yang menyebabkan berlaku bermacam-macam spekulasi dalam soal ini. Biar saya perjelaskan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pergi ke negara China, sebelum hari besar China, Tahun Baru berjumpa dengan orang kuat Parti Komunis China iaitu Setiausaha Agungnya berbincang khusus berkenaan dengan visa ini sahaja.

Jadi saya hendak maklumkan, hasil daripada perjumpaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan Setiausaha Agung Parti Komunis China, kita telah bersetuju iaitu bahawa Malaysia telah memaklumkan kepada Setiausaha Agung itu menerima baik pelancong-pelancong dari negara China yang jumlahnya pada tiap-tiap tahun adalah 120 juta

pelancong dari China pergi ke luar negara. Kalau kita dapat - tidak usah kata 10%. 10% itu sudah 12 juta. Kalau kita dapat 2.5% pun sudah cukup, dalam 4 juta begitulah.

Jadi kita telah menyatakan, kita menerima baik pelancong-pelancong China datang ke negara kita dan kita memudahkan kedatangan mereka ke negara kita dengan kita memperkenalkan dua skim. Satu, dipanggilnya ENTRI, 'e.n.t.r.i.'. ENTRI ini bermaksud iaitu bagi pelancong-pelancong negara China yang hendak datang ke negara kita, setakat 15 hari. Dia daripada rumah boleh *online* untuk mendapat slip bahawa mereka akan berminat untuk datang ke Malaysia.

Maka dengan adanya slip itu, dalam masa 24 jam, dia akan mendapat slip untuk diberikan kepadanya dan dengan itu dia boleh membeli tiket kapal terbang terus datang ke negara Malaysia. Tidak berbangkitlah soal dua orangkah, lebih daripada dua orangkah, tidak ada, tidak ada bangkit soal itu. Jadi dia boleh memohon secara *online*, kemudian dikenakan bayaran sebanyak USD20. USD20 itu saya kira dalam RM100 lah.

Kemudian, kalau seorang pelancong itu berminat untuk tinggal lebih daripada 15 hari tetapi kurang daripada 30 hari, dia boleh secara *online* memohon untuk mendapat e-visa. E-visa ini dalam masa 48 jam mengikut hari kerja akan dapat slip dan diberikan kepada mereka slip itu. Dengan slip itu dan dengan bayaran sebanyak USD25, maka dia boleh angkut beg, beli tiket, datang ke Malaysia. Mestinya *direct flight* daripada China terus ke mana-mana tempat di Malaysia seperti Kota Kinabalu, Kuala Lumpur, Langkawi, Penang dan Kuching.

Jadi, ini kemudahan untuk mereka. Akan tetapi, ramai lagi masih mahu menggunakan *one stop centre (OSC)* yang wujud di Beijing. Ramai yang masih lagi menggunakan *one stop centre* kita yang kadang-kala menerima 1,000 atau 2,000 atau 5,000 pasport-pasport yang mereka mohon untuk mendapat visa. Mereka tidak buat *online*. Dia hantar kepada *one stop centre*. Jadi bila dihantar ke *one stop centre*, *one stop centre* ini akan menguruskan, sudah tentulah ada caj perkhidmatan. Caj perkhidmatan inilah yang kita kenakan. Setakat hari ini setakat hanya 120 Yuan iaitu RM60 sahaja tetapi dicadangkan untuk dinaikkan kepada 200 Yuan iaitu RM100. Jadi kalau mereka memohon e-visa tetapi mereka tidak buat sendiri malah meminta kepada *one stop centre*, inilah yang mereka kena bayar, USD20 campur dengan RM100, itu yang jadi RM200. RM200 dalam Yuan, 400 Yuan.

Jadi, dia memilih, dia ada pilihan. *[Disampuk]* Janganlah macam cicak di siang hari. *[Ketawa]* Kalau kita punya khidmat, mesti bayarlah. Kita bagi dia alternatif. Katakan kalau kita tidak mahu bayar, saya menggalakkan supaya pelancong-pelancong China jangan menggunakan *one stop centre* tetapi memohon e-visa atau *per entry* secara *online*. Jadi cuma bayar USD20 sahaja, USD25 sahaja. Akan tetapi kalau dia guna *one stop center*, maka sudah tentulah ini satu perkhidmatan yang dikenakan RM100 lagi. Jadi bukan kita paksa dia menggunakan *one stop centre*. Malah sebenarnya kita tidak mahu dia menggunakan *one stop centre*.

Tujuan kita memberi dia e-visa, ENTRI ialah untuk memudahkan dia untuk memohon dari rumah dia. Akan tetapi kalau dia masih dengan sedar, dengan rela hati, dia mahu

menggunakan *one stop centre* kerana tidak mahu memohon sendiri, maka dia kena bayarlah caj perkhidmatan. Saya mahu beritahu di sini iaitu kalau sekiranya mana-mana syarikat seperti *one stop centre*, kalau ia mahu menaikkan cajnya, ia tidak boleh secara unilateral mengumumkan bahawa ia akan caj 100 Yuan kah, 200 Yuan kah. Dia tidak boleh buat demikian melainkan dengan kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri.

Jadi tidak betul apa yang telah dilaporkan dalam *Sin Chew* itu yang mengatakan seolah-olah kita ini tidak ikhlas, kita *flip flop*, itu tidak betul kerana ini ialah satu laporan yang tidak benar, mereka hanya memetik sumber-sumber. Saya telah bertanya kepada *Sin Chew*, mana sumber dia? Kita tidak dapat bagi kepada saya di mana sumbernya. Jadi bermakna bahawa dia hanya menulis atas dasar dia dengar apa orang cakap.

#### ■1040

Jangan dengar apa orang cakap. Apa-apa soal menaikkan fi, kebenarannya mesti datang daripada dan pengumumannya mesti dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri. Jadi saya harap tidak ada soal *confusion* di sini saya hendak bercakap dalam Dewan, *Sin Chew* silap menulis. Ini kerana saya mahu *Sin Chew* lebih bertanggungjawab di masa akan datang kerana apa yang ditulis itu telah pun mendatangkan satu suasana yang tidak baik di antara negara China dan Malaysia. Kita tidak pernah, orang kata tidak ikhlas dalam menerima pelancong-pelancong China ke negara kita. Kita ikhlas dan kita memudahkan kedatangan mereka ke negara kita.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan jawapannya yang secara menyeluruh, kebanyakan soalan tambahan saya sudah dijawab, sebenarnya soal *Sin Chew* tetapi ada soalan lagilah yang diselitkan. Saya ucapkan tahniah, terima kasih kepada pihak pembangkang kerana sama-sama mencadangkan kepada pihak kementerian dengan usaha-usaha kerajaan yang terbaik bagi menggalakkan pelancong-pelancong daripada negara China. Itu amat kita sanjungilah dengan kerjasama dari pihak sana. Jangan setakat membangkang sahaja Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Seputeh, terima kasihlah. Menteri pun terima kasih jugalah bagi pihak kepada kita semua.

Ini soal Sabah. Semasa dahulu, ada kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan, pemimpin daripada pihak kerajaan, bahawa Pantai Barat Sabah ini tidak selamat. Menteri pada satu ketika juga menyatakan bahawa Sabah ini berhati-hati jika melawat negeri Sabah kerana ia tidak selamat. Menteri betul dan Menteri akui kenyataan itu tetapi dengan kenyataan daripada sahabat saya dari negeri Sabah, mendengar terutama sekali kawasan Semporna juga menyatakan bahawa Sabah ini tidak selamat.

Jadi pihak kerajaan negeri tidak begitu selesa mendengar kenyataan itu dan diluahkan oleh Menteri Pelancongan negeri Sabah sendiri. Akan tetapi walau bagaimanapun Menteri daripada ini saya menyokong usaha. Jadi saya dengan senarai selain daripada senarai yang saya catatkan tadi iaitu *food trail* program yang saya cadangkan, adakah pihak kementerian boleh berkolaborasi dengan pihak Kementerian Negeri Sabah supaya mencari satu langkah *innovation* dan kreativiti bagi produk yang boleh menarik pelancong daripada negara China,

terutama sekali makanan-makanan yang eksotik yang apabila sahabat saya Yang Berhormat Simpang Renggam melawat negara China dahulu, kita termakan sup kura-kura. Betul? *[Ketawa]*

Jadi, adakah ini satu produk yang mungkin kita buat satu kajian, kementerian buat satu kajian ini bahawa apa sebenarnya yang minat pelancong-pelancong ini ke Sabah terutama sekali wanita-wanita dan lelaki pun bolehlah. Apa sebenarnya? Adakah dia suka makan biawak, makan ambuyat? Ini kita boleh *create* khusus bagi pelancong pelawat daripada negara China. Yang Berhormat Tenggara jangan ketawa.

Jadi, ini kalau pihak kementerian dapat mengkaji satu kajian yang betul-betul yang boleh menarik. Ini sebab tahun ini semua kita— jadi kenyataan *Sin Chew* itu ada juga menyatakan kepada saya bahawa kementerian ini ada percanggahan daripada *one stop centre* ini. Bagi saya, saya menjawab saya galakkan *one stop centre* ini sebab menyenangkan pelawat-pelawat kita. Jadi ini juga memberi peluang kepada usahawan untuk cari makan. Itu soalan, banyak soalan ini, kalau betul-betul tetapi kebanyakan sudah dijawab. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Pertama sekali Yang Berhormat Putatan saya hendak bila Yang Berhormat Seputeh jadi Menteri ini? Pertama sekali, saya hendak menolak kenyataan Yang Berhormat Putatan. Saya tidak pernah kata Pantai Barat negeri Sabah bahaya. Pantai Barat, tidak pernah saya kata bahawa Pantai Barat merupakan kawasan yang agak bahaya, saya tidak pernah ya. Sebenarnya seperti mana yang kita sebut sebentar tadi iaitu apa yang berlaku di negeri Sabah, kita mesti maklumkan kepada pelancong-pelancong.

Ini sebab bukan sahaja di negeri Sabah, di Sarawak kah, di Semenanjung kah ada satu tempat yang mungkin berlaku sesuatu yang boleh membahayakan pelancong-pelancong yang merupakan kita punya *guest*. Kita kena maklumkan seperti mana negara-negara lain juga memberi *travel advisory*, mengingatkan kepada pelancong-pelancong yang datang daripada negara mereka tidak melawat satu-satu tempat. Seperti Australia mengeluarkan *travel advisory* yang mengatakan Jalan Alur itu bahaya. Jadi, itu saya percaya sesuatu yang boleh dilakukan. Tidak ada masalah sebab kita mahu menjaga pelancong-pelancong.

Namun Yang Berhormat, kalau sebuah tempat itu merupakan tarikan, orang akan tetap akan datang. Sabah saya sebut sebentar tadi, walaupun berbagai-bagai telah berlaku di Sabah dengan *earth quakenya* tetapi 15% daripada negara China datang ke Malaysia dia pergi ke Sabah. Ini sebab Sabah mempunyai banyak tarikan. Pertama sekali sudah tentulah makanan. Tidak payahlah kita hendak buat sup kura-kurakah apa, tidak payah. Orang Sabah dia punya *cuisine* masak itu, tangan dia sudah sedap, cukup untuk dia orang datang.

Jadi tidak payah kita hendak cari buayakah, harimau kah kita hendak makan, tidak payah. Masakan, *sorry* kita kena pandang sini, minta maaf. Jadi tangan dia itu saya pernah pergi. Saya hendak bagi tahu ke Kota Belud di tepi pantai, satu tempat yang terdiri daripada orang-orang yang di Kota Belud itulah di tepi pantai. Makanan cukup sedap, saya pun lupa nama pantai apa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Bay, Mantanani.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Mantanani, ya Mantanani. Jadi memang kalau kita pergi ke sana baru kita tahu berbagai-bagai masakan dia. Orang Korea pun datang pergi makan di situ, betul Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua? Betul. Tidak payah, tidak payah makan buaya, makan harimau, tidak payah. Kita Cuma... [Disampuk] Buaya makan kita tetapi minta maaf, buaya sekarang pun sudah naik ke darat ramai juga dekat sebelah-sebelah sana itu. Jadi, hendak makan sudah susah dia orang ini, dia orang sudah pandai berjalan.

Jadi Yang Berhormat, Sabah sudah cukup dengan apa yang dia ada. Saya hendak bagi tahu baru-baru ini saya pergi ke Berlin. Saya bawa kumpulan Rungus dan saya telah dijadikan sebagai *honorable* Rungus. Saya pakai baju Rungus. Itu baru satu sahaja suku kaum yang saya bawa ke Berlin, 16 orang dengan tarian dia yang telah menarik perhatian daripada penganjur di ITB Berlin sehinggakan mereka diberikan penghormatan untuk *perform* dia punya *dance* dengan dia punya *costume* dia, di satu acara yang diatitkan oleh ITB.

Saya bawa sahaja tetapi dia orang tengok, semua dia orang seronok dan mungkin dia seronok itu fasal tarian itu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang ke depan itu lelaki, yang ikut itu semua ada tujuh, lapan perempuan. Jadi mungkin ada sesuatu yang mereka lihat yang menarik di sini, satu orang lelaki boleh *control* lapan perempuan macam *proboscis monkey*. Tidak tahulah. Yang Berhormat Seputeh tidak tahu tidak usah cakap banyaklah.

Jadi, walaupun Yang Berhormat kata saya ada buat kenyataan tetapi sebenarnya saya sebut iaitu daripada segi *the jammed of Malaysian tourism is Sabah*. Sabah tidak perlu buat apa-apa melainkan buat sahaja apa yang sedia kala menjadi kerja-kerja kita.

#### ■1050

Sabah tidak perlu buat apa-apa melainkan buat saja apa yang sedia kala menjadi kerja-kerja kita. Jadi sebab itu macam kata *homestay*, kalau di Berlin tidak kenal Sabah Yang Berhormat, Borneo. Saya kata datang ke Borneo. Mereka suka *homestay*, *misumpuri*. Memang dia suka, dia suka cara hidup orang Sabah, adalah minum-minum sikit itu orang Jerman okey, dia suka. Jadi ini adalah perkara semula jadi yang dilakukan oleh orang Sabah, tidak perlu buat lebih.

Hanya menerima mereka, saya yakin dan percaya akan ramai pelancong datang ke negeri Sabah dengan tarikannya yang sedia ada secara semula jadi yang sudah memang ada di negeri Sabah beratus-ratus tahun. Jadi terima saja. *Insyallah* saya pun telah benar-benar mempromosi negeri Sabah, sebab itu saya bawa Rungus. Selepas ini saya bawa kaum suku apa pula Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kami rakyat negeri Sabah merekodkan terima kasih kepada menteri kerana membawa Rungus dan menjadi Yang Berhormat Rungus, *Honorable Rungus*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** *Honorable?* Terima kasih.

**3. Dato' Henry Sum Agong [Lawas]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kriteria untuk mendapatkan kelulusan bagi rumah mampu milik dan mesra rakyat dan berapakah jumlah yang sudah dilaksanakan di seluruh negara dan khasnya di negeri Sarawak.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat dari kawasan Lawas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat dari kawasan Lawas kriteria asas yang biasanya Yang Berhormat yang diambil kira oleh semua agensi Kerajaan Persekutuan yang ada kaitan dengan pembinaan rumah mampu milik bagi rakyat Malaysia seperti SPNB, PR1MA, kementerian saya, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga lain-lain agensi dalam membina rumah kepada rakyat adalah berdasarkan kepada tiga perkara:

- (i) permintaan daripada pembeli berpotensi di suatu kawasan yang tersebut;
- (ii) penawaran daripada pemaju untuk memajukan sesuatu kawasan lokasi; dan
- (iii) cadangan pembangunan perumahan oleh pihak kerajaan-kerajaan negeri.

Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kombinasi tiga faktor asas yang saya sebutkan ini tadi, lokasi yang strategik akan dipilih untuk dibangunkan dengan rumah mampu milik untuk rakyat. Bagi kementerian saya Yang Berhormat, melalui Jabatan Perumahan Negara adalah antara satu agensi, antara salah satu daripada agensi yang ada yang melaksanakan pembinaan rumah mampu milik di seluruh negara seperti dua program yang ada khusus di bawah kementerian saya iaitu Skim MyHome dan juga Program Perumahan Rakyat ataupun PPR.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Skim MyHome yang merupakan satu bentuk inisiatif kerajaan dalam usaha untuk kita menggalakkan lebih banyak, lebih ramai lagi sektor-sektor swasta membina lebih banyak lagi rumah mampu milik. Maka skim ini menawarkan insentif sehingga RM30,000 seunit kepada pemohon-pemohon yang akan memberikan faedah kepada mereka sebagai pembeli rumah dan juga kepada pemaju swasta. Syarat-syarat pinjaman yang ditetapkan oleh Kementerian KPKT adalah seperti berikut bagi Skim MyHome iaitu:

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) berumur 18 tahun ke atas;
- (iii) pembelian bagi rumah pertama;
- (iv) permohonan satu unit kepada setiap isi rumah; dan
- (v) pendapatan isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi program Skim MyHome I ialah antara RM3,000 hingga RM4,000 dan bagi Skim MyHome II antara RM4,001 hingga RM6,000. Sejak diumumkan pada tahun 2014 sehinggalah kepada 25 Februari 2016, jumlah keseluruhan unit rumah MyHome yang telah pun mendapat kelulusan bersyarat di seluruh Malaysia adalah sebanyak 9,038 unit.

Manakala bagi negeri Sarawak, untuk makluman Yang Berhormat dari kawasan Lawas, jumlah unit rumah MyHome yang telah pun mendapat kelulusan bersyarat adalah sebanyak 132 unit yang meliputi tiga buah projek iaitu dua buah projek di Sibuh dan satu buah projek di Kuching.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Program Perumahan Rakyat ataupun PPR pula, ini adalah satu lagi program bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah, yang berpendapatan di bawah RM2,500 bagi memiliki rumah. PPR ini Tuan Yang di-Pertua, terdiri daripada dua kategori iaitu PPR disewa dan juga PPR dimiliki. Kriteria bagi permohonan PPR disewa dan juga PPR dimiliki adalah:

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) berumur 18 tahun ke atas;
- (iii) pendapatan isi rumah di bawah RM2,500 ke bawah;
- (iv) pemohon belum memiliki rumah; dan
- (v) mengikut kepada syarat-syarat tambahan yang akan ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat dari kawasan Lawas, dari tahun 2000 sehinggalah kepada 31 Januari 2016, sebanyak 3,521 unit rumah PPR telah pun siap dibina, 619 unit sedang dalam pembinaan dan 955 unit dalam perancangan di seluruh negeri Sarawak. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, KPKT telah pun menyediakan perancangan untuk memohon empat lagi projek baru daripada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri iaitu EPU, JPM bagi *rolling plan* yang kedua untuk tahun 2017. Perancangan ini akan melibatkan cadangan pembinaan 1,700 lagi unit rumah di seluruh negeri Sarawak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Henry Sum Agong [Lawas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Program Perumahan Kerajaan seperti yang diuar-uarkan contohnya Rumah Mampu Milik dan Rumah Mesra Rakyat amat dialu-alukan. Ramai penduduk di kawasan saya di Lawas berminat malah ada yang telah mengemukakan permohonan untuk Rumah Mesra Rakyat tetapi belum menerima apa-apa jawapan setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar pelaksanaan program perumahan untuk rakyat ini diagih-agihkan mengikut kawasan Parlimen supaya penduduk di kawasan berkenaan dapat merasakan nikmat dan kemudahan yang dibawa oleh kerajaan di bawah dasar yang baik ini. Soalan saya, adakah kementerian bercadang untuk melaksanakan program tersebut di Lawas? Jika ya, bilakah agaknya program ini dapat dijalankan? Sekian, terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari kawasan Lawas. Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat boleh berikan maklumat tambahan sedikit. Bila Yang Berhormat nyatakan bahawa ada ramai daripada rakyat dalam kawasan Yang Berhormat iaitu pengundi Yang Berhormat yang telah pun berdaftar di bawah program Rumah Mesra Rakyat tetapi sampai hari ini tidak dapat jawapan. Jadi saya mungkin boleh dapatkan maklumat kemudian daripada Yang Berhormat, Rumah Mesra Rakyat

yang dibina oleh siapa? Adakah yang dibina oleh pihak SPNB ataupun yang dibina oleh kerajaan ataupun Kementerian saya?

Bagi Kementerian saya Tuan Yang di-Pertua, saya dah sebutkan tadi dua projek, dua program iaitu Skim MyHome dan juga program PPR. So, mungkin nanti kemudian Yang Berhormat boleh semak. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan bahawa Kementerian akan meneruskan usaha yang telah pun saya jawab dalam jawapan saya tadi dan bagi peringkat yang ada pada hari ini, beberapa projek telah pun dilaksanakan dan apa juga projek yang akan dibina oleh pihak Kementerian terutama pada pembinaan perumahan di bawah Program Perumahan Rakyat ini.

Untuk makluman Yang Berhormat dari kawasan Lawas, Tuan Yang di-Pertua, kita akan berunding dengan pihak kerajaan negeri. Bukannya pihak Kementerian yang mencadangkan kepada mana-mana tempat dan kawasan secara bersendirian ataupun berasingan tetapi pihak Kementerian, Yang Berhormat dari kawasan Lawas, kita akan berunding dengan pihak kerajaan negeri kerana tanah dikeluarkan oleh pihak kerajaan negeri. Jadi bagi membina unit-unit perumahan ini, peruntukan kewangan itu disalurkan oleh Kementerian dan tanah itu disalurkan oleh pihak kerajaan negeri dan maka dengan itu akan terbina perancangan bagi projek PPR yang akan dilaksanakan.

Jadi saya minta maklumat lebih daripada Yang Berhormat berkaitan dengan permohonan-permohonan yang telah pun dikemukakan oleh pengundi dalam kawasan Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan teliti jawapan daripada Yang Berhormat Tenggara tadi. Cuma saya hendak minta pandangan daripada pihak Kementerian, adakah pihak Kementerian ada mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan terutamanya kerana antara isu yang menjadi persoalan dalam pinjaman berkaitan dengan perumahan ini ialah isu ketiadaan slip gaji dan juga bukti pendapatan yang kita tahu ini adalah menjadi halangan kepada ramai mereka-mereka yang boleh memohon untuk Rumah Mesra Rakyat dan juga Rumah Mampu Milik ini? Adakah Kementerian juga pernah mencadangkan kepada pihak Kementerian Kewangan supaya dapat mengurangkan kadar faedah yang dikenakan kepada mereka yang layak untuk mendapat pinjaman perumahan ini? Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat dari kawasan Sekijang, segala pernyataan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi telah pun diusahakan oleh pihak Kementerian. Dalam jawapan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berulang kali tentang usaha yang perlu dilaksanakan oleh Kementerian untuk memberikan ruang kepada masyarakat ataupun rakyat yang mahu memiliki rumah tetapi tidak mampu untuk mendapatkan pinjaman kerana sebab tidak ada slip gaji dan sebagainya. Usaha ini berterusan dijalankan oleh pihak Kementerian.



## ■1100

Saya juga ingin memaklumkan Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan bajet yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, satu program yang dinamakan Skim Pinjaman MyDeposit akan dilaksanakan oleh pihak kementerian. Ini juga adalah antara salah satu daripada usaha yang dijalankan oleh pihak kementerian.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), saya ingat Yang Berhormat daripada Sekijang amat maklum, ada juga menjalankan bantuan pinjaman tanpa slip gaji dan ini terletak di bawah Kementerian Kewangan.

Jadi, kalau ada di antara mereka yang masih lagi memerlukan, usaha itu tetap dilaksanakan oleh kerajaan untuk memberikan ruang supaya akhirnya rakyat Malaysia akan berupaya untuk memiliki rumah mereka masing-masing di bawah mana-mana program yang dijalankan oleh selain daripada kementerian saya dan juga oleh agensi-agensi yang saya sebutkan tadi. Usaha-usaha kerajaan juga untuk menyediakan kemudahan bagi mereka mendapatkan pinjaman untuk memiliki rumah mampu milik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan projek pembangunan yang akan dibangunkan di Jalan Radin Anum 1 di Sri Petaling. Apakah perancangan Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengatasi masalah kesesakan trafik dan ketidakcukupan tempat letak kereta di pusat bandar Sri Petaling.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, projek yang akan dibangunkan di Jalan Radin Anum 1, Sri Petaling ialah projek pembangunan bercampur iaitu dua blok pangsapuri servis setinggi 38 tingkat termasuk kemudahan penduduk dan ruang letak kereta serta dua *basement* tempat kereta di atas lot 37890. Kelulusan perintah kewangan ini telah dikeluarkan pada 7 Oktober 2015 tertakluk kepada pemohon mematuhi syarat-syarat teknikal dan syarat *traffic impact assessment* dengan izin, yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Sri Petaling merupakan kawasan penempatan perumahan yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan awam seperti balai polis, sekolah, masjid serta kawasan komersial. Pembangunan pesat dengan bertambahnya kediaman berdensiti tinggi serta aktiviti perdagangan telah menarik orang luar untuk ke kawasan ini dan seterusnya meningkatkan jumlah kenderaan.

Kapasiti jalan raya sedia ada di kawasan ini adalah mencukupi untuk penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, kesesakan berlaku pada waktu puncak di mana jalan-jalan ini menjadi laluan kepada orang luar. Keadaan ini berlaku di mana-mana kawasan di Kuala Lumpur, manakala kesesakan luar waktu puncak adalah disebabkan halangan akibat meletak kereta secara berlapis terutamanya di Jalan Radin Bagus dan Jalan Radin Anum.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyediakan sebanyak 928 petak tempat letak kereta bertingkat di Jalan Radin Bagus 5 termasuk tempat letak kereta tepi jalan sebanyak 600 petak dan di kawasan lapang lot 24214 Jalan Radin Anum sebanyak 388 petak.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga sedang melaksanakan kerja-kerja pembinaan tempat letak kereta tepi jalan serta pembinaan semula siar pejalan kaki di Jalan Radin Anum dengan anggaran tambahan 300 petak tempat letak kereta bagi mengatasi kekurangan tempat letak kereta di kawasan ini. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memanggil tender terbuka dan melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja pembinaan infrastruktur merangkumi jalan dan perparitan termasuk pembinaan tempat letak kereta.

Kerja-kerja fizikal ini dijangka akan mampu menyelesaikan masalah kesesakan di Jalan Radin Anum 1, Taman Sri Petaling. Kerja-kerja telah bermula pada 22 Februari 2016 dan akan memakan masa selama 12 minggu di mana tarikh jangka siap adalah pada 16 Mei 2016 dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM3,003,630. Sekian, terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Pagi ini saya datang lewat. Yang Berhormat Bukit Bintang baru sampai kerana hujan lebat di Pusat Bandar Kuala Lumpur sehingga trafik dan jalan raya seluruh Kuala Lumpur ini jadi lumpuh (*paralyze*). Ini membayangkan yang Kementerian Wilayah Persekutuan ini tidak menjalankan perancangan dengan baik kerana tidak mengambil trafik tetapi meluluskan semakin banyak bangunan yang berdensiti tinggi sehingga keadaan ini berlaku.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah di Pusat Bandar Sri Petaling, sudah begitu sesak jalan raya dekat situ dan ia memang tidak patut bagi kementerian dan DBKL untuk meluluskan dua blok servis kondominium setinggi 38 tingkat lagi. Ini memang satu keadaan yang menunjukkan DBKL ataupun kementerian ini tidak ada perancangan dari segi trafik dan tidak mempedulikan kesesakan dan juga kepahitan penduduk yang duduk di sekitar Sri Petaling dan juga di Pusat Bandar Sri Petaling.

Soalan saya ialah adakah DBKL mengadakan kawalan *plot ratio* terhadap bangunan di Pusat Bandar Kuala Lumpur atau apa-apa yang pemaju mahu luluskan dengan itu sahaja. Macam di Selangor, sekurang-kurangnya *plot ratio* empat atau lima selalu adalah satu *guideline* atau garis panduan kepada PBT di Selangor sebagai satu langkah untuk mengawal trafik. Kedua ialah selepas kedua-dua blok *service apartment* 38 tingkat di Pusat Bandar Sri Petaling itu siap dibina, banyak lagi kereta yang pergi ke pusat bandar akan menuju ke arah persimpangan Jalan Kuchai Lama dan Besraya.

Saya pernah membentangkan satu laporan trafik kepada pihak DBKL dan kementerian di mana satu cadangan terowong ataupun *under pass* diadakan di persimpangan itu sebagai langkah untuk meredakan trafik di situ. Bolehkah pihak kementerian mengkaji semula tentang cadangan ini supaya ia diluluskan dan dibina oleh pihak kerajaan sebagai satu langkah untuk meredakan keadaan trafik di *Kuchai Entrepreneurs Park* dan juga Sri Petaling.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Seputeh. Saya amat kesal bila Yang Berhormat Seputeh sebut kita tidak ada buat perancangan untuk Kuala Lumpur.

Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh tahu atau tidak data siang hari dan malam hari di Kuala Lumpur? Waktu kerja dan waktu bukan kerja. Begitu juga di Jalan Petaling. Jalan Radin Anum, Bagus dan sebagainya. Akan tetapi bila waktu orang hendak berjalan, tidak akan kita hendak sekat orang-orang daripada OUG, dari kawasan-kawasan sekeliling menggunakan jalan raya itu. Takkan kita hendak buat satu kawasan yang *exclusively* untuk Taman Sri Petaling? Ini tidak masuk akal, Yang Berhormat.

Saya sedar Yang Berhormat barangkali marah oleh kerana kita hendak bangunkan satu kawasan di mana kita fikir kesesuaian untuk ditingkatkan jumlah penduduk dalam kawasan Yang Berhormat. Kita juga sedang merancang untuk memberi kawasan itu sebagai satu kawasan yang mempunyai keselesaan yang baik. Satu, di mana pasar lama yang terletak di atas tanah yang telah kita beri ini telah kita alihkan ke satu tempat yang lebih baik di mana di bawah satu ruang yang terkawal yang lebih indah dan lebih bersih dan rakyat di Taman Sri Petaling tidak ada masalah kerana saya sendiri bertemu dengan rakyat. Yang bising hanya Yang Berhormat Seputeh.

Saya juga telah maklumkan kepada semua penduduk di Seputeh. Mulai daripada tarikh Yang Berhormat buat bising, siapa-siapa hendak buat pembangunan di Seputeh, tanya Yang Berhormat Seputeh dahulu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Sepueh]:** Mana ada, mana ada.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Dapat surat kelulusan. Barangkali pemaju tidak mahu jumpa dengan Yang Berhormat. Saya suruh pemaju jumpa. Kalau mereka jumpa dengan Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat bagi surat, saya kata saya akan luluskan. Kalau tidak, saya tidak akan luluskan.

Untuk menjawab soalan kedua, kita mempunyai kawasan-kawasan tertentu di mana kita sedang lihat berkenaan dengan *plot ratio*, unit dan sebagainya. Bukan tidak ada perancangan.

#### ■1110

Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan Kuala Lumpur lebih baik dari perancangan negeri Selangor, ini yang sebenarnya. Yang Berhormat membuat kadar perbezaan di mana Yang Berhormat kata 4:5 semua PBT. Tidakkah 4:5 PBT di Kuala Selangor. PBT di kawasan-kawasan luar daripada MPSJ. Kita ini merupakan bandar. Yang Berhormat mesti sedar bahawa Kuala Lumpur juga merupakan sebuah bandar di lembah. Apabila hujan turun Yang Berhormat tahu *valley* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *once it's happened in valley. This is the problem.*

Kadang-kadang kita tidak sedar apa yang sedang kita hadapi. Saya percaya kalau Yang Berhormat tahu waktu-waktu puncak dan waktu-waktu tidak puncak, sudah pasti Yang Berhormat tidak akan berhadapan dengan kesesakan lalu-lintas. Kebanyakan kita ini akan kata kerana kesesakan lalu lintas aku terlambat dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita yang

terlambat. Kalau kita tahu waktu, kita akan keluar lebih awal, kalau kita tahu kita akan lewat, kita keluar lebih awal. *We must know to manage our time*, dengan izin. Terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur yang amat membimbangkan warga kota di Kuala Lumpur, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, apakah langkah yang diambil oleh kementerian seperti yang dicadangkan ada satu laporan *Traffic Impact Assessment* (TIA). Satu syarat yang tertentu akan diberi kepada mana-mana pemaju untuk memajukan tanah di kawasan Kuala Lumpur, ini bagi mengelakkan kesesakan yang akan membawa bebanan kepada warga kota di Kuala Lumpur. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Untuk makluman Yang Berhormat, kita juga sedang meningkatkan sistem pengangkutan awam seperti Yang Berhormat dapat lihat pada seluruh Kuala Lumpur kita sedang membangunkan MRT dan sedang meningkatkan sistem LRT dan juga *monorail*. Ini merupakan salah satu cara yang difikirkan yang bersesuaian untuk kita mengatasi masalah lalu lintas di Kuala Lumpur. Yang Berhormat, saya pun sedar untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya lihat di Kuala Lumpur ini apabila saya berjalan, toleh kiri toleh kanan, setiap satu kenderaan seorang yang membawa kereta, satu.

Kedua, saya dapat lihat juga saya lihat mereka ini selalunya kalau dalam bahasa saya cemberut muka dia masam, dia tidak ceria. Ini yang kita tidak mahu berlaku kerana mereka rasa *stress*. Kita tidak mahu warga kota *stress*. Saya sarankan apabila jaringan pengangkutan awam telah selesai, supaya warga kota Kuala Lumpur, warga kota sekeliling Kuala Lumpur ini dapat menggunakan kenderaan awam. Kita juga sedar ada kawasan-kawasan yang terputus dari segi jaringan. Ini juga sedang kita sedang teliti dan cuba hendak mengatasi barangkali sistem *tram* ataupun membanyakkan lagi sistem pengangkutan bas.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang melihat masalah TIA, bukan kita tidak melihat. Akan tetapi Yang Berhormat mesti sedar, Kuala Lumpur ini merupakan satu bandar raya yang sedang membangunkan dan harga tanah meningkat. Kadang-kadang apabila kita lihat hartanah dan juga harga yang dibeli oleh pemaju, apabila kita beri *plot ratio* yang tidak bersesuaian, mereka tidak dapat membangunkan kawasan tersebut dan akhirnya kawasan ini akan menjadi terbengkalai. Kawasan ini akan dibiarkan begitu sahaja. Itulah sebab ia akan mengundang pula permasalahan seperti permasalahan membuang sampah-sampah sarap dan menjadikan tempat-tempat tersebut sebagai tempat teduh orang-orang yang menghisap dadah dan sebagainya. Ini masalah yang sedang kami lihat.

Untuk makluman yang Tuan Yang di-Pertua, percayalah kami akan sentiasa memastikan walau apa pun perancangan yang kami buat adalah untuk kesejahteraan warga Kuala Lumpur. Seperti yang saya sebut, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, *be happy* dengan izin. *Don't worry* Wilayah Persekutuan ceria selalu, *thank you*.

5. **Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah jangka masa panjang serta tahap kesiapsiagaan pihak kementerian dalam membanteras kes samun di rumah di negara kita.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, kejadian kes samun di rumah sama ada pada waktu siang atau malam menjadi penyumbang utama kepada statistik penjenayah indeks di seluruh negara. Hasil daripada siasatan pihak polis mendapati majoriti kejadian samun di rumah berlaku di kawasan bandar dan juga taman-taman perumahan pada waktu siang tadi ketika majoriti penduduk pergi bekerja ataupun bercuti panjang. Secara statistiknya kes samun di rumah bagi tahun 2013 hingga 2015 yang melibatkan kes samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa senjata api, samun bersenjata api dan samun tanpa senjata api adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kes
2013	2,193
2014	1,454
2015	1,208

Pihak kementerian melalui PDRM telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan penduduk dalam masa panjang dan rumah-rumah seperti berikut. Pertama, konsep *omnipresent* iaitu melibatkan keberadaan mana-mana anggota beruniform terdiri daripada anggota Polis Diraja Malaysia dan turut disertai oleh Anggota Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), RELA dan pihak berkuasa tempatan yang menjalankan tugas rondaan sama ada berkereta atau *mobile petrol vehicle*, bermotosikal dan rondaan berjalan kaki. Kehadiran anggota beruniform ini membuat rondaan adalah untuk memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa mereka berada dalam persekitaran yang selamat dan juga untuk mewujudkan perasaan *fear of being caught*, dengan izin kepada penjenayah.

PDRM juga turut melaksanakan aktiviti *community policing* yang bertujuan untuk melibatkan masyarakat dalam aktiviti menangani jenayah termasuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa membanteras jenayah merupakan tanggungjawab bersama dan inisiatif ini melibatkan masyarakat awam dalam program-program seperti Rakan Cop, Rukun Tetangga dan juga Skim Rondaan Sukarela.

Program Bandar Selamat merupakan program yang disamakan dengan kerjasama KPKT untuk mengurangkan kadar jenayah dengan mengambil inisiatif seperti berikut:

- (i) Pemasangan CCTV di tempat-tempat strategik yang dikenal pasti kerap berlaku jenayah dan yang menjadi tumpuan ramai;
- (ii) pengasingan laluan pejalan kaki dan laluan bermotor bagi mengelakkan kejadian ragut dan samun; dan
- (iii) mencerahkan kawasan yang kerap berlaku jenayah.

Seterusnya ialah Unit Rondaan Bermotosikal atau URB telah ditubuhkan untuk memenuhi tuntutan rakyat yang sentiasa mahukan negara kita berada dalam keadaan aman dan selamat. Rondaan URB secara *buddy system* melibatkan tiga *shift* selama 24 jam di kawasan-kawasan perumahan, kawasan sekolah, perniagaan, taman rekreasi dan kawasan perindustrian bagi mengelakkan kejadian pecah rumah, pecah gudang, jenayah jalanan dan sebagainya. Unit URB akan diperluaskan ke seluruh negara secara berperingkat mengikut keutamaan dan tumpuan yang akan diberi kepada daerah yang mencatatkan kadar jenayah yang tinggi.

Menjalankan operasi secara berterusan dengan memberi tumpuan terhadap kes-kes ragut dan samun di tepi jalan seperti Ops Cantas, curi kenderaan, Ops Lejang, Ops Pintu dan kes-kes yang melibatkan senjata api iaitu Ops Laras dan Ops Api sebagai usaha berterusan bagi mengambil tindakan terhadap penjenayah. Pihak kerajaan sentiasa memberi perhatian yang khusus untuk mengurangkan kadar jenayah di seluruh negara melalui inisiatif yang diperkenalkan di bawah NKRA, mengurangkan jenayah dan meletakkan sasaran untuk mengurangkan kadar jenayah indeks sebanyak 5 peratus setahun.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Pada realitinya kes samun rumah ini makin hari makin meningkat dan saya rasa bukan sahaja di kawasan bandar, malah menular di kawasan luar bandar. Kejadian macam ini telah berlaku banyak kali di kawasan saya khususnya di kampung-kampung.

■1120

Soalan tambahan saya, sejauh manakah keberkesanan rondaan polis sama ada Unit Kereta Peronda (MPV) ataupun Unit Peronda Bermotosikal dalam memperketat tahap keselamatan dan meningkatkan keselamatan masyarakat setempat dan sejauh manakah kejayaan kolaborasi strategik bersama persatuan-persatuan sukarela seperti KRT dalam menangani kes samun ini. Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Samarahan. Memang tidak dapat dinafikan yang selama ini pihak polis memang sentiasa mengawasi taman-taman melalui program rondaan bersama, sama ada URB ataupun *mobile vehicle patrol*. Saya harap kalau Yang Berhormat ada data-data untuk menyatakan kekurangan pasukan berbuat demikian, saya harap Yang Berhormat akan memberi maklumat dan saya akan cuba memberitahu pihak CP atau sekurang-nya KPD Kota Samarahan untuk meneruskan program-program seperti rondaan dan sebagainya untuk menjaga keselamatan.

Mengenai kes soalan tadi yang kedua iaitu unit sukarela dan sebagainya, kita memang tidak dapat mengambil langkah yang sewajarnya kerana ini ialah NGO yang bertanggungjawab dan kita juga melalui konsep *community policing*. Kita memang mengarahkan supaya penglibatan unit sukarela diteruskan untuk menjaga keselamatan bersama. Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya, saya tidak jangka walaupun kita boleh tambahkan anggota kita, mungkin sekarang 80,000 ke 200,000 atau 300,000, sudah tentu tidak

cukup. Apa yang pentingnya saya rasa harus ada penglibatan dari pihak yang lain sementara kita tambahkan anggota-anggota kita untuk mengawal kawasan-kawasan tertentu.

Akan tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat Kota Samarahan bahawa harus melibatkan NGO dengan lebih agresif. Harus ada *community policing* dan juga pihak-pihak setempat sama ada persatuan penduduk dan saya kira Kementerian Komunikasi dan Multimedia juga kena mengambil peranan yang lebih agresif sekarang.

Dahulu kita ada slot-slot. Satu hari 40 minit atau 30 minit kita *break in 10 minutes each*, cerita bagaimana harus kita melibatkan diri tetapi sekarang Kementerian Komunikasi dan Multimedia senyap sunyi, tidak ambil peranan. Ini harus ada peranan yang lebih daripada kementerian ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Yang Berhormat, saya setuju dengan itu. Seperti yang saya katakan tadi, SKS ataupun Skim Rondaan Sukarela itu amat penting dan peranan NGO juga penting di tiap-tiap taman untuk mengekang masalah jenayah yang berlaku seperti samun bersenjata dan sebagainya.

Mengenai MC-MC tadi, itu terpulang kepada kementerian untuk menjawab. Terima kasih.

**6. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam memperkasakan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, bagi memastikan fatwa-fatwa yang dikeluarkan mempunyai kewibawaan dan diikuti.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, perlu dijelaskan untuk pemakluman kepada Dewan yang mulia ini dari sudut syarak, pandangan hukum dan fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sudah menjadi hukum ataupun fatwa yang perlu dipatuhi kerana pandangan hukum fatwa tersebut telah dikeluarkan oleh badan yang mempunyai autoriti dalam memberikan pandangan hukum fatwa di negara ini.

Cuma dari sudut undang-undang, pandangan ataupun hukum ataupun fatwa yang dikeluarkan tersebut tidak mempunyai kuasa undang-undang kerana ia tidak diwartakan. Ini adalah kerana Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa perkara-perkara agama termasuk fatwa adalah di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana peruntukan Senarai II (Senarai Negeri) Jadual Ke-9 Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, proses pewartaan pandangan hukum dan fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah tertakluk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan pandangan hukum atau fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mempunyai kewibawaan dan diikuti, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan. Antaranya ialah:

- (i) menambah keahlian Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang terdiri daripada kalangan profesional dan pakar-pakar dalam bidang sains, farmaseutikal, muamalat, kewangan Islam dan perundangan selain kepakaran dalam bidang syariah dan akidah yang sedia ada. Melalui penambahan ahli dalam pelbagai bidang kepakaran ini, jawatankuasa mempunyai akses maklumat yang lebih luas dan berwibawa sebelum sesuatu pandangan hukum diputuskan;
- (ii) penyelidikan dan bidang kefatwaan diperkukuhkan melalui jalinan kerjasama penyelidikan dengan sarjana penyelidik daripada pelbagai universiti tempatan bagi memastikan kajian hukum yang dilaksanakan berwibawa dan menepati kehendak syarak. Hasil kajian tersebut akan dibawa dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan untuk diputuskan sesuatu pandangan hukum;
- (iii) dalam usaha yang memerlukan pandangan ahli-ahli pakar, pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan akan dipanggil untuk memberikan penjelasan terperinci supaya semua ahli Jawatankuasa Fatwa mendapat maklumat yang tepat dan jelas sebelum sebarang keputusan ataupun pandangan hukum diputuskan; dan
- (iv) bagi membantu Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan seramai tiga orang felo, penyelidik fatwa dilantik bagi membuat penjelasan kepada umum isu-isu berkaitan dan pandangan hukum yang telah diputuskan. Mereka terdiri dalam golongan pakar dalam bidang-bidang fikah, muamalat, kewangan Islam dan juga akidah ataupun pemikiran Islam. Penjelasan yang dibuat melibatkan program-program seperti seminar-seminar kefatwaan yang dianjurkan ataupun panggilan telefon ataupun soal jawab (Q&A), dengan izin melalui e-mel dan sebagainya.

Terima kasih.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan. Saya mengharapkan semoga usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan akan dapat menambahkan lagi kewibawaan Jawatankuasa Fatwa ini kerana kalau kita lihat sekarang ini kekuatannya memang ada. Dibarisi oleh ilmuwan-ilmuwan Islam yang berwibawa tetapi kadang-kadang nampak macam seolah-olah 'harimau kertas'. Nampak garang tetapi tidak ada taringnya.

Saya bagi contoh misalnya, fatwa berkaitan dengan rokok yang telah difatwakan pada tahun 1995. Bukan sahaja tidak diikuti oleh rakyat di Malaysia tetapi kerajaan sendiri pun tidak mengambil berat berkaitan dengan perkara ini bahkan mencukai lagi menjadi sebahagian daripada pendapatan kerajaan.

Begitu juga dengan pertikaian yang berkaitan dengan vape baru-baru ini. Seolah-olah apa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu tidak mendapat



pengiktirafan daripada kerajaan. Boleh jadi inilah punca sebenarnya kenapa fatwa itu tidak mendapat perhatian dan tidak diberikan ataupun tidak mempunyai kewibawaan untuk diikuti oleh masyarakat Islam di Malaysia ini. Juga, adakah kerajaan bersetuju bahawa tidak adanya keseragaman antara negeri dan Pusat juga menjadi punca yang utama kepada 'ketidakwibawaan' kepada fatwa ini? Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian sebentar tadi yang membincangkan soal institusi fatwa. Perlu saya sebutkan sekali lagi bahawa dalam konteks negara ini, kita ada Jawatankuasa Fatwa di peringkat kebangsaan dan satu lagi ialah Jawatankuasa Fatwa di peringkat negeri-negeri. Kenapa keadaan ini ada kedudukan yang sedemikian dan timbul persoalan, adakah institusi fatwa ini sudah hilang kekuatan kefatwaannya ataupun tentang soal penguatkuasaan kepada peruntukan?

■1130

Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian khususnya, boleh saya sebutkan begini bahawa bila mana Mesyuarat Fatwa di peringkat kebangsaan memutuskan sekali lagi sebagaimana saya katakan oleh kerana kuasa agama adalah merupakan kuasa Menteri, maka ianya ia tidak boleh berdiri di atas sifat undang-undang atau pun fatwa itu di sudut hukum sudah selesai. Akan tetapi di sudut penguatkuasaan undang-undang, dia harus dibawa ke negeri masing-masing dan negeri pada 14 buah negeri yang ada di Malaysia juga harus untuk menselarikan fatwa tersebut dan kemudian digazetkan di peringkat negeri masing-masing.

Jadi, setelah penggazetan ini berlaku barulah ianya mempunyai satu kekuatan, ada *locus standi* nya, punca kuasanya untuk tindakan. Jadi, kita dapat memahami fatwa di peringkat kebangsaan ia adalah merupakan soal yang melibatkan soal hukum dan penguatkuasaan untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap fatwa tersebut yang perlu dibawa balik ke negeri masing-masing. Sebab itu Yang Berhormat sebutkan tadi kalau contoh rokok dan vape. Sebab itu rokok dan vape ini, rokok katakan lama sudah Fatwa Kebangsaan mengeluarkan ianya adalah hukum yang dianggap sebagai haram tetapi ia perlu dibawa balik ke negeri masing-masing.

Sebagai contoh, Selangor pada zaman Allahyarham Dato' Ishak Baharum telah membawa fatwa ini ke negeri masing-masing dan digazetkan sebagai fatwa yang dianggap sebagai menyalahi undang-undang bagi mereka yang menghisap rokok. Cumanya Yang Berhormat Kubang Kerian kena sampingkan juga sedikit apabila bercakap soal fatwa ini dia bercanggah. Di peringkat negeri ada penjualan dan percukaian. Jadi, kita kena faham juga rokok dan sebagainya ini dia adalah disebut haram kepada orang bagi negeri yang menggazetkan tadi dan kemudian ada kuasa undang-undang boleh diambil hanya kepada kelompok yang umat Islam sahaja.

Bagi yang bukan Islam, maknanya dia tidak boleh dikuatkuasakan. Jadi, kalau sekiranya hendak dibincangkan soal percukaian dan sebagainya yang dikenakan, itu juga masih lagi ada ruang perbincangan yang lebih luas di situ. Selain daripada itu juga Yang Berhormat Kubang Kerian bertanyakan tentang adakah kerajaan bersetuju untuk fatwa ini diselarikan dan juga

disamakan di peringkat persekutuan dan juga di peringkat negeri. Sebenarnya kalau ditanyakan yang ini kita amat mengalu-alukan sangat supaya fatwa ini apabila dibincangkan di peringkat persekutuan pun, ianya di peringkat negeri diwakili oleh mufti negeri masing-masing.

Cuma terpulang apabila mufti datang bersama-sama dengan para cendekiawan yang dilantik, mereka yang profesional yang berada dalam jawatankuasa fatwa ini. Terpulang balik kepada negeri-negeri untuk membawa pulang fatwa-fatwa tersebut dan kemudian dibincangkan di peringkat Majlis Fatwa Negeri dan kemudian digazetkan. Barulah dia mempunyai punca kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang dan sebagainya. Itu juga termasuk dalam rokok, vape.

Kita faham bahawa ada di peringkat negeri yang kadang-kadang fatwa yang lebih bersifat nasional. Contohnya, hal-hal yang berkaitan dengan ajaran sesat. Jadi dalam hal ajaran sesat, ada negeri-negeri yang tidak terlibat dengan ajaran tersebut. Jadi, biasanya mereka tidak bawa balik dan tidak menggazetkan hal-hal yang berlaku di peringkat negeri mereka. Jadi, ini juga di antara yang menjadi hal-hal, perkara yang diambil kira dalam peringkat Muzakarah Fatwa Kebangsaan dan juga di peringkat negeri masing-masing. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan berakhir.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.34 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Rabu, 23 Mac 2016.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

***[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]***

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2015) 2016****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2015 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**USUL****MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Ketiga belas”. **[21 Mac 2016]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, minta Menteri Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

**11.35 tgh**

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan saranan, pandangan, mengkritik yang menyentuh kementerian saya semasa perbahasan ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Seramai 23 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan beberapa perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini dan ada pandangan yang kita setuju dan ada pandangan yang kita selari, ada pandangan yang kita tidak bersetuju. Itu adalah perkara biasa dalam perbahasan. Yang penting kita hormat antara satu dengan lain dalam perbahasan ini.

Penggulungan jawapan saya akan menyentuh kepada tiga perkara pokok. Saya akan fokus kepada tiga perkara pokok iaitu:

- (i) perkhidmatan telekomunikasi yang berkaitan infrastruktur telekomunikasi dan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi;
- (ii) perjudian dalam talian, *online*; dan
- (iii) penyalahgunaan media sosial yang berkaitan penyebaran maklumat palsu, fitnah, hasutan dan sekatan laman web.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti berkaitan industri filem negara iaitu mengenai kewajaran kerajaan untuk memberi galakan kepada penggiat seni filem Malaysia. Kementerian ini melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional atau pun (FINAS) sentiasa memberikan galakan kepada penggiat seni filem yang menghasilkan karya-karya yang bermutu dan memberi impak kepada rakyat.

Antara bantuan dan galakan yang telah disediakan ialah Dana Filem Kenegaraan, insentif Tayangan Filem Cereka, Skim Wajib Tayang, Geran Industri Kreatif, Dana CGI dan Dana Industri Kandungan Digital bagi memastikan filem-filem tempatan mampu menembusi dan dieksport ke pasaran serta menyertai Festival Filem di peringkat Antarabangsa, FINAS selaku fasilitator akan membuka peluang kepada penerbit filem tempatan untuk menyertai pasaran filem antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas mengenai persoalan isu kawal selia pengiklanan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Rantau Panjang. Sebagaimana yang telah Yang Berhormat sedia maklum, penjelasan mengenai ini juga telah pun dijawab oleh Menteri Pengangkutan pada hari semalam, 21 Mac 2016. Kementerian melalui SKMM telah menerima aduan awam pada 16 Mac 2016 berhubung iklan oleh Syarikat Penerbangan Firefly seperti yang disebutkan.

Pihak SKMM telah menyiasat perkara ini dan mendapati kesalahan tersebut lebih menjurus kepada tatacara dan etika pengiklanan. SKMM telah merujuk kes ini kepada Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) untuk memberi peringatan kepada pihak Firefly.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penjelasan kepada Yang Berhormat Rasah yang telah membangkitkan mengenai isu kos cetakan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah sejauh mana rancangan pemantauan atau pun

perancangan kerajaan untuk memastikan bukan sahaja dalam isu iklan Firefly tetapi dalam masa-masa yang akan datang, semua agensi memastikan iklan-iklan kita yang dikeluarkan dalam apa jua bentuk tidak mengeksploitasikan wanita. Saya minta perkara ini diambil perhatian untuk akan datang.

**Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Yang Berhormat, memang kita mempunyai garis panduan seperti ini. Yang penting pada kita ialah untuk kuatkuasakan garis panduan tersebut kerana kita harus memastikan apa sahaja yang kita lakukan, kita tidaklah boleh dianggap memperalatkan mana-mana pihak. Ini adalah salah dari segi peraturannya.

■1140

*Insyallah* kita akan pastikan apa pun garis panduan yang disediakan itu dikuatkuasakan dan sudah tentulah ia memerlukan kerjasama semua pihak dan ini harus kita beri keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penjelasan Yang Berhormat Rasah yang telah membangkitkan mengenai isu kos cetakan buku penjelasan mengenai 1MDB oleh Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA). Kos percetakan buku tersebut berharga RM4.85 senaskhah adalah berpatutan berdasarkan jumlah muka surat. Material, kualiti kandungan, grafik kreatif, bacaan pruf, kos terjemahan dan kualiti hasil akhir ataupun *finishing* buku tersebut. Buku ini tidak dicetak sekali gus tetapi dicetak secara berperingkat mengikut edisi dan pada jumlah yang berbeza berdasarkan keperluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya apa yang saya bangkitkan pada perbahasan hari itu adalah mengenai mengapa pihak JASA boleh menggunakan kos sebanyak RM600 ribu untuk mencetak buku ini? Selain daripada itu JASA juga mencetak buku untuk memberi penjelasan dan mengagung-agungkan Perhimpunan Merah dan pada hakikatnya Barisan Nasional ada beberapa parti, MCA, Gerakan, MIC telah pun menunjukkan bantahan mereka terhadap Perhimpunan Merah.

Akan tetapi dengan adanya pencetakan buku tersebut daripada pihak JASA, saya ingin hendak merekodkan di Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya MCA, Gerakan dan juga MIC menipu rakyat Malaysia. Mereka luar sokong kepada bantah Perhimpunan Merah tetapi dalam Dewan dan peringkat kerajaan pula mengeluarkan mengagung-agungkan perhimpunan tersebut. *[Dewan riuh]*

Untuk buku 1MDB, apa yang saya hendak katakan di sini syarikat ini telah pun memalukan negara. Saya tidak faham mengapa kerajaan perlu menggunakan duit rakyat ataupun cukai yang dikutip daripada rakyat untuk membayar kepada syarikat ini untuk membuat penerangan. Kalau Barisan Nasional sendiri hendak buat penerangan, kami tidak ada masalah.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu pandangan Yang Berhormat. Sudah tentu saya tidak bersetuju tetapi saya hormat pandangan Yang Berhormat. *[Disampuk]* Apa salahnya tidak setuju dengan pandangan? Kita berbeza pendapat. Kalau perbezaan itu boleh diurus, kita diuruskan. Kalau kita ada perbezaan, kita raikan perbezaan tersebut. *[Dewan riu]* Itu adalah sistem demokrasi yang kita amalkan. Bagaimana ingin saya nyatakan bahawa JASA adalah fungsinya. Antara fungsi JASA ialah untuk menjelaskan mengenai dengan dasar pemerintah dan juga mengenai isu-isu yang semasa Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Yang Berhormat kita ada peraturan mesyuarat, kerana saya berdiri sila duduk dahulu. *Insyallah* kita akan bagi peluang. Silakan. Kita debat secara teratur, demokrasi, kita adalah dewasa dan santun. Itulah sebabnya kita kena bahas dengan sebaik-baiknya.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Saya menerangkan pandangan saya. Saya tidak tumpukan soal Perhimpunan Merah di sini kerana isunya adalah buku 1MDB kerana dalam perbahasan itu lebih kepada persoalan mengenai dengan kos 1MDB. Jadi telah saya jelaskan bahawa pada pandangan kita kos itu adalah berpatutan dan ia selari dengan peranan, tanggungjawab JASA sebagai sebuah agensi kerajaan untuk menjelaskan dasar-dasar pasti pemerintah dan juga isu-isu semasa. Itu adalah penjelasan saya dan saya ambil maklum tentang penjelasan Yang Berhormat telah berikan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan berkaitan Program Pembangunan Usahawan Dalam Talian yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Langkawi dan Yang Berhormat Parit Sulong.

Sebenarnya *Programme Get Malaysian Business Online* telah pun tamat pada 31 Disember 2013. Kini kementerian melalui *Multimedia Development Corporation* (MDEC) memberi fokus kepada program yang mempunyai tujuan yang hampir sama iaitu e-usahawan dan eRezeki. Bagi program eUsahawan, ia baru saja diperkenalkan pada November 2015 dengan sasaran memberi pendedahan dalam bidang keusahawanan, digital kepada lebih daripada 200 ribu usahawan muda dan usahawan mikro menjelang tahun 2020. Manakala bagi projek eRezeki, semenjak pelancarannya pada Jun 2015, sehingga kini sebanyak 49,229 golongan B40 telah berdaftar dan sebanyak 25,587 telah dilatih di bawah program ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat maklum balas mengenai persoalan isu infrastruktur telekomunikasi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Kota Kinabalu. Bagi memperbaiki kualiti perkhidmatan dan kelajuan internet di seluruh negara, kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dengan kerjasama pihak swasta sedang melaksanakan Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 dan juga Projek Jalur Lebar Peringkat Pinggir Bandar (SUBB). Sebelum saya meneruskan jawapan saya, sukacita saya ingin menjelaskan terlebih dahulu mengenai definisi jalur lebar berkelajuan tinggi.

Berdasarkan kepada Pelan Jalur Lebar Kebangsaan (NBI) yang dibangunkan pada tahun 2007, jalur lebar berkelajuan tinggi bermaksud perkhidmatan luar jalur lebar yang berkelajuan *10 megabits per second* ke atas. Secara umumnya, kelajuan *10 megabits per second* adalah merupakan kelajuan minimum dalam definisi tersebut. Namun begitu, ketetapan kelajuan tersebut adalah berbeza-beza mengikut negara dan kelajuan yang ditetapkan adalah bergantung kepada dasar yang ditetapkan oleh sesebuah negara. Pada dasarnya jalur lebar adalah keupayaan untuk mengakses internet bermula dari kelajuan *256 kilobits per second* mengikut definisi oleh *International Communication Union* dan ianya tidak mengikut teknologi yang tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2016, sebanyak 212 buah menara komunikasi telah dibina di negeri Sabah manakala sebanyak 79 buah menara komunikasi masih dalam peringkat pelaksanaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Labuan bangun.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Menteri, mendengar penjelasan mengenai pembangunan infrastruktur yang perlu diadakan terutamanya yang disebut tadi banyak di sebelah Sabah, Sarawak. Labuan berada di antara Sabah dan Sarawak dan Labuan yang tidak mempunyai sumber-sumber asli dan sebagainya dan dalam keadaan ekonomi yang agak merudum, saya tertanya-tanya kalau boleh Labuan memainkan peranan sebagai satu tempat yang boleh dibangunkan infrastrukturnya untuk ia menjadi pusat yang akan boleh membantu Sabah dan Sarawak dan pada masa yang sama Labuan dapat manfaat dari segi pembangunan ekonomi. Apa yang boleh kita buat dalam industri ini untuk Labuan?

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kedudukan Labuan ini amat strategik sekali dan sudah tentulah saya berpendapat ia berpotensi untuk dibangunkan beberapa perkara yang ada kaitannya dengan kementerian kita di pulau tersebut. *Insyaa-Allah* pihak kementerian akan melihat apakah yang amat sesuai di kawasan Pulau Labuan ini dan kita akan minta pegawai kita untuk merancang apa yang terbaik untuk Pulau Labuan sesuai dengan kedudukan Pulau Labuan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jelevu bangun. Ya, sila Yang Berhormat Jelevu.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Persoalan yang saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat ialah berkaitan dengan pendirian atau dasar kementerian berkaitan dengan Kampung Tanpa Wayar. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menjawab soal kelajuan tapi saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian berkaitan dengan dasar Kampung Tanpa Wayar. Apakah dasar kementerian berkaitan Kampung Tanpa Wayar, apakah kementerian ingin meneruskan lagi projek ini ataupun kementerian mahu memansuhkan projek ini sebabnya terlalu banyak Kampung Tanpa Wayar yang sekarang ini sudah tidak mempunyai perkhidmatan itu lagi.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Ya.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Ditunggu peralatan semua sudah dibuka.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Ya.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Jadi ini sudah menjadi isu nasional. Jadi kementerian apakah ingin memasang semula ataupun dasar hendak Kampung Tanpa Wayar ini memang sudah dimansuhkan, tidak ada lagi yang percuma atau bagaimana?

■1150

Ini penting untuk diketahui oleh rakyat sebab kemudahan itu yang dahulu dibekalkan sekarang sudah ditarik semula. Jadi, kita dahulu menguar-uarkan kampung tanpa wayar, kononnya untuk memberi capaian yang lebih luas pendemokrasian digital, tetapi akhirnya bukan sahaja soal kelajuan yang timbul, piring-piring dan peralatan fizikal pun sudah diangkat daripada tempat-tempat berkenaan dan ini menjadi satu masalah besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Menteri faham.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Yang Berhormat, terima kasih. Nanti saya akan komen mengenai perkara tersebut. Biar saya fokus kepada Sabah dan Sarawak dahulu dan bila sampai nanti ke persoalan WiFi Komuniti, saya akan jelaskan dasar kementerian dalam hal tersebut.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Satu lagi, Yang Berhormat Menteri. Saya pernah dengar mengenai *big data center*. Adakah ini sesuatu yang baru yang boleh kita adakan di kawasan kita di Sabah, Sarawak, Labuan dan di pusat pentadbiran Labuan? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan kaji semua kesesuaiannya berpandukan perancangan kementerian keseluruhannya di negara kita termasuklah Sabah, Sarawak dan juga Pulau Labuan.

Bagi negeri Sarawak pula, sehingga 16 Mac 2016, sebanyak 135 buah menara komunikasi telah pun beroperasi manakala 15 buah menara masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka disiapkan pada penghujung bulan Mac ini.

Kementerian melalui SKMM telah melaksanakan Projek WiFi Komuniti (WK) yang dahulu dikenali sebagai Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M) sejak tahun 2011 yang bertujuan menyediakan perkhidmatan WiFi secara *hotspot* kepada penduduk setempat di luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek WK merupakan satu inisiatif bersifat sementara yang bertujuan membantu rakyat mendapatkan akses kepada internet secara kolektif dan setempat sementara pembangunan infrastruktur yang membolehkan internet diakses secara menyeluruh dibina. Projek ini akan ditamatkan sebaik sahaja akses internet dapat dicapai dengan lebih baik dan menyeluruh oleh penduduk.

Ertinya Yang Berhormat Jelebu, jika kita berpendapat bahawa tempat itu sudah ada kemudahan internetnya, maka ia tidak diteruskan lagi dan itulah sebabnya hampir 3,000 di Malaysia ini di mana tempat itu sudah ada kemudahan internet, maka ia tidak diteruskan lagi.



Walau bagaimanapun, yang telah berfungsi sekarang ini agak banyak juga iaitu kita mempunyai 3,148 WiFi Komuniti yang beroperasi dan 1,791 masih dalam peringkat pelaksanaan, manakala yang telah kita tamatkan ialah sebanyak 3,209. Ertinya, ia tidak berterusan dan tidak berkekalan selama-lamanya. Sampai ke satu tahap apabila kita berpendapat di kawasan itu sudah ada kemudahan internet, maka ianya tidak akan diteruskan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, dirasakan kalau ditamatkan WiFi ini akan memberi masalah terutama kepada penduduk-penduduk di luar bandar kerana *line* yang ada sekarang ini pun kalau *'depa'* main *WhatsApp* tadi, pusing sampai setengah jam pun tidak keluar gambar. Jadi, kalau kerajaan tamatkan WiFi, maknanya kerajaan telah menganiaya penduduk-penduduk di luar bandar. Saya berharap kementerian pertimbangkan balik supaya WiFi Kampung Tanpa Wayar yang sudah dibelanjakan banyak ini dapat diteruskan di kawasan-kawasan luar bandar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ramai Yang Berhormat yang bangun.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Sila, sila. Silakan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin menyentuh seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gerik. Tadi Menteri menyatakan di mana kawasan yang sudah ada internet, WiFi ini akan diberhentikan. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, di tempat saya di Limbang, sebagai contoh, kawasan yang di pedalaman yang ada Kampung WiFi seperti Rumah Baba dan sebagainya, belum ada internet pun tetapi ditamatkan juga. *Just to inform you. Maybe you can look into this.* Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sama di Kuala Krau, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Speaker tengah bercakap, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri ada cukup pengalaman sebagai speaker di Sabah.

Yang Berhormat Menteri, termasuk juga kawasan Parlimen Kuala Krau, Yang Berhormat, semuanya dirobohkan, dibuka dan tiada lagi perkhidmatan Kampung WiFi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kuala Krau parlimen siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ia menjadi keluh kesah, termasuk Yang Berhormat Baling juga, dalam keadaan 20,000 penoreh getah yang mengalami masalah kegawatan dan juga termasuk Kampung WiFi juga telah ditiadakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Menteri. Sebenarnya saya dimaklumkan bahawa seluruh Daerah Lipis berlaku seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Jelevu sebentar tadi, seperti juga Yang Berhormat Limbang. Saya juga dimaklumkan sehingga ke Jerantut. Saya bukan hendak menyentuh soal tempat orang lain tetapi orang Jerantut pun ada beritahu saya masalah perkhidmatan WiFi ini.

Dan yang lebih menyedihkan, ada satu kawasan ini, balai raya dirobohkan dan diganti dengan pusat internet. Tetapi malangnya, beberapa bulan sahaja berjalan, maka ianya tidak boleh berfungsi lagi. Macam rakan-rakan saya kata tadi, semua piring itu dicabut dan tidak boleh digunakan dan tidak boleh menggunakan *WhatsApp* dengan baik sekali.

Jadi saya ingat, saya berpendapat bahawasanya pihak Menteri kena tengok menyeluruh. Saya tengok sudah beberapa Ahli-ahli Parlimen bangun ini termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri, maknanya kena melihat menyeluruh keadaan ini, Yang Berhormat

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya katakan tadi— dari segi dasarnya dahulu ya. Dari segi dasarnya memang apabila ada kemudahan internet di kawasan tersebut, mereka hentikan. Bagaimanapun, ada kes-kes tertentu di mana perkara itu dikaji. Kalau di Sarawak, memang kita telah mengambil keputusan kerana ada di antara kawasan-kawasan ini di mana agak jauh sangat di mana ia memerlukan lagi kemudahan sedemikian. Tetapi kalau ada pun di Semenanjung ini, jika tadi apa yang telah dimaklumkan kepada saya bahawa ada di antara kawasan ini kemudahan itu tidak ada tetapi dihentikan, maka kita akan buat semula.

Prinsipnya ialah kita tidak mahu menjadikan sesuatu kampung itu menjadi kampung tanpa wayar— kerana ini inisiatif *by* kontraktor, ia harus ada perancangan. Kita tidak boleh membina di tempat itu tetapi WiFi itu tidak berkesan. Itulah sebabnya pada ketika ini kita menggunakan konsep *hub and spot* di mana kita akan pastikan kalau ada kemudahan tersebut, ia akan meliputi dua kilometer di kawasan tersebut agar ia lebih berkesan lagi.

Akan tetapi, saya mengambil maklum tentang pandangan-pandangan yang telah dikemukakan dan kita akan minta pihak SKMM untuk melihat semula di mana kawasan-kawasan tersebut dan jika ada keperluannya atau jika ada asas kepada apa yang telah dinyatakan, sudah tentulah kita akan melihat semula.

Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedarkah Yang Berhormat Menteri, daripada persoalan yang dibangkitkan oleh rakan-

rakan tadi, memang kemudahan WiFi internet ini cukup penting? Sedarkah Yang Berhormat Menteri, sebelum Yang Berhormat Menteri menjawat jawatan Menteri, kementerian sudah ada *National Broadband Initiative* (NBI)? Adakah kini kerajaan mempunyai dasar mengikuti contoh seperti negeri Selangor dan negeri Pulau Pinang dengan memasang *hotspot-hotspot* di kedudukan atau lokasi strategik supaya menawarkan perkhidmatan WiFi percuma kepada rakyat?

Saya bagi contoh. Pada bulan Disember lepas, Kerajaan Negeri Selangor dengan inisiatif sendiri telah memasang 2,192 *hotspot* di seluruh negeri supaya warga Selangor dapat menikmati perkhidmatan WiFi secara percuma. Negeri Pulau Pinang pula telah meningkatkan kelajuan WiFi percuma daripada dua megabit kepada empat megabit. Adakah dari peringkat pusat, Kerajaan Persekutuan mempunyai dasar yang sama? Saya tahu ia tidak boleh berlaku sekelip mata, ia memerlukan peruntukan tetapi masalah pokoknya, adakah kementerian mempunyai rancangan menyeluruh, *do you have a masterplan*, untuk memasang *hotspot* supaya perkhidmatan WiFi percuma ditawarkan kepada rakyat Malaysia supaya transformasi ekonomi kita dapat menghasilkan *knowledge-based economy*? Sekian, terima kasih.

■1200

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Yang Berhormat. Pada ketika ini, kita tidak ada perancangan sedemikian. Fokus kita ialah lebih kepada untuk menentukan agar *broadband penetration* di seluruh negara menjelang tahun 2020 ialah 95% dan untuk *high speed* nya ialah 55%. Itu perancangan kita.

Saya faham apa Yang Berhormat maksudkan yang mana beberapa buah kerajaan negeri telah melakukan sedemikian. Sekarang pun di Kota Kinabalu, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu sedang merancang untuk berbuat sedemikian.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** [Bangun]

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Akan tetapi, kita juga kena mengambil kira beberapa perkara. Antara tanggungjawab SKMM ini lebih kepada *regulator body* dan...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** [Bangun]

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Seperti mana yang kita maklumkan, wang yang kita pungut daripada USP *fund* ini kegunaannya bukan untuk sedemikian. Kita menggunakan wang tersebut untuk menentukan agar kita boleh membina perkhidmatan ini di seluruh negara kita dengan mengambil kira kedudukan-kedudukan semasa. Sudah tentu memang ada perancangan sedemikian tetapi perancangan sedemikian ini kadangkala ia juga memerlukan banyak peruntukan dan sudah tentulah kita akan melihat jika ada keperluannya tetapi pada ketika ini tidak ada dasar sedemikian.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Menteri, satu lagi persoalan pokok yang cukup penting sekali. Saya mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri walaupun *maybe* saya kurang bersetuju yang mana Yang Berhormat Menteri berkata tidak ada *master plan*

untuk menawarkan perkhidmatan WiFi percuma seperti di bawah kerajaan negeri Pakatan Rakyat, tidak apa.

Akan tetapi masalah yang saya rasa lebih penting sekarang adalah, kelajuan *speed* Internet di negara kita. Mengikut *Net Index*, kedudukan kelajuan internet Malaysia berada di tangga 123 jika dibandingkan dengan negara jiran, pulau kecil Singapura yang menduduki tangga pertama di dunia. Kelajuan *speed average Singapore* ialah *105 megabyte per second* tetapi Malaysia *6 mega bite per second*. Kedudukan kita ke-123.

Jika kita tidak membandingkannya dengan Singapura, bandingkan dengan negara ASEAN yang lain, kita bangga sebagai bekas Pengerusi ASEAN. Akan tetapi kelajuan Internet Malaysia, kita kalah kepada negara Thailand, kita kalah kepada negara Laos, kita kalah kepada negara Vietnam. Saya tahu masalah pokoknya Yang Berhormat Menteri adalah kerana pasaran kita tertutup. Kita tidak buka pasaran tetapi kita menandatangani *high speed broadband agreement* dengan sebuah syarikat iaitu Telekom Malaysia. Amat kesal sekali, perjanjian tersebut adalah di bawah akta rahsia. Maka rakyat dianiyai, kepentingan negara digadai dan harganya cukup mahal

Saya bandingkan harga bayaran Internet, di Malaysia ini lebih kurang tiga kali lebih mahal dari Thailand, tiga kali lebih mahal dari Singapura tetapi kelajuan macam siput babi. Kelajuannya macam kura-kura tetapi harganya lebih tinggi, mahal. Dua masalah, kelajuan Internet sangat lambat dan harganya amat mahal sekali. Maka kita ketinggalan daripada segi persaingan. Pasaran Malaysia tidak berdaya saing daripada segi elektronik *Business to Business* (B2B).

Maka saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan kini boleh mencontohi Singapura? Membuka pasaran, mansuhkan monopoli Telekom Malaysia supaya ada pelabur-pelabur dan syarikat-syarikat lain dapat masuk ke pasaran untuk menawarkan infrastruktur agar kelajuan internet kita dapat ditingkatkan demi kepentingan negara kita menuju Wawasan 2020. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sama. Lebih kurang sama. Saya bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Taiping kerana kita kena membuka kepada pasaran. Saya hendak *quote* kan sebuah *company* Singapura yang bernama MyRepublic yang ingin menawarkan *100 megabyte per second for just RM60* satu bulan... [*Tepuk*] *Singapore company* itu hendak masuk ke Malaysia. Apakah pandangan daripada SKMM? Adakah dipersetujui kerana ini adalah satu cadangan yang bagus kerana *they come in, they offer very low price, RM60 for 100 megabyte per second?* Saya rasa semua Ahli Yang Berhormat di sini pun hendak— sudah diluluskan atau belum dari kementerian?

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** ...dari Bakri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Yang Berhormat. Nanti saya memberikan jawapan...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Nanti saya akan beri.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Sekijang di belakang, belakang.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Saya ingin menjawab dahulu. Yang Berhormat Taiping, sudah lebih awal lagi memang saya akan membangkitkan isu Internet berkelajuan tinggi yang mana Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Sandakan telah membangkitkannya.

Kerajaan memang sentiasa memantau tindak tanduk pasaran terhadap caj perkhidmatan pakej langganan komunikasi. Kebanyakan pembekal perkhidmatan komunikasi telah pun menurunkan harga perkhidmatan internet. Kita ada dua perkara pokok. Satu yang dimaksudkan ialah *fixed line* tadi apa yang dimaksudkan monopoli Telekom. Sebenarnya, tidak ada monopoli dalam soal hal ini yang mana kita pun pada ketika ini memang Maxis dan Time pun terlibat juga tetapi sebenarnya kita terbuka.

Jika ada pihak yang ingin melabur dalam soal ini, kita tidak ada masalah sebenarnya. Ramai orang salah faham seolah-olah ada monopoli dalam soal seperti ini. Tidak ada monopoli. Memang tentu kita menggalakkan persaingan. Saya memang memahami cabaran-cabaran yang kita hadapi. Saya juga mahu *high speed*, saya juga mahu *affordability* yang lebih murah kosnya. Saya juga mahu *coverage* tetapi sudah tentu kita ada kekangan-kekangannya.

Pada ketika ini sebenarnya, kalau kita lihat daripada segi *broadband* sebagai contoh, pada tahun 2012, caj perkhidmatan Internet telah menurun sebanyak 18% dan pada tahun 2013 telah menurun sebanyak 33%. Pencapaian atau akses sebarang jalur lebar termasuklah jalur lebar berkelajuan tinggi adalah bergantung kepada pelbagai faktor teknikal seperti jenis penyambungan, jaringan, kekangan teknologi yang digunakan dan pakej jalur lebar yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan. Saya memang bersetuju dalam soal ini yang mana kalau kita ingin menurunkan harga, akan ada persaingannya dan sudah tentu kita akan menggalakkan.

Yang Berhormat Bayan Baru tadi telah mengatakan bahawa ada kemudahan yang tersedia, kita akan lihat. Apa pun kemudahan jika ada permohonannya, kita akan lihat dengan sebaik-baiknya. Tidak ada kerajaan yang mahu *low speed* yang mahal ataupun tidak *coverage*. Saya bersetuju, selari dalam pandangan tersebut. Soalnya ialah pandangan tersebut tadi pandangan yang baik yang mana kita memerlukan persaingan dan sudah tentu kita juga sudah ada di mana *telecommunication* dengan kerajaan telah belanja dalam SUBB 1, RM11 bilion dalam hal seperti ini dan HSBB 2 juga sedemikian.

Ketika ini, saya memang melihat semua *option* untuk menentukan kita bersama-sama tanpa mengira fahaman politik agar perkara ini diberikan keutamaan. Ini adalah kerana ia kemudahan rakyat yang mana Internet sekarang ini dianggap sebagai utiliti, tidak seperti dahulu lagi. Jadi dalam hal itu, saya bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Saya...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi Yang Berhormat Menteri, minta sedikit ya. Yang Berhormat Menteri, sudah adakah MyRepublic telah *apply* kepada kementerian...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri, selepas ini bagi Yang Berhormat Sekijanglah Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Untuk masuk ke pasaran Malaysia dan apakah keputusan daripada Yang Berhormat kementerian? Ini sebab jika apa yang mereka cadangkan itu sungguh baik, menarik dan kalau *compare* dengan Malaysia sekarang, kita hanya *download speed 30 megabyte per second, upload speed 5 megabyte per second* sudah RM179. Akan tetapi MyRepublic di Singapura, *1,000 megabyte per second download speed, 500 megabyte per second upload speed*, hanya RM181. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kembali semula kepada cerita kampung WiFi tadi. Saya hendak mencadangkan kepada pihak kementerian, mana-mana tempat yang dikatakan teknologi kampung WiFi ini kita telah tutup ataupun telah tidak berfungsi seperti sepenuhnya. Boleh atau tidak pihak kementerian mengadakan teknologi yang mungkin lebih baik seperti Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi supaya dapat dilaksanakan di beberapa buah kawasan yang kita tahu memang memerlukan teknologi sama ataupun lebih baik tentang kampung WiFi ini?

Kedua, saya tidak pasti dengan rakan-rakan Ahli Parlimen tadi ada menyebut tentang ranking dan sebagainya sebab ranking ini ada banyak. Saya pun terbaca dalam internet, ada satu daripada teknologi Akamai, mereka memaklumkan Malaysia berada pada kedudukan ke-70, bukan di seratus lebih.

Maksudnya, banyak syarikat, institusi mengadakan ranking ini. Jadi kita tidak tahu ranking mana yang sebenarnya kita boleh gunakan. Sebab kalau mengikut ranking di sini, Malaysia pada kedudukan ke-70 dengan kelajuan Internetnya ialah *5.0 megabyte per second*, Singapura bukan 100 lebih, baru *12.7 megabyte per second* dia punya *average* kelajuannya. Jadi maksudnya, maksudnya bukan tipu. Maksudnya ada beberapa agensi melaksanakan kajian ini, ketepatan itu sebenarnya bukan bergantung pada agensi-agensi tertentu.

#### ■1210

Maksudnya mungkin ada sesetengah agensi meletakkan Malaysia pada kedudukan yang jauh tapi ada setengah-setengah agensi meletakkan Malaysia pada kedudukan yang lebih baik. Maksudnya kita minta pihak kementerian supaya dapat mungkin membuatkan satu data yang lebih tepat tentang...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, soalan lain.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** ...Hal berkaitan dengan *ranking* ini supaya kita melihat pengguna tidak tertipu ataupun pengguna tidak memperlekehkan kelajuan internet yang ada dalam negara kita. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih, Yang Berhormat, ya Yang Berhormat Bakri.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Menteri memberi satu peluang kepada Bakri tanya soalan tambahan. Di sini saya hendak pasti contoh Telekom pasang agak-agak sudah siap, berapa lama jangka masa alat WiFi boleh digunakan sebab contoh di kawasan Bakri, kawasan Bukit Naning sudah pasang tetapi kelajuan pun lambat dan tidak boleh berfungsi. Saya hendak minta satu penjelasan daripada Menteri, berapa lama ini alat sudah pasang siap boleh digunakan. Minta penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Yang Berhormat mengenai dengan pandangan tadi Yang Berhormat tentang syarikat tersebut. Saya tidak pasti sama ada dia telah mengemukakan kepada SKMM ataupun tidak. Bagaimanapun kadangkala kita kena hati-hati jangan jadi di tahap "*indah khabar dari rupa*". Kita kena tengok kadang-kadang banyak tawaran ini nampak baik tapi akhirnya tidak sedemikian. Di UK pun banyak juga tawaran-tawaran seperti ini yang memberi kemudahan yang agak baik pada awalnya tetapi akhirnya tidak menguntungkan. Jadi kita kena lihat.

Akan tetapi, jika ada permohonan daripada pihak syarikat, sudah tentu SKMM akan meneliti. Mengenai dengan pandangan Yang Berhormat tadi tentang teknologi baru memang kita lihat *option* yang diperlukan. Sekarang kita juga melihat di Sarawak tentang beberapa *option* yang baru, teknologi baru untuk menentukan agar masyarakat di Sarawak juga akan merasai khidmat internet yang sebenarnya.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat Sungai Siput, sudah tentu staf saya nanti mengambil catatan dan pihak kementerian akan memaklumkan Yang Berhormat tentang perkembangannya.

Kementerian juga telah melaksanakan isu terbaru di Sabah, ini Yang Berhormat Sandakan dan Yang Berhormat Kota Kinabalu. Bagi meningkatkan capaian kemudahan internet iaitu ibu sawat di pinggir bandar akan dinaik taraf melalui Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) bagi meningkatkan kelajuan internet yang melibatkan 420,000 *...port* dan akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2015 hingga tahun 2019.

Sistem kabel dasar laut yang menghubungkan Sabah dan Semenanjung Malaysia untuk meningkatkan jalur lebar dari 400 *gigabytes per second* kepada 4 *terabytes per second* yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun penghujung tahun 2017.

Projek menaik taraf liputan jalur lebar mudah alih 3G di bawah program perluasan liputan perkhidmatan selular melibatkan sebanyak 447 lokasi di negeri Sabah dan penyediaan perkhidmatan Streamyx sehingga mencecah kelajuan 8 *megabytes per second* serta UniFi sehingga 100 *megabytes per second*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu perjudian secara dalam talian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Tanjong Piai, sukacita saya memaklumkan bahawa...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Menteri. Kasi Sibu dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua orang yang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Kinabalu, lepas itu Yang Berhormat Sibu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih, Menteri dari Sabah. Saya tadi ada dengar jawapan mengenai ini WiFi punya hal tetapi sebab kuota ini terlampau lambat. Jadi kita pun akui akhirnya kita mesti hapuskan monopoli.

Tadi pun saya ada juga peluang untuk bincang sama Menteri, kita pun akui kita mesti mahu hapuskan monopoli. Kita mesti mahu juga ada *participation* dari Sabah dan Sarawak, betulkah? Jadi saya mahu tanya Menteri adakah Sabah dan Sarawak punya syarikat *participate* dalam internet *operation*.

Kedua, saya ada juga maklumat yang baik kerana ini hanya dalam satu laporan media oleh Mayor yang baru Kota Kinabalu, dia kata khidmat *free* WiFi akan diadakan di Kota Kinabalu dan juga CCTV. Jadi dalam laporan media itu, dia kata ini ada dapat *support* dari Menteri Multimedia. Saya mahu tanya, betul kah hal ini, betul kah kita akan dapat *free* WiFi di Kota Kinabalu dan saya pun tanyalah, ada berapa *hotspot* dalam Kota Kinabalu dan juga ada berapa kawasan kena pasang CCTV dibantu oleh multimedia.

Haraplah dialu-alukan boleh dapat nikmat ini dalam masa dua tahun ini Menteri dari Kota Kinabalu, bolehkah bagi orang Sabah *free* WiFi. Saya harap bukan hanya di Kota Kinabalu, semua bandar pun boleh dapat *free* WiFi, bolehkah? Harap minta Menteri minta penjelasan. *Thank you.*

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ya, Sibu sini tentang internet di Sarawak. Di Sarawak menara *telecommunication* adalah dimonopoli oleh Sacofa. Jadi saya mendapat aduan bahawa Sacofa punya *cover*, pertanyaan saya ialah berapa sewaan Sacofa kepada *service provider* menara dia kerana di kawasan pendalaman saya diberitahu hanya ada satu *service provider* sahaja. Contohnya di kawasan Rasau, di kawasan Sibu dia hanya ada *service provider* Maxis di kawasan yang lain hanya *service provider* hanya Celcom sahaja tidak ada semua. Jadi mereka mempunyai masalah tentang liputan mereka. Jadi saya minta jawapan dari Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih, soalan daripada Yang Berhormat Kota Kinabalu mengenai dengan soal monopoli. Memang tidak ada monopoli sebenarnya, saya telah katakan awal-awal tadi. Di mana ada juga syarikat yang tersebut yang terlibat seperti Maxis dan juga Time dalam soal *fixed line* ini.

Bagaimanapun jika ada syarikat-syarikat daripada Sabah dan Sarawak berminat untuk berbuat demikian dan ingin melabur, sudah tentu kita tidak ada masalah untuk memberi peluang. Mengenai dengan apa yang telah dikatakan tadi bahawa di mana Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bercadang untuk membuat *free* WiFi dan juga CCTV di kawasan Kota Kinabalu. Memang pihak Mayor telah memaklumkan hasrat mereka sedemikian tetapi sehingga hari ini mereka belum lagi membuat secara rasmi permohonan, bagaimana kita boleh bekerjasama.

Jika ada ruang untuk kita beri kerjasama, sudah tentulah kita ingin berbuat demikian. Bagaimana pada dasarnya, pada dasarnya seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat



Taiping pada dasarnya tidak ada dasarnya untuk kita memberi WiFi percuma kepada semua tetapi kadangkala ada juga permohonan-permohonan seperti ini. Kita akan lihat di mana kita boleh membantu kerana ia melibatkan kos bulannya dan sebagainya. So, banyak perkara harus kita lihat dan soal *hotspot* ini kadangkala kalau kita ke Hong Kong, kalau negara lain dia tidak gunakan *hotspot* lagi. Dia kena guna *fiber WiFi* di mana dia lebih laju lagi. Kadang-kadang *hotspot* ini kita kena pergi tempat-tempat tertentu baru kita dapat kemudahan tersebut. Jadi ada kemudahan sedemikian.

Teknologi sekarang ini berkembang begitu pesat. Ada kadang-kadang teknologi kita itu *outdated*, so kita kena lihat semua perkara ini dalam kita menentukan agar yang penting pada kita ialah kemudahan itu dapat disediakan kepada masyarakat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** *We respect* yang saya, terima kasih Datuk Menteri. Minta penjelasan sedikit, tadi Menteri berulang kali kata tidak ada monopoli dalam penawaran perkhidmatan *backbone service* tetapi bolehkah saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kementerian sudah tandatangan *high speed broadband agreement* dengan Telekom Malaysia. Perjanjian sudah ditandatangani tapi sebelah sini kata tidak ada monopoli, saya tidak tahu kandungan kerana dia akta rasmi maka boleh tidak di Dewan yang mulia ini, sekurang-kurangnya Menteri beritahu kita jika bukan monopoli, maka apakah kandungan perjanjian itu dengan Telekom Malaysia. Saya rasa ini dapat memberikan pencerahan supaya pelabur-pelabur asing jika hari ini Menteri dah buat keputusan tidak monopoli esok pelabur-pelabur asing boleh masuk. Ini untuk kebaikan negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Menteri. Berkaitan dengan isu tanpa wayar ataupun *free WiFi*. Di kawasan saya, banyak kampung tanpa wayar telah di *set up* tetapi *speed* dia agak *slow* dan mengikut keperluan orang-orang pada masa ini, bolehkah kementerian menaikkan kelajuan internet itu dan memberikan banyak akses lagi kepada semua kampung di daerah saya, Penampang. Terima kasih.

■1220

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Menteri, jawapan saya...

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Saya kena jawab dahulu Yang Berhormat Sibu bertanya soal sama ada dimonopoli atau pun tidak di Sarawak dan berapa kos, caj. Itu persoalannya. Kita memang, Kerajaan Negeri Sarawak untuk tujuan ini telah menyokong 11 buah syarikat untuk berbuat demikian dan biasanya kosnya adalah bergantung kepada *commercial negotiation* antara telco dan pihak yang berkenaan.

Saya tidak ada maklumat mengenai dengan berapa kosnya pada ketika ini dan jika ada nanti saya akan maklumkan Yang Berhormat. Berkenaan dengan soal yang dibangkitkan oleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Jadi Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri boleh memilih tidak memberikan jawapan kerana kalau

perkara-perkara yang baru boleh secara bertulis sebab kalau semua perkara baru ditimbulkan semasa Yang Berhormat Menteri menjawab, saya ingat tiga empat jam Yang Berhormat Menteri tidak akan dapat menghabiskan jawapan. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri menumpukan kepada jawapan kepada perbahasan yang telah ditimbulkan. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya faham Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Akan tetapi oleh sebab ini adalah medan saya untuk membuat penggulungan, saya cuba memberi peluang sekadar yang boleh tetapi pada pendapat saya juga saya telah memberi jawapan secara umum. Itulah sebabnya umum maka spesifik itu saya akan jawab secara bertulis. Sama juga apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya?

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Yang Berhormat bagi isu Yang Berhormat Sibu saya ingat oleh sebab Yang Berhormat bangkitkan itu soal berapa dibayar. Jadi...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Adakah Menteri mengaku bahawa di Sarawak menara telekomunikasi adalah dimonopolikan?

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Tidak sedemikian. Ada dalam berapa ketinggian yang tertentu maka ia akan dilakukan oleh syarikat yang telah disokong ...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Jadi ini monopolilah? Jadi, ini monopolilah?

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Kita kena ada lihat, kita kena harus menerima hakikat bahawa walaupun kuasa Kerajaan Persekutuan tetapi tanah itu juga kuasa kerajaan negeri. So, kerajaan negeri juga mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu dalam hal ini. Kalau kita lihat keseluruhannya kenapa banyak kelambatannya saya, ingat ini *floor* saya Yang Berhormat. Kalau boleh, duduk dahulu.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Peraturan Dewan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Mengenai dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Taiping secara umumnya apabila saya katakan tidak ada monopoli bahawa mana-mana syarikat yang mempunyai lesen boleh terlibat dalam perniagaan sedemikian. Itu maksudnya.

Bagi isu perjudian secara dalam talian, saya ingin katakan bahawa kementerian melalui SKMM telah memantau aktiviti melalui Sistem Pesanan Khidmat Ringkas yang mengandungi aktiviti judi dalam talian semenjak bulan September 2015. Sehingga kini pihak penyediaan perkhidmatan telah menyekat lebih daripada 8000 nombor yang didapati menghantar seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Jelevu mengenai isu penyebaran maklumat palsu, fitnah, hasutan melalui media sosial.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri tentang *illegal gambling*, SMS. Terima kasih saya dengar ada 8000 nombor telefon yang telah diharamkan. Walau bagaimanapun saya rasa mereka cukup canggih kerana walaupun sudah 8000, saya rasa ia mungkin ada 100,000 nombor telefon yang aktif sebab apabila semalam selepas saya bangkitkan kepada Timbalan Perdana Menteri, saya *post* dekat *WhatsApp* dan saya *post* dekat *Facebook* dan juga *Twitter*. Ramai rupanya semua orang yang dapat. *It's over. I mean* ini sangat berleluasa.

Saya tanya semua Ahli Yang Berhormat dan semua dapat tidak kira Melayu, Cina, India semua orang dapat SMS. *This is too much*. Saya rasa kita perlu ada *intervention* dan memberi, *hold the telco company accountable* sebab semua ini melalui *telco company*. Nombor-nombor ini mereka kena ada *responsibility* untuk cek dekat server itu, okey dekat syarikat-syarikat telco. Kalau tidak, bagi *warning*, bagi web *ban*. *Ban* mereka. Mereka akan terpaksa bertindak. Sebenarnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, tidak perlulah ulang-ulang Yang Berhormat. Isu ini pun sudah ditimbulkan dan saya percaya Yang Berhormat Menteri sedang memberikan jawapan kepada perkara tersebut. Kalau Yang Berhormat Subang telah timbulkan, Yang Berhormat Bayan Baru timbulkan lagi isu yang sama, Yang Berhormat Menteri menjawab Yang Berhormat Subang, selepas itu hendak menjawab Yang Berhormat Bayan Baru isu yang sama juga mengambil masa Dewan Yang Berhormat. Sila.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Yang Berhormat, oleh kerana Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan satu kokus Parlimen akan melihat perkara ini dan apa pun yang dibangkitkan ataupun yang dicadangkan bolehlah dikemukakan sedemikian. Cuma saya ingin katakan bahawa perjudian itu bukan dilakukan oleh SMS sebenarnya. SMS ini lebih kepada *promotion*. Ia dilakukan melalui web dan biasanya hos ini di luar negara. Kalau ia di dalam negeri, sudah tentu pada dasarnya kita akan sekat semua web tersebut. Akan tetapi ada antara perjudian ini hosnya adalah di luar negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Komunikasi Multimedia 1998 kini sedang di peringkat akhir proses pindaan yang antara lain akan memperkukuhkan dan memperkemas lagi mekanisme kawal selia internet dan juga media-media baru. Bagi memperkukuhkan mekanisme kawal selia internet dan media baru, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas membanteras penyalahgunaan media sosial yang dipengerusikan oleh saya sendiri selaku Menteri Komunikasi dan Multimedia, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan Jabatan Peguam Negara.

Jawatankuasa khas ini ditubuhkan untuk pertamanya memperkukuhkan koordinasi dan jalinan kerjasama antara agensi bagi memantau dan membanteras isu-isu berkaitan penyalahgunaan Internet dan media baru. Kedua memastikan tindakan tegas dikenakan

terhadap pihak yang menyalahgunakan media sosial bagi tujuan menyemai kebencian terhadap institusi kerajaan dan ketiga mengelakkan media sosial menjadi punca pencetus kekacauan melalui penyebaran pembohongan, kebencian oleh kumpulan ekstremis agama.

Sejak penubuhan jawatankuasa ini pada Januari 2016, sebanyak 52 buah laman telah disekat dan berbelas-belas kes telah disiasat di bawah seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Berkaitan dengan isu sekatan laman web yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Raub, sukacita saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan tidak menghalang sebaliknya mengalulakan perkembangan perkhidmatan-perkhidmatan dalam talian termasuklah portal-portal berita. Namun portal-portal berita khususnya perlulah peka dan bertanggungjawab di dalam menerbitkan laporan dan kandungan seterusnya memastikan bahawa setiap berita atau artikel yang diterbitkan adalah tepat, sahih serta tidak berunsur palsu yang boleh mengelirukan orang ramai.

Penerbitan atau penyebaran kandungan berita sedemikian adalah salah di sisi undang-undang dan pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil tindakan selaras peruntukan undang-undang sedia ada bagi mencegah timbulnya ketegangan sosial yang boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam.

Hak kebebasan maklumat dan kebebasan bersuara serta jaminan yang diperuntukkan oleh undang-undang negara tidak bermaksud bahawa mana-mana pihak bebas untuk melakukan kesalahan dan melanggar peruntukan undang-undang sedia ada.

Berkenaan sekatan terhadap portal *The Malaysian Insider*, pihak SKMM telah menerima aduan daripada pengadu awam melalui saluran Biro Aduan Pengguna SKMM pada 25 Februari 2016 berkenaan kandungan, artikel *The Malaysian Insider* yang didakwa berunsur palsu dan boleh menggugat keharmonian dan kestabilan negara.

Berdasarkan siasatan SKMM, perbandingan kenyataan rasmi daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mengenai nasihat yang telah diberikan oleh panel penilaian operasi dengan kandungan artikel TMI mendapati bahawa wujudnya elemen dan unsur yang tidak ditentu sahkan dalam artikel yang menjurus kepada palsu yang boleh menjadi kesalahan di bawah Seksyen 233, AKM 1998. Keputusan untuk menutup portal berita ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Sekejap. Berita TMI tersebut juga adalah berdasarkan pertimbangan komersial sebagaimana yang dinyatakan sendiri jelas oleh pengurusan TMI sendiri. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri...

■1230

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang mana satu Yang Berhormat? Ada dua orang yang bangun.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya rasa pada zaman waktu zaman orang kata global *village* ini. Kerajaan tidak seharusnya sampai ke peringkat menutup mana-mana portal. Kalau sekiranya memang ada kesalahan telah dilakukan oleh pihak *Malaysian Insider*, kita ada undang-undang yang sedia ada untuk bawa mereka ke mahkamah. *They must presume innocent until proven guilty*.

Jadi saya harap menutup satunya yang amat drastik dan tidak menunjukkan kerajaan bersikap *tolerate* dalam menghadapi *different of opinion*. Saya bukan mengatakan kita *condone* dengan apa yang salah. Kalau salah ambil tindakan tetapi jangan sampai tutup. Sudah tentulah bila mereka tutup, tidak berakses mana ada lagi syarikat-syarikat yang hendak mengiklankan di *website* yang telah ditutup. Itu logiklah. Jadi, mereka menggunakan alasan itu *to be nice to the government* tetapi pada hakikatnya saya harap kerajaan janganlah bersikap begini. Buka balik, benarkan.

Kalau ada salah, kita ambil tindakan yang sewajarnya tetapi bukan dengan menutup. Jangan juga sampai pinda akta sampai hendak dikenakan hukuman OSA. Hukuman sampai penjara seumur hidup. Itu janganlah. Sebaliknya saya harap kerajaan sampai masanya kenalkan akta *Freedom of Information Act*. Untuk kita semua menjadi sebuah kerajaan yang betul-betul telus dan berani berhadapan dengan rakyat dan tidak ada langsung takut untuk mendedahkan apa-apa maklumat, berkongsi maklumat dengan rakyat. Ini yang sepatutnya kita menuju ke arah itu untuk Wawasan 2020.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat ini pun... Yang Berhormat. Yang Berhormat sekejap Yang Berhormat, tunggu Yang Berhormat. Duduk dahulu Yang Berhormat. Semasa penggulungan untuk pencelahan ataupun pencerahan, jangan mengambil masa yang begitu lama untuk berucap. Cuma untuk bertanya soalan untuk pencerahan. Jadi, Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Saya beri peluang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata *Malaysian Insider* dia telah *quote unnamed sources* menjadikan ia berunsur palsu. Akan tetapi, saya hendak beritahu, Yang Berhormat Menteri pun seorang Menteri mesti tahu bahawa *reporter quoting unnamed sources* sebab dia hendak *protect the source* dan itu sebab adalah menjadi *the honest on the government to prove that this is wrong* — ini adalah *false reporting*.

Jadi sekarang, Menteri telah hukum dengan *banned* terus, haramkan terus. Itu menjadikan masalah dan saya juga hendak *quote* ambil poin satu insiden lagi iaitu *Wall Street Journal*. *Wall Street Journal* juga *quote unnamed sources* di mana Yang Berhormat Menteri pun pernah kata itu tidak betul dan palsu. Kenapa ada *double standard, you banned Malaysian Insider*, kenapa tidak *banned Wall Street Journal*? *What is your response to that? You have to kena adil to both*. Kalau hendak *ban, ban* sekali. Saya hendak buka, buka sekali, minta respons.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh sedikit Yang Berhormat Menteri? Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri soal penutupan laman sesawang khususnya yang berbeza pendapat dengan kerajaan. TM ataupun *the Malaysian Insider* bukan satu-satunya portal yang ditutup. *Asia Sentinel* misalnya, kita baca laporan *Asia Sentinel* ada banyak berbeza pendapat dan banyak perkara-perkara yang didedahkan. Soalan saya ialah, apa jadi dengan transformasi politik yang dilaung-laungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Kalau transformasi ini menunjukkan negara kita di belakang? Apa sahaja yang berbeza pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *block*, tutup. *Is that the position of the government?* Dengan izin. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Saya cuma ingin katakan...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Bahawa kita bukan sewenang-wenangnya untuk menyekat. Kita bukan *actually* menyekat mana-mana *blog* ataupun *webs* ataupun *paper online* kerana sudah tentulah jika ada aduan yang diterima, maka badan penyiasat akan mengkaji sama ada, ada di antara mereka ini yang telah melanggar seksyen 233. Jika berpendapat mereka tidak ada, maka akan dikemukakan kepada panel yang ditubuhkan secara dalaman oleh pihak SKMM.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Jika ada yang sedemikian, mereka akan mengambil langkah-langkah yang tertentu. Kadangkala mereka mengambil keputusan untuk merujuk perkara tersebut kepada pihak yang berkenaan untuk mereka minta agar penjelasan diberi kerana tahu mereka juga boleh membuat perubahan ke atas artikel tersebut kerana pada pendapat mereka ada di antara mereka ini, ada di antara artikel ini yang sudah bertentangan dengan seksyen 233. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Sepang tentang beberapa perkara tetapi kita juga kena bersikap adil pada SKMM kerana mereka menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya. Ini bukanlah keputusan seorang Menteri tetapi saya juga dimaklumkan tentang keputusan yang mereka buat. Kita tidak ada *double standard* dalam hal ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap, Yang Berhormat Menteri. *One minute. One minute.*

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Sekejap Yang Berhormat. Sekejap. Saya akan beri peluang. Pada dasarnya berbeza pendapat itu perkara biasa. Telah

saya katakan tadi, kita boleh berbeza pendapat, kita boleh mengurus perbezaan kita. Kita juga boleh meraikan perbezaan. Akan tetapi ada perkara-perkara yang tidak boleh kita lakukan. Jika kita fikir *posting* tersebut boleh mengelirukan keadaan, boleh membuatkan keadaan yang tidak adil pada banyak pihak maka sebab itulah kita harus mengambil tindakan berdasarkan kuasa yang ada pada kita.

Memang dari segi sama ada ia boleh dakwa ataupun tidak itu sudah tentulah terpulang pada pihak Peguam Negara yang bertanggungjawab dalam soal pendakwaan ini. Jadi pada umumnya, kita tidak sewenang-wenangnya. Kita ada menurut pada tahun 2010 mengikut mantan Menteri kita ada lebih dua juta *blogs*. Di mana kita lihat *blog* itu yang masih lagi wujud sekarang dan kita lihat perbezaan itu ada mengkritik kerajaan. Perkara biasa, tidak sampai ke tahap kita akan sekat semua *blogs*.

Akan tetapi jika ada aduan, tidak kira aduan itu melibatkan pemimpin pekerjaan ataupun pemimpin pembangkang, kita akan buat layanan yang sebaik-baiknya. Contohnya dahulu pernah Yang Berhormat Puchong telah mengemukakan kepada kita untuk menyiasat satu siaran video yang difikir telah salah dan kita telah ambil tindakan yang sewajarnya telah kemukakan kepada pihak yang berkenaan. Ada antara bantahan ini yang melibatkan *webs* di luar seperti *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya. Jika ini berlaku, tanggungjawab kita ialah untuk memaklumkan kepada mereka agar mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Ada di antara mereka ini yang berbuat sedemikian ada yang tidak. Jadi pada saya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Apa yang penting pada kita ialah untuk memahami keadaan sebenar. Saya hormat pandangan-pandangan yang telah dikemukakan tetapi saya harap juga Ahli-ahli Yang Berhormat memahami.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri. Sedikit. Sedikit.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** *Last*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]:** Jelevu, Jelevu, Jelevu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri. Saya rasa ini apabila kita menggunakan kuasa di bawah Akta 233 untuk terus kita sekat. Hakikatnya, kita telah menghukum. Kita telah menghukum sampai ke peringkat mereka tidak boleh beroperasi dan di sana mereka ada pekerja-pekerja mereka perlu bayar. Sampai kata ada seorang yang mengandungi ini semua kita harus ambil kira sebab itu bagi saya kalau mereka buat salah kita ambil tindakan mengikut undang-undang dakwa mereka di mahkamah. Biarlah mahkamah yang menentukan salah tidak salah. Kalau kita buat dalam program dalaman, mereka tidak diberi peluang untuk bela diri.

Jadi ini satu, kata orang *unfair* sedangkan Firaun pun bila dia sudah hendak bunuh ahli-ahli sihir dia bagi peluang itu tanya dahulu. Jadi kita janganlah jadi lebih teruk daripada Firaun. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jangan jadi lebih teruk daripada Firaun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang penutupan *the Malaysian Insider* ini kerana saya lihat apa yang dinyatakan oleh pihak pembangkang tadi itu takut mengelirukan masyarakat kerana kalau kita lihat dari segi terdengar dan terbaca, penutupan *Malaysian Insider* ini disebabkan *overhead* mereka dan juga disebabkan hutang yang mereka kena tanggung. Sama ada betul atau tidak saya rasa penting untuk diperjelaskan. Bukan kerana kerajaan sengaja hendak menyekat dan setiap pemberitaan yang diadakan dalam lawan sesawang tersebut. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terakhir ya.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jejebu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Setujukah Yang Berhormat Menteri kalau saya katakan bahawa sebagai *regulator* apa yang perlu dilihat ialah bukan kepentingan-kepentingan *bloggers* ini. Akan tetapi harus melihat kepentingan negara, keselamatan negara, keharmonian negara menjadi keutamaan dan mana-mana keadaan yang boleh menjejaskan senario ataupun keadaan ini, *regulator* mengambil tindakan itu adalah tepat.

Jadi, tahniah kepada kementerian. Apakah ini menjadi satu dasar ataupun satu perkara pertimbangan penting yang sentiasa berada dalam pemikiran kementerian bahawa kalau mana-mana ada unsur fitnah, unsur perkauman, unsur penghinaan tidak kira daripada *blog* mana atau dari web mana kerana ini boleh menjejaskan kepentingan negara, keselamatan negara itu lebih besar.

#### ■1240

Maka tindakan menutup dan sebagainya itu merupakan langkah awal kepada pencegahan dan yang hendak diselamatkan itu ialah rakyat yang lebih ramai dan negara yang lebih penting berbanding dengan blog ataupun web berkenaan. Apakah itu menjadi pertimbangan kepada Menteri dan kementerian.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma ingin ulas bahawa *Malaysian Insider* ini bukan kita yang tutup, kita sekat kepada TMI ini kerana kesalahan yang mereka telah lakukan. Bukan kerana kita ia menjadi rugi, *Rakyat Post* pun pula tutup dengan sendirinya tanpa ada sekatannya kerana ini adalah pertimbangan komersial daripada pihak mereka.



Kalau kita ikut cakap Yang Berhormat Sepang bahawa kita perlu tunggu ia didakwa baru bertindak, kerana banyak juga web ini yang terlibat dengan soal lucah, pornografi di mana ia memerlukan kita untuk bertindak, tetapi saya ingin katakan bahawa jika mereka itu ada kesalahan dari segi undang-undang, sudah tentulah pihak yang berkenaan, pihak polis dan juga pihak AG akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Akan tetapi berdasarkan kuasa yang ada dalam seksyen 233 ini, di mana kita bertanggungjawab untuk menentukan agar perkembangan internet di Malaysia ini haruslah berjalan dengan sebaik-baiknya. Ia adalah satu kemudahan yang harus rakyat gunakan, kebebasan bercakap itu penting tetapi kebebasan untuk merosakkan negara itu adalah salah dan itu yang paling penting.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mana ada kaitan dengan pornografi.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri sikit sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Adakah *Malaysian Insider* terlibat pornografi.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Berhubung dengan isu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Come on* lah, pornografi orang semua tahu, tidak payah cakaplah Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Faham Yang Berhormat. Berhubung dengan isu sekatan laman web ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Janganlah gunakan alasan pornografi.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** ...Sukacita saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa secara prinsipnya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Give sensible answer* lah.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** ...Apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang di alam nyata turut menjadi kesalahan di dalam talian.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh mengenai peranan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kementerian mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi menambah baik perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian dan terima kasih sama ada bersetuju ataupun tidak bersetuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Sila Yang Berhormat Menteri.

**12.42 tgh.**

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam bahagia dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih atas keprihatinan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu alam sekitar sepanjang tempoh perbahasan titah diraja pada Mesyuarat Penggal Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Ke-13 tahun ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini seramai 17 Ahli Yang Berhormat telah membahaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Untuk menggulung isu-isu persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah membahagikan kepada isu tanah, isu hutan, isu *greenhouse gasses*, isu banjir dan yang terakhir sekali ialah isu bauksit.

Jadi yang pertama Yang Berhormat isu tanah yang telah disebutkan Yang Berhormat Jerantut menyentuh berkenaan tanah-tanah yang telah diperuntukkan untuk jabatan ataupun kementerian-kementerian tertentu di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian yang tidak dibangunkan setelah beberapa lama. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan telah memaklumkan kepada Unit Penyelaras Pelaksanaan iaitu ICU, Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri supaya mengelakkan kementerian menggalakkan kementerian menggunakan tanah sedia ada di bawah kawalan kementerian masing-masing dan tidak menggalakkan perolehan tanah baru.

Perancangan kegunaan tanah adalah di bawah tanggungjawab kementerian atau jabatan pengguna iaitu kementerian yang telah memohon tanah pada awalnya. Urusan perolehan dan pembangunan tanah oleh pihak kementerian haruslah memberikan keutamaan kepada tanah-tanah sedia ada. Selain daripada itu tanah yang tidak dibangunkan ia diserahkan kepada negeri dengan bayaran semula kepada Kerajaan Persekutuan berdasarkan nilai tanah tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Bukit Mertajam mencadangkan supaya Kanun Tanah Negara dipinda iaitu seksyen 79 bagi memasukkan hak perumahan bagi perkara-perkara dipertimbangkan semasa memberi hak milik tanah untuk oleh kerajaan dan seksyen 42 untuk mengiktiraf hak perumahan sebagai perlindungan daripada kesalahan penduduk tanpa kebenaran tanah kerajaan atau tanah rizab.

Pihak kementerian mengucapkan terima kasih atas cadangan yang telah dikemukakan Ahli Yang Berhormat untuk meminda Kanun Tanah Negara 1965 bertujuan menambah baik peruntukan yang sedia ada. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian mengambil maklum isu penduduk tanah tanpa kebenaran hasil penerokaan tanah yang telah dibuat oleh mana-mana pihak.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Mertajam, Kanun Tanah Negara 1965 yang diguna pakai di Semenanjung Malaysia telah digubal berasaskan sistem Torrens dari Australia. Sistem ini mengamalkan prinsip *indefeasibility of title*. Ada juga orang mengatannya *mirror and*

*curtain principle*. Prinsip yang dikatakan *indefeasibility of title* ini ialah berlandaskan siapa namanya terkeluar di dalam *title* dialah punya tanah. Juga disebut sebagai *mirror, mirror* maknanya mencerminkan bahawa apa yang terkandung dalam *title* itu, itulah tuan punya tanah.

Begitu juga apa dikata di sini juga dipanggil *curtain* tadi bahawa apa sahaja yang tidak didaftar dalam tanah itu makna tidak ada hak kepada tanah tersebut. Maknanya dia perlu didaftar dan makna siapa menduduki tanah itu sebagai penghuni ataupun menerokai tanah tersebut, tanah kerajaan ataupun tanah sesiapa tidak berhak menuntut di atas tanah tersebut. Jadi maknanya prinsip ini apa yang berlaku di sebalik kepentingan yang didaftar adalah tidak diiktiraf. Dalam hal ini segala urusan meneroka tanpa izin tanah tersebut tidak dapat diiktirafkan.

Namun begitu penerokaan tanah ini memberi masalah kepada kerajaan dan mendatangkan masalah sosial kepada komuniti setempat disebabkan penerokaan tanah dibuat tanpa melalui prosedur kelulusan pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan. Ini juga ingin saya makluman bahawa tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri di bawah Perlembagaan, bukan di bawah kuasa Kerajaan Pusat.

Di samping itu berlaku keadaan di mana penerokaan dibuat oleh mereka yang telah memiliki tanah di tempat-tempat lain dan ada keadaan di mana-mana tanah ini disewakan oleh peneroka kepada pihak-pihak yang lain pula. Jadi inilah landasan-landasan kenapa saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat, walaupun tujuannya amat murni dan baik tidak dapat diamalkan di negara kita ini. Pada masa ini kerajaan berpandangan peruntukan Kanun Tanah Negara sedia ada wajar dikekalkan tapi kemaslahatan jangka masa panjang umumnya dan kepentingan negara amnya.

Dalam konteks isu perumahan, kerajaan juga telah merangka beberapa program bagi memastikan dapat disediakan bagi kumpulan sasaran. Contohnya beberapa golongan sasaran yakni golongan *bottom 40* berkepentingan isi rumah kurang daripada RM3,860 sebulan dan *middle 40%* berpendapatan isi rumah RM3,860 hingga RM8,319 sebulan. Antara program yang sedang di laksana oleh kerajaan bagi membantu golongan ini adalah Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia ataupun PR1MA, Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia ataupun PPA1M, Projek Rumah Mesra Rakyat, Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

Kedua, Tuan Yang di-Pertua lagi menyentuh perkara di bawah bidang kuasa kerajaan negeri iaitu isu hutan.

#### ■1250

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua dibangkit ialah berkenaan isu hutan. Yang Berhormat Tebrau mohon supaya kerajaan mengambil pendekatan agresif dalam usaha memelihara hutan dan segala hidupnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa komited dalam usaha memelihara dan memulihara hutan selaras dengan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara diliputi pokok-pokok dan kawasan perhutanan.

Antara inisiatif di dalam menjayakan komitmen ini adalah, sebelum itu ingin saya menunjukkan bahawa tindakan kerajaan dalam mengekalkan kawasan hutan di seluruh negara adalah seperti berikut. Di Semenanjung Malaysia kita mempunyai 5.80 juta hektar hutan iaitu bermakna 44.03%, Sabah mempunyai 4.44 juta hektar iaitu 60.20%, yang mana Sarawak 8.03 juta hektar iaitu 64.89%. Ini bermakna, 18.27 juta hektar kawasan perhutanan di seluruh Malaysia masih wujud iaitu dengan nisbah 55.32%.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Perkara ini perlu kita kekalkan sebagaimana yang telah negeri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Indera Mahkota bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Indera Mahkota depan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas jawapan yang cukup jelas. Hanya saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apa Yang Berhormat Menteri katakan tadi iaitu Kanun Tanah Negara kita wajib kekalkan, saya setuju. Sesungguhnya, Kanun Tanah Negara ini walaupun tanah dan hutan adalah di bawah penjagaan negeri, tetapi Kerajaan Pusat memiliki *the National Land Council* dan juga satu lagi *National Forestry Council* kalau tidak silap saya. Kedua-dua ini dipengerusikan tidak silap saya oleh Perdana Menteri. Mungkin melalui kedua-dua ini dapat menyelaras dan mengawas perjalanan ketempangan sama ada tanah ataupun hutan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, *National Land Council* dengan *National Forestry Council* masih ada?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat memang mengetahui oleh sebab pernah menjadi badan pentadbiran kerajaan pada suatu ketika dahulu. Sebenarnya, kita masih mengamalkan dan mesyuarat Majlis Tanah Negara itu masih dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Segala keputusan Majlis ini perlu dipatuhi oleh pihak kerajaan negeri apabila dibuat keputusan.

Akan tetapi Yang Berhormat, saya banyak berbincang soalan ini oleh sebab ia dari sudut undang-undang. Apabila pihak kerajaan negeri membuat satu perancangan, tuan punya tanah. Dengar betul-betul percakapan saya Yang Berhormat ya. Membuat satu perancangan dalam bidang tanah mereka dan kalau pihak Majlis Tanah Negara di bawah Perlembagaan tidak bersetuju dengan pembangunan ini, umpamanya begini Yang Berhormat, saya beri contoh.

Apabila pihak Pulau Pinang membuat *reclamation* dan pihak Pulau Pinang tidak memohon kepada Kerajaan Pusat untuk memberi geran tanah *perpetuity* kepada pihak *developer*. Jadi persoalannya, walaupun dalam Majlis Tanah Negara mungkin tidak bersetuju keseluruhannya untuk pihak Pulau Pinang dan negeri-negeri yang lain untuk membuat perkara yang sedemikian berlandaskan *perpetuity*. Kalau diberi dengan orang Malaysia, mungkin tidak menjadi satu masalah. Akan tetapi kalau diberi dengan orang asing, orang Cina, orang India dan orang Melayu daripada negara lain, mungkin itu menjadi satu masalah.

Akan tetapi persoalannya, belum ada sesiapa pun membawa kes sedemikian ini ke mahkamah untuk diputuskan. *The fatal arbitration of any decision that you make must be decided by the final arbitration* iaitu mahkamah. Jadi, sebelum ada membuat keputusan ini, berlakulah, maka Pulau Pinang buat *reclamation*, serah dengan syarikat kepunyaan negara China dan kita tidak boleh buat apa-apa. Apakah tindakan yang Majlis ini boleh buat? Saya belum tahu lagi. Jadi saya pernah bertanya kepada saya sendiri sebagai seorang peguam, *it would have been a very much better if ours to bring this case to court and let the court decide what will the answer be in the event that this kind of practice is to be continued.*

Jadi, dalam keadaan sedemikian Yang Berhormat, saya hanya menyebut amalan dan kuasa masing-masing. Tanah kerajaan negeri, Majlis Tanah Negara dipengerusikan oleh Perdana Menteri yang mana semua Menteri Besar dan Ketua Menteri menjadi ahli dan dasar-dasar tanah disebut di dalam Majlis Tanah Negara, tetapi pihak negeri patut akur mengikut Perlembagaan. Akan tetapi dalam masa yang sama, ada juga keputusan ini tidak didengar. Dalam keadaan sedemikian, hanya mahkamah boleh membuat satu keputusan.

Berbalik kepada persoalan ini Yang Berhormat, untuk menjayakan komitmen kerajaan untuk mengekalkan 50% dari hutan itu tadi:

- (i) mengekalkan kawasan hutan simpan kekal sedia ada untuk diurus melalui amalan pengurusan hutan secara berkekalan bagi faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar untuk kepentingan rakyat dan negara;
- (ii) untuk mewartakan kawasan cadangan hutan simpan kekal yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai hutan simpan kekal. Ini juga Yang Berhormat boleh tanya dengan saya. Saya boleh jawab di mana letaknya kuasa Kerajaan Pusat kalau hutan ini hendak diletakkan ataupun diwartakan sebagai hutan kekal;
- (iii) mewartakan kawasan-kawasan tanah kerajaan berhutan sebagai hutan simpan kekal;
- (iv) menggantikan mana-mana kawasan hutan simpan kekal yang telah dikeluarkan atau dimansuhkan dengan kawasan hutan lain yang lebih kurang sama keluasannya. Ini juga pengeluaran daripada pewartaan ini dibuat oleh pihak kerajaan negeri dan dalam syarat kita, mesti digantikan dengan hutan yang sama besarnya untuk kegunaan supaya kita jangan hilang hutan;
- (v) meningkatkan kualiti kawasan hutan simpan kekal melalui aktiviti restorasi dan pemuliharaan kawasan hutan kerosot;
- (vi) melaksanakan aktiviti pemuliharaan in-situ ataupun ex-situ terutamanya bagi spesies flora dan *endangered, rare and threatened (ERT)*;
- (vii) memperkemas mekanisme pengurusan hutan melalui program *National Blue Ocean Strategy* seperti *1Malaysian Biodiversity Enforcement Operation Network* yang baru saya lancar, baru dua tiga

hari lepas di Pahang dan *Centralised Enforcement Team (CET)*, penubuhan pasukan elit penguatkuasaan *GPSM Elite team* dan penggunaan teknologi dan peralatan terkini seperti *forest monitoring system, remote sensing, unmanned aerial vehicle, geographical information system (GIS), hyperspectral sensor and global positioning system (GPS)*; dan

- (viii) mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan R&D dalam perhutanan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerana ada perkara yang telah dibangkitkan di dalam Parlimen ini pada dua tiga hari lepas, saya ditanya berhubung dengan pembangunan di kawasan Parlimen yang mana ada pokok yang telah ditebang. Sebenarnya Parlimen sendiri telah membuat satu perjanjian ataupun *understanding* dengan pihak FRIM untuk *tagging* setiap pokok di kawasan Parlimen. Kita sudah *tagged* semua pokok di kawasan Parlimen dan kita sudah mengetahui berapa pokok yang ditebang oleh sebab pembangunan.

Kita menunggu arahan daripada pihak Parlimen sama ada bila boleh kita menanam semula untuk *we recover back all the trees that we have cut down*. Walau bagaimanapun, tidak ada satu pun pokok dalam kawasan Parlimen yang ditebang ini termasuk dalam kumpulan yang dikatakan *endangered, rare and threatened* spesies tadi. Jadi maknanya, pokok-pokok yang berada dalam Parlimen boleh. Laporan yang amat terperinci dibuat oleh pihak FRIM kepada saya kerana pertanyaan dibangkitkan pada suatu ketika dahulu. Jadi maknanya Yang Berhormat, dalam kawasan Parlimen pun kita...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya yang bangkitkan Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Akan tetapi oleh sebab kuasa ini adalah terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua, hanya dengan arahan Tuan Yang di-Pertua, baru kementerian kami boleh masuk mengambil tindakan. Ya, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya hendak ambil tahu, adakah sebelum mana-mana pokok ditebang, adakah keperluan kementerian untuk memberi kelulusan? Macam di Australia, *even trees in the private properties* perlukan kebenaran. Bagaimanakah keadaan di negara kita?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sedikit Yang Berhormat. Sedikit Yang Berhormat, boleh atau tidak? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sebelum kita *break*. Saya hendak minta jasa baik Yang Berhormat, saya Tuan Yang di-Pertua, jarang membangkang, hendak puji Menteri ini tetapi saya hormatlah. Ada benda yang betul, betul juga. Jadi oleh sebab saya melihat banyak aduan dalam kalangan hutan-hutan simpan seperti *our National Park* dan juga *our Rompin tropical park which is the oldest tropical forest* yang ada di dunia, saya mendapat maklumat bahawasanya ada kecurian. Saya mohon jasa baik Yang Berhormat Menteri agar *to do a little bit of inventory*, menyiasat sama ada tuduhan itu benar atau tidak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ada dua. Kalau dibenarkan, saya boleh jawab Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila, sila.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Pertama, soalan penebangan pokok Yang Berhormat. Sebenarnya negara macam Australia, bahkan Sri Lanka Yang Berhormat, kalau pergi Sri Lanka, hendak tebang pokok di Sri Lanka, kalau kita beli satu bidang tanah, walaupun tanah itu kepunyaan kita, pokok kelapa, pokok pinang dan sebagainya, kalau hendak tebang itu minta kebenaran daripada kerajaan dahulu. Kalau tidak mendapat kebenaran, itu menjadi kesalahan di bawah undang-undang mereka.

Akan tetapi kita sudah lulus dasar ini pada tiga tahun yang lepas, tetapi tidak boleh diterima dalam Mesyuarat Menteri-menteri Besar. Menteri-menteri Besar tidak bersetuju dengan dasar ini sebabnya... [*Disampuk*] Ini saya bercakap terus terang ini. Menteri-menteri Besar tidak boleh bersetuju sebab pentadbiran PBT adalah di bawah kerajaan negeri. Apabila mereka hendak membesarkan jalan, potong pokok tanaman mereka, ini perlu kebenaran daripada pihak-pihak yang tertentu.

Jadi itulah kenapa salah satu dari dasar yang dilaporkan baru pun dua tiga bulan lepas semasa saya sudah mengambil alih menjadi seorang Menteri, salah satu daripada dasar Kerajaan Pusat yang tidak dapat dilaksanakan, kerana *resistance* daripada pihak negeri, tuan punya pokok-pokok dan tanah-tanah. Ini realiti negara kita. *Federalism arrangement* kita Yang Berhormat. Itu yang pertama. Geleng kepala memang betul Yang Berhormat. Realiti, saya ada jawapan.

Kedua, Dato' daripada... – Apa nama kawasannya tadi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Indera Mahkota.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Indera Mahkota. Biasanya Yang Berhormat Indera Mahkota yang ketawa besar itu dahulu, sudah pindah sudah. Jadi Yang Berhormat Indera Mahkota, memang Yang Berhormat, kita tahu soal kecurian ini tetapi sebagaimana saya sebutkan tadi, *enforcement* kita walaupun ada tetapi belum lagi mencukupi dan kita masih berbincang dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk menambahkan *forest ranger* kita sebagaimana di Sarawak dibuat. *Forest ranger* kita, *biodiversity ranger* kita berlandaskan dasar-dasar yang lain itu kita hendak dipertingkatkan walaupun kita mempunyai kerjasama dengan pihak tentera, dengan polis, dengan pihak RELA dan sebagainya, masih belum mencukupi Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Saya cadangkan tadi *aerial survey*, *aerial supervision*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ini pun kita sudah ada Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita sudah mempunyai *drone* ini. Pihak yang ada mempunyai *drone* ialah pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan pihak PERHILITAN sudah mempunyai *drone* sendiri tetapi jumlahnya belum dianggap mencukupi. Belum semua negeri mendapat *drone* ini, jadi *insya-Allah*, kita akan mempertingkatkan kemampuan dan kebolehan kita dalam sudut menggunakan *drone*. Jadi, saya akan sambung lagi selepas ini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, kita sambung 2.30 petang ya. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung persidangan kita jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.04 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**2.33 ptg.**

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang saya menyambung hujah yang baru sedikit saja mukadimah tadi.

Sebenarnya Yang Berhormat Indera Mahkota bertanya berhubung dengan Majlis Hutan Negara. Sebenarnya dalam Perlembagaan, hanya satu Majlis Tanah Negara. Pada satu ketika dahulu memang kita pernah mencuba mengamalkan satu Majlis Tanah Negara dan kita wujudkan satu Majlis Hutan yang mana dengan tujuan yang murni oleh pihak kerajaan. Akan tetapi oleh kerana Majlis Hutan ini tidak ada peruntukan di bawah Perlembagaan, maka ia telah lenyap dengan sendiri.

Walau bagaimanapun dalam kita merangka pembangunan negara, kerajaan masih mengamalkan ada tiga majlis yang besar, ada hubung kait sedikit sebanyak dengan hutan iaitu Majlis Pembangunan Fizikal Negara yang mana apa-apa pelan yang hendak dibangunkan oleh pihak kerajaan sama ada peringkat negeri ataupun atas cadangan pihak tertentu yang dimajukan kepada pihak kerajaan sebelum memutuskan di peringkat kerajaan tempatan, dimajukan dahulu kepada majlis ini, sama ada sesuai ataupun tidak pembangunan itu dilaksanakan iaitu Majlis Pembangunan Fizikal Negara yang dipengerusi juga oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Satu, yang ketiga ialah Majlis Air Negara. Majlis Air Negara juga tidak mempunyai *provision constitutional* tetapi diwujudkan oleh kerana pentingnya air kepada negara. Jadi dengan itu ia wujud dan dipengerusi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Pada masa



sekarang kita melihat bahawa masalah air ataupun perkara berhubung kait dengan air adalah amat penting. Ia juga melibatkan persoalan hutan oleh kerana tadahan air dan sebagainya itu. Jadi maka ini juga ada implikasi hutan dan kerjasama di antara pusat dan negeri mesti diwujudkan untuk pendekatan yang terbaik untuk mengatasi masalah ini.

Jadi, saya masih terus kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Jerantut, menyarankan agar pembangunan hendaklah mengambil kira aspek-aspek alam sekitar terutamanya di kawasan-kawasan sensitif seperti kawasan tadahan air, kawasan taman negeri mahupun kawasan taman negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedar bahawa khazanah hutan negara merupakan Hutan Hujan Tropika adalah warisan semula jadi, unik dan kaya dengan pelbagai flora dan fauna. Pada tahun 2015 kawasan perhutanan Malaysia merangkumi sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi 18.27 juta hektar ataupun 55.34% daripada jumlah kawasan keluasan tanah seluruh 33.013 juta hektar. Daripada jumlah ini, seluas 12 juta hektar telah diwartakan sebagai hutan simpan kekal dan 1.45 juta hektar sebagai kawasan perlindungan kawasan hutan simpanan kekal diurus melalui amalan pengurusan hutan secara berkekalan untuk kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Selaras dengan keperluan dan ekspektasi masyarakat masa kini, pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia telah berubah tumpuan daripada pengeluaran hasil kayu-kayuan kepada konservasi pemeliharaan sumber asli termasuk kepelbagaian diversiti bekalan air, ekopelancongan, kestabilan alam sekitar dan sumber genetik untuk masa hadapan.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Yang Berhormat, boleh saya, di sini.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, sila.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau boleh saya mendapat sedikit penjelasan. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat Menteri nyatakan tentang soal bagaimana hutan itu sebenarnya ialah satu kawasan yang penting dan sebenarnya kalau digunakan perkataan Inggeris ialah, *the back hand* kepada bekalan air. Kita mempunyai Majlis Air Negara dan kita juga melihat bagaimana telah *difederalizekan* soal bekalan air. Akan tetapi punca kepada air yang kita perlu untuk minum air bersih di bandar-bandar dan juga di kampung-kampung tentunya ialah kepada soal kawasan *catchment* itu.

Adakah kementerian Yang Berhormat bercadang umpamanya untuk memikirkan bagaimana usaha untuk *federalize* pula *catchment* ini, kawasan-kawasan tadahan ini agar bekalan air keseluruhannya daripada kawasan tadahan hingga kepada sungai dan seterusnya kepada tempat proses loji pemprosesan air dan bekalan pengagihan, bekalan kepada pengguna dan rakyat dapat diadakan secara yang tersusun dan sempurna. Jadi yang tidak ada hari ini ialah kawalan kepada kawasan tadahan.

Saya rasa kalau boleh *difederalizekan*, ada usaha *federalize* kan bersama-sama dengan pihak Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan-kerajaan negeri, kita boleh dapat mengawal

kawasan tadahan supaya kualiti air dan kualiti sungai terutamanya dapat kita jaga dan pelihara, bukan saja dari segi biodiversiti kawasan hutan tetapi juga untuk dari segi bekalan air itu sendiri.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *Point* yang sama Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ada pengalaman sedikit di Pahang. Saya menyokong penuh pandangan daripada Johor Bahru dan apa yang disuarakan oleh Jerantut bahawasanya yang lebih penting ialah kawasan-kawasan tadahan. Pengalaman kami di Kuantan, saya orang Kuantan. Tiap-tiap kali musim tengkujuh, dua kampung sahaja akan terkena banjir.

Antaranya ialah Kampung Galing iaitu kampung saya sendiri. Akan tetapi apabila kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu, tidak ada lagi banjir. Hanya apabila dibenarkan pemotongan 30 ribu, 40 ribu ekar tanah di kawasan tadahan hulu sungai Kuantan, hari ini tiap-tiap kali hujan, musim tengkujuh kawasan seperti yang kita dengar selalu di Kampung Sungai Isap di Kuantan yang terdiri daripada ribuan rumah orang kos rendah terlibat dengan banjir yang merugikan rakyat jelata yang miskin.

■1440

Jadi, saya sokong pandangan daripada Yang Berhormat Johor Bahru agar Kerajaan Pusat juga memberi pertimbangan kepada kawasan-kawasan tadahan air. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Gerik pun bangun Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya cukup bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Johor Bahru dan juga Yang Berhormat Kuantan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Cumanya Yang Berhormat Menteri, pada hari ini, peringkat kerajaan negeri, kawasan tadahan air ini tidak dirizabkan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Macam mana Yang Berhormat Kuantan tidak cakap dia setuju dengan Yang Berhormat Kuantan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya sudah betulkan Yang Berhormat. Indera Mahkota sebenarnya Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Oh! Indera Mulia minta maaf. Saya kadang tengok Dato' Fauzi bin Abdul Rahman saya bayang Yang Berhormat Kuantan, minta maaf. Fasal kalau kita melihat dasar kerajaan negeri pada masa lampau, kawasan di tepi-tepi sungai ini tidak diberi pembalakan. Sebenarnya pada hari ini, kawasan inilah pembalakan yang paling hebat dan menjadi rebutan kepada pembalakan-pembalakan.

Maka, kalau boleh dirundingkan kerajaan negeri dengan kementerian sendiri supaya dijadikan kawasan tadahan air di pinggir-pinggir sungai ini. Kalau pembalakan diberikan, ia bukan sekadar memberi kesan kepada kampung sekitar tetapi menjejaskan bekalan air untuk sungai

dan juga mungkin tasik yang dibina di mana-mana dalam negeri ini. Mohon pertimbangan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelebu pun bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan? Ya Yang Berhormat Jelebu.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ringkas Yang Berhormat.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Pendek, pendek sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin menambah sedikit daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Johor Bahru tentang kepentingan sumber air ini. Ini kerana sumber air ini sumber yang semakin berkurangan dan untuk jangka panjangnya. Jadi apakah Yang Berhormat Menteri atau kementerian ataupun Kerajaan Persekutuan mengambil langkah drastik supaya *difederalizekan* hutan dan kawasan tadahan ini? Akan tetapi kita mestilah bertimbang rasa, baru kita tahu kerajaan negeri-kerajaan negeri sebahagian besarnya sumber pendapatan ataupun sumber pendapatan mereka dari kawasan-kawasan tadahan dalam hutan ini, pembalakan dan sebagainya.

Oleh sebab itu, Kerajaan Persekutuan mungkin boleh menimbangkan apabila kawasan ini dirizabkan sebagai kawasan tadahan yang tidak boleh dibuat apa-apa aktiviti tetapi Kerajaan Pusat membuat pampasan dan *compensation* kepada kerajaan negeri. Jadi barulah saya fikir kerajaan negeri akan boleh menimbangkan isu ini tetapi kalau hendak ambil macam itu sahaja, saya fikir kita aniaya kerajaan negeri kerana mereka bukanlah mempunyai sumber yang banyak. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri melihat daripada aspek ini supaya beberapa kaedah pampasan pergi kepada kerajaan negeri bagi membolehkan Kerajaan Pusat mengawal dan menjaga kawasan-kawasan tadahan ini? Ini kerana ia penting untuk sumber air negara bukan pada masa ini tetapi juga pada masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada empat orang Ahli Yang Berhormat bertanya berhubung dengan perkara yang hampir sama. Pertama, daripada Yang Berhormat Johor Bahru mengatakan tadahan air *difederalizekan* dan juga tempat pembalakan juga di tadahan air yang disebut oleh Yang Berhormat Indera Mahkota dan Yang Berhormat Gerik menyokong dua-dua bersama dengan Yang Berhormat Jelebu pun bersetuju. Biar saya beri satu gambaran, Tuan Yang di-Pertua.

Berbalik kepada asas berhubung dengan perkara hutan dan tanah ialah kepunyaan kerajaan negeri. Kerajaan Pusat kalau berkehendak, perlu minta dengan kerajaan negeri selain daripada tanah-tanah yang memang sudah di bawah Kerajaan Pusat. Jadi pada mesyuarat kalau tidak salah saya, saya tiada tarikh sama ada dua bulan atau tiga bulan yang lepas, Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara kalau tidak salah saya, saya telah mengarahkan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung membentangkan satu kertas berhubung dengan *The Forest Spine, Central Forest Spine System*. Sama dengan *Heart of Borneo* Tuan Yang di-Pertua di Sabah, di Sarawak, Brunei dan Kalimantan yang mana kita hendak sambungkan semua *fragment*

*forest* ini kepada satu-satu tempat supaya dia menjadi satu kawasan perhutanan yang lebih besar.

Satu, menambahkan hutan rizab. Kedua, untuk membesarkan kawasan-kawasan tempat binatang-binatang fauna ini berkeliaran. Umpamanya binatang-binatang besar seperti gajah, *tiger* dan sebagainya. Begitulah juga macam rusa sambar dan *wild boar*. Jadi kita hendak memperbesarkan ini. Tujuan *precise* itu menunjukkan realiti kehendak Kerajaan Pusat untuk satu sistem untuk menambahkan *forest* kita di seluruh negara khususnya di Semenanjung bila kertas itu dibentangkan.

Akan tetapi implikasi kewangan untuk Kerajaan Pusat mengambil untuk menjawab Yang Berhormat Jelebu itu, *the cost* yang perlu Kerajaan Pusat belanja kalau hendak membelikan semua koridor - ada berapa puluh koridor yang termasuk dalam program kita iaitu dalam 37 koridor, untuk menyambung *fragmented forest* ini, melaksanakan *forest spine*, kosnya ialah Tuan Yang di-Pertua, RM4 bilion. Jadi, bila kos ini ditunjukkan kepada Majlis itu dan Perdana Menteri sendiri pun kata, *it is a little bit on high side*.

Akan tetapi ada Menteri-menteri katakan bahawa tidak perlu Kerajaan Pusat mengambil kerana kalau diambil oleh Kerajaan Pusat, masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Macam mana pulangnya, *one-off* yang diambil itu, jadi sumber-sumber asli daripada kerajaan negeri itu akan hilang begitu sahaja. Ini satu perkara yang telah dibangkitkan dalam Majlis itu sendiri.

Jadi masalah kita di sini adalah sama ada kita boleh mengambil tadahan air untuk *catchment area* untuk air-air ini di seluruh negara supaya *difederalize*kan keperluan ini - dua perkara iaitu kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat berkehendakkan tadahan air itu dijaga tetapi kerajaan negeri mungkin hendak perlukan perkara-perkara itu, masih *under control* kerajaan negeri. Ini jadi satu perbincangan yang masih kita buat.

Dalam pandangan Kerajaan Pusat, ini perlu sebabnya *the water security* Tuan Yang di-Pertua *is one of the undertaking* yang kita buat. Semasa mesyuarat di Paris pada bulan Disember tahun 2015, macam *food security* juga, *food security* dan *water security*. *Water security is under* kementerian saya dan juga pihak MOSTI. Jadi, dua buah kementerian yang menjaga *water security*. *Food security* ini di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tetapi ini kita kena jaga.

Jadi itulah kenapa Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah *reactivate* semula Majlis Sumber Air Negara bersama dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mempengeruskannya. Kita *activate* semula dan saya mencadangkan supaya diwujudkan satu *template* undang-undang macam mana kita menguruskan air di seluruh negara. Pada masa sekarang, saya telah meminta Yang Berhormat Timbalan saya membuat *engagement* dengan semua kerajaan negeri. Beliau telah *cover* lima buah negeri sudah di utara, akan pergi sampai habis di sini nanti pergi ke Sarawak dan Sabah untuk buat satu *engagement* secara besar-besaran untuk membawa pihak kerajaan negeri

bersama dengan soalan untuk menjawab persoalan-persoalan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang *very concern about* keselamatan air ini.

Memang kita ambil tindakan yang khusus. Satu, kita sudah *activate* kita punya dasar tetapi pandangan saya belum mencukupi melainkan undang-undang itu kita buat supaya pengurusan air di peringkat negeri dengan tidak mengambil alih kuasa negeri dan pendapat negeri daripada menguruskan air. Ini kerana malang sekali bagi negara yang terdiri dari kawasan tropika mempunyai penurunan air yang begitu banyak. Akan tetapi akhirnya, kajian yang dibuat oleh universiti yang memberi laporan kepada Majlis Sumber Air Negara, di antara air hujan yang turun dari langit itu kita guna hanya 18% sahaja. Keseluruhannya adalah mengalir ke laut, tidak dapat dipakai.

■1450

Jadi itulah satu pandangan saya. Satu, kita banyakkkan takungan air untuk kita menakung air ini sama ada di kawasan tadahan itu sendiri ataupun di kawasan empangan ataupun di satu tempat takungan air di daratan supaya boleh diguna di masa musim kekeringan supaya tidak berlakunya banjir di Kuching, kekeringan di Miri dan di Limbang dan juga di negeri Sabah ataupun di negeri Utara Semenanjung macam yang di Perlis yang mana pada masa sekarang kita mempunyai lima takungan air yang kekurangan air di bawah 50%.

Jadi maknanya, ada negeri-negeri yang *suffer from not enough water* sementara ada negeri yang terkena banjir. Jadi ini keadaan cuaca sekarang, *decay* kepada kita bahawa *we have to take care of the water*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih Yang Berhormat atas cadangan itu kerana *it's very consistent* dengan kementerian punya pendirian.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Yang Berhormat, kalau boleh sedikit. Perkara ini, saya mengucapkan tahniah kepada pandangan jauh daripada oleh kementerian Yang Berhormat terhadap soal perlindungan hutan bukan sahaja untuk tujuan bekalan air atau keselamatan air (*water security*) tetapi juga kepada perlindungan haiwan dan konservasi dari segi *wildlife* dan sebagainya.

Ada tak kementerian Yang Berhormat memikirkan tentang soal penglibatan orang ramai umpamanya dan badan-badan bukan kerajaan dari segi soal mencari kewangan yang boleh dikaitkan bukan dengan pulangan kewangan kepada mereka yang melabur atau membeli saham, tetapi kepuasan hati mereka melihat perlindungan hutan-hutan dengan cara melabur atau membeli saham-saham berkenaan.

Umpamanya kalau diperkenalkan satu sukuk yang di mana pulangannya semata-mata ke arah perlindungan hutan dan perlindungan haiwan, saya rasa kita mungkin boleh bermula dengan kawasan-kawasan yang sudah ada seperti di negeri Sabah, di negeri Sarawak dan juga tempat-tempat yang tertentu di dalam Semenanjung. Jadi konsep sukuk yang saya fikirkan sesuai ialah bahawa pulangannya bukan pulangan kewangan tetapi pulangan melihat kepada pemuliharaan alam sekitar khususnya hutan bagi kepentingan generasi yang akan datang.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah atas cadangan yang amat baik daripada Yang Berhormat Kota Bharu, Johor

Bahru, minta maaf. Jauh ke utara sebut tadi, di Johor Bahru. Kalau Yang Berhormat boleh memberi satu cadangan secara itu, pada saya *insya-Allah* kita boleh kaji bersama.

Sebabnya pada masa sekarang saya hanya melihat daripada sudut undang-undang pasal air dan perundangan air. Kita baru melancarkan dasar biodiversiti kita yang baru yang ada hubung kait dengan perkara ini dan juga saya tengah mencadangkan, merancang untuk menggubal satu undang-undang biodiversiti kerana di Sabah, di Sarawak dia ada mempunyai undang-undang biodiversiti tetapi di Semenanjung keseluruhannya kita belum ada lagi.

Akan tetapi walau bagaimanapun, undang-undang Sabah dan Sarawak itu adalah peringkat *local* oleh sebab yang menandatangani instrumen antarabangsa ialah Malaysia. Jadi maknanya undang-undang *local* ini tidak berupaya menangani masalah kecurian bio diversiti kita dan dibawa keluar dan perundangan itu tidak dapat merentas sempadan ataupun *extraterritorial application*.

Dengan keadaan yang sedemikian, maka perlu negara mempunyai satu perundangan bio diversiti yang lengkap yang memberi kuasa kepada kita untuk mempertahankan bio diversiti kita iaitu semua berhubung dengan hutannya, reptilianya, binatangnya dan mamalianya semua biodiversiti, sama ada di darat, di laut ataupun di udara.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* kalau ada cadangan-cadangan yang baik sebagaimana Yang Berhormat dari Johor Bahru ini, saya memang amat mengalu-alukan apa cadangan sedemikian yang mana kita kerajaan mungkin tidak mampu mengeluarkan sumber kewangan yang sebegitu besar.

Umpamanya *heart of Borneo* kalau dilaksanakan Tuan Yang di-Pertua, *we should be very proud of it*, mempunyai hutan simpanan yang mencecah 200,000 kilometer persegi keseluruhannya, Sabah, Brunei sedikit dan sedikit daripada perbatasan dengan Kalimantan. Di antara Sabah dan Sarawak dan juga Kalimantan dan Brunei itu kita mempunyai 200,000 kilometer persegi luas hutan yang boleh diguna untuk menyimpan konservasi flora dan fauna.

Jadi ini selaras dengan semua perundangan-perundangan yang saya sebutkan tadi. Saya pindah Tuan Yang di-Pertua kepada isu pengurangan pelepasan gas rumah kaca.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga yang disentuh dalam Perbahasan Titah Diraja ialah pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG). Saya ingin menjawab bersekali isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat daripada Tebrau, Yang Berhormat daripada Hulu Langat, Yang Berhormat daripada Bakri iaitu:

- (i) menyedarkan rakyat mengurangkan penggunaan kuasa *fuel*;
- (ii) menggalakkan penggunaan bahan api boleh diperbaharui; dan
- (iii) menyatakan fungsi-fungsi pengurusan gas rumah hijau di Malaysia serta senaraikan pengurangan CO<sub>2</sub> di setiap kawasan perindustrian dalam negara kita.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan melalui kementerian, agensi seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kementerian Kewangan Malaysia, Suruhanjaya Pengangkutan Awam dan

Kementerian Pengangkutan Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah mengurangkan pelepasan gas rumah kaca negara seperti berikut:

- (i) menggalakkan penjanaan tenaga elektrik boleh diperbaharui melalui mekanisme *feed-in tariff*;
- (ii) melesenkan penjanaan tenaga elektrik boleh diperbaharui di luar mekanisme FIT (*feed-in tariff*) tadi;
- (iii) menggalakkan pembangunan loji biogas di bawah National Key Economic Area (NKEA) di bawah Economic Transformation Program (ETP);
- (iv) menggalakkan aktiviti kitaran semula bagi menggalakkan penjanaan dan pelepasan gas *methane* (metana) akibat daripada pembuangan sisa organik di dalam tapak pelupusan;
- (v) mempertingkatkan kawasan hutan simpan yang mampu menyerap gas rumah kaca karbon dioksida;
- (vi) membangunkan sistem pengangkutan awam darat berunsurkan rel;
- (vii) menggalakkan penggunaan gas asli sebagai bahan api kenderaan pengangkutan awam;
- (viii) membangunkan program pembangunan biodiesel;
- (ix) mewujudkan penggalakan penggunaan sistem pengiktirafan dan kecekapan penggunaan;
- (x) menggalakkan penggunaan kenderaan cekap tenaga (*efficiency efficient vehicle*);
- (xi) menetapkan sasaran pengurangan penggunaan tenaga 5% oleh bangunan-bangunan kerajaan; dan
- (xii) menggalakkan penggunaan teknologi hijau menerusi Program Green Technology Financing Scheme.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menyertai negara lain di seluruh dunia untuk melindungi lapisan ozon dengan meratifikasikan Konvensyen Vienna Protokol, Montreal pada 29 Ogos 1989. Pindaan London pada 16 Jun 1993, pindaan Beijing dan Montreal pada 21 Oktober 2001. Malaysia telah berjaya menghentikan pengimportan *chlorofluorocarbons* (CFCs), *halons* and carbon *tetrachloride* (CTC) mulai 1 Januari 2010.

#### ■1500

Pada tahun 2015, di bawah Perjanjian Protokol Montreal, Malaysia perlu mengurangkan pengimportan Hydrochlorofluorocarbon (HCFC) sebanyak 10%. Bagi memenuhi obligasi negara untuk menghapuskan 10% penggunaan Hydrochlorofluorocarbon pada 2015, satu pelan pengurusan penghapusan Hydrochlorofluorocarbon ataupun Hydrochlorofluorocarbon *management plan stage 1* telah disediakan. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Ke-65, ExCom 65, *Multilateral Fund* di Bali pada 14 November dan 18 November 2011 telah meluluskan pembiayaan dana tabung multilateral bagi projek penukaran teknologi dari penggunaan bahan

Hydrochlorofluorocarbon 141B kepada polyurethane dalam sektor bursa iaitu *foam* di 13 buah premis pembuatan *foam* dan bantuan teknikal di empat premis pembuatan *poliol* pada Julai 2015. Semua projek ini telah berjaya diselesaikan dan Malaysia telah berjaya memenuhi obligasi dalam pematuhan pengurangan pengimportan Hydrochlorofluorocarbon kepada 10%.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu langkah yang amat baik untuk mengurangkan Hydrochlorofluorocarbon di mana untuk industri hawa dingin atau *air conditioning* memang sangat bergantung kepada jenis gas ini. Apakah langkah-langkah oleh kementerian sebagai pengganti untuk gas ini kerana banyak industri hawa dingin, mereka masih *depends* atau bergantung kepada gas ini. Kalau mereka hendak guna gas yang lain yang lebih *environment*, mereka terpaksa beli gas yang lebih berkos mahal. So, apakah cadangan kementerian supaya boleh membantu industri hawa dingin ini? Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercerita panjang sedikitlah berhubung dengan Hydrochlorofluorocarbon ini. Sebenarnya apabila kita pergi ke mesyuarat di Paris pada 12 Disember 2015, perkara yang besar hendak kita dihapuskan untuk penggunaannya. Salah satu daripadanya ialah Hydrochlorofluorocarbon yang mana Malaysia telah berjaya menghapuskan hampir 100 jenis subversif yang mendatangkan kesan negatif kepada *ozone layer* semenjak menandatangani *Montreal Protocol*. Akan tetapi yang ini belum kita dapat hapuskan kerana seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, pembinaan *air conditioner*, *refrigeration* masih menggunakan *coolants* ini sebagai ganti yang mana selepas kita menandatangani *Montreal Protocol* dahulu pada tahun 1992, kita mengatakan bahawa *Hydrochlorofluorocarbon* ini boleh diguna pakai kerana dia tidak menyumbang kepada *global warming*. Akan tetapi apabila didapati menggunakan ini mendatangkan *depletion* kepada *ozone layer*, jadi maknanya kita kena hapus juga. Dulu *Chlorofluorocarbon* sahaja hendak dihapus. Selepas itu *Hydrochlorofluorocarbon* pun kita hendak hapus juga tetapi inilah yang ditekankan kita.

Oleh kerana itu Yang Berhormat, apabila kita *submit* kita punya *Intended Nationally Determined Contributions* (IDNC) kepada COP21 iaitu sebelum mesyuarat di Paris, kita membuat satu *reservation*. Sebagaimana yang telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Copenhagen pada tahun 2014 bahawa kita akan menurunkan *emission* kita kepada 40% pada ketika itu tetapi Yang Amat Berhormat secara dasar telah membuatkan *figures* tersebut, *undertaking* tersebut.

Akan tetapi apabila kita membuat *submission* kita pada tahun 2015 kepada Paris sebelum Paris bermesyuarat, kita letakkan dua peringkat iaitu kita menghantarkan 35 *unconditional emission reduction* tetapi 10% *conditional*, dengan harapan Yang Berhormat, *condition* ini meletakkan supaya pihak barat, pihak negara maju yang *holding pattern* alternatif kepada



*Hydrochlorofluorocarbon* ini untuk *coolant* membina *air conditioners* dan juga *refrigerator* ini dapat diberikan kepada kita secara *seamless*. Tidak dibeli kita lagi dia punya paten sebab alternatifnya ada pada mereka, kepada pihak Amerika umpamanya. Jadi kalau alternatif ini tidak diberi kepada kita, kita terpaksa membeli. Bermakna produk kita akan naik harga. Kalau produk kita naik harga, kita tidak berkemampuan untuk memasarkannya.

Jadi *that is exactly what I have discussed at length* dengan John Kerry selama satu jam lebih Yang Berhormat, dengan *John Kerry to agree that we must be given the technical help and assistance*. Bukan dari sudut kewangan sahaja. Ini distress oleh Perdana Menteri, arahan daripada saya. Satu perkara sahaja, dia kata. "*Wan, I don't think we can expect money from them but we are most expect technique, technology transfer and technological support*". Jadi inilah kita *stress* kan. Oleh sebab itulah kita letakkan 10% itu *as conditional* dengan syarat kita boleh turun 10% ini dengan syarat *you* beri *technical support* dengan kita. Kalau beri itu, bukan cara dibeli. *It must be seamless. You* sudah beli. *You* sudah bayar *from your own fund*. *So that we can use it at the price of Hydrochlorofluorocarbon*. Jadi ini rancangan kita secara *international* untuk mengatasi masalah industri kita yang *must survive*.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, *air conditioning* ini, *compressor* dengan *chiller* ini, teknologi mereka masih menggunakan gas ini, *coolant* ini. *So*, dalam masa yang singkat ini, macam mana kita hendak bantu industri ini sebab mereka terpaksa – sebab satu *chiller*, satu *air condition*, *life span 20 years to 30 years*. *So*, sekarang tiba-tiba panggil mereka dan kata "*Gas ini sudah tidak boleh guna*". Kena guna gas yang lain dengan kos yang amat mahal. *So*, macam mana dengan *period* ini? Mereka boleh bantu industri ini.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, kita belum tandatangani *COP21* punya *agreement*. Saya masih *circulate paper memorandum* untuk persetujuan Jemaah Menteri. Paris Agreement itu, *COP21* mesyuarat itu, *agreementnya* dipanggil Paris Agreement, hanya ditandatangani bermula pada 22 April. Selepas itu, *the period of ratification* atau ratifikasi ia mungkin makan masa dua tahun. Jadi dalam peringkat inilah baru pengkhususan apa jenis teknologi yang boleh dibantu untuk membantu apa yang Yang Berhormat kata itu.

Jadi maknanya Yang Berhormat, jangan bimbang Yang Berhormat. Industri kita *will carry on as usual* hingga kita dapat bantuan daripada pihak *developed country* untuk *support industry* kita ini. Saya beritahu dengan John Kerry, "*We cannot destroy this industry otherwise you destroy our global to development goal*". Jadi, "*You hendak menang sini, you cannot win that side. That's not fair to us*". I beritahu dengan John Kerry itu. Jadi I bercakap dengan dia macam itu, Yang Berhormat. Bukan jadi orang besar Amerika biasanya.

Jadi, jangan bimbang bahawa kerajaan mengetahui dan kerajaan mengambil tindakan dan kita ambil kira perkara-perkara ini supaya alternatif itu akan diberi kepada *industry place* kita supaya kita punya industri tidak terjejas. Ekonomi kita tidak terjejas.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang menyokong penuh usaha untuk mengurangkan pelepasan gas ini dan saya kalau Yang Berhormat Menteri masih ingat, usaha ini perlu dibuat

secara *Blue Ocean Strategy* dan dalam mesyuarat yang saya baca pada 11 Mac iaitu Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang Yang Berhormat Menteri sendiri hadir bersama dengan Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Saya juga berharap kementerian lain juga terlibat.

Saya berpuas hati bahawa usaha-usaha ini dibuat secara gigih oleh pihak kementerian sebagaimana yang Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi untuk mencapai langkah-langkah yang lebih sepuluh, sebelas tadi ini, mestilah dengan kerjasama semua kementerian. Kalau tidak, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak mungkin akan dapat buat secara bersendirian.

■1510

Balik pada GHG ataupun CFC tadi. Kalaulah kita tidak ada tempoh untuk mengganti *coolant* yang baru, bagaimana kita hendak dapat mengurangkan GHG ataupun pelepasan CO<sub>2</sub> ataupun pengurangan kerosakan ozon *layer* ini? Mesti ada tempoh dia, berapa lama kita boleh ganti. Sebab, saya bertanya kepada pihak-pihak syarikat *air-cond* kereta kenapa banyak kereta sekarang ini terbakar di tengah jalan, di *highway* dan sebagainya, ia disebabkan oleh *coolant* yang mereka pakai kerana harganya murah dan tidak mampu untuk mengganti dengan apa dan sebagainya, jadi akhirnya mereka menggunakan *coolant* yang lama dan berlaku kepanasan dan sebagainya.

Yang terakhir, sedar tidak Yang Berhormat Menteri, saya perhati tengok di luar sana banyak kereta Menteri ini terus di *on* oleh *driver* kerana mereka tidak ada tempat yang mana akhirnya berlaku pemanasan global. Maksudnya kereta itu sentiasa *on*, haba...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, bukan sahaja kereta Menteri, ramai lagi yang *on*.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Ya, kereta Speaker pun sama. Sebenarnya Timbalan Menteri pernah membangkitkan dahulu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Termasuk Ahli Parlimen pembangkang pun ada juga, Yang Berhormat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Betul, betul. Maknanya, kereta-kereta kitalah yang ada itu. Mereka tidak sedar bahawa mereka telah menambahkan kepanasan alam sekitar. Jadi, macam mana kita hendak buat? Timbalan Menteri pernah cadangkan supaya ada tempat untuk *driver-driver* ini rehat dahulu tetapi sampai sekarang tidak ada. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Saya melihat Yang Berhormat Kinabatangan berada dalam Dewan. Selamat kembali bertugas Yang Berhormat. [*Tepuk*] Ya, Yang Berhormat Johor Bahru.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Saya hendak tanya sedikit pada Menteri, dari segi lubang dalam ozon *layer* ini, saya tengok negara yang paling besar ozon *layernya* ialah di Australia. Saya punya teorilah, sebab di Australia ini banyak lembu

dan lembu itu yang keluar gas metana, jadi metana itu yang sebenarnya menyumbang kepada lubang ozon *layer* itu.

Akan tetapi, untuk menjadi sesuatu yang spesifik ataupun yang lebih tepat, berapa peratuskah sumbangan daripada CFC dan sebagainya yang digunakan *coolant* kepada pembentukan atau penghancuran ozon *layer* ini? Kritikal atau tidak?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh sambung? Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya izinkan tetapi sama ada Menteri hendak izinkan atau tidak. Okey, dia izinkan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, senyuman yang baik kerana dapat lihat Yang Berhormat Kinabatangan datang hari ini.

Yang Berhormat Menteri, daripada usaha-usaha masyarakat dunia mulai daripada Rio Summit dan Kyoto Protocol dan COP 15 di Copenhagen di mana Perdana Menteri kita pernah menyatakan kita ada komitmen 40 peratus untuk mengurangkan gas *emission* kita kepada atmosfera dan baru-baru ini kita juga ada Paris Agreement iaitu COP 21, sebelum kita tandatangani usaha ini, adakah pihak kementerian, pihak Menteri sendiri berusaha untuk mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk melihat isi kata *agreement* itu sebelum ia ditandatangani?

Sebab, ini ada kena mengena dengan bantahan daripada *stakeholders*. Satu, Yang Berhormat Johor Bahru sudah menyatakan dan pihak saintis kita pun telah menyatakan kebimbangan kita soal *content* dalam *agreement* itu. Adakah negara-negara dalam INDC ini membawa komitmen bahawa Malaysia juga, selain daripada Kosovo dan negara di Eropah yang tidak mengakui *agreement* itu, adakah Malaysia ada kebimbangan dalam *content*? Kenapa Malaysia juga tidak hadir dalam perundingan Paris Agreement pada satu ketika itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya yakin Yang Berhormat Menteri arif dengan *standing order* di mana perkara baru boleh tidak dijawab, Yang Berhormat ya.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya boleh jawab secara ringkaslah. Soalan berhubung dengan *timeline* melaksanakan *to phase out hydrochlorofluorocarbon* ini. Kita akan membincangkan apabila kita sudah tandatangani nanti dan *technical committee, procedure* dan sebagainya akan dibincang dan kita akan memberikan garis panduan, kerana pelaksanaan COP 21 Agreement pun dalam masa yang ditetapkan iaitu hingga tahun 2030. Jadi makna, *timeline* itu ada.

Kedua, pertanyaan daripada Yang Berhormat Johor Bahru itu *very highly technical, I cannot answer that* iaitu berapa banyakkah sumbangan *hydrochlorofluorocarbon emission* ini mendatangkan kesan kepada ozon *layer* ataupun *global warming*. Ini banyak komponen yang *contribute* kepada *global warming*. Bukan sahaja *hydrochlorofluorocarbon*, tapi karbon dioksida, *methane* dan sebagainya, semua ini menyumbang kepada *depletion of ozone layer* dan *global warming*.

Tetapi yang kedua, saya kurang pasti dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Putatan soalan mengenai INDC. Sebenarnya kita tiap-tiap Mesyuarat COP 11 hingga ke COP ini, kita memang *very actively involve*. Hingganya itulah kenapa pada Mesyuarat COP 21 ini dia menjadikan satu *negotiating group* yang amat-amat dihormati, Yang Berhormat. Itu sebabnya kenapa Menteri NRE salah seorang Menteri yang dijemput untuk berjumpa dengan John Kerry.

Yang Berhormat percaya tidak, kalau saya sebut, saya masih ada dalam rekod saya, *White House rang us 11 times*, sebab Obama *wants to speak to me*. John Kerry telefon saya sampai panik pegawai saya. Ada di belakang itu. Panik pegawai saya sebab telefon jam 1 pagi, saya sudah tidur di Paris.

Jadi ini menunjukkan bagaimana pentingnya pihak kita, oleh kerana yang bermesyuarat, *negotiator on behalf of LMDC* ataupun *Like Minded Group* ialah orang Malaysia. Kita punya *negotiator*, Dr. Jerry, masa saya berjumpa dengan wakil dari Iran, Mexico, India, Arab Saudi, pada malam itu bermesyuarat LMDC, pada masa itu dia orang kata *negotiators from Malaysia is a jewel in LMDC Group*.

Jadi Yang Berhormat, kita memainkan peranan yang amat ke hadapan. Kita boleh katakan bahawa kitalah memainkan peranan supaya semua yang kita masuk dalam INDC itu yang mana Amerika mula-mula tidak mahu— sebenarnya John Kerry dah kata *we will walk out from this one*. Hingganya saya dijemput oleh *The President of COP 21* untuk berjumpa kerana bimbang Amerika *walk out*, takut apa yang berlaku di Kyoto Protocol di mana Amerika tidak *become part of the Kyoto Protocol*. Jadi kita tidak mahu gagal.

Saya minta arahan baru daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *“Have you got new instruction for me?”* Sebab, *Secretary General United Nations rang up* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab dia kata *Malaysian negotiators are little bit to top*.

Dalam keadaan sedemikian, tujuan kita Yang Berhormat, supaya *the balance* dalam *agreement* itu kita laksanakan. Itu peringkat pertama. Kita sendiri sudah kaji daripada sudut undang-undangnya. Mula-mula John Kerry kata, ini yang saya hendak sebut ini, John Kerry kata *we have already put INDC* dalam itu dan kita juga sudah *mention*, dia kata *differentiated*— saya terminologi ini pun dah lupa dah. Prinsipal-prinsipal yang disimpan dalam itu.

#### ■1520

Saya kata, saya ambil *agreement* daripada tangan dia, saya pegang, *I have said, you cannot place a thing in preamble because in preamble under the law, not nothing, not important. I said, “I would lucky to be part of the agreement”*. Akhirnya kata dia, *“No we got to forget 1992. We could to start affairs... go forward from now”*. Saya kata, *“We cannot do that”*. Jadi akhirnya, itulah kenapa perbincangan saya jadi panjang daripada yang biasa dengan Menteri itu biasanya hanya 15 minit atau 20 minit berjumpa dengan orang.

Jadi begitu juga *negotiators* kita macam Doktor Jerry, begitu juga dengan profesor yang mewakili IBC itu. Jadi itulah kenapa *agreement* yang kita dapati, yang kita terima pada ketika itu iaitu pada 12 Disember itu *is a balance agreement*. Peringkat yang kedua itu Yang Berhormat, *agreement* ini akan kita serahkan kepada semua kementerian *dicirculate* sebelum dia masuk ke

dalam Kabinet untuk diluluskan dan AG akan *study agreement* ini sebelum dia masuk ke Kabinet, sebelum kita boleh menandatangani pada bulan April nanti.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, kenapa tidak libatkan *stakeholders* di Malaysia ini untuk melihat isi kandungan Paris Agreement itu?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, *agreement* ini *very, very highly technical* Yang Berhormat. *Very, very highly technical*. Saya cukup yakin kalau diserahkan dengan Parlimen pun, kita akan bacalah, boleh baca. Akan tetapi Yang Berhormat, *agreement is quite balance. I understand it*, saya faham. Jadi, kalau *you* tengok daripada semua INDC yang kita *submit* itu berhubung dengan berapa *emission*, semua benda itu kita sudah aturkan.

Walau bagaimanapun, kita melihat sebelum kita bersetuju berlandaskan kepentingan negara *is a front important* pada kita. Inilah kenapa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Petaling Jaya Selatan tadi dan Yang Berhormat daripada mana tadi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kita ambil kira semua laporan ini. Jadi Yang Berhormat jangan bimbang, *agreement* ini cukup tidak ada menekan dan tidak apa dan semua yang kita setuju itu adalah untuk kepentingan negara kita sendiri dan banyak *negotiators* kita selepas satu minggu tidak cukup tidur. Memang tidak cukup tidur ada lebih dua jam, tiga jam saya tidur semalam.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, mohon saya berpindah kepada perkara-perkara lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia dan 195 buah negara parti kepada Konvensyen Rakan Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFCCC) telah bersetuju di Paris Agreement, 12 Disember 2015 masa persidangan UNFCCC COP21 Paris Agreement merupakan persetujuan untuk meningkatkan usaha menangani impak perubahan iklim global dalam jangka masa panjang. Tujuan utama Paris Agreement adalah untuk mengehadkan peningkatan suhu purata global tidak melebihi 2 darjah celsius di bawah tahap *pre-industry* dan dalam masa yang sama, meningkatkan usaha untuk mengekalkan suhu purata global di bawah 1.1 darjah celsius di bawah tahap *pre-industry*.

Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam proses rundingan Paris Agreement yang mana penglibatan aktif negara kita sebagai penyelaras kepada kumpulan 77 dan China *G77 in China* dan jurucakap kepada *Like-Minded Developing Country* (LMDC) tadi *on climate change* dalam melindungi kepentingan dan mempertahankan kepentingan negara-negara membangun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk bersiap sedia melaksanakan Paris Agreement ini semasa Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diadakan pada 10 Mac 2016. Majlis ini telah memutuskan supaya setiap kementerian, agensi kerajaan memantau serta menjejaki pelepasan *Green House Gasses* dalam sektor masing-masing dan mengemukakan keperluan teknologi

dalam kapasiti dalam sektor masing-masing ke arah mencapai bahagian pengurangan pelepasan gas rumah kaca.

Bagi mendapatkan jumlah peruntukan yang perlu bagi melaksanakan ekonomi rendah karbon dan tindakan adaptasi secara keseluruhan, kementerian dan agensi perlu melaksanakan penilaian keperluan teknologi (*technology needs assessment*) dan penilaian terancaman, *Biennial biology assessment*, analisa TNA dan VA kebolehan negara menganggarkan keperluan peruntukan dan jenis teknologi kapasiti dan tindakan yang sesuai untuk dilaksanakan bagi menangani impak perubahan iklim.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut laporan *Intergovernmental Panel on Climate Change...*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Bangun]*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Pengurangan persaingan *Green House Gasses* akan mengurangkan impak kejadian cuaca melampau seperti ribut, taufan, banjir, kemarau. Ini juga adalah selaras dengan komitmen negara sebagai parti kepada UNFCCC. Laporan inventori *Green House Gasses* Negara dibuat berdasarkan sektor utama seperti tenaga, *process industry*, pertanian, sisa dan sektor guna tanah, perubahan guna tanah dan perhutanan sebagai contoh industri yang menyumbang kepada pelepasan *Green House Gasses*.

Di bawah sektor *process industry* ialah industri simen, besi, keluli dan penggunaan *limestone* dan dolomit dalam industri pembuatan. Dalam keadaan ini, kita adalah komited untuk mengurangkan *Green House Gasses* yang mana ada laporan *Biennial Update Report Malaysia 2015*, Malaysia telah pun membuat pengisytiharan bahawa kita akan kurangkan pelepasan intensiti *Green House Gasses* negara kita kepada 45% dari tahun 2015 menjelang tahun 2030. Ini sekali gus akan dapat membuktikan kesungguhan negara kita menangani isu perubahan iklim.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan Serai baru balik dari London hendak mencelah, Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Minta saya baca sedikit laporan kepada Yang Berhormat daripada *Commonwealth Parliamentary Association*. Silakan, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada. Dia macam Yang Berhormat Kota Raja akan balik dari Zambia.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya sebenarnya dalam COP15 2009, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat pengakuan ataupun *splash* untuk mengurangkan *carbon admission* 40% daripada GDP. Dalam *statement* itu dia kata, "*Conditional splash*". Bermaknanya dengan mengharapkan kepada *technology transfer*, pemindahan teknologi daripada negara maju dan juga bantuan kewangan.

Saya melihat ada banyak kemajuan yang telah dilaksanakan di Malaysia dan sejak pada itu, daripada KETTHA melakukan banyak perkara dengan banyak polisi baru ke arah *green tag* dan mengurangkan intensiti karbon dikeluarkan. Jadi saya hendak bertanya, sejauh manakah

negara-negara maju telah membantu Malaysia dalam *technology transfer* ataupun bantuan kewangan ataupun adakah Malaysia tidak akan dapat bantuan daripada negara maju?

Oleh kerana kalau kita lihat perjanjian yang di dalam COP21 yang mana negara maju berjanji untuk membantu negara-negara yang membangun, *developing countries* dan ada disebut bahawa negara-negara yang dikatakan *developing countries* tetapi yang terlebih maju. Contohnya adalah Malaysia ataupun China dia katakan adakah mereka ini juga patut membantu *developing countries* ataupun menerima bantuan daripada negara-negara maju?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kita dalam jawapan selepas perbahasan. Jadi perkara baru boleh elakkan ya, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya terfikir sebab bila saya masuk saya dengar perbahasan tentang ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri terangkan sedikit. Terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, soalan daripada Bakri. Pendek sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri memberi peluang kepada Yang Berhormat Bakri. Di sini saya hendak tanya, berapakah jumlah peruntukan kerajaan yang akan digunakan untuk mencapai sasaran tenaga hijau dan adakah projek PIPC dan pelepas hab minyak di Tanjong Piailai dan Pontian mencecah dengan PIPC tenaga hijau di Malaysia? Minta penjelasan. Dalam ucapan saya, saya ada sebutkan tetapi Yang Berhormat Menteri belum jawab lagi. Saya hendak tunggu jawapan. Okey.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Secara ringkasnya Yang Berhormat, saya hendak jawab Yang Berhormat Bagan Serai. Sebenarnya, jawapan sudah saya berikan tadi. Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2014 di Copenhagen itu yang mengatakan 40% pengurangan intensiti gas untuk tahun 2030 daripada *baseline* 2005, Yang Berhormat.

■1530

Tapi apabila kita *submit* kita punya INDC, *Intended National Contribution* pada tahun 2015, sebelum mesyuarat di Paris, itu mesyuarat COP 21 di Paris, Disember Yang Berhormat. *Submission* kita ialah bukan 40, *submission* kita 45. Di 45 ini, 10% *conditional*, 35% *unconditional*. Makna *unconditional* kita akan buat sendiri, *support* tidak *support*, teknologi tidak teknologi, *transfer* duit tidak adapun kita akan buat 35% ini. Yang 10% ini *is a leverage*, saya sengaja buat *leverage* di situ supaya *technology transfer* yang kita harapkan itu akan diberi kepada kita. Jadi sebelum saya pergi, saya berbincang dengan Yang Amat Berhormat, minta arahan selain daripada apa yang ada dalam kementerian saya. Sudah kita hantar sudah asas perbincangan kita, arahan yang tertentu daripada Yang Amat Berhormat.

Yang Amat Berhormat bagi tahu secara terus saja dengan saya, *I don't think we expect so much money from them but certainly we need the technology transfer and capacity building*. Jadi itu jawapan dia Yang Berhormat, ini bukan bahas ya Yang Berhormat, saya jawab Yang Berhormat. Jadi maknanya yang 10% itu kita landaskan kepada *technology transfer* sebagaimana saya sudah jelas panjang lebar tadi sebenarnya. Yang Berhormat tidak ada dalam

Dewan. Jadi maknanya saya tidak perlulah *repeat*. Boleh baca dalam saya punya *Hansard* nanti. *Insyah-Allah* ada keluar. Jadi saya teruskan dengan isu lain iaitu banjir. Panjang lagi cerita saya Tuan Yang di-Pertua. Yang akhir sekali itu *is the climax*. Kawan di Kuantan pun marah tadi kalau tidak sebut bauksit itu.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang berikut ialah berhubung dengan banjir. Yang Berhormat Sibuti menyarankan kerajaan melakukan kajian terperinci bencana banjir yang berlaku di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa buah projek tebatan banjir *flood mitigation* dilaksanakan di Kuching dalam mengurangkan banjir. Antaranya ialah Rancangan Tebatan Banjir Bau, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Padungan, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Maung Parok dan Jalan Matang. Ini telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sebanyak RM80 juta telah dibelanja untuk menggembeleng tanah, mengambil tanah dan kerja dan membuatkan reka bentuk terperinci melalui Rancangan Tebatan Banjir Bandar raya Kuching.

Manakala dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi meneruskan pelaksanaan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Sarawak dengan tempoh pelaksanaan projek selama 5 tahun. Jadi projek ini Yang Berhormat kos sebenar ialah RM1.6 juta apabila dirancang dahulu pada tahun 2014. Tetapi pada masa sekarang kosnya telah meningkat kepada RM1.8 bilion Yang Berhormat ya dalam masa 5 tahun pelaksanaan dengan syarat kerajaan akan mengeluarkan sumber kewangan tiap-tiap tahun.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, kos pembinaan dan nilai ini mungkin meningkat dari tahun ke tahun. Dia melibatkan membuat *canal* sepanjang 6 kilometer dan membuat jambatan sepanjang 400 meter, 2 jambatan, menyeberang 2 jalan besar dan satu tebatan dipanggil *barrage*, satu *lock gate tidal gate*, di bawah penghujung *canal* tersebut. Yang jadi 2 perkara, 3 item ini memakan belanja yang amat besar. Jadi dalam masa yang sedemikian, kita masih berbincang dengan pihak-pihak tertentu untuk bagaimana mengurangkan kos ini kepada kerajaan sama ada kita *redesign*, itulah saya sebut dalam *press release* saya apabila menerima arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa *I have to have a relook, second relook at the engineering programme, engineering design, the whole project* sebab dia kos begitu tinggi.

Mungkin sungai yang kita bina 250 meter itu kita kurangkan besar dia, berlandaskan realiti air sebenar tadahan keluar daripada penghulu Sungai Sarawak itu dialihkan ke laut. Jadi dalam keadaan sedemikian masih dalam perbincangan. *Insyah-Allah* Yang Berhormat pada tahun ini kita laksanakan juga RM100 juta kos yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dan akan diteruskan selepas ini. Boleh kalau begitu, rancangan kerajaan dilaksanakan, disiapkan dalam masa 5 tahun. Tapi perbincangan saya dengan pihak-pihak teknikal, *engineers* dan sebagainya, mencari jalan supaya dalam masa kita melaksanakan tebatan banjir di Kuching ini, macam mana boleh kita memberi kesan yang terbaik supaya tidak menunggu 6 tahun lagi baru Sarawak



ataupun Kuching itu terselamat daripada banjir. Sebagaimana yang telah berlaku beberapa minggu yang lepas.

Jadi selain daripada itu Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Sarawak-Kuching telah diluluskan peruntukan sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Di banjir Bintulu lembangan sungai kerajaan dilaksanakan, disiapkan dalam masa 5 tahun. Tapi perbincangan saya dengan pihak-pihak teknikal, engineer dan sebagainya, mencari jalan supaya dalam masa kita melaksanakan tebatan banjir di Kuching ini, macam mana boleh kita memberi kesan yang terbaik supaya tidak menunggu 6 tahun lagi baru Sarawak ataupun Kuching itu terselamat daripada banjir. Bagaimana yang telah berlaku beberapa minggu yang lepas.

Jadi selain daripada itu Projek Pembangunan Lembangan Bersepadu Sungai Sarawak-Kuching telah diluluskan peruntukan sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan di banjir Bintulu, Lembangan Sungai Kemenas sebanyak RM27.5 juta, Rancangan Tebatan Banjir Daerah Limbang di lembaga sungai Limbang, bahagian Limbang, RM21.67 juta. Tebatan banjir Lembangan Batang Sadong RM27 juta, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Miri, Lembangan Sungai Miri RM30 juta dan ini semua akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat Yang Berhormat. Sebenarnya saya pun baru balik dari Sibu, Sibu juga mempunyai peruntukan sebanyak RM100 juta yang bakal kita laksanakan dalam masa yang terdekat. Sekarang masih dalam *technical evaluation* sebelum tender dibuat.

Jadi, dalam masa yang sama maknanya Yang Berhormat kerajaan mengambil kira semuanya ini tapi yang malang sekali dalam semua perangkaan ini bahawa saya dapati banyak masalah yang *manmade* fasal banjir ini. Umpamanya di Batu 16 Kuching, didapati banjir. Kebanjiran ini bukanlah sebab masalah yang dibuat oleh pihak JKR, dia buat jalan menjadi macam benteng air. Apabila lebih banjir itu, *covered* itu tidak berkapasiti untuk meningkat. Tapi sebenarnya apa yang berlaku ialah pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak *private developers* ini tidak mempunyai pelan yang tertentu dan tidak mendapat nasihat daripada pihak *direct drainage delegation* di Kuching.

Begitulah juga yang berlaku di Bintulu, saya dapati saya pergi ke Kemena melihat dua tadahan air tapi dirangkum masuk ke dalam satu sungai akhirnya mengalir kepada satu sungai yang kecil dan sungai kecil ini tidak boleh menakung semua air dan air itu mengalir ke tadahan juga menenggelami satu buah sekolah sehingga 4 kaki, juga Sekolah Rendah Kemena. Jadi saya dapati banyak kelemahan daripada sudut *design* dan *local council* semasa melaksanakan pembangunan-pembangunan di tempat tersebut.

Jadi Yang Berhormat Silam mohon penjelasan mengenai projek tebatan banjir bernilai RM20 juta di Sabah. Ini juga kita telah tengah melaksanakan projek ini dan sebuah kajian dan *technical study* daripada peruntukan yang 29 untuk dilaksanakan di kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat Silam iaitu di kawasan Penampang, Beaufort dan Keningau. Statusnya hanya di kawasan banjir Sungai Petagas Kampung Tobongon, Putatan telah siap sepenuhnya, Penampang RM1 juta, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Darau, Pulutan telah mencapai kemajuan 83%. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kibabek telah mencapai kemajuan 65%,

Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Padas, Beaufort telah mencapai kemajuan 63%. Jadi jumlah sebenar bakal dibelanja ialah RM13 juta. Sebahagian daripadanya akan dibelanja di kawasan lain di kawasan negeri Sabah.

Yang Berhormat Sandakan memohon penjelasan mengenai aktiviti kuari dan pengambilan pasir yang haram dan hakisan tebing sungai yang teruk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat penguatkuasaan undang-undang ke atas aktiviti kuari dan pengorekan pasir yang haram seperti yang dibangkitkan tersebut terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri.

■1540

Bagi mengatasi masalah hakisan tebing Sungai Penggalan pula, Rancangan Tebatan Banjir Keningau yang sedang dilaksanakan turut melibatkan kestabilan tebing Sungai Penggalan dan Buruh di Kampung Kepayan Baru yang telah mencapai kemajuan 99%.

Bagi masalah ketidakupayaan Sungai Penggalan membekalkan air ke kawasan sawah padi, masalah ini bolehlah dirujuk kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Temerloh, Haji Nasrudin bin Hassan membangkitkan isu hakisan tebing yang berlaku di tepi-tepi Sungai Semantan dan kotornya Sungai Pahang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peningkatan terhadap hakisan tebing sungai adalah kesan daripada kejadian banjir yang melanda di negeri Pahang pada tahun 2013 dan 2014.

Kawasan Parlimen Temerloh antara kawasan Sungai Semantan yang mengalami hakisan tebing ialah Mambang Berulang, Kampung Catin, Kampung Lompat, Kampung Tanjung Kerayong. Bagi Kampung Catin, kerja pembinaan pengawalan hakisan tebing telah siap dilaksanakan pada tahun 2015. Pihak kerajaan akan terus melaksanakan kerja-kerja membaiki hakisan tebing sungai secara berperingkat dari semasa ke semasa.

Selain itu, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Semantan Daerah Temerloh Fasa 1 yang bernilai RM56 juta telah diluluskan dan kerja-kerja penaiktarafan saliran sungai bagi mengatasi isu banjir akan mengambil kira penyelesaian isu hakisan tebing sungai terlibat.

Yang Berhormat Tebrau menyarankan kerajaan meningkatkan persediaan sebelum, semasa dan selepas bencana digembleng dan dipertingkatkan bagi menghadapi bencana banjir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah membuat perancangan untuk meningkatkan sistem ramalan dan amaran banjir di seluruh negara untuk memastikan hebahan maklumat, amaran awal banjir dapat disampaikan kepada masyarakat khususnya agensi-agensi yang bertanggungjawab kepada bencana banjir seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Meteorologi Malaysia dan lain-lain agensi.

Kementerian akan melaksanakan Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara iaitu (PRAB) yang akan dilaksanakan dalam tempoh tujuh tahun dari tahun 2015 hingga 2022 di mana fasa satu projek telah bermula dan dijangka siap pada awal tahun 2018. Projek PRAB fasa

pertama akan dilaksanakan di tiga lembangan sungai utama iaitu Sungai Kelantan, Sungai Pahang dan Sungai Terengganu dengan anggaran kos berjumlah RM139 juta.

Manakala bagi lembangan-lembangan sungai yang lain dilaksanakan pada fasa kedua di mana ianya telah dimasukkan ke dalam Program Rancangan Malaysia Kesebelas. Dengan siapnya projek ini kelak sebuah sistem ramalan dan amaran banjir yang berkemampuan untuk membuat hebahan amaran banjir hingga dua hari lebih awal dapat diwujudkan.

Amaran awal banjir tersebut akan digunakan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara untuk menyelaraskan keperluan segera penempatan aset dan menyelamatkan kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk memindahkan penempatan mangsa banjir. Maklumat awal kemungkinan banjir akan sampai kepada penduduk-penduduk dan berisiko mengalami banjir supaya persediaan awal untuk berpindah atau menyelamatkan dapat dilaksanakan.

Justeru, jumlah mangsa banjir dan kerosakan dapat dikurangkan terutamanya apabila kejadian banjir yang ekstrem berlaku. Perkara menangani masalah selepas banjir adalah di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara atau pun National Disaster Management Agency (NADMA) yang baru ditubuhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fakta yang menyebabkan banjir kilat adalah daripada sistem perparitan dalaman yang tidak sempurna penyelenggaraan menurut seksyen 55 Akta Parit Jalan dan Bangunan 1974 tanggungjawab penyelenggaraan sistem saliran adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Pihak JPS membantu pihak terlibat dan daripada segi khidmat nasihat teknikal sahaja.

Yang Berhormat Rantau Panjang bertanya meminta kerajaan menyegerakan Tebatan Banjir di Rantau Panjang dan meninggikan tebing di kawasan-kawasan kritikal didahulukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta untuk melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Golok Fasa 1. Peruntukan tersebut hanya mencukupi untuk skop projek fasa 1 ini dan hanya menyediakan struktur tebatan banjir bermula dari muara Sungai Golok hingga 20 km dahulu sahaja.

Peruntukan untuk melaksanakan fasa seterusnya itu yang melindungi pekan Rantau Panjang akan dipohon dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas kelak. Pelaksanaan projek ini nanti akan mengurangkan kesan banjir yang menyebabkan kerosakan besar kepada harta orang awam dan kehilangan nyawa seterusnya meningkatkan taraf hidup penduduk dengan mengurangkan masalah banjir.

Yang Berhormat dari Kota Samarahan menyarankan kerajaan menjalankan penyediaan khusus berkaitan dengan banjir di Kuching. Menyarankan program atau Projek Tebatan Banjir Kuching dipercepatkan perjalanannya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan. Boleh ya, Yang Berhormat. Okey. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan kerajaan untuk membina tebatan banjir di Sungai Golok, Rantau Panjang yang sekian lama kita bersuara di Dewan ini. Saya ingin penjelasan

apakah bentuk tebatan banjir yang akan dibina? Adakah sama sebagaimana negara Thai yang ketinggiannya dan ada tempat laluan, rekreasi di atas? Maknanya dia sekali gus bukan semata-mata untuk tebatan tetapi boleh juga untuk sebagai tempat larian rekreasi dan juga untuk keselamatan. Jadi, macam manakah bentuk yang akan dibina sebagaimana Yang Berhormat sebut dalam 20 km yang bakal awal dibina fasa 1? Minta penjelasan.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, terima kasih. Sebenarnya kalau kita lihat matlamat kerajaan ialah untuk menyelamatkan masyarakat dahulu daripada menjadi mangsa masalah banjir. Maknanya soalan untuk membawa satu idea sebagai tempat pelancongan dan riadah itu belum lagi dalam pemikiran kerajaan. Walaupun kita mengetahui Yang Berhormat sebenarnya apa Yang Berhormat lihat di Thailand adalah berlandaskan apa yang dibuat di negara China. Bahkan semalam pun pakar membuat pakar runding untuk membuat satu tebatan banjir ala negara China itu yang diguna pakai oleh pihak Thailand berjumpa saya dan saya telah menjemput beliau untuk membuat satu pembentangan kertas di kementerian saya untuk kita melihat.

Daripada itu nanti kalau kita mempunyai sumber kewangan yang mencukupi dan sistem yang bakal kita laksanakan insya-Allah kita juga akan boleh melaksanakan perkara yang sama Yang Berhormat. Sebenarnya, saya pada masa sekarang bukanlah melihat kepada kerajaan sahaja untuk macam mana untuk membina tebatan banjir di Kelantan. Maksudnya dia difikirkan memerlukan sumber kewangan yang begitu banyak. Kalau tidak salah saya dalam lingkungan RM10 bilion Yang Berhormat keseluruhannya di Kelantan sahaja. Termasuk takungan air di penghulu sungai supaya air tidak mengalir banyak sangat ke laut. Jadi, ini saya masih berbincang dengan pihak-pihak yang tertentu yang mungkin boleh kita laksana secara *privatization* yang mana kerajaan tidak perlu menjanakan, mengeluarkan sumber kewangan.

Dengan itu juga kita boleh mendapatkan kemudahan tebatan banjir dengan secepat yang boleh bukan dalam mengikut fasa-fasa yang ditentukan oleh pihak kerajaan menggunakan sumber kewangan kerajaan sendiri. Akan tetapi ini masih dalam perbincangan saya, Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Kota Samarahan bertanya berhubung dengan tebatan banjir Kuching tadi saya sudah jawab.

■1550

Bagi soalan yang kedua yang dibawa oleh Yang Berhormat Kota Samarahan ialah tebatan banjir di kawasan-kawasan lain iaitu Projek Tebatan Banjir di negeri Sarawak. Umpamanya pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sarawak RM100 juta saya sebut tadi, Rancangan Tebatan Banjir Sibul, Lembangan Batang Rajang RM100 juta, Rancangan Tebatan Banjir Miri yang ini semua sudah saya ulang tadi tetapi ini untuk menjawab Yang Berhormat Kota Samarahan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepanggar mohon disegerakan projek Lembangan Menggatal iaitu melibatkan dua batang sungai iaitu Sungai Mensiang dan Sungai Rampayan yang dianggarkan menelan sebanyak RM50 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Projek Rancangan Tebatan Banjir Kawasan Sungai Mensiang dalam Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Ke-11 di bawah Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Dambai, Lembangan Sungai Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah. Manakala Projek Tebatan Banjir Sepanggar pula juga akan dikemukakan dalam Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Ke-11 di bawah Projek Rancangan Tebatan banjir Sungai Rampayan, Lembangan Sungai Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah.

Yang Berhormat Kuala Nerus membangkitkan isu hakisan pantai di Tanjung Gelang. Sebenarnya di kawasan Terengganu ini saya sendiri telah pergi. Kita sudah melaksanakan termasuk Kampung Gelang ini di sepanjang beberapa kilometer berdekatan dengan Lapangan Terbang Kuala Terengganu hingga ke Universiti Malaysia Terengganu sudah kita bagi sumber kewangan yang berjumlah hampir keseluruhannya RM40 juta Yang Berhormat dan butirannya saya tidak ada di sini secara *detail*.

Akan tetapi dalam masa yang sama saya sudah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu yang meminta saya setiap projek, pengagihan sumber kewangan itu dan beliau telah berpuas hati dengan pengagihan tersebut untuk mengatasi masalah hakisan air laut oleh sebab tempat kawasan itu berhadapan Laut China Selatan.

Bagi memastikan sesuatu projek tersebut berkesan, kajian hidraulik – untuk makluman Ahli Yang Berhormat untuk memastikan suatu projek tersebut berkesan, kajian hidraulik secara pemodelan *numerical* dilaksanakan. Ini bertujuan untuk memahami sifat hidro dinamik bagi mengurangkan kadar hakisan penompakan pasir pada masa hadapan. Setiap pemilihan struktur tersebut akan bernilai mengikut kesesuaian, keberkesanan dan kos yang diperuntukkan. Sebenarnya saya telah berbincang dengan *Vice Chancellor* Universiti Malaysia Terengganu Dato' Dr. Nor Aieni berhubung dengan perkara ini dan beliau telah menyambut baik dan bersetuju untuk membantu pihak Jabatan Pengairan dan Saliran untuk memberi bantuan teknikal kepada kita.

Yang Berhormat Bachok berpesan beberapa perkara seperti berikut, cadangan kerajaan untuk bina Empangan Lebir dan Nenggiri di negeri Kelantan yang bernilai RM3 bilion wajar diperhalusi. Kedua, apakah kerajaan mengambil kira kesan gempa dan isu alam sekitar yang timbul akibat pembinaan Empangan Nenggiri dan Empangan Lebir. Teguran Ketua Audit Negara berkenaan tembok banjir di Kota Bharu yang dibina lebih rendah satu meter daripada sepatutnya. Ini yang dibawa Yang Berhormat Ampang tadi juga. Laporan Ketua Audit 2013 membuat teguran tentang pengagihan peruntukan tebatan banjir yang tidak diagihkan ke kawasan banjir yang kritikal membuktikan Kelantan terus didiskriminasi ini teguran yang itulah. Usaha penanaman pokok.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Empangan Nenggiri akan direka bentuk dan dibina sepenuhnya oleh pihak Tenaga Nasional Berhad. Manakala bagi Empangan Lebir ia masih dalam peringkat kajian dengan faktor keperluan pada kesan gempa bumi dan alam sekitar akan diambil kira.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan sedia maklum berkenaan keperluan dan pembinaan tebatan banjir di Kelantan. Berhubung dengan itu Kerajaan Persekutuan telah meluluskan dua Projek Rancangan Tebatan Banjir di Kelantan dalam Bajet 2016. Projek RTB tersebut adalah di bawah pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan Fasa 1, pembangunan Lembangan Bersepadu Sungai Golok. Tebatan Banjir Sungai Golok akan dilaksanakan dengan RM300 juta manakala pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan kos sebanyak RM575.25 juta akan meliputi kajian reka bentuk dan pembinaan struktur tebatan banjir.

Daripada segi reka bentuk pula projek tersebut mengambil kira terhadap perlindungan 50 tahun *Average Recurrence Interval* (ARI) yang disesuaikan dengan peruntukan yang diperoleh dan mengambil kira potensi kekerapan serta keamatan hujan yang menyebabkan aras sungai melepasi 6.5 meter. Rekod dari tahun 1998 hingga tahun 2013 hanya sekali paras air Sungai Kelantan melepasi 6.5 meter di Jeti Kastam.

Pelaksanaan tebatan banjir di Sungai Kelantan fasa 1 dengan tahap perlindungan 50 tahun *Average Recurrence Interval* mengambil kira langkah-langkah yang telah ditetapkan untuk menyelesaikan secara menyeluruh isu banjir dilaksanakan kelak. Pembinaan pmpangan *flood wall* dan *bypass*, perkiraan dasar penggunaan skim pengaliran air Sungai Sat sebagai kawasan takungan banjir dan pelepasan untuk mengawal paras air banjir supaya tidak melepasi paras 6.5 meter tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan giat melaksanakan program restorasi dan pemulihan bagi kawasan terosot termasuk kawasan-kawasan di sepanjang sungai yang terjejas teruk akibat banjir besar 2014. Pada tahun 2015, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah berjaya menjalankan penanaman sebanyak 917,211 batang pokok daripada pelbagai spesies seperti merawan meranti, tembusu, bintangor, kelampayan dengan jumlah keluasan seluruh 2,071.3 hektar.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi siling tahun 2016 melalui restorasi tebusan guna dan pemulihan di kawasan hutan simpan kekal yang terosot di Kelantan sebanyak 762,000 akan digunakan untuk tujuan pemulihan dan penanaman pokok di kawasan hutan simpan kekal yang terjejas akibat banjir di sepanjang Lembangan Sungai Kelantan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kepong bangun Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu penjelasan sahaja pendek. Saya memang mengalu-alukan kalau ada rancangan untuk menanam semula terutama dengan pokok yang baik seperti jati dan sebagainya tetapi di banyak kawasan bukan sahaja misalnya di Lojing itu banyak yang ditebang tetapi saya tidak nampak ada ditanam semula. Di Endau-Rompin pun ada dipotong dengan banyak. Adakah ini dipulihkan dan di Cameron Highlands pun begitu juga dan banyak tempat. Ini tidak sebut lagi Sabah dan Sarawak.

Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini bagaimana rancangan penanaman semula ini dapat dijayakan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya baju dan *tie striking* Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat amat relevan dan memang saya mengalu-alukan soalan ini. Sebenarnya Jabatan Hutan Semenanjung juga Sarawak dan Sabah memang aktif dalam penanaman semula pokok-pokok hutan berlandaskan sama ada *reforestation concept* sebagaimana Yang Berhormat saya sebut di sini *reforestation concept* ini ialah menanam pokok daripada jenis yang sama *indigenous* kepada kawasan-kawasan tersebut. Akan tetapi penanaman pokok begitu sahaja dengan pokok-pokok asing dari kawasan itu adalah penanaman pokok biasa.

Jadi dalam masa yang sama Yang Berhormat ada dua perkara perlu diambil kira. Oleh sebab tanah dan hutan itu adalah kepunyaan kerajaan negeri contohnya di Cameron Highlands. Penanaman semula ataupun *reforestation* ataupun restorasi pada kawasan-kawasan ini perlu mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan negeri sebelum Jabatan Perhutanan Persekutuan boleh masuk ke kawasan tersebut.

#### ■1600

Jadi ini adalah sedikit apa yang dikatakan, kita punya *red tape* di antara pusat dan negeri. Walaupun kita berbincang, kadang-kadang secara realitinya Yang Berhormat ada rintangan-rintangan yang kita lihat berlaku. Akan tetapi saya melihat daripada fakta walaupun tiada *figure* di sini, kita telah banyak menanam pokok, beratus-ribu batang pokok telah ditanam dalam beberapa jenis tetapi saya akan ambil perhatian tempat-tempat yang disebut oleh Yang Berhormat umpamanya di hutan-hutan kekal dan sebagainya itu, saya akan ambil perhatian dan saya ambil rekod. Mesyuarat yang akan datang, mungkin Yang Berhormat boleh tanya saya, *insya-Allah* saya akan menjawab secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Yang Berhormat Bintulu. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM27.5 juta dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir di Bintulu. Sebenarnya tadi saya sudah sebut bahawa kita telah melaksanakannya dan saya telah mengarahkan pihak DID di Sarawak untuk terus melaksanakan tebatan banjir khususnya Kemena di kawasan Yang Berhormat Bintulu.

Saya mendapati bahawa ada terdapat masalah dua, tiga sebab yang perlu diatasi di sana kerana terdapat sebuah sungai yang telah ditutup oleh pihak pemaju, tuan tanah – sama ada kita hendak mengambil alih ataupun *acquire* tanah itu supaya sungai tersebut boleh dibukakan semula supaya air dapat mengalir di situ. Kalau tidak, akhirnya sungai tersebut akan tertutup dan air akan terus mengalir ke permukaan yang akan mendatangkan masalah banjir yang boleh berlaku di sana.

Jadi yang terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah berhubung dengan lombong bauksit. Ini bauksit. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah berkenaan perlombongan bauksit oleh Yang Berhormat Kuantan yang mempersoalkan isu perlombongan bauksit seperti berikut:

hilang kawalan terhadap aktiviti;

- (i) pencemaran udara;
- (ii) aktiviti perlombongan perlu berprosedur;
- (iii) tidak ada rehabilitasi;
- (iv) lori dan laluan khas untuk mengangkat bauksit;
- (v) jalan makro komprehensif EIA; dan
- (vi) sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bacaan IPU bagi stesen-stesen pengawasan di Kuantan tidak pernah mencecah IPU 400. Ini daripada ucapan mengatakan 400 sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun sepanjang tempoh pemantauan habuk halus, PM10 oleh Jabatan Alam Sekitar di tiga buah kawasan iaitu di kawasan Pelabuhan Kuantan, SK RTP Bukit Goh, Kolej Profesional MARA yang terjejas aktiviti bauksit pada 18 Ogos hingga 3 September mendapati memang terdapat bacaan tertinggi habuk halus dicatatkan iaitu sebanyak 478 mikrogram per meter padu sebagaimana dilaporkan dalam sesi Dewan yang lalu.

Bacaan tertinggi yang direkodkan adalah di Pelabuhan Kuantan yang dicatatkan pada jam 11 pagi, 23 Ogos 2015 bagi tempoh satu jam, had piawaian bagi PM10 yang ditetapkan dalam Garis Panduan Kualiti Udara Ambien bagi Malaysia ialah 150 mikrogram per meter padu bagi purata 24 jam. Ini menunjukkan bahawa keadaan partikel di tempat itu adalah keadaan yang kurang sihat dan tidak sihat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pemantauan Kualiti Udara Ambien secara berterusan juga dilakukan tiga buah lokasi tersebut dan mendapati bahawa secara keseluruhannya bacaan IPU terkini, 10 hingga 16 Mac 2016 berada pada paras sihat dan sederhana. Sejak bulan Mei 2015 melalui Jabatan Alam Sekitar telah melaksanakan ujian ke atas sampel kualiti air sungai dan terkesan dengan aktiviti perlombongan bauksit bagi menilai tahap kandungan pencemar logam berat yang terdapat di dalam Sungai Riau, Sungai Mabok, Sungai Pinang dan Sungai Penggorak.

Berdasarkan keputusan analisis kimia ke atas sejumlah 133 sampel air sungai tersebut, didapati bahawa logam aluminium kerap mencatatkan bacaan yang tinggi iaitu pada tahap kelas X iaitu melebihi 0.5 miligram per liter seperti yang digariskan dalam standard kualiti air kebangsaan, *National Water Quality Standards for Malaysia*.

Berdasarkan sampel terkini pada 28 Januari, purata kandungan aluminium di Sungai Riau, Sungai Mabok dan Sungai Pinang adalah masing-masing 1.80 miligram per liter, 1.70 miligram per liter dan di Sungai Pinang, 2.15 miligram per liter. Manakala sampel pada 11 Februari, Sungai Penggorak kandungan aluminium adalah 0.82 miligram per liter, kandungan aluminium di dalam sampel air yang diambil yang diambil di Sungai Riau berhampiran dengan Muka Sauk, *water intake point*. Loji rawatan air Bukit Goh pula adalah 2.9 miligram per liter pada 28 Januari 2016.

Bagi logam plumbum pula, kebanyakan sampel di air Sungai Riau, Sungai Mabok, Sungai Pinang dan Sungai Penggorak telah menunjukkan bacaan yang rendah pada tahap kelas



II iaitu kurang daripada 0.05 miligram per liter iaitu antara 0.0034 miligram per liter hingga 0.042 miligram per liter. Hanya satu sampel daripada jumlah sampel air sungai pernah menunjukkan kandungan logam plumbum yang sedikit lebih had kelas II iaitu 0.162 miligram per liter yang dicatatkan di Sungai Riau pada 28 Januari 2016. Secara keseluruhannya, kandungan plumbum di ketiga-tiga buah sungai tersebut adalah berada dalam kelas II, sesuai bagi rawatan air diguna kaedah konvensional.

Proses rawatan air minuman secara konvensional loji-loji rawatan lazim akan melalui proses pengudaraan, taburan kimia, penggunaan alum bagi tujuan enapan dan pembasmian kuman melalui pengklorinan. Proses rawatan secara konvensional tidak menggunakan kaedah rawatan lanjutan seperti pengozonan dan osmosis balik, *reverse osmosis*.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari masih terdapat pembaikan yang perlu dilaksanakan dan menjadikan mineral khususnya perlombongan bauksit di Kuantan dijalankan secara mampan dan bertanggungjawab, kerajaan telah mengumumkan penggunaan moratorium terhadap aktiviti perlombongan dan pengimportan bauksit pada 6 Januari yang berkuat kuasa selama tiga bulan mulai 15 Januari 2016. Dalam tempoh tersebut, kementerian mengadakan bengkel dan sesi *engagement* bersama pihak yang berkaitan bagi menyemak semula peraturan, prosedur, garis panduan yang melibatkan aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit bagi tujuan penambahbaikan.

Semua peraturan, prosedur, garis panduan yang baharu yang akan diguna pakai selepas tempoh moratorium tersebut tamat. Ia meliputi pelbagai aspek termasuk pengurusan di tempat pengekstrakan bauksit, pengangkutan, pengurusan stok fail di dalam dan di luar pelabuhan dan prosedur pengeluaran permit eksport AP bagi bauksit.

Dalam hal ini, kementerian sedang di peringkat akhir dalam menyediakan penambahbaikan secara holistik melibatkan aktiviti perlombongan, pengangkutan, penyimpanan, pengeksportan bauksit secara amnya, cadangan penambahbaikan akan melibatkan perkara berikut:

- (a) tapak bauksit:
  - (i) mengukuhkan peranan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri (SMRC);
  - (ii) mewujudkan konsortium untuk menguruskan dan melaksanakan aktiviti perlombongan bagi lombong-lombong yang kecil;
  - (iii) pindaan Enakmen Mineral Negeri 2001 untuk mewajibkan aktiviti perlombongan berskala kecil menyediakan pelan pemulihan melombong;
  - (iv) mengkaji semula kadar bayaran Kumpulan Wang Pemulihan Lombong Dan Pemulihan Bersama; dan
  - (v) penambahan syarat dalam skim pengaliran perlombongan termasuk akan melibatkan pengukuhan proses *progressive rehabilitation*.

- (b) pengangkutan dan penguatkuasaan:
  - (i) mewujudkan garis panduan baharu melibatkan lori pengangkut mineral dan bauksit;
  - (ii) pemertaaan jalan khusus, *designated routes*;
  - (iii) penambah baik prosedur pengeluaran permit Borang 13D di bawah Peraturan-peraturan Mineral Negeri;
  - (iv) pendaftaran lori pengangkut, *designated vehicle*;
  - (v) pengurusan stockpile di pelabuhan;
  - (vi) menaiktarafkan kemudahan operasi Pelabuhan Kuantan; dan
  - (vii) mewujudkan stok fail berpusat;
- (c) pengeksportan bauksit:
  - (i) pindaan SOP senarai semak permohonan permit eksport; dan
  - (ii) pindaan SOP pengeluaran SOP penilaian teknikal.

#### ■1610

Walau bagaimanapun beberapa perkara masih perlu di selaras lanjut utamanya bersama Kerajaan Negeri Pahang bagi membolehkan cadangan-cadangan tersebut dilaksanakan. Pelaksanaan prosedur garis panduan syarat baik tersebut akan menjadikan aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit lebih teratur, berkesan dan memberikan penekanan terhadap alam sekitar serta kesejahteraan penduduk Kuantan.

Untuk makluman, masalah pencemaran Kuantan akibat perlombongan bauksit yang berlaku baru-baru ini adalah tidak tertakluk di bawah peraturan Jabatan Alam Sekitar kerana aktiviti perlombongan tersebut tidak melebihi keluasan 250 hektar mengikut perundangan Jabatan Alam Sekitar sedia ada masa itu. Namun sedemikian, masalah ini dapat diatasi dengan Pindaan Perintah Kualiti Alam Sekitar (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 yang telah digazet 28 Ogos 2015 telah diperuntukkan dari pindaan ini, telah menetapkan aktiviti perlombongan tanpa mengira saiz keluasan yang berkaitan dengannya kawasan sensitif alam sekitar termasuk yang berdekatan kawasan penduduk adalah dikehendaki mengemukakan laporan EIA bagi cadangan aktiviti perlombongan tersebut untuk kelulusan Jabatan Alam Sekitar sebelum aktiviti tersebut boleh dijalankan.

Dalam hal ini, polisi Kerajaan Negeri Pahang menetapkan kelulusan untuk lombong bauksit akan meliputi tempoh tidak lebih daripada dua tahun. Justeru, kebanyakan lombong-lombong bauksit aktif yang diluluskan pada Ogos 2015 akan berakhir 2016 dan 2017. Sekiranya lombong-lombong tersebut masih ingin beroperasi mereka perlu mematuhi perundangan baru yang akan ditetapkan selepas tempoh penggunaan moratorium terhadap perlombongan pengeksportan bauksit termasuk keperluan untuk menyediakan *Environmental Management Plan* (EMP) bagi lombong berskala kecil.

Pelaksanaan dan penguatkuasaan semua peraturan dan prosedur garis panduan termasuk perintah EIA yang baru yang melibatkan perlombongan dan pengeksportan bauksit,

NRE melalui GMG dan JAS boleh menjalankan pantauan dan penguatkuasaan ke atas aktiviti tersebut bagi memastikan keperluan perundangan yang dikuatkuasakan adalah dipatuhi.

Oleh yang demikian, isu yang berkaitan masalah gangguan kepada orang awam, pencemaran habuk kawasan *stockpile*, pengangkutan bahan mineral bauksit, pelepasan bahan logam berat ke dalam keluaran air sungai daripada aktiviti perlombongan bauksit di masa akan datang tidak berulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya beri mengenai isu-isu yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa persidangan ini. Sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pendapat, cadangan dan sebagainya kepada kementerian akan diambil perhatian.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, pohon penjelasan, boleh? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas penjelasan yang panjang lebar Yang Berhormat Menteri.

Saya lihat bahawa garis panduan yang disediakan agak ketat dan ia agak seiringan dengan apa yang saya sendiri fikirkan berkenaan daripada garis panduan SOP untuk kawalan pencemaran. Namun saya cuba memahami *in between the line* apabila Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa pencemaran alam sekitar pada mulanya tidak tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar oleh sebab *total* jumlah lombong 250 hektar ke atas yang memerlukan EIA.

Selepas keluarnya pekeliling pada Ogos 2015, perintah kualiti alam sekitar yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri pada Ogos 2015 yang meletakkan jumlah keluasannya 250 hektar ke atas yang memerlukan EIA.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** *Any size... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *Any size, there is no limit.* Soalan saya ialah apabila Yang Berhormat Menteri kata lombong *not more than two years* dia punya lesen daripada kerajaan negeri. Maksudnya lepas tempoh dua tahun barulah kena buat EIA kalau mereka hendak memohon semula, *what happen in between?* EIA ini yang saya faham dia tidak ada *retrospective*, maksudnya walaupun pekeliling ini sudah keluar, perintah ini sudah keluar tetapi lombong yang sedia ada tidak *retrospective* ia tidak perlu diaplikasi ke atas lombong yang sedia ada.

Soalan saya, sekiranya selepas akhir moratorium nanti dan perlombongan diteruskan kita tahu banyak lombong-lombong itu dia punya lokasinya di hulu mata sauk, *water intake point* di Sungai Riau, Sungai Mabuk, Sungai Pinang semuanya di hulu sungai di mana mata sauk Semambu, Loji Semambu, Loji Bukit Goh dan sebagainya. Ini yang saya timbul kekhuatiran di sini *what happen* antara sekarang dan tempoh dua tahun lesen yang telah dikeluarkan, sekiranya ia dibenarkan beroperasi semula. Terima kasih.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Saya hendak...

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Akan tetapi soalan ini – tunggu sekejap Yang Berhormat. Biar saya *handle this* soalan dulu ya, saya akan bagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memujilah Yang Berhormat dari Kuantan ini *very sharp* dia tengok benda itu. Saya memang memikirkannya Yang Berhormat, sebelum saya menandatangani peraturan yang baru itu persoalan yang saya bangkit berbincang dengan pihak penasihat undang-undang kementerian saya ialah soalan *retrospective effect* peraturan yang saya tandatangani. Daripada konsep undang-undang kita memang tidak boleh menggubal satu undang-undang yang mempunyai *retrospective effect*, aplikasi ke belakang.

Jadi dalam keadaan sedemikian maknanya memang amat betul apa Yang Berhormat sebut tapi walau bagaimanapun SOP, peraturan-peraturan yang kita guna pakai walaupun EIA tidak dibuat akan dilaksanakan juga selepas ini. Maknanya hanya soalan EIA sahaja yang kita tidak dapat laksanakan sekarang bagi lombong-lombong yang lama yang tidak diberhentikan.

Akan tetapi, apa sahaja garis panduan untuk perlombongan garis panduan untuk *stockpile* dan pengangkutan akan dituruti ataupun dipatuhi oleh pihak pelombong ini nanti. Jadi hanya satu EIA sahaja itu tidak dapat di aplikasi. Akan tetapi kalau kerajaan negeri menamatkan semua perlombongan itu daripada syarat negeri ditamatkan dan dia kata beri baru *then, EIA can be apply*.

Jadi kita akan berbincanglah Yang Berhormat, berlandaskan persoalan Yang Berhormat ini. Kita bincang dengan kerajaan negeri supaya menamatkan semua perlombongan suruh dia buat EIA dulu lepas itu baru kita laksanakan. Maknanya secara *total* bukan sahaja SOP untuk pengangkutan, SOP untuk perlombongan, SOP untuk *port* itu boleh dilaksanakan bahkan EIA itu juga boleh dilaksanakan serentak.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Saya dululah ya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya masih ragu-ragu sama ada, kalau dulu kita banyak lombong, dulu bijih timah, bijih emas, bijih apa, tidak ada isu. Akan tetapi, mengapa sekarang ada isu? Saya punya pendapat sekarang ini mungkin Kerajaan Pusat sudah menghapuskan *mining department*, ada lagi tak *mining department*?

Saya rasa kalau ada *mining department*, *mining department* akan menjalankan mengikut kaedah-kaedah *the Mining Act and Mining Enactment of the state*. Kalau dulu mengikut peraturan itu tidak ada masalah. Oleh sebab itu kalau dulu umpamanya buka lombong air tidak boleh keluar daripada – saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Menteri tadi kaedahnya yang pertama, cara melombong *at the mining site*, yang itu saya rasa kementerian Yang Berhormat yang harus menelitinya.

Kedua ialah *the transportation* iaitu SPAD dengan *Ministry of Transport*. Ketiga, *the storage which I think back* pada kementerian Yang Berhormat, *the storage of the bauksit* sama ada di pelabuhan ataupun kawasan-kawasan diperuntukkan. Keempat yang saya ingat Yang Berhormat *missed* adalah mengangkut daripada *storage part* kepada kapal yang kadang-kadang banyak bauksit jatuh ke dalam laut. Jadi, saya berpendapatlah kalau kita ikut *the Mining Enactment of the state* atau *Mining Act at the federal level*, kalau boleh peraturan-peraturan perlombongan dulu, saya rasa tak ada masalah sangat.

## ■1620

Saya Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkaralah. Kalau Yang Berhormat Menteri izinkan, saya nak buat secara bertulis— sebab Tuan Yang di-Pertua, dulu kerja saya ini. *I was a mining consultant and* kita retilah sikit-sikit apa masalah sekarang. Akan tetapi kalau diizinkan, saya akan buat secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya tengoklah perbincangan antara kementerian ini dengan Ahli Parlimen *very civil* Tuan Yang di-Pertua, *very peaceful*, tak tahu pasal apa. Sama ada tak ada orang tertentulah ataupun saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh semua pihak Ahli Parlimen dengan penuh hormat *and profesional and therefore, we respond with respect and profesional in our discussion*. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, kalau boleh saya tambah lagi sedikit soalan. Boleh ya?

Berkenaan dengan kualiti air sungai, logam berat di dalam air sungai tadi, bacaan-bacaan yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri menunjukkan penurunan bacaan logam berat di dalam air sungai dalam kualiti air sungai. Tarikh-tarikh yang disebut itu ialah tarikh-tarikh sewaktu moratorium.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, ianya adakah disebabkan oleh moratorium, tiada aktiviti perlombongan, maka bacaan logam berat di Sungai Riau, Sungai Mabuk, Sungai Pinang itu berkurangan dari segi kandungan logam berat berbanding dengan sebelum moratorium, memang kita tahu bacaan logam berat begitu tinggi dan juga toksik seperti arsenik dan sebagainya? Jadi, adakah disebabkan oleh moratorium, pada pandangan Yang Berhormat Menteri? Dan sekiranya kita sambung, adakah kemungkinan ianya akan meningkat semula dan adakah wajar kita gunakan air tersebut sebagai sumber air yang kita gunakan untuk kita rawat sebagai air minuman warga Kuantan? Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin suasananya aman damai kerana saya belum mula lagi. Pada mulanya saya hendak rakamkan kekecewaan saya kerana walaupun saya bukan dari Kuantan, tetapi saya melihat bahawa tindakan yang diambil walaupun kalau dibandingkan dengan kes-kes yang lain jauh lebih cepat, tetapi *it was not fast enough*. Ini kerana sehingga Bandar Kuantan jadi warna merah oren baru hendak bertindak, *I think must go on record, we were slow*. Namun demikian, saya ucapkan tahniah kerana *finally* moratorium telah pun diisytiharkan.

Dan apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri hendak adakan peraturan-peraturan berhubung dengan cara perlombongannya, SOPnya, bab pengangkutannya, bab *stockpile* nya dan sebagainya, saya tidak nampak ini sebagai perkara-perkara mudah dan kecil yang bila habis sahaja tempoh moratorium, semua boleh berjalan, kerana kalau hendak lihat dari segi cara perlombongan yang dilakukan, *I mean, you need a total revamp of the existing method*. Cara-cara sekarang ini memang tiada langsung mengambil kira apa-apa aspek hendak kawal supaya tidak ada pencemaran dan sebagainya.

Saya merasakan bahawa *there will necessarily*, diperlukan *capital investment* untuk menentukan bahawa pencemaran khususnya kepada sungai-sungai tidak akan berlaku sebelum proses perlombongan itu boleh dilakukan walaupun tempoh moratorium itu mungkin berakhir. Kalau sekiranya kerajaan negeri bersetuju hendak tamatkan semua lesen dan mungkin kerajaan negeri selepas itu akan menghadapi tindakan saman daripada syarikat-syarikat ataupun individu-individu yang terlibat yang telah mendapat anu dan sebagainya itu, kalau dia orang sanggup, *Alhamdulillah* lah, tetapi kalau tidak, saya melihat bahawa pihak kementerian kena tegas dari segi prosedur, proses, pendekatan perlombongan, pengangkutan yang disebutkan tadi, jenis lori, *must be very strict* dari segi standardnya. Ini tengok yang lori itu terbalik dengan habis dia punya bauksit dan sebagainya, memang tak ada dari segi aspek-aspek SOP yang boleh diterima baik.

Lebih-lebih lagi, *stockpile* yang ada di pelabuhan. fasal, kita nampak macam seolah-olah langsung tak ada satu kawalan untuk mengelakkan pencemaran yang berlaku di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan pelabuhan dan sebagainya. *Stockpilenya* terbuka, setakat mana yang saya nampaklah. So, apakah dia punya standard *design, capital investment* yang perlu dilakukan oleh pihak pelabuhan itu sendiri untuk hendak *cater* dan adakah ianya merupakan satu perkara yang boleh dikatakan *viable* – sejauh mana, berapa lama dan apa *income*?

Kalau kita lihat dari segi setakat yang saya tahu, percukaian atau royalti seolah-olah hampir macam tiada apa-apa. So, siapa yang hendak belanjakan, hendak *invest*, hendak tentukan benda-benda ini semua akan dilakukan selamat untuk perlombongan itu dijalankan, *transportation* itu dijalankan dan *stockpile* itu di pelabuhan dan *material handling* dekat pelabuhan itu juga dilakukan dengan cara yang selamat?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini *very topical* dan juga kontroversi dahulu, jadi itulah saya bagi banyak ruang untuk bertanya. Terima kasihlah.

Yang Berhormat daripada Indera Mahkota tadi bertanya berhubung dengan mungkin ketiadaan *Mining Department* ini mendatangkan satu masalah. Sebenarnya Yang Berhormat, selepas saya mengendalikan masalah bauksit ini di Kuantan, saya masih memikirkan sama ada kita perlu mewujudkan satu lagi agensi untuk mengawal selia semua mineral sebagaimana kita pada satu ketika dahulu yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Indera Mahkota. Ini masih dalam pemikiran saya dan saya berbincang dengan pegawai-pegawai saya perlu atau tidak.

Itulah kenapa saya mengarahkan KSU membuat kajian daripada sudut mineral kita berapa banyak *volume* mineral kita di seluruh negara, sama ada *it warranted the creation of a new department like what I said*. Jadi dalam keadaan sedemikian, kita masih mengkaji, Yang Berhormat ya. *Insyah-Allah*, kalau keputusannya memihak kepada kita nanti iaitu cukup bekalannya, cukup menjadi industri yang besar, *insyah-Allah* kita akan membawa perkara ini kepada Dewan ini juga sama ada kita hendak buat satu *department* baru ataupun tidak. Itu yang pertama.

Kedua...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sedikit, Yang Berhormat. Saya punya pandanganlah, negara kita amat kaya dengan logam. Contoh di Bukit Kuman, sudah berpuluh tahun, hampir seratus tahun, emas masih dikorek. *So, you need a Mining Department to supervise* lah. Terima kasih Yang Berhormat .

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu lagi persoalan yang dibangkitkan Yang Berhormat Indera Mahkota juga ialah kenapa sekarang bauksit itu jadi macam sedemikian rupa dan kenapa dahulu tiada. Sebenarnya dahulu bauksit ini jarang dibuat orang. Sebenarnya semua orang buat besi, tin dan sebagainya. Besi dan tin Tuan Yang di-Pertua, ia tidak mengeluarkan habuk yang berwarna, dia mengeluarkan habuk yang berwarna air dan ia tidak terus terbang melekat tetapi ganjilnya, saya dapati daripada kajian saintifik menunjukkan bahawa debu daripada bauksit ini ia melekat, melekat di sana melekat di sini hingga menukarkan warna daun-daun menjadi merah. Jadi, ia ganjil. Itulah orang bimbang kalau dia masuk dalam kerongkong kita mungkin ia akan *stuck inside* juga. Kalau tak dibersihkan dalaman itu jadi merah juga dalam itu.

■1630

Jadi, ini memang keganjilan bauksit berbanding dengan mineral-mineral yang lain. Itu jawapan saya kepada Yang Berhormat Indera Mahkota.

Kedua, Yang Berhormat Kuantan lagi bertanya kajian fakta air ini. Sebenarnya saya ada *table* Yang Berhormat, bermula dari bulan Mei. Pada 14 Mei hingga 14 Disember hinggangnya moratorium dilaksanakan. Semua ada fakta di sini, menunjukkan memang ada perbezaan. Memang kita terima, saya kata *I am not going to be on denial syndrome about* berhubung perkara ini. Memang ada perubahan kualiti air di seluruh kawasan berlandaskan tindakan-tindakan perlombongan bauksit yang tidak ada kawalan. Jadi, ini memang fakta sebenar. Kita mempunyai fakta sebenar daripada pihak kajian di luar jabatan dan kementerian kita yang menemui keputusan ini.

Jadi yang disebut oleh Yang Berhormat dari Shah Alam, memang setuju. Saya amat bersetuju Yang Berhormat. Apa yang Yang Berhormat sebut itu ia *we are not fast enough*. Akan tetapi apa yang berlaku, saya sebenarnya dalam kementerian ini tengah hitung tadi berapa lama saya sudah ini, 7 bulan dan 20 hari, apabila saya masuk bauksit itu memang sudah ada. Akan tetapi, masa itu jugalah masalah jerebu berbangkit. Jadi saya ketepikan bauksit ini, saya sibuk dengan jerebu. Bila habis jerebu, orang cerita hal banjir. Lepas itu pada masa yang sama, barulah saya menangani masalah bauksit.

Jadi, memang ada kelambatan sedikit. Jadi saya hendak sebut di sini, ini Menteri ini dari Kemaman ini, *he is the biggest pressure group* dalam Jemaah Menteri berhubung dengan bauksit ini. Jangan fikir Yang Berhormat seorang sahaja yang *concern* ini, dia ini *concern*, saya pun pening kepala. Sebabnya, saya hendak beri berterus terang, sebenarnya Jemaah Menteri membuat persetujuan pada 27 November. Yang Berhormat dari Kemaman ini tiap-tiap minggu mendesak saya supaya laksanakan arahan daripada Kabinet. Akan tetapi saya kena berbincang dengan *all the stakeholders* Yang Berhormat. *I have to be careful the way I step*. Jadi itulah,

kelambatan itu memang berlaku. Saya menerima hakikat, saya tidak deny apa yang Yang Berhormat dari Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tunggu Yang Berhormat Shah Alam, saya hendak habis cerita saya. Itu satu. Kedua, memang kita tidak ada prosedur yang terbaik. *The best practice was not there* masa kita buat. Nombor satu, EIA tidak ada sebab kebimbangan tidak ada. Kedua, tidak ada peraturan daripada segi pengangkutan, tidak ada peraturan untuk *stockpile*, tidak ada peraturan untuk pelabuhan. Semuanya tidak ada peraturan Yang Berhormat. Itu yang saya terima. Jadi, adalah sedikit garis panduan yang kita punya di bawah kementerian kita iaitu di tempat perlombongan itu sedikit sahaja.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri, saya bukan pandai sangat. Memang tidak pandai pun. Akan tetapi bagi saya, kalau kita ada satu peristiwa dan terus pada bulan Mei kita sudah dapat *result*, air tercemar. Soal plumbumnya tinggi, soal aluminiumnya tinggi, soal arseniknya tinggi, *we cannot wait*. Ini soal pencemaran sungai-sungai kita, asas air, sumber air minuman penduduk. So, bilamana kita nampak ada berlaku pencemaran yang sedemikian terhadap kawasan, terhadap air dan sebagainya, terus kita sepatutnya mengambil tindakan untuk menghentikannya. Ini soal hendak buat *environmental impact analysis* dan sebagainya, itu soal lain.

Sekarang ini sudah berdepan mata kita benda itu sudah berlaku, so kita kena ambil tindakan sama ada ada jerebu atau kemarau atau apa, itu lain cerita. *The moment you see damage is caused, stop it*. Saya rasa itulah sepatutnya tindakan yang perlu diambil untuk menjamin keselamatan. Akan tetapi bila Yang Berhormat menunjukkan kepada saya *tabulation* dari bulan Mei, Jun, Julai, Ogos, September, Oktober, November, Disember, Januari, ini sudah berapa bulan sudah Yang Berhormat, barulah kita hendak bertindak. *I mean* saya bukan hendak salahkan, yalah mungkinlah seperti mana yang Yang Berhormat sebutkan, tetapi *let us learn*, biar kita belajar daripada pengalaman ini. Ada sahaja pencemaran, terus bertindak kerana kita tidak tahu berapa ramai nyawa kanak-kanak dalam ini yang telah pun...

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, saya sudah beri peluang Yang Berhormat. Saya sudah beri peluang Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, baik. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya sudah beri peluang dan saya sudah *figure* di sini. Saya menjadi Menteri 29 hari bulan diangkat sumpah, bulan Julai. Sebenarnya bukan bulan Mei dan saya masuk pejabat 3 Ogos Tuan Yang di-Pertua. Jadi, *I think I have done a lot more than...*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *It's not personal criticism, I think the system must be there. The system must be there.*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, saya *gentleman*. Bila saya terima, saya beritahu, saya menerima. Jadi Tuan Yang di-Pertua, memang saya mengaku bahawa ada kelemahan-kelemahan yang kita boleh oleh sebab peraturan, perundangan dan juga



pembahagian kuasa oleh perlembagaan itu sendiri di negeri dan di Pusat. *We are only a regulatory ministry*. Jadi, kita memang kuasa untuk melaksanakan itu tidak ada. Jadi kita kena bincang dengan semua pihak, bahkan sekarang kita kena bincang dengan SPAD, kita kena bincang dengan Kementerian Pengangkutan, mendesak Menteri Pengangkutan. *So that we have a specific kind of lorry designated* jalan. Semua benda ini orang punya, yang sikit kita ada di EIA itu sahaja. Itu pun baru diperkenalkan pada bulan Ogos.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan daripada saya dan saya ucapkan terima kasih kepada semua bahawa saya sudah menjawab hampir semua. Apa yang tertinggal itu biarlah bertulis hantar kepada saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ini masalah saya Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini masalah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam. Masalah saya ialah walaupun saya tidak duduk di sini, saya sering kali didatangi ketua-ketua *whip* daripada parti-parti pembangkang yang memohon supaya persidangan kalau boleh sampai 10.30 malam, 11.30 malam, jam 12.00 malam. Itu masalah saya. Ini kerana masalah kami ialah mengagihkan masa. Ada Menteri yang macam begini yang layan semua, seperti Timbalan Perdana Menteri kelmarin yang melayan.

Akan tetapi apabila layanan dibuat begitu, kadang-kadang apabila kita sudah mencelah, bukan lagi mencelah oleh sebab meminta *elicit* informasi yang perlu diketahui. Ini tidak, menambahkan lagi masalah-masalah yang baru dan membuat cadangan-cadangan tertentu. Menteri pun mendengar juga sehingga kena *lecture* begitu. Jadi untuk menjimatkan masa, jangan sama sekali bazir masa. Kalau boleh, jangan terlampau panjang sangat kerana baru enam kementerian.

Selepas itu Yang Berhormat Parit, Peraturan Mesyuarat 12(1). Apabila dibentang 12(1), ada juga mengatakan tidak setuju. Yang Berhormat Seputeh yang sering kali tidak setuju. [Ketawa.] Sila Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh Menteri jawab sahaja kepada perkara-perkara asas yang ditanya pada sewaktu perbahasan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila Yang Berhormat Menteri. Sila.

#### 4.38 ptg.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Saya cuba untuk meringkaskan jawapan saya di atas merangkumkan semua

tajuk pada bahagian-bahagian yang dibuat secara umum. Sebelum itu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara berkaitan dengan kementerian kami. Pertama Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Kuala Kangsar dan Yang Berhormat Bukit Katil. Terima kasih kepada semua Yang Berhormat.

Saya cuba rangkumkan bagi meringkaskan jawapan kepada ada 26 soalan dan isu yang telah ditimbulkan, tetapi saya rangkumkan kepada dua sahaja. Pertama berkaitan dengan soal isu *food security* ataupun jaminan keselamatan makanan dan yang keduanya yang berkaitan dengan soal pembangunan sektor pertanian yang termasuk soal bantuan pemasaran dan sebagainya.

Mengenai *food security*, keseluruhannya saya dapati bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Kangar telah menunjukkan satu keprihatinan yang besar tentang soal isu yang berkaitan dengan padi.

#### ■1640

Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam yang menyebut tentang berapakah tahap saraan pencapaian sara diri kita? Saya sebutkan bahawa kita sekarang mencapai 71.6%, sedikit bertambah dari tahun 2010. Bagi saya ia ada kaitan dengan soal bagaimana untuk meningkatkan keupayaan. Pertama sekali ialah menambahkan jumlah jelapang-jelapang padi yang ada dalam negara kita. Kita mempunyai jelapang padi yang besar seperti di MADA dan di IADA, ditambah lagi di kawasan yang dipanggil Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) yang mempunyai lapan jelapang padi seluruh negara dan ini memerlukan sedikit lagi tambahan dari segi pembangunan infrastruktur perairan dan sebagainya, dengan diharapkan kita akan dapat menambah tahap sara diri kita.

Cumanya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam dan saya rasa memerlukan kesediaan di kalangan Yang Berhormat di sini untuk menerima pada hakikatnya apakah mencapai sara diri 100% itu adalah merupakan yang terbaik? Terdapat pandangan-pandangan yang mengatakan bahawa tidak semestinya. Kita berkata bahawa 100% adalah merupakan satu sasaran yang perlu dicapai sepenuhnya tetapi untuk mencapai 80% ataupun 85% kita akan kaji dari segi apakah angka yang sepatutnya dianggap sudah memadai.

Ini disebabkan kerana pertamanya kita tahu bahawa beras kita mempunyai *variety* yang tertentu. Sudah tentu tidak semua rakyat dalam negara kita hanya memakan *variety* yang tertentu tadi. Kecenderungan untuk rakyat memakan *variety* beras pada *variety-variety* yang lain seperti beras wangi, beras siam, beras basmathi dan sebagainya yang tidak semestinya menjadikan kita memerlukan untuk— silakan Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya cepat dan singkat. Satu, soalan jenis beras yang diedar melalui Bernas ke negeri Sabah. Adakah pihak penguat kuasa daripada pihak kementerian kualiti beras yang rakyat Sabah *consume* dan Sarawak?

Kedua, soalan saya bagaimana pula jelapang padi di Kota Belud kawasan Tuan Yang di-Pertua yang kononnya diwujudkan dengan secepat mungkin pada satu ketika sampai sekarang belum ada berita apa pun? Ketiga, jelapang padi di Sarawak, kalau saya tidak silap di Tanjong Manis kalau ada cadangan dari pihak Kerajaan Pusat untuk membantu Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak soal jelapang padi ini diperkasakan?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih, Yang Berhormat Putatan. Saya terus menjawab ya, bahawa setakat ini memang benar bahawa kemampuan Sabah dan Sarawak untuk mengeluarkan padi ataupun berasnya sendiri adalah masih di peringkat yang sangat rendah. Sebab itu menjadikan atau membukakan jelapang padi yang lebih luas dan lebih baik dari segi pengairannya adalah merupakan satu daripada keutamaan kementerian. Misalnya dua hari lepas saya sendiri ke Kota Belud untuk melihat jelapang padi di sana, sebanyak 8,500 hektar yang hanya boleh diusahakan kebanyakan diusahakan hanya setahun sekali kerana masalah perairan.

Di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini di Sabah, di Kota Belud diperuntukkan sebanyak – telah diluluskan peruntukan sebanyak RM380 juta. Peringkat pertama dan peringkat kedua sudah dimulakan, saya sendiri melihat dan saya *insya-Allah* kita akan selesaikan dalam masa lima tahun yang akan datang. Begitu juga di Batang Lupar dan sebagainya peruntukan yang besar lebih pada RM400 juta juga sudah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Yang Berhormat Sandakan.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Dengan izin.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Maaf ya. Terima kasih, Yang Berhormat Putatan. Kebanyakan padi yang sampai ke Sabah dan Sarawak kebanyakan ialah – beras yang sampai ialah beras import, yang digunakan kebanyakan dari Vietnam dan sebahagian dari Thailand. Jadi kita akan lihat sekiranya ada kompelin atau rungutan kalaulah beras itu merupakan beras yang rendah kualitinya kita akan ambil tindakan. Silakan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Tadi Menteri sebut ada melawat Kota Belud padi punya *field* lah. Jadi adakah Menteri ada lawat Keningau? Dia punya masalah padi yang menghadapi tidak ada air punya *irrigation problem*. Masalah ini yang penduduk di sanalah mahu tanam padi ini pun tidak ada air, *irrigation problem* mahu tanggung penanaman yang satu masalah yang besar.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya akan menjawab sepenuhnya. Saya akan pergi melawat semua tempat dan *insya-Allah* di Sandakan pun ada kawasan tanaman padi, lebih kurang hampir 1,000 hektar di sana juga saya akan berikan perhatian di sana, kesemuanya.

Cumanya saya hendak beritahu di sini ialah tentang soal kita bercakap tentang prinsip dan dasar dahulu.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** [Bangun]

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Yang Berhormat boleh saya sebutkan di sini dulu, iaitu apakah perlu kita sampai 80%? Ini kerana kita sekarang ini melihatkan bahawa *variety* yang kita gunakan, *variety* yang hanya digunakan oleh rakyat negara kita, jenis beras yang kita makan sekarang ini. Jadi sebab itu bagi saya sekiranya sebahagian daripada rakyat kita memakan *variety* yang lain kita tidak perlu memenuhi semestinya 100%. Ini kerana kalau lebih daripada jumlah 100% itu kita mungkin berhadapan dengan ke mana hendak kita eksport.

Sekarang ini ada pandangan-pandangan, ini bukanlah satu keputusan yang bersifat konklusif tetapi mengatakan ada sedikit kita membenarkan import di sini untuk dijadikan sebagai asas perdagangan kita. Misalnya saya didatangi oleh banyak negara yang mengeksport padi, mengeksport beras maafkan saya. Mereka meminta supaya kita mengimport beras mereka, dari Thailand, Vietnam, Pakistan, India dan sebagainya. Sekarang ini terdapat keadaan di mana *supply* ataupun bekalan beras dunia sekarang ini sudah melebihi daripada permintaan yang besar. Beras di harga pasaran dunia sebahagiannya jatuh.

Di Thailand sendiri mereka terdapat kira-kira 11 juta metrik tan yang berada dalam stok mereka dan mereka membuat lelongan sebahagiannya daripadanya membuat lelongan siapa dapat beras murah dan sebagainya. Ini adalah antara perkara yang disebutkan tentang ekonomi beras pada waktu sekarang iaitu kita boleh menggunakan sebahagian daripada keupayaan mengimport itu untuk menjadikan sebagai timbal balas perdagangan kita untuk mereka membeli barang-barang kita, kelapa sawit kita, getah kita, barang-barang pembuatan kita dan sebagainya.

Jadi ini antara beberapa strategi yang kita mesti lihat. Belum lagi kita jadikan suatu keputusan yang konklusif tetapi ia memerlukan suatu pandangan yang besar, yang saya minta pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa sekarang ataupun masa yang akan datang. Jadi sebab itu satu perkara yang bila disebutkan tentang isu *food security* yang disebutkan, selama ini kita lebih mementingkan tentang berapakah kecukupan beras kita. Benar bagi kita beras adalah makanan yang paling utama, yang paling ruji sekali. Orang tidak cukup beras mereka boleh keluar ke jalan merusuh dan sebagainya.

Akan tetapi banyak pandangan ini hanyalah dilihat hanya daripada perspektif *it's not food security* tetapi melihat daripada segi *carbohydrate security*, tetapi *food* yang merangkumi banyak perkara lain. Ini termasuk sumber protein kita, ikan kita, ayam dan itik kita, daging kita dan sebagainya. Jadi ini antara perkara yang perlu kita lihat secara menyeluruh. Betul kalau kita perhatikan keluaran ayam kita sekarang ini melebihi daripada 100% SSL ataupun Self Sufficiency Level yang ada sekarang ini.

Akan tetapi perkara yang menggusarkan saya di sini ialah makanan ayam itu sendiri. Boleh katakan hampir 100% sumber makanan iaitu jagung dan *soya bean* yang dijadikan palet bagi makanan ayam itu ialah import. Ini adalah antara perkara yang perlu dilihat secara menyeluruh, di mana sekarang ini berlakunya keresahan di kalangan penternak-penternak

dirasakan bahawa kos input ternakan mereka menjadi tinggi kerana nilai mata wang kita agak rendah. Kita import, bermakna kosnya akan menjadi tinggi.

■1650

Jadi ini antara kerisauan dan harga ayam dan sebagainya adalah harga kawalan yang tidak boleh mereka jual kerana inputnya tinggi. Jadi ini antara yang kita lihat memerlukan satu pandangan baru pada keseluruhannya. Supaya kita katakan ya padi penting, beras penting di sini. Akan tetapi menanam jagung misalnya, untuk akhirnya digunakan untuk makanan ternakan kita adalah satu perkara yang menjadi kepentingan yang besar yang perlu dibuat.

Jadi isunya, kalau kita kira berapa juta tan kah jagung yang perlu kita gunakan untuk ayam kita. Jadi, kalau dihitung sekarang ini kita mengimport jagung sahaja bernilai lebih kurang tiga bilion. *Soya bean* dua bilion – lima bilion kita import daripada negara lain. Dihitung kita memerlukan membuat suatu program baru bagi sebahagian daripada apa yang disebutkan *food security* yang memenuhi tuntutan bukan sahaja *carbohydrate security* tadi ialah bagaimana kita menanam jagung secara besar-besaran misalnya.

Untuk tanam jagung besar-besaran, untuk mencukupi 100 peratus bagi keperluan makanan ternakan kita. Kita memerlukan kira-kira 400,000 hektar tanah seluruh negara.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** [Bangun]

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Jadi ramai mungkin tidak boleh bayangkan 400,000 hektar itu besar mana. Keseluruhan jelapang padi kita ialah sekitar 330,000 hektar. Ertinya lebih besar daripada jelapang padi kita yang ada. Jadi mungkin kita boleh gunakan tanah terbiar kita, kita ada 120,000 hektar tanah terbiar yang ada di dalam negara kita. Ini antara perkara yang kita lihat.

Kedua, kembali kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sandakan tadi. Kita akan berbincang sama ada dengan Sandakan sama ada dengan rakan-rakan di kerajaan negeri dan sebagainya untuk melihat bahawa kawasan-kawasan luar jelapang yang sekarang ini digunakan untuk tanaman padi tetapi kerana tidak cukup perairan, mereka hanya tanam setahun sekali. Bagaimana kalau kita gunakan setahun sekali, sekali kita gunakan untuk padi setahun sekali kita gunakan untuk jagung dan sekali kita gunakan untuk jagung kalau kita lihat jumlah hasil yang boleh di*harvest* yang dituai daripada jagung sebenarnya lebih tinggi daripada apa yang diperolehi daripada padi.

Jagung memerlukan 100 hari dan tidak memerlukan air yang banyak. Apakah semua tempat yang disebutkan jelapang tadi memerlukan suatu sistem perairan yang besar ataupun kita berunding dengan mereka membuat suatu program di tempat yang sama. Kita ada kira-kira 77,000 hektar tanah dalam negara kita yang dipanggil di luar jelapang yang kebanyakannya tanam hanya setahun sekali.

Sebahagian masanya tidak digunakan, kita gunakan untuk jagung kerana keperluan jagung untuk ternakan kita adalah merupakan suatu perkara yang serius yang sebelum ini tidak ada dalam dasar agro makanan kita, tidak ada dalam NKAA, tidak ada dalam EPP, tidak ada lagi.

Jadikan ini suatu dasar baru untuk melihat konsep *food security* ataupun jaminan keselamatan makanan hanya tidak dilihat daripada perspektif jaminan dari segi karbohidrat beras sahaja.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Betul, kita kata kita keluarkan ada keluarkan ayam di sini tetapi makanan ayam kalau orang *stop* sekarang ini kita akan berhadapan dengan masalah. Silakan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi bagaimanapun, kalau Yang Berhormat Menteri ada langkah-langkah mahu meminda sesuatu dia punya penambahan, *I think the* yang pentingnya kerajaan mesti ada satu program bagi mendidik petani sebab ini buat masa sekarang ini kita tanam padi dia punya *life rate hope* dia sekarang oh bila tidak ada air suruh dia jangan tanam atau dia tidak tahu bagaimana.

*I think the important* yang kerajaan mesti ada satu program bagaimana beritahu, bagaimana *the market* yang keperluan bawah dia boleh bagi *instate*lah to *change* dia punya *style of income you see. I think that is important.* Pada masa ini dia tidak tahu. Dia *depending only* tanam *the paddy* tapi bila tidak ada air dia tidak dapat *income*. Ini masalahnya.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat Sandakan.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Menteri boleh?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Silakan.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri pada apabila kita melihat dasar agro makanan dan *food security, we have to look at it from micro perspective.* So, contoh-contoh telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi pada masa yang sama, apabila saya merujuk kepada industri beras dan padi, *we are not* – kita bukan sahaja dilihat daripada segi karbohidrat tetapi pertanian pesawah padi ini adalah satu cara hidup. *It is a way of life* yang harus diangkat sebagai satu *national heritage* kita yang harus dilindungi, dijaga dan ditingkatkan.

Dalam isu ini, saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Menteri. Sudah tentunya kita ada dasar walaupun kita tidak boleh mencapai 100% SSL. Akan tetapi apakah dasar kerajaan? Kalau kata 80% kita hendak capaikan untuk pengeluaran hasil padi, apakah itu *what, how do we meet the target, where are we now,* di manakah kita sekarang daripada segi pengeluaran padi. Kalau kita hendak capai 80% berapa metrik tan sebagai contoh satu tahun kita perlu meningkatkan untuk mencapai 80%.

Terakhir sekali, mengenai *food security* juga. Dia juga akan memberi *it will be affected* dengan izin, oleh TPPA. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. *What is the effect?* Apakah kesan TPPA kepada dasar negara kita untuk mencapai *food security* khususnya dalam sektor beras? Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Silakan.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan soal *food security* ini, antaranya yang

disebutkan tadi ialah masalah tanah terutamanya tempat-tempat pengairan yang kita hendakkan tempat untuk tanam padi.

Satu, sejauh mana perkembangan untuk kita pula buat penerokaan terhadap padi huma ataupun padi bukit. Satunya. Kedua ialah ada atau tidak teknologi ataupun dengan bantuan daripada saintis kita ataupun daripada penyelidik-penyelidik kita untuk dalam bentuk untuk kita hendak lahirkan hidroponik ataupun tempat-tempat pertanian yang lain untuk kita gunakan kerana sekarang ini masalah pengairan yang air ini pun satu masalah yang serius yang dihadapi.

Macam saya tengok di kampung saya ini dahulu belakang rumah semuanya kawasan padi. Sekarang ini sudah kering. Antara puncanya ialah bila tiada air akan menyebabkan tidak boleh buat padi. Maka, di sana perlu kepada satu kajian yang lain terutama bantuan daripada saintis-saintis kita untuk penerokaan ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih. Saya rasa biar saya jawab dahulu, nanti banyak-banyak nanti saya terlupa. *Insyallah* dari segi apa yang disebutkan pendidikan. Bila saya sebutkan program yang kita hendak perkenalkan, dahulu saya tidak berani hendak bercakap tentang perkara ini kerana ada pandangan misalnya, kita tanam jagung. Jagung ini bukan jagung manis yang kita makan selama ini, tetapi jagung dipanggil *grain corn* iaitu jagung bijiran yang khusus untuk makanan ternakan – agak berbeza sedikit. Di mana ada pandangan-pandangan sebelum ini mengatakan untuk *grain corn* ini tidak sesuai dengan iklim kita kerana iklim kita yang agak lembap, ia menyebabkan jagung itu akan menjadi berkulat dan tidak sesuai.

Sekarang ini sudah pun ditemui berapa hibrid baru untuk menghasilkan benih yang mencukupi yang saya kirakan untuk tujuan secara besar-besaran. Saya sendiri melihat ada berapa negara seperti Thailand sudah pun menyelesaikan perkara ini. Negara seperti Filipina, 10 tahun dahulu macam kita, mereka bergantung sepenuhnya daripada import. Mereka menggunakan Mindanao sebagai sebuah tempat untuk tanaman *grain corn* secara besar-besaran dan mereka sekarang menyelesaikan 90% daripada keperluan makan ternakan mereka. Bagi saya, kalau Mindanao sesuai, maka tidak ada sebab Sabah tidak sesuai. Ia suasana iklim yang hampir sama, sebab itu saya tidak mahu berkata awal sebelum percubaan dan sebagainya dibuat di sini.

Jadi Yang Berhormat ada sebut tentang soal Yang Berhormat Alor Star ada menyebut tentang berapakah macam mana untuk meningkatkan SSL kita dan sebagainya.

#### ■1700

Tadi saya sebutkan satu daripadanya ialah untuk meningkatkan pengairan kita, meningkatkan dari segi membuka jelang yang baru, tetapi kita tahu bahawa kos pengairan, perparitan dan sebagainya adalah sangat besar. Ia bukanlah mudah, ia bukan boleh buat dalam masa serta-merta.

Akan tetapi ada perkara yang perlu dilihat strategi kita adalah bagaimana untuk mengurangkan, apa yang disebutkan *post-harvest losses* iaitu kehilangan selepas tuaian, dari segi pengangkutan, dari segi pengilangan dan sebagainya. Kalau sekarang ini dikatakan bahawa secara purata di Malaysia *post-harvest losses* (PHL) yang kita hadapi sekarang ini lebih daripada

20%. Sekiranya kita dapat kurangkan menjadi 12% dan sebagainya, ia akan dapat meningkatkan lagi sedikit dari segi sumbangan ataupun jumlah padi yang kita hasilkan.

Jadi saya setuju bahawa menanam padi adalah sebahagian daripada *culture heritage*. Negeri Jepun menganggap ia adalah yang sama, malah mereka ada dasar sebelum ini, sebelum-sebelum ini tak benarkan import kerana hendak mempertahankan *heritage* yang mereka hadapi, mereka mempunyai. Kita percaya bahawa walaupun ada program kita dan sebagainya, kita tidak mahu menyentuh tentang jelapang-jelapang yang sudah sedia ada. Kita kena kekalkan, kita perbaiki, kita menambahkan *efficiency* dia dan sebagainya, supaya ia kita kekalkan dan sebahagian daripada keperluan makanan asas kita yang perlu kita pelihara.

Yang Berhormat Bukit Gantang tadi ada menyebutkan tentang teknologi baru yang perlu kita buat hidroponik. Saya tak dengar lagi padi hidroponik tetapi teknologi mesti ada. Sekarang ada pelbagai kaedah dan sebagainya telah pun dibuat. Cumanya kalau padi ini saya difahamkan kalau kita hendak bina sesuatu *variety* baru untuk dijadikan tanaman besar-besaran, dia tak boleh. Benih kita banyak dalam bank benih kita. Kita boleh ambil mana sahaja. Akan tetapi untuk bangunkan menjadi suatu *variety* baru untuk ditanam besar-besaran, ia akan mengambil masa sekurang-kurangnya lima tahun. Ia mesti dicuba, diuji penyakitnya, tikusnya, air yang mencukupi, apakah dari segi akhirnya hasil yang diperolehnya memenuhi tuntutan yang kita kehendaki, ia mengambil masa yang lama. Jadi keputusan-keputusan perlu dibuat untuk masa yang akan datang.

Oleh sebab itu apabila Yang Berhormat Bukit Gantang ada menyebutkan tentang padi huma misalnya, kita tahu bahawa padi bukit adalah merupakan satu daripada aspek yang penting. Akan tetapi kita tahu bahawa padi huma ada kekangan yang tersendiri. Misalnya kita katakan di Sarawak, ada padi Bario, beras Bario. Beras Bario adalah suatu beras yang kita namakan sebagai salah satu daripada *specialty* beras kita yang kalau kita katakan beras biasa yang kita jual di pasaran sekarang ini 10 kg RM25.00.

Akan tetapi beras Bario RM25 satu kg. Orang mencarinya. Dia *pack* cantik-cantik, ada ceritanya mengatakan dia punya khasiatnya, orang sana hidup lama-lama, ditanam secara organik dan sebagainya, ada pasarannya. Akan tetapi ia tidak boleh diharapkan menampung keperluan sepenuhnya kerana dari segi *yield*, dari segi hasil tuaiannya ialah antara 1.2 hingga 2 metrik tan bagi setiap satu hektar. Ia adalah rendah. Oleh sebab itu mungkin hasilnya dianggap lebih mahal, ada premiumnya di situ tetapi tidak boleh diharapkan ia menjadikan suatu padi yang menampung keperluan kita keseluruhannya.

Keduanya Yang Berhormat...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** [Bangun]

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Boleh saya habiskan? Tentang, saya hendak jawab dua Yang Berhormat. Saya sendiri sebenarnya meminta pihak kementerian, bila saya sebut 80 tadi, 80% mencukupi ataupun 88 mencukupi. Perlu dilihat kembali tentang apakah yang didefinisikan tentang apa yang dimaksudkan keperluan rakyat Malaysia makan beras ini. Dia katakan berasaskan kepada rakyat Malaysia ini makan berasnya sebanyak tiga kali sehari. Oleh



sebab itu kita memerlukan berapa-berapa, lebih kurang 2,000 hampir 3 juta metrik tan setahun, hampir 3 juta metrik tan. Kita kena campur juga, rakyat Malaysia kita ada 30 juta, ada 2, 3 juta orang rakyat asing yang berada dalam negara ini, kita kena kira semua.

Keduanya, berasaskan kepada makan tiga kali sehari. Itu takrifan, saya rasa takrifan lama. Kalau saya tanya Yang Berhormat, apabila kita sudah semakin berubah cara hidup kita, apakah konsep makan tiga kali sehari. Betul orang Kelantan, dia memang, pagi mesti nasi berlauk. Tengah hari mesti nasi, petang nasi, malam cari nasi air pula. Okey, dia memerlukan di Kelantan lebih tinggi, 7.8 kg setahun, sebulan, dikatakan begitu. Ini sudah dipuratakan termasuk anak kecil. Maknanya seolah-olahnya keperluan setiap orang dewasa kalau tak tolak anak kecil, sampai 10 kg beras.

Saya tak fikir Yang Berhormat Kepong yang *maintain* dia punya *body*, dia punya kekacakan dia. Daripada saya kenal beliau dahulu sampai sekarang kerana dia banyak makan beras. *[Disampuk]* Ya? Dia tak makan beras banyak. Dia tahu, protein yang banyak itu lebih penting daripada makan beras. Sayur yang banyak lebih penting. Ini kerana dahulu persepsi kita, makan beras itu mesti penuh. *Portion* kita mesti penuh. Pinggan itu kalau tak tambah, isteri kecil hati. Apakah ia perlu dilihat kembali? Apakah porsi yang diperlukan sama dulu dan sekarang?

Oleh sebab itu kita katakan bahawa yang ada sekarang kita kena kirakan perlukan definisi baru, mengira pertambahan penduduk, mengira pertambahan mungkin ada orang-orang luar yang ada dalam negara kita, perlu kita memberikan tumpuan terlalu besar memenuhi apa yang disebutkan 80% tadi, menjadi 100% misalnya. Ini definisi-definisi yang kita perlu lihat kembali tentang apa yang disebutkan keperluan 100% tadi kerana kita mesti mengambil kira gaya hidup orang, cara pemakanan dan apakah kita menggalakkan makanan karbohidrat yang besar kerana dulu konsep *pyramid of diet*, *carbohydratenya* kena banyak. Yang protein, yang sayurnya di atas-atas. Jadi ini juga perkara yang perlu dilihat kembali.

Yang Berhormat Alor Star.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Ya, saya. Dengan izin, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Alor Star. Saya faham ada banyak pertimbangan yang harus diambil untuk mengenal pasti berapakah penghasilan pengeluaran padi ataupun beras untuk mencapai 80%. Katanya SSL *and as* seperti yang telah pun dibawa dan ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri *but still* selepas kesemua penelitian tersebut, mesti ada angka-angka tersebut *on the general*. *To achieve 80%* berapakah beras yang mesti dikeluarkan oleh negara untuk menampung sama ada Malaysia, orang-orang rakyat ataupun rakyat warga negara luar negara? Itu yang pertama.

Kedua, seperti Yang Berhormat katakan tadi, di *Japan* sebagai contoh, mereka sangat menjaga petani-petani, pesawah padi mereka untuk *preserve cultural heritage*. *For sample*, dalam contoh TPPA, negara *Japan* masih mengekalkan sistem tarif untuk import beras dan import tarif beras mereka adalah 778% kalau tidak silap saya. *Japan* hanya bersetuju adalah untuk meningkatkan kuota import beras daripada Amerika Syarikat sampai 78,000 ataupun

78,800 metrik tan setahun iaitu hanya 1% daripada pengeluaran seluruh beras negara *Japan*. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memperjelaskan bagaimana TPPA sebagai contoh akan mengakibatkan kesan kepada SSL.

Dalam beberapa minggu lepas pun, Persatuan Pengilang Beras Melayu telah pun mengeluarkan satu kenyataan di mana Yang Berhormat Menteri telah pun menjawab yang mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri akan mengkaji semula berapa import beras yang harus dimasukkan ke dalam Malaysia sebab pengilang-pengilang *complaint* sudah 20 tahun, bilik pun 70%, 30% import penghasilan tempatan. 20 tahun lepas pun masih sistem 70%-20%. Harap boleh jelaskan Yang Berhormat Menteri.

■1710

**Dato' Othman bin Aziz [Jarlun]:** Menteri. Subjek yang sama. Tuan Yang di-Pertua, Kita pernah bercakap dalam Dewan ini bagaimana cabaran untuk kita tingkatkan contohnya hari ini kita ada kawasan tanaman padi di Malaysia ini lebih kurang 600,000 hektar. Di kawasan yang *double crop* lebih kerap kurang 400,000 hektar. Bagaimana kita hendak tingkatkan setiap hektar itu satu tan? Saya ingat kalau kita dapat berusaha ke arah itu maka sudah tentu matlamat untuk menjadikan SSL kita sekurang-kurangnya 80% itu pada saya *achievable*, realistik. Banyak perkara telah dibuat oleh kerajaan termasuklah hal-hal berkaitan subsidi dan sebagainya. Termasuk juga peningkatan harga insentif yang menjadi galakan kepada petani-petani. Jadi kita yakin bahawa kalau setiap hektar kawasan tanaman padi yang aktif pada hari ini dapat kita tingkatkan satu tan. Maka sudah tentu usaha untuk mencapai 80% SSL itu akan dapat kita selesaikan.

Saya juga hendak sentuh sedikit yang menarik tentang hasrat kementerian untuk menjadikan menyelesaikan masalah protein di negara kita ini. Kita tahu bahawa ianya bukan mudah sebab RM8 bilion kos import, input makanan sahaja dan kita tahu bahawa kita hendak tanam jagung contohnya, memerlukan satu kawasan yang luas. Kalau kawasan-kawasan yang kecil ini mungkin dia tidak ada *economic of scale*. Jadi sejauh manakah, adakah pihak kementerian ketika ini telah pun berunding dengan mungkin setengah-setengah kumpulan perladangan yang besar seperti Sime Darby, KL Kepong dan sebagainya untuk membuat satu *big scale plantation* bagi mengeluarkan jagung dan sebagainya.

Sejauh manakah hari ini, kita tahu dahulu kita pernah dengar bahan-bahan produk daripada *oil palm*. Pelepahnya, daunnya dan sebagainya dijadikan palet untuk makanan ternakan lembu. Jadi sejauh manakah benda itu berlaku hari ini? Bolehkah kita kembangkan supaya ianya juga menjadi sebahagian daripada makanan ternakan yang kita perlu buat untuk dalam negara kita? Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sependapat dengan Yang Berhormat Jarlun. Pertama, soal *food security* ini bukan sahaja kita melihat daripada segi pengeluaran beras negara kita tetapi kita juga ingin sambil menaikkan pengeluaran beras di negara kita, meluaskan jelapang-jelapang padi kita. Kita juga harus melihat kualiti-kualiti padi yang ditanam di negara kita ini yang boleh kita pasarkan di luar negara.

Seperti kualiti macam beras Bario, beras bukit misalnya. Saya minta pandangan Menteri apa sudah jadi dengan bantuan penanaman padi kepada penanam-penanam padi di bukit di Sabah dan Sarawak ini. Apa sudah jadi?

Soal protein yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jerlun tadi diikuti dengan soal penanaman jagung ini. Saya rasa ini mungkin kita boleh tumpukan kepada kawasan-kawasan yang tidak banyak, terutama sekali kawasan-kawasan berbukit bukau. Bukan sahaja jagung Yang Berhormat Menteri tetapi kita harus melihat juga jenis-jenis tanaman yang lain seperti ubi kayu yang boleh dijadikan kepada makanan ayam. Ia senang tumbuh, di mana-mana pun ubi kayu ini senang tumbuh, walaupun di tempat-tempat pesisiran laut ia boleh tumbuh dengan senangnya.

Kita juga tidak melihat kepada karbohidrat yang boleh kita ambil daripada rumbia atau sagu. Di Sarawak kita sudah pun mulai dengan penanaman sagu dan apa juga keberhasilan dengan penanaman rumbia, sagu di Sarawak. Saya rasa ini pihak MARDI harus melihat jenis-jenis tanaman lain yang boleh dijadikan palet untuk makanan ternakan ayam dan ternakan lain-lain. So, Menteri bagi pandangan dengan cara kreativiti dan inovasi kepada usaha-usaha untuk tujuan meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil ataupun penanam-penanam padi di bukit di luar-luar bandar. Ini satu jalan untuk kementerian untuk membantu penduduk-penduduk di luar bandar untuk meningkatkan pendapatan terutama sekali penanaman yang saya sebutkan tadi itu.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat. Banyak pandangan-pandangan itu saya terima bagi meningkatkan keluaran, meningkatkan hasil tanaman dan sebagainya. Yang Berhormat Alor Star tadi saya hendak beritahu sedikit tentang soal TPPA dan sebagainya. Setakat ini tidak ada halangan bagi Malaysia dalam soal TPPA untuk mengekalkan mekanisme mengawal import kita, tidak ada satu halangannya.

Perlu diingatkan apabila disebutkan Yang Berhormat di Jepun itu sendiri, yang disebutkan *tariff free import rice* itu sebanyak 70,000 metrik tan yang disebut itu yang tidak kena tarif. Ini tidak bermakna bahawa Jepun tidak mengimport lebih daripada itu. Jumlah import beras daripada Amerika misalnya jauh lebih besar. Itu yang hanya tidak kena tarif, yang lain itu ada tarifnya. Ia cuba menghalang untuk import beras daripada – tetapi satu perkara yang perlu ditanam oleh kerana Yang Berhormat ada sebut, di Jepun menganggap bahawa menanam padi itu adalah sebahagian daripada *national heritage* dia.

Dia tanam semacam satu kebanggaan nasional mereka bahawa beras Jepun lebih sedap daripada beras lain. Jadi secara umumnya terdapat kecenderungan rakyat Jepun merasakan beras lain itu tidak sedap kalau berbanding dengan beras mereka. Ini adalah satu pandangan yang menyeluruh di negara Jepun kecuali terdapat di akhir-akhir ini ada *grain* yang tertentu yang dihasilkan di Amerika yang menjadi kegemaran bagi makanan-makanan yang tertentu di Jepun termasuk sup yang tertentu dan sebagainya. Saya tidak perlu pergi *detail* tentang perkara ini.

Akan tetapi dalam soal ini kita tidak perlu bimbang dengan datangnya beras daripada Amerika. Dalam TPPA ini hanya Amerika, Australia dan sebagainya kerana beras dari Australia dianggap jauh lebih mahal daripada beras yang kita hasilkan dan beras yang dihasilkan oleh negara-negara lain di persekitaran kita. Jepun sebahagian besar daripada beras yang dihasilkan ialah beras dipanggil Japonica sedangkan yang kita makan selalunya Indika. Beras ini ada dua kategori yang besar di mana beras Japonica adalah beras yang selalu orang makan pakai *chopstick* itu bukanlah suatu pilihan yang utama bagi rakyat negara kita. Jadi ini bukanlah suatu perkara yang perlu dirisaukan.

Yang Berhormat Jerlun saya rasa okey. Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Putatan banyak pandangan tentang soal keperluan bagi memenuhi tuntutan memberi makanan kepada ternakan kita mesti dilihat secara menyeluruh dan juga untuk memerlukan penglibatan pihak-pihak swasta, disebutkan Sime Darby dan sebagainya. Akan tetapi prinsipnya kita mesti bersetuju untuk melihat bahawa konsep apa yang disebutkan *food security* bukan hanya daripada perspektif beras sekuriti, *rice security* tetapi mesti dilihat daripada perspektif yang luas. Betul kita ada ayam yang mencukupi tetapi makanan pada ayam itu kita berada di tahap yang paling rendah sekali. Tidak ada tanaman jagung secara besar-besaran.

Jadi sebab itu kita katakan jelapang-jelapang padi yang selama ini hanya menggunakan tanah mereka hanya sekali untuk tanaman padi. Kita mesti melihat tidak semestinya perlu kita bangunkan dari segi perairan supaya dia juga tambah dua kali setahun. Akan tetapi kita gunakan bahagian yang kering itu untuk tujuan tanaman jagung dan sebagainya. Ini adalah antara perkara-perkara yang sedang dirangka dan memerlukan persetujuan bersama dengan semua pihak.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Menteri, saya...

■1720

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Yang Berhormat, saya rasa elok saya pergi kepada tajuk-tajuk lain.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Menteri, singkat saja, *non controversial, just very quick*.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Bila pula *controversial* ini?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Terima kasih atas jawapan yang diberikan mengenai TPPA. Cuma, Yang Berhormat Menteri sebelum ini pun telah memberi satu jawapan kepada saya menyatakan bahawa TPPA tidak akan memberi kesan kepada import beras dan sebagainya tetapi tidak ditulis dalam jawapan di mana peruntukan-peruntukan yang menyatakan bahawa industri beras adalah *exempted* daripada TPPA, *for example*. Saya harap Menteri boleh memberi satu jawapan bertulis nanti *to refer which articles because there are so many articles* dalam TPPA. *For example, cross border trade in services* dan juga hak-hak dalam monopoli *under the SOE*. Saya harap Menteri boleh beri jawapan bertulis.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** *Insya-Allah*, saya akan berikan jawapannya. Tuan Yang di-Pertua, saya ada sebutkan beberapa perkara yang semuanya boleh saya kaitkan

dengan soal *concern* ataupun kecaknaan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap beras, nasib petani dan sebagainya. Salah satu perkara yang besar juga yang disebutkan ialah tentang soal dikatakan lambakan beras sekarang ini kerana kita bersaing dengan import.

Saya kira ia adalah merupakan satu suasana, fenomena sementara kerana beberapa bulan yang lepas itu, bukan bulan lepas, sekarang juga ialah bulan penuaian di mana terdapat banyak lori masuk, kilang-kilang belum dapat menguruskan mana yang sudah disiapkan untuk dihantar ke negeri-negeri. Saya difahamkan bahawa dalam masa yang terdekat, sistem penguraian stok-stok yang ada untuk dihantar ke negeri-negeri akan dapat diselesaikan. Jadi, dikatakan lambakan itu bukanlah kerana faktor import yang banyak, beras yang banyak diimport tetapi kerana ini waktu penuaian yang berlaku.

Jadi, itu juga dikaitkan dengan ada laporan akhbar, misalnya katakan sekarang ini banyak jelapang yang sudah kering-kontang akibat daripada El Nino yang berlaku sekarang. Gambar yang diambil sesetengah itu dilihat hanya tempat yang bila lepas menuai di mana memang sawah mesti dikeringkan sepenuhnya. Jadi nampaklah kering-kontang di situ. Jadi ini kebetulan waktu penuaian baru selesai berlaku.

Walau bagaimanapun, kita akan memantau kalau ada faktor-faktor secara spesifik, khusus akibat daripada El Nino dan sebagainya, berlaku keadaan yang dikatakan membimbangkan dari segi pertanian terutama sekali padi dan sebagainya.

Isu lain yang juga ditimbulkan ialah tentang soal pemutuan sebenar. Yang Berhormat Bera, sahabat saya di sini, apabila beliau menaikkan bayaran harga padi daripada dulu RM800 kepada RM1,200, pada waktu itu saya difahamkan sepatutnya kita sudah pun memperkenalkan ataupun melaksanakan tentang soal pemutuan yang sebenar tetapi ramai yang tidak bersedia kerana dia kata apa gunanya naik RM1,200 tetapi potongannya adalah tinggi, apa gunanya. Jadi, sebab itu perlu proses untuk menerangkan, mendidik dan memahami orang ramai tentang perlunya pemutuan sebenar ini.

Pemutuan sebenar ini adalah sebahagian daripada amalan pertanian yang baik kerana untuk memberitahu kepada orang bahawa tanggungjawab petani ialah untuk mengikut segala peraturan-peraturan untuk menghasilkan jumlah padi yang baik dan jumlah padi yang banyak, mencukupi, hasil yang lebih tinggi. Jadi, ada kalanya orang melihat perlu buka jelapang padi baru. Tidak ada guna kalau buka jelapang padi baru tetapi hasilnya rendah.

Kita hendak melihat bahawa satu masa nanti kebanyakan daripada petani kita menghasilkan lapan tan, 10 tan, 12 tan. Akan tetapi untuk memenuhi tanggungjawab tersebut, ia mesti mengikut segala peraturan-peraturan, jadualnya, waktu bajanya. Kalau orang bagi baja, jangan jual baja, waktu racun, dia racun dan sebagainya. Jadi ini antara perkara dikatakan perlunya pemutuan sebenarnya.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Aduan yang saya selalu terima daripada pesawah-pesawah padi dan juga pengilang, *actually* maklumat yang diberikan adalah selepas harga padi diseragamkan pada RM1,200 per metrik tan sejak

tahun lepas, apa yang berlaku adalah pemotongan pun turut naik daripada 18 peratus sampai melambung kepada 22 peratus dan lebih tinggilah, ia tengok kawasan.

Adakah pemotongan yang lebih tinggi ini *directly connected*, ada berkaitan dengan penyeragaman harga baru di mana ada pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan untuk membuat pemotongan yang lebih tinggi supaya mereka boleh *offset* keuntungan mereka? Saya harap dan juga memang banyak pesawah padi yang telah pun meminta agar kerajaan menimbang untuk menetapkan harga pemotongan pada 17 peratus. Adakah itu boleh dipertimbangkan?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Ia begini. Sekiranya padi itu penuh dengan hampas, penuh dengan air misalnya, *moisture*, penuh dengan sampah sarap, penuh dengan— saya cakap misalnya— penuh dengan angin, penuh dengan jerami, apakah kita kata tidak boleh, mesti potong 17 peratus? Biarkan padi itu yang boleh dipakai 70 peratus sahaja tetapi kita potong 17 peratus, yang lain kena bayar pada mereka. Apakah Yang Berhormat mahu amalan begitu dilaksanakan di dalam negara kita?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Saya lebih tuju kepada sama ada pemutusan itu adalah benar atau tidak. Itu adalah tuntutan pesawah padi untuk kerajaan mempertimbangkan *fix rate for* pemotongan, *a baseline*. *But*, yang lebih penting juga yang mereka kata, selepas harga naik ditetapkan RM1,200, pemotongan pun naik. *Actually that shouldn't happen*. Itu satu perkara yang tidak harus berlaku.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Ya, benar, dulu ada suatu pengarah yang mengatakan jangan potong lebih daripada 17 peratus. Ada pengarah yang begitu. Waktu itu harga padi rendah. Akan tetapi, kita mesti beritahu kalau begini selama-lamanya, hasil padi negara, buka jelapang padi baru pun, tidak meningkat-ningkat. Pelbagai usaha— misalnya kerajaan satu ketika dahulu membuat skim insentif peningkatan hasil. Ada orang dapat sana, dapat sini dan sebagainya tetapi keseluruhan secara totalnya tidak meningkat juga. Pelbagai *trick* boleh dibuat dalam soal itu. Saya tidak menyalahkan pesawah dalam soal ini tetapi kita hendak meningkatkan sebab SSL kita hendak meningkatkan total, hasil bagi negara. Itu penting kita sebutkan di sini. Jadi sebab itu kita beritahu, *please*, selepas ini tolong buat padi secara terbaik.

Kita ambil contoh kalau di Selangor, Sekinchan. Contohi Sekinchan. Ia boleh mengeluarkan 10 metrik tan per hektar. Kenapa di Kelantan, *averagenya* pada waktu itu 3.5, empat, 3.5, tidak ikut cara Sekinchan? Mungkin ada faktor tertentu— airnya, tanah dan sebagainya. Tetapi di sini boleh sampai 10 metrik tan. Antara perkara yang kita lihat di sana ialah kerana disiplin orang di sana. Misalnya, ada tempat yang kerajaan beri baja, baru ini ada keluar dalam surat khabar, baja itu dijual sebab ada fikirkan lebih baik terus ambil keuntungan daripada menjual baja yang diberi, misalnya.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Menteri, ramai pesawah padi mengadu bahawa baja yang diberikan tidak bersesuaian untuk tanah mereka. Itu sebab banyak pembaziran dan baja itu dijual kembali untuk keuntungan dan rakyat ataupun negara membazir

wang rakyat daripada segi subsidi yang tidak diguna dengan baik. Itu adalah satu masalah di antaranya. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan menelitinya. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya sedia mendengar kalau dikatakan bahawa baja tidak sesuai. Kita lihat di mana tempatnya. Kita mesti bersedia untuk melihatnya. Saya tidak mahu mendalam di sini untuk berkata supaya saya tidak mahu disalahertikan bahawa saya menyalahkan pesawah di sini, tetapi usaha mesti dibuat untuk melihat suatu amalan pertanian yang baik bagi menghasilkan padi yang lebih baik.

Sebab, di sini kita melihat dari segi ekonomi, padi ini ada tiga faktor, tiga pihak yang perlu diberi perhatian. Pesawah, ya, ia melibatkan rakyat yang ramai. Pengilang, pemborong satu pihak, ia sebahagian daripada industri. Ketiganya, kita rakyat, pengguna.

#### ■1730

Kerajaan mesti mengatakan bahawa kita tidak membenarkan harga beras yang dijual di peringkat runcit dengan harga yang tinggi. Tetap harganya. Beras tempatan ST5 berharga RM26. Tidak boleh jual lebih. Harga beras sekarang dinaikkan kepada 1,200. Dulu 800 sekarang 1,200. Pengilang mesti beli. Macam mana pun kena beli. Potong jangan banyak. Ada tempat-tempat misalnya di Kelantan. Orang Kelantan ada di sini. Dulu, ada terdapat 26 buah kilang.

Sekarang tinggal 6 sebab mereka kata 1,200 *company* tidak boleh hendak – bila kami jual, marginnya kecil, kami tidak boleh hendak *survive*. Sekarang ini tinggal 6 pun sudah tidak mampu untuk beli kerana harga tinggi tetapi pemotongan tidak dibenarkan pemotongan sebenar. Kena potong 17%. Bila dia jual, dia jual beras. Dia tidak jual hampas itu, dia tidak jual yang angin, dia tidak jual apa.

Beras yang dihasilkan akibat daripada *yield* yang rendah, akhirnya sekarang ini hampir tidak ada suatu kilang. Maka bergantung kepada BERNAS dan BERNAS dilihat akan jadi monopoli. Orang tidak suka juga kerana BERNAS dipaksa oleh kerajaan untuk menjadi pembeli terakhir. Kalau orang lain semua tidak mahu beli, *you* kena beli.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Di sinilah kerajaan mencari suatu kaedah untuk *balancing*. Antaranya dibuat oleh *predecessor* saya, Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada hari ini, dia naikkan 1,200 tetapi mengingatkan supaya mesti buat betul-betul. Ikut jadual. Baja betul-betul supaya dapat tingkatkan hasil padi tetapi diberikan bayaran yang lebih tinggi.

Baru ini bila dilaksanakan, kita sedar juga bahawa ia memberi kesan. Ada yang terkejut lagi walaupun sudah diberitahu tidak lama buat. Kita tambah lagi baru ini supaya setiap tan yang dihasilkan, kita tambah RM50 kerana satu *percent* pemotongan akan menyebabkan mereka kerugian sebanyak RM10. Kalau dulu, biasa kena potong RM20, tiba-tiba potong 21, dia akan hilang RM10. Potong 22, dia hilang lagi RM10. Jadi kalau sampai potong 5%, kita sudah katakan kita tambah RM50 lagi untuk mengimbangi tetapi kita tidak boleh kata sekarang kerajaan kata kita tidak boleh laksanakan pemutuan sebenar sampai bila-bila. Kita boleh membantu untuk

mengimbangkan kerugian. Kita tidak kata tambah pendapatan tetapi mengimbangkan supaya kita hendak didik petani kita.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Menteri, *just* isu yang berkaitan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Apakah kaedah yang digunakan oleh kerajaan untuk memastikan kilang-kilang termasuk BERNAS tidak membuat pemotongan yang lebih tinggi daripada kualiti sebenarnya sebab ini adalah satu soalan yang selalu dibangkitkan.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah minta pihak industri padi dan beras bahagian tersebut untuk segera merangka satu kaedah kerana dipersoalkan di sini ialah integriti ataupun kredibiliti orang yang memotong itu. Ini kerana sekarang ini kilang, dia potong, dia ada *interest* di situ, maka dipertikaikan sama ada hendak buat tribunal atau membuat supaya orang yang menggred itu adalah orang yang bertauliah. Itu *insya-Allah*. Segera, sudah pun saya arahkan mereka sejak beberapa bulan yang lalu dan *insya-Allah* akan dilaksanakan secepat mungkin tentang perkara ini. Ertinya saya senang hati kalau Yang Berhormat bersedia untuk melihat. Pemutusan sebenar sepatutnya menjadi budaya kita tetapi tentang soal kredibiliti, pemutusan itu perlu diperbaiki dalam soal ini. Itu saya setuju.

Saya teruskan kepada yang lain-lainnya. Bila saya sebut tentang tanah terbiar dan sebagainya, disebutkan oleh Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Tanjung Manis. Saya sebutkan tadi antara perkara-perkara yang memerlukan suatu strategi yang menyeluruh menggunakan tanah-tanah ini termasuk tanaman jagung, tanaman untuk ternakan dan sebagainya. Yang Berhormat daripada Tanjong Manis, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Gerik dan sebagainya banyak menimbulkan beberapa isu secara spesifik. Yang Berhormat Sekijang misalnya tentang pelan induk pertanian di Segamat. Itu adalah satu daripada keputusan kerajaan negeri.

Kami akan berbincang dengan kerajaan negeri bagaimana untuk melihat Segamat merupakan salah satu daripada tempat untuk diberikan tumpuan kepada pertanian. Apakah bentuk pertanian, apakah bukan sahaja apa yang hendak ditanam tetapi apa yang hendak ditenak dan sebagainya supaya ia menjadi sebahagian daripada strategi nasional di sini. Yang Berhormat Kuala Kangsar juga ada menyebut tentang strategi bagaimana untuk meningkatkan sistem akuakultur kita.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri. Sekijang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sekijang. Ya, sila.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bertanya tentang daerah Segamat ini Yang Berhormat Menteri kerana kerajaan negeri telah mengisytiharkan Segamat sebagai daerah berkaitan dengan pertanian. Cuma masalahnya sehingga ke hari ini setelah dua tahun diisytiharkan tetapi *blueprint* berkaitan dengan pertanian itu masih belum diberikan oleh pihak kementerian. Bila kita tanya dengan kerajaan negeri, kerajaan negeri menyatakan bahawa *blueprint* ini haruslah dibuat dan dilaksanakan di peringkat kementerian. Ada juga beberapa perkara yang pernah dibawa ke daerah Segamat dahulu tetapi



oleh kerana dikatakan masalah berkaitan dengan infrastruktur dan sebagainya, perkara-perkara tersebut tidak dapat hendak dilaksanakan. Contohnya berkaitan dengan kemudahan untuk mewujudkan pusat penyembelihan, kawasan pengumpulan untuk hasil ternakan dan juga buah-buahan dan sebagainya. Ini minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Sekinchan pula. Sekijang yang saya sebutkan tadi. Saya akan terus berbincang dengan pihak kerajaan negeri kerana ada beberapa perubahan yang perlu dilihat secara menyeluruh misalnya. Saya ada menyebut bahawa antara perkara yang perlu diberikan tumpuan kepada negara kita ialah keperluan menghasilkan susu kita sendiri. Jadi perlukan tenusu yang banyak.

Saya sudah berbincang dengan beberapa pihak termasuk untuk membangunkan kawasan di sekitar Muadzam, Rompin, dan sebagainya dan ia akan melibatkan sebahagian daripada Segamat di sini kerana ternakan. Kalau dari segi perkiraannya, logiknya kalau kita, sekarang ini kita mengimport lebih kurang 20 juta liter susu dari luar negara. Itu yang cair. Ada beberapa program misalnya program dengan sekolah misalnya kita hanya membekalkan susu UHT yang kita tahu bahawa susu UHT bukanlah yang terbaik.

Akan tetapi kalau kita ada program untuk – mempunyai kemampuan untuk menyediakan susu kita sendiri, kita rasa ia akan dapat menjimatkan pengaliran keluar wang kita dan dalam masa yang sama juga kita dapat membangunkan keupayaan petani kita, peladang dan penternak kita dalam bidang tenusu ini. Jadi sebab itu kalau tenusu disebutkan ekor lembunya, kita memerlukan kira-kira 10,000 ekor lembu. 10,000 kalau satu ekor nilainya RM10,000, lembu tenusu ini kita memerlukan RM100 juta. Memerlukan infrastruktur sebanyak RM100 juta lagi sebagai contoh yang disebutkan tadi.

Ia tidak perlu dibangunkan secara satu syarikat dan sebagainya tetapi memerlukan penglibatan orang ramai. Orang ramai bukan sahaja lembu itu sahaja tetapi kawasan untuk menanam rumput-rumput *napier*. Jagung dan sebagainya untuk ternakan. Itu memerlukan suatu perancangan yang lebih menyeluruh daripada semua pihak termasuk kerajaan negeri dan sebagainya. Oleh kerana kita rasakan bahawa itu antara zon yang paling sesuai, kita akan bincangkan kembali dengan kerajaan negeri untuk melihat kesesuaian Segamat dalam konteks perancangan pembangunan pertanian yang lebih besar dalam negara kita.

Yang Berhormat dari Kuala Kangsar ada menyebut tentang soal yang disebutkan tadi tentang akuakultur dan sebagainya. Saya ucapkan tahniah. Di Perak misalnya mempunyai pembangunan akuakultur yang agak baik di bawah Agro Perak dan kerjasama daripada kementerian. Misalnya ternakan ikan air tawar di Tasik Temenggor, udang di Kuala Kurau, di Pulau Pangkor dan sebagainya adalah merupakan contoh yang patut dibanggakan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya harap dapat lagi pihak kementerian memberi penekanan kepada pembangunan sungai-sungai kerana saya anak Sungai Perak dan saya yakin ramai lagi daripada rakan-rakan di sini anak-anak sungai ataupun mempunyai sungai-sungai di kawasan mereka dan juga kolam-kolam dan tasik.

## ■1740

Jadi saya hendak *highlight*kan supaya perkara ini tidak terlepas pandang *take for granted* kerana ini adalah perkara di hadapan mata. Selalunya sungai dikaitkan dengan cerita negatif seperti kematian ataupun kanak-kanak mati lemas ataupun buaya membaham orang. Tetapi kita mohon penekanan kepada satu perkara kecintaan kepada sungai yang boleh mendatangkan hasil. Jadi saya mohon sangat, walaupun bajet terhad mungkin pihak kementerian boleh merangka skim-skim ataupun program-program yang dapat menjana ekonomi yang saya pasti hasil sungai ataupun ikan-ikan air tawar yang bernilai tinggi, sihat, tidak dicemari seperti mana ikan-ikan dari laut cumanya Yang Berhormat Menteri mungkin tidak suka makan ikan darat kerana Menteri duduk tepi laut.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri kalau datang ke Kuala Kangsar kita boleh hidangkan juadah istimewa daripada hasil sungai yang begitu tersohor di negara kita. Jadi saya yakin orang kampung kalau memberi penekanan kepada satu faktor ini cukup-cukup penting yang mana di hadapan mata kita perlu memanfaatkan sektor ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri. Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat habiskan sehingga jam 6 petang.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya rasa kalau boleh, ringkas lagi pun saya senang dalam soal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasihlah. Tetapi saya tidak setuju Yang Berhormat Kuala Kangsar kata saya tidak makan ikan sungai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya. Yang Berhormat datang ke Kuala Krau, makan ikan sungai.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Itulah. Sebenarnya untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebab itu kita ada dua organisasi peladang dan petani yang besar. Satu organisasi peladang kebangsaan, *National Farmers Society Association* ini namanya NAFAS, dia memberi nafas kerana makanan. Tetapi yang berkaitan dengan ikan ini, kita ada Pengerusi LKIM di sini dia panggil NIKMAT. Kerana nikmat hidup ini kebanyakannya terdiri daripada benda-benda hasil makanan laut. Dikatakan apa nikmat hidup kalau tidak ada udang, tidak ada ketam, tidak ada kerang. Tetapi semua orang tahu bawah dalam nikmat hidup makanan ikan ini, ikan yang disebutkan yang termahal semuanya ikan sungai. Saya tidak dengar ada ikan salmon misalnya kalau dianggap mahal ataupun ikan yang paling mahal tuna dan sebagainya sehingga RM1,000 satu kg.

Tetapi ada ikan yang sehingga RM1,000 satu kg misalnya ikan empurau dari Sarawak harganya sampai RM1,500 satu kg. Saya pun tidak tahu macam mana nikmatnya makan. Tetapi ianya dicari ianya dikehendaki. Ada rombongan-rombongan dari Hong Kong, dari China datang ke Sarawak hendak cari ikan-ikan sungai kita. Misalnya di Perak, ternakan ikan tilapia di Tasik Temenggor misalnya.

Itu sebahagian besarnya dieksport ke negara Eropah kerana persepsi orang Tilapia adalah merupakan ikan murah kerana dia berbau dan sebagainya itu sudah dihapuskan dengan teknologi moden. Misalnya ikan tilapia di Temenggor, ikan tilapia merah di Kenyir misalnya sedang dicari nilainya lebih mahal daripada sesetengah ikan biasa dan kualiti, proteinnya, isinya yang digunakan untuk membuat *fillet* dan tidak ada bau lumpur langsung.

Saya katakan langsung di sini kerana teknologinya cara ianya ditenak di mana satu-satu sangkar sekarang ini boleh memuat sampai 60,000 ekor ikan. Saya menyambung apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat rakan sebelah saya ini, sasarannya pada masa yang akan datang kita mahu melihat akuakultur ini memenuhi tuntutan 50% daripada keperluan ikan negara sebab kita tahu bahawa keperluan kalau bergantung kepada laut, walaupun negara kita dikelilingi oleh laut, tetapi sentiasa kita dihadapi dengan cabaran, geloranya.

Kadang-kadang ada ikan, tidak ada ikan dan sebagainya sebab itu akuakultur adalah merupakan satu daripada strategik penting negara untuk mencapai 50%. Kita *guarantee* kita katakan kecuali bimbang El Nino panas sangat mungkin ada masalah ternakan ikan patin di Temerloh dan sebagainya itu kita uruskan kemudian. Tetapi kita *guarantee* 60,000 ekor bukannya tidak boleh ambil kerana gelora.

Tetapi ianya memberi satu sumber protein yang lebih baik untuk negara. Cuma saya bagi tahu ada isu lain, makanan ikan itu sebahagiannya masih kita import. Ada isu lain. Benih ikan itu masih kita import, misalnya ikan kerapu, ikan-ikan yang tertentu. Ini juga perlu kita bangunkan di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak soalan lain secara spesifik. Dia bertanya tentang kawasan dia, kampung dia. Ini kita akan jawab secara bertulis, *insya-Allah*. Jadi dengan ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat di atas soalan dan kesudian mengambil bahagian dalam perbincangan berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menjemput Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

#### **5.46 ptg.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada 21 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbincangan Titah Diraja ini.

Yang Berhormat Sepanggar memohon agar pembinaan jalan luar bandar di Sepanggar iaitu Jalan Kokol-Poring Poring sepanjang 28 kilometer, Jalan Balang Baru, Jalan Pulutan Kolunsi dan Jalan UMS Timbago dapat disegerakan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian telah melaksanakan projek Jalan Kokol-Poring Poring-Kota Kinabalu bermula pada 2 September 2008 dan telah siap sepenuhnya pada 1 September 2010 sepanjang 18 kilometer dengan kos sebanyak RM79 juta dan memberi manfaat kepada 5000 orang.

Bagi cadangan projek sambungan untuk Jalan Kokol-Poring Poring sepanjang 28 kilometer, Jalan Balang Baru, Jalan Pulutan Kolunsi dan Jalan UMS Timbago kesemua projek tersebut masih tidak ada dalam senarai projek di bawah Program Jalan Luar Bandar pada tahun ini. Sehubungan dengan itu, pihak kementerian akan bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri untuk mengenal pasti keperluan pelaksanaan projek tersebut untuk dicadangkan di bawah *rolling plan* seterusnya.

Yang Berhormat Julau memohon kerajaan untuk meninjau dan mengkaji jalan-jalan balak yang boleh dinaik taraf supaya ia boleh kekal menjadi jalan penghubung di luar-luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian mengambil maklum akan keadaan sebagaimana Yang Berhormat nyatakan. Dalam hal ini kementerian telah dan sedang melaksanakan projek menaik taraf bekas jalan-jalan balak di negeri Sarawak. Sehingga kini sebanyak 4 fasa projek telah diluluskan di mana fasa satu telah siap sepenuhnya secara berperingkat pada tahun 2014 dan 2015. Fasa 2 sedang dalam pelaksanaan. Fasa 3 sedang dalam proses pelantikan kontraktor dan fasa 4 sedang dalam perancangan.

Pihak kementerian bersama-sama dengan Sarawak Planning Unit (SPU) dan JKR Sarawak sedang mengenal pasti kawasan-kawasan bekas pembalakan yang lain yang boleh dinaik taraf untuk kegunaan masyarakat setempat. Yang Berhormat Tanjong Manis..

**Beberapa Ahli:** Tidak ada.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya perlu dapat nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, kalau penggulungan Yang Berhormat Menteri tidak panjang, boleh jawab. Kalau panjang boleh *skip* dan jawapan bertulis. Saya tidak pasti skrip Yang Berhormat panjang kah tidak.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Panjang juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terpulang kepada Yang Berhormat.

#### ■1750

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ada 21 Ahli Parlimen yang mengambil bahagian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dalam masa satu jam boleh habis Yang Berhormat ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** *Insyaa-Allah.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat Tanjong Manis maklumkan terdapat beberapa kawasan di Tanjong Manis yang memerlukan jalan raya di utara Pulau Bruit termasuk perkampungan Setalung, Sebayang, Tulukulan dan Ruput.

Untuk makluman Yang Berhormat, jalan kampung Tekajong, Penipah, Kampung Salah Kechil, Kampung Betanak, Kampung Penibung, Kampung Penyuai di Pulau Bruit telah diluluskan di bawah pelaksanaan kementerian pada tahun ini dan sedang dilaksanakan oleh pihak SDO

negeri Sarawak dengan peruntukan berjumlah RM14 juta sepanjang lapan kilometer. Pembangunan jalan raya di utara Pulau Bruit dan sekitarnya akan dilaksanakan oleh pihak kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas di bawah *rolling plan* 1 tahun 2016 di mana peruntukan sebanyak RM29 juta telah diluluskan bagi projek yang sama.

Seterusnya, Yang Berhormat Tanjong Piai membangkitkan isu berkaitan jalan pintas Pekan Nanas Tanjong Piai Fasa I yang masih belum lengkap kerana ada lapan kilometer berbaki yang sepatutnya berakhir di Pekan Serkat. Untuk makluman Yang Berhormat, projek jalan dari Pekan Nanas ke Tanjong Piai, Pontian, Johor Fasa II telah disenaraikan sebagai salah satu projek baru di bawah Program Jalan Luar Bandar Negeri Johor tahun 2016. Projek ini akan dilaksanakan dengan anggaran kos berjumlah RM69 juta. Skop projek yang dicadangkan adalah menaiktarafkan jalan sepanjang 11 kilometer dengan pembinaan sebuah jambatan. Pada ketika ini projek ini masih di peringkat kerja-kerja reka bentuk dan siasatan tapak.

Yang Berhormat Kanowit memohon peruntukan bagi jalan di kawasan RASCOM dari Ngungun ke Jagau sepanjang 20 kilometer. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Ngungun-Jagau sepanjang enam kilometer sedang dilaksanakan dengan kos projek berjumlah RM8.6 juta di bawah Program Menaiktaraf Bekas Jalan-jalan Balak Negeri Sarawak Fasa II. Projek tersebut dilaksanakan oleh syarikat Kanowit Timber dan dijangka siap pada tahun 2017. Ia merupakan jalan pintas yang menghubungkan Ngungun dengan Jagau memandangkan jalan cadangan sejauh 20 kilometer itu dianggarkan oleh JKR Negeri Sarawak berjumlah RM200 juta jika ingin diteruskan pelaksanaannya. Namun begitu, pembinaan jalan itu akan dipertimbangkan jika masih terdapat keperluan mendesak apabila jalan Ngungun-Jagau ini siap dibina kelak.

Yang Berhormat Jerlun meminta kementerian dan agensi supaya melihat secara menyeluruh tentang jalan-jalan kampung terutama di Jerlun-Pokok Sena yang mempunyai banyak jalan-jalan MADA dan sebagainya yang perlu diturap dan diperbaiki. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan jalan perhubungan desa bagi negeri Kedah pada tahun ini sebanyak RM4.5 juta telah diperuntukkan bagi kerja-kerja membina, menaiktarafkan dan membaik pulih jalan di seluruh negeri Kedah. Untuk jalan-jalan di kawasan MADA, ia adalah di luar skop garis panduan dan kriteria pelaksanaan projek jalan perhubungan desa KKLW tahun 2013.

Yang Berhormat Hulu Rajang membangkitkan berkenaan penduduk di kawasan pedalaman dikenakan bayaran sebanyak RM900 bagi kos penerimaan bekalan elektrik menggunakan sistem hibrid. Untuk makluman Yang Berhormat, KKLW tidak mengenakan sebarang caj pelaksanaan projek kepada pengguna. Oleh kerana isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya akan mengadakan siasatan dan meneliti sebelum tindakan selanjutnya dapat diambil oleh kementerian. Walau bagaimanapun, sebelum bekalan elektrik dapat disambung ke setiap rumah, pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) akan dikenakan bayaran keseluruhan untuk setiap pengguna sebanyak RM90 yang meliputi caj pemasangan meter berjumlah RM80 dan duti setem berjumlah RM10.

Yang Berhormat Jerlun sekali lagi menyentuh terdapat kampung-kampung yang masih belum menerima lampu jalan kampung terutamanya di Jerlun. Untuk makluman Yang Berhormat, sukacita saya maklumkan bahawa pelaksanaan projek Lampu Jalan Kampung (LJK) di bawah kementerian 2015 untuk tahun 2015/2016 sedang giat dilaksanakan. Sejumlah 322 unit LJK telah diluluskan untuk 139 buah kampung di Parlimen Jerlun. Untuk makluman Yang Berhormat juga keseluruhan pemasangan LJK ini dijangka akan siap sebelum Disember 2016.

Yang Berhormat Kanowit pula memohon agar kemudahan bekalan elektrik dibangunkan di kawasan pedalaman terutamanya di kawasan Parlimen Kanowit. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 23 buah projek yang melibatkan 2,145 buah rumah telah dilaksanakan sepanjang RMKe-10. Pelaksanaan BELB ini akan diteruskan lagi sepanjang tempoh RMKe-11. Senarai dijangka akan dapat dimuktamadkan oleh pihak Kementerian Kemudahan Awam Sarawak selewat-lewatnya pada April 2016 ini.

Yang Berhormat Julau menyarankan agar KKLW mengambil satu inisiatif untuk menginventorikan semua sungai di Sarawak, Sabah atau pun di Semenanjung yang mana mungkin boleh dibangunkan mikro hidro sistem untuk penyediaan kuasa elektrik kepada tempat-tempat yang jauh daripada sistem grid elektrik. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian pada tahun 2010 telah menjalankan kajian kesesuaian pembangunan sistem mikro hidro untuk tujuan pembekalan elektrik di seluruh Sabah dan Sarawak dengan menggunakan sistem mikro hidro secara *run off river* tanpa melibatkan pembinaan empangan. Hasil daripada kajian yang dijalankan hanya tiga buah sungai sahaja yang berpotensi untuk dilaksanakan secara mikro hidro. Manakala sungai-sungai yang lain berisiko untuk kering terutamanya semasa musim kemarau.

Lanjutan itu kementerian pada tahun 2011 telah memulakan pelaksanaan Projek Mikro Hidro di Semulung Ulu–Pakan, Nanga Sendait–Sri Aman dan Long Banga–Baram. Projek Mikro Hidro di Semulung Ulu dan Nanga Sendait dilaksanakan dengan kerjasama UNIMAS dan projek ini telah siap sepenuhnya. Projek Mikro Hidro di Long Banga telah siap sepenuhnya pada tahun 2013 dan kementerian pada tahun 2016 telah meluluskan peruntukan berjumlah RM45.7 juta bagi menaik taraf sistem mikro hidro di kawasan tersebut yang dijangka siap sepenuhnya pada bulan Februari 2018.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Julau bangun.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Projek Mikro Hidro yang dijalankan oleh UNIMAS di Nanga Sengaih adalah di kawasan Julau dan ini adalah projek yang terbengkalai. Sebenarnya, tidak siap pun oleh kerana ada kekangan-kekangan tertentu termasuk pertelingkahan dari segi fahaman penduduk dekat tempat itu.

Oleh yang demikian maka baki daripada peruntukan yang belum dibelanjakan ada dicadangkan untuk dibangunkan projek lain di kawasan iaitu DUN Meluan dan beberapa kajian

pun telah diadakan oleh UNIMAS dengan bantuan NGO untuk mencari jalan bagaimana baki kewangan ini boleh dibelanjakan. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri juga, di kawasan saya sudah ada lima Projek Mikro Hidro yang sedang berjalan dibangunkan oleh iM Sarawak di mana saya adalah pengerusinya kesemuanya tidak ada satu pun melibatkan perbelanjaan melebihi RM450 ribu.

■1800

Kesemuanya dijalankan melalui projek gotong-royong dan penduduk yang menerima projek ini adalah nampak gembira dan saya harap lebih banyak lagi sungai-sungai yang mana boleh kita bangunkan projek mikro hidro akan kita bangunkan. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai projek terbengkalai bersama UNIMAS tersebut *insya-Allah* saya akan mengambil maklum perkara ini dan jika ada cadangan untuk menukarkan ke tempat lain tersebut, kita akan bincang dengan pihak berkuasa di negeri Sarawak.

Yang Berhormat Lawas memaklumkan bahawa di kawasan pedalaman masih belum dapat bekalan elektrik disebabkan kelewatan pada lantikan kontraktor. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat isu di Lawas itu bukan disebabkan oleh kelewatan melantik kontraktor tetapi pihak KKLW masih menunggu senarai muktamad daripada Kementerian Kemudahan Awam Sarawak untuk dimuktamadkan selewat-lewatnya pada April 2016 ini. Selepas itu kita akan mengambil tindakan seterusnya.

Yang Berhormat Tanjong Manis juga menyatakan terdapat beberapa kawasan di Tanjong Manis yang masih memerlukan kemudahan bekalan elektrik di sebelah utara barat Pulau Brait termasuk perkampungan Setalong, Sebayang, Teluk Kulan dan Lukun. Untuk makluman Yang Berhormat bagi bekalan elektrik ke Pulau Brait, pihak kementerian telah melaksanakan projek bekalan talian grid melalui kaedah penyambungan dasar laut dengan jumlah kos sebanyak RM10 juta pada tahun 2009 dan telah berjaya dibekalkan pada tahun 2014. Dengan penyambungan tersebut, bekalan elektrik boleh dicapai secara talian grid oleh keseluruhan pulau.

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada *Sarawak Energy Berhad* pemohon-pemohon yang masih belum menerima bekalan adalah di bawah kategori pemohon lewat yang mana pihak pemohon perlu mengemukakan permohonan kepada pihak SEB bagi tujuan penyambungan. Bagi Kampung Telupulan dan Kampung Luput, penyambungan elektrik boleh dibuat dengan menggunakan kaedah penyambungan talian grid. Berdasarkan perancangan kementerian, projek penyambungan keempat-empat kampung tersebut akan dilaksanakan di bawah *rolling plan* kedua iaitu pada tahun 2017 dengan kos anggaran sebanyak RM20 juta yang mana turut mengambil kira permohonan-permohonan lain di Parlimen Tanjong Manis. Manakala bagi Kampung Setalong dan Kampung Sebayang, projek BELB akan dilaksanakan selepas kemudahan jalan masuk dilaksanakan.

Yang Berhormat Sepanggar membangkitkan mengenai isu pelaksanaan air luar bandar bagi kawasan Kokol Poring-Poring. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat dua projek

bekalan air luar bandar yang dicadangkan akan dilaksanakan di Parlimen Sepanggar. Projek bekalan air luar bandar Kampung Poring-poring dan kawasan sekitarnya dengan anggaran kos keseluruhan projek sebanyak RM48 juta dan projek bekalan air luar bandar Kampung Kokol dan kawasan sekitarnya dengan anggaran kos keseluruhannya berjumlah RM37.50 juta.

Yang Berhormat Kanowit pula memohon agar kemudahan-kemudahan air dibangunkan di kawasan Parlimen Kanowit. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek bekalan air luar bandar di kawasan Parlimen Kanowit telah dicadangkan untuk disenaraikan secara berperingkat sepanjang RMKe-11 dengan anggaran peruntukan sebanyak RM85 juta dan tertakluk kepada senarai keutamaan pihak berkuasa air negeri dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Yang Berhormat Julau membangkitkan terdapat kawasan-kawasan di Julau hampir 10 tahun sudah ada paip tapi air belum ada kerana pelan retikulasi. Untuk makluman Yang Berhormat, projek-projek bekalan air luar bandar yang telah siap dibina di bawah KKLW akan diserahkan kepada pihak berkuasa negeri (PBN) bagi tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan. Jadi tanggungjawab di bawah KKLW adalah pembinaan dan selepas itu akan diserahkan kepada pihak berkuasa negeri bagi penyelenggaraan seterusnya. Isu ketiadaan air walaupun siap adalah disebabkan oleh masalah tekanan air yang rendah dan sebagainya dan kita akan bekerjasama membantu pihak PBN untuk menyelesaikan isu ini. *Insyallah* di kawasan Julau kita akan bincang dengan pihak PBN.

Yang Berhormat Lawas memaklumkan air paip bersih di kawasan pedalaman Sarawak terutamanya di Sarawak masih belum menyeluruh. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian mengambil langkah awal dalam pelaksanaan perolehan projek bagi *Rolling Plan* Pertama RMKe-11 yang mana ke semua proses pemulihan projek telah mula dilaksanakan bermula Oktober 2016.

Yang Berhormat Tanjong Manis memohon agar kerajaan dapat menyediakan peruntukan tambahan untuk paip pengagihan atau *distribution pipe*, dengan izin yang telah lama dan bocor dan kerajaan dipohon agar mempercepatkan bantuan bekalan air ke Pulau Bruit dan membina semula tangki yang runtuh. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja penukaran dan penggantian paip seperti yang saya sebutkan sebentar tadi adalah di luar skop KKLW kerana pembinaan dilakukan oleh KKLW, selepas itu diserahkan kepada pihak berkuasa air negeri. Bagi tangki air di Pulau Bruit yang runtuh, untuk makluman kementerian akan membina baru. Kementerian telah menerima surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk melantik kontraktor baru bagi pelaksanaan kerja-kerja membina semula tangki baru tersebut dan beberapa kampung akan mendapat faedah seperti Kampung Tekajung, bahagian Mukah, Sarawak dan sebagainya.

Yang Berhormat Tanjong Manis juga memaklumkan beberapa kawasan di Tanjong Manis yang masih memerlukan kemudahan bekalan air di sebelah utara Pulau Bruit termasuk perkampungan Setalong, Sebayang, Telupulan dan Lukun. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan semakan didapati bahawa cadangan pelaksanaan projek bekalan air luar bandar di utara barat Pulau Bruit akan dipertimbangkan dengan sewajarnya.



Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Jerlun ada membangkitkan tentang pelaksanaan program bantuan rumah PPR di bawah KKLW. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM274.8 juta untuk pelaksanaan membina baru dan membaik pulih rumah berjumlah 11,223 unit di seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM80.4 juta adalah pelaksanaan PPR di Semenanjung. Dianggarkan setiap Parlimen akan mendapat lebih kurang 11 buah rumah. Manakala bagi Sabah dan Labuan sebanyak RM106 juta dan RM88.4 juta bagi Sarawak. Bagi Sarawak dan Sabah kita anggarkan akan mendapat rumah PPR sebanyak 30 buah satu kawasan Parlimen. Jadi, Sabah dan Sarawak lebih *double*, lebih daripada *double* berbanding dengan Semenanjung.

Untuk makluman Yang Berhormat Sabak Bernam, kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM3.8 juta bagi pelaksanaan PPR di negeri Selangor dengan sasaran sebanyak 57 rumah baru dan 138 unit baik pulih. Di Sabak Bernam ada 11 unit baru dan 30 unit baik pulih dengan peruntukan sebanyak RM770,000. Manakala untuk negeri Kedah, untuk makluman Yang Berhormat Jerlun sejumlah RM10.5 juta telah diperuntukkan pada tahun 2016 dengan sasaran untuk pelaksanaan sebanyak 158 unit baru dan 382 baik pulih. Pelaksanaan untuk kawasan Jerlun adalah sebanyak 10 unit bina baru dan 16 unit baik pulih dengan peruntukan sebanyak RM576,000.

#### ■1810

Yang Berhormat Sipitang membangkitkan isu mengenai MARA. Yang Berhormat Sipitang menyarankan agar MARA mengambil langkah melalui agensi yang terlibat khususnya yang berkaitan dengan UNIKL untuk membangunkan pusat latihan untuk menampung dan membangunkan, menyediakan keperluan sumber manusia di kalangan anak-anak tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA merupakan sebuah agensi *socioeconomic engineering* yang menumpukan kepada pembangunan modal insan. Pada masa ini terdapat sebuah Institut Kemahiran MARA atau IKM Kota Kinabalu dan 27 buah pusat GIATMARA di negeri Sabah yang menumpukan kepada latihan teknikal dan vokasional. Penubuhan institusi kemahiran seperti Institut Kemahiran MARA dan Pusat GIATMARA menawarkan pengajian dalam pelbagai bidang kemahiran teknikal yang boleh menampung permintaan tenaga kerja mahir seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Institut Kemahiran MARA Kota Kinabalu memainkan peranan yang penting dalam melatih dan menyediakan keperluan sumber manusia di kalangan anak tempatan bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir bagi memenuhi keperluan industri di Sabah. IKM Kota Kinabalu menawarkan tujuh bidang program latihan teknikal seperti elektrik, seni bina, bangunan, penyaman udara, automotif, baik pulih badan kenderaan dan kimpalan.

MARA juga telah melaksanakan rasionalisasi di IKM Kota Kinabalu dengan menawarkan program-program Diploma Kompetensi Elektrik dan Diploma Teknologi Automotif bagi laluan bagi anak-anak negeri Sabah menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang kemahiran. Yang Berhormat Sipitang juga membangkitkan tentang pembangunan Pusat

GIATMARA yang disediakan di Sipitang agar dapat dinaik taraf secara total menampung keperluan masa depan dengan menyusun kursus-kursus yang bersesuaian kepada keperluan industri.

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA dalam tindakan menyusun semula beberapa program yang ditawarkan di institusi kemahiran di Sabah termasuk di IKM dan GIATMARA agar selari dengan pembangunan ekonomi negeri Sabah di dalam memenuhi keperluan tenaga mahir dan separa mahir termasuk di dalam minyak dan gas yang menyokong keperluan industri SAMUR ataupun Sabah Ammonia Urea.

Yang Berhormat Pandan menyuarakan terdapat pemohon yang belum menerima tawaran pembiayaan MARA seperti yang ditawarkan. Untuk makluman Yang Berhormat Pandan tiada lagi sebarang isu yang berkaitan dengan permohonan pinjaman pelajaran MARA bagi tahun 2013 dan 2014. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2015 saya ingin maklumkan, ya Yang Berhormat, seramai 10,583 orang pelajar di IPMa ataupun Institut Pendidikan MARA seperti UNIKL, Kolej Poly-Tech MARA ataupun KUPTM, GMI atau German Malaysian Institute dan Kolej Poly-Tech (KPTM) bagi sesi kemasukan Julai/ September 2015 memohon pinjaman pelajaran MARA.

Saya hendak beritahu dari segi cara pinjaman itu. Pemohon memohon secara *online* jadi 10,000 tadi memohon secara *online*. Selepas kita mendapat permohonan secara *online*, kita akan menulis surat kepada pelajar yang berkaitan supaya mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan. Sebagai contoh kalau mereka mendapat tawaran daripada universiti dan sebagainya mereka mesti menyertakan tawaran-tawaran tersebut, IC atau kad pengenalan dan sebagainya.

Untuk itu 5,450 pemohon telah mengemukakan dokumen sokongan, daripada 10,000 lebih 5,450 telah pun mengemukakan dokumen yang diperlukan. Dari jumlah tersebut 2,375 pemohon mengemukakan dokumen yang lengkap. Jadi bermakna 2,375 akan mendapat pembiayaan tersebut. Lain-lain kita masih lagi menunggu pemohon-pemohon untuk mengemukakan dokumen yang lengkap yang mana MARA telah memaklumkan kepada mereka apa yang diperlukan supaya dapat kita teruskan dari segi bantuan pinjaman dan sebagainya.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan saya mudah sahaja, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah ada satu garis masa yang mana kesemua permohonan ini akan diproses dan apakah langkah-langkah lain yang diambil kerana saya tidak dapat gambaran itu, mungkin pemohon ataupun ibu bapa mereka kurang arif tetapi mereka banyak yang nampak tercari-cari dan tidak faham kenapa mereka masih lagi belum mendapat jawapan.

Saya diberi gambaran seolah-olah pertanyaan mereka itu tidak dilayan ataupun tidak ada berita. Jadi mohon terutamanya tentang garis masa itu. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya telah didatangi oleh tujuh ataupun lapan mahasiswa UniKL dalam satu pertemuan. Dalam pertemuan kedua, dua orang ibu bapa yang ada pelajar-pelajar yang mendapat pinjaman daripada MARA. Mereka memberikan gambaran seolah-olah mereka masuk pada hujung tahun lepas dan pinjaman mereka telah diluluskan tetapi bila masuk tahun ini kedudukan pinjaman itu telah menjadi sebagai sesuatu yang tidak jelas dan mereka diminta untuk memohon pinjaman PTPTN pula sedangkan mereka ini UniKL.

Saya amat terperanjatlah ia seolah-olah bantuan ditarik daripada mereka semasa mereka sedang di universiti. Ini bukan di peringkat memohon untuk mendapat, mereka pernah dibiayai tetapi tiba-tiba sudah tidak dapat. Adakah saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri adakah itu benar dan bagi ibu bapa pula ada yang mempunyai lebih daripada seorang di universiti mendapat pinjaman daripada MARA. Mereka menyatakan kepada saya kalau kiranya tidak dapat pinjaman ini maka mereka akan terpaksa memberhentikan salah seorang daripada anak-anak mereka kerana ia hanya mampu hendak membiayai satu. Adakah ini satu gambaran yang tepat atau mereka mendapat maklumat yang kurang jelas.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
*[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak adukan soalan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya didatangi oleh pelajar UniKL Manjung. Mereka memaklumkan bahawa bantuan MARA mereka dipotong sebanyak RM5,000 setiap orang. Adakah ini benar, kalau benar, apakah penjelasan MARA terhadap ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat untuk pelajar yang telah pun menerima pinjaman dan sebagainya, ianya akan terus mendapat pinjaman tersebut. Akan tetapi oleh kerana Yang Berhormat tadi ada menyebutkan ada ibu bapa dan sebagainya secara spesifik saya minta Yang Berhormat bagi kepada saya, *insya-Allah* kita akan selesaikan. RM5,000 tadi sebenarnya tidak ada, tidak ada pemetongan tersebut, tidak ada.

Kepada Yang Berhormat Pandan, saya ingin maklumkan bahawa kita akan memproses setiap kali kita menerima permohonan yang lengkap tadi. Seperti yang saya sebut tadi kita beritahu mereka tidak lengkap kita hantar balik. Jadi dari segi jangka masa sampai bila had mereka boleh menghantar borang tersebut tidak ada. Kita akan sentiasa buka sehingga selesai masalah mereka.

Cuma dari segi makluman tadi, kita sudah maklumkan kepada mereka *insya-Allah* kalau masih ada lagi yang belum mendapat makluman ataupun makluman yang dapat itu kurang jelas

dan sebagainya saya akan minta MARA menghubungi setiap pemohon yang membuat permohonan tersebut. Supaya memaklumkan kepada mereka supaya hantar segala dokumen yang dipohon dengan segera dan *insya-Allah* kita akan proses dan kita akan luluskan.

■1820

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri, satu sahaja lagi. Ada juga yang saya mendapat aduan daripada 758 orang. Daripada yang itu, ada juga yang telah keluar daripada IPMa. Kalau Menteri boleh kongsi, berapa setakat rekod yang MARA ada yang keluar kerana lambat ataupun tidak mendapat pembiayaan daripada MARA? Apakah mereka ini akan dipanggil balik dan apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan paling kurang mereka mendapat tempat untuk melanjutkan pelajaran? Terima kasih Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana soalan ini spesifik hari ini, saya akan dapatkan maklumat tersebut dan saya akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat. *Insya-Allah*, kita akan berbincang balik dengan pelajar tersebut kenapa mereka keluar dan kalau mereka ingin kembali kerana atas alasan tiada pembiayaan, kita akan bantu mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Lipis mencadangkan di bawah Kementerian KKLW supaya mewujudkan lebih banyak agropolitan di dalam setiap kawasan Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Agropolitan adalah konsep pembangunan yang dilaksanakan secara bersepadu untuk meningkatkan kemajuan sosioekonomi masyarakat dan kawasan terlibat melalui pembukaan ladang sejahtera, pembinaan penempatan dan pembangunan modal insan. Ia juga melibatkan penyediaan kemudahan sokongan dan infrastruktur asas untuk penduduk seperti surau, pusat pendidikan awal kanak-kanak, medan info desa, jalan dan penempatan dan Projek Ameniti Sosial seperti penyambungan bekalan air, elektrik yang dapat memberikan manfaat kepada penduduk-penduduk.

*Insya-Allah*, kita akan melihat daripada segi— kita sedang membuat kajian impak terhadap Projek Agropolitan ini. Kita akan lihat secara menyeluruh sama ada projek ini memberi kesan yang baik kepada kawasan-kawasan yang kita jadikan sebagai agropolitan ini. Jika kajian impak ini menunjukkan faedahnya besar, *insya-Allah*, kita akan teruskan. Jika tidak, kita mungkin akan membuat rombakan dari segi pelaksanaan dan sebagainya.

Yang Berhormat Kanowit mencadangkan agar tanah NCR dibangunkan untuk ladang-ladang besar seperti sawit, getah, koko dan sebagainya, dan KKLW patut diberi mandat untuk membangunkan kawasan terutamanya kawasan *Rajang basin area* supaya dapat dibangunkan seperti kawasan-kawasan lain di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini mencadangkan— kementerian bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Oleh itu, kementerian ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri membantu untuk mengenal pasti tanah NCR yang sesuai untuk dibangunkan melalui agensi-agensi pembangunan tanah di bawah kementerian seperti FELCRA, SALCRA dan lain-lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2016 di Kanowit, pihak RISDA telah merancang pelaksanaan bagi program penanaman semula getah. Manakala bagi perancangan tahun 2017 pula, dijangka seluas 500 hektar tanah NCR akan terlibat dengan program ini dan sedang menunggu maklum balas dari Pejabat *Land and Survey* mengenai status tanah tersebut.

Yang Berhormat Jerlun mohon kementerian mengkaji cara yang boleh membantu pekebun kecil getah apabila penoreh getah perlu berkongsi pendapatan dengan pemilik kebun, dan pada jangka panjang, perlu dilihat secara menyeluruh bagaimana kita dapat mencari jalan untuk mereka mendapat pendapatan sampingan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan melalui RISDA sentiasa berusaha melaksanakan langkah-langkah bagi membantu pekebun kecil menambah pendapatan mereka selain hasil dari kebun getah. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut.

Pertama, mempergiatkan program aktiviti ekonomi tambahan.

Kedua, melatih pekebun kecil menjadi usahawan melalui Program Pembangunan Keusahawanan.

Ketiga, memberi peluang pekebun kecil melaksanakan tanaman semula yang selain daripada getah. Kalau dahulu kita tanam semula getah tetapi sekarang kita benarkan, dalam keadaan hari ini, kita benarkan mereka menanam semula tanaman lain yang mungkin yang lebih cepat untuk mendapat hasil dan sebagainya.

Keempat, membantu pekebun kecil mengurangkan kos input dan meningkatkan produktiviti getah melalui Skim Insentif Produktiviti Getah dengan bantuan-bantuan seperti alat torehan, bahan rangsangan lateks, cuka, pembeku getah dan juga baja. Kita beri bantuan secara percuma supaya mengurangkan bebanan mereka untuk membeli peralatan ini.

Kita juga cuba untuk memendekkan rantaian pemasaran getah dan sawit agar pekebun kecil dapat memperoleh harga yang lebih tinggi. Untuk itu, kita membina pusat timbang dan stor serta depot belian yang diuruskan oleh RISDA.

Seterusnya adalah kita menggalakkan pekebun kecil mengamalkan *good agriculture practice*.

Yang Berhormat Pokok Sena...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai bangun.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Tidak pastilah sebab Kuala Krai belum ya? Belum lagi? Jauh lagi? Tidak apalah. Ini berkaitan dengan getah yang disebut oleh Menteri dan saya pun ada membangkitkan dalam perbahasan.

Saya mendengar tadi bahawa antara langkah-langkah yang dicadangkan oleh kementerian bagi membantu pekebun kecil getah ini ialah bagi mereka yang ingin menanam semula boleh memilih untuk menanam tanaman lain. Saya rasa ini memberikan satu isyarat yang tidak berapa jelas kepada pekebun kecil getah. Kalau kita komited dengan industri getah ini,

sudah tentu kita menggalakkan tanaman semula getah dengan harapan ada masa depan yang lebih baik. Akan tetapi kalau kita membuka ruang mengatakan kita boleh memilih yang lain, apakah ini bukan satu isyarat yang boleh dibaca sebagai tidak menggalakkan lagi industri menanam getah secara kebun kecil? Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Seperti yang saya sebut tadi, bahawa tawaran kita ini ialah waktu ini, bersesuaian dengan waktu ini dalam keadaan harga getah yang begitu rendah dan pendapatan mereka begitu kecil dan sebagainya. Kita memberi saranan supaya mereka boleh mendapatkan pendapatan tambahan yang cepat dan segera. Kalau kita tanam tanaman yang segera yang mendapatkan pulangan bagi mereka dalam masa tiga empat bulan, enam bulan dan sebagainya. Kita beri bantuan dan sebagainya.

Akan tetapi, ini adalah dasar hari ini. *Insyah-Allah*, kalau keadaan baik, kita dasar tanam semula akan diteruskan seperti biasa. Bermakna, penoreh atau pekebun kecil mempunyai pilihan. Kalau mereka hendak menanam getah seperti biasa selepas tanam semula, kita teruskan dan bantuan tanam semula diteruskan. Akan tetapi kalau mereka ingin memohon daripada kita untuk membuat tanaman yang daripada segi pendapatan jangka pendeknya boleh membantu mereka, kita benarkan.

Sebenarnya program ini sudah pun ada, Yang Berhormat Kuala Krai. Saya kena sebut, Yang Berhormat Kuala Krai. Sebenarnya Program Tanaman Semula ke Tanaman Lain ini memang sudah pun ada. Cuma, dahulu kita tidak memberi galakan yang besar tetapi pada hari ini kita buka supaya mereka boleh mendapat peluang.

Yang Berhormat Pokok Sena, ada ya? Saya ingat tidak ada tadi. Yang Berhormat bercakap tentang kadar potongan ses dan Yang Berhormat mencadangkan supaya potongan ses ini ditangguhkan. Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan, dasar ini melibatkan Kementerian Perladangan dan Komoditi. *Insyah-Allah*, cadangan tersebut saya akan bawa kepada rakan sejawat saya untuk kita bincangkan, *insyah-Allah*.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Betul, walaupun ada kaitan dengan Kementerian Perladangan dan Komoditi tetapi Tabung Tanam Semula itu apabila dipungut oleh komoditi – ia ada kaitan dengan komoditi, kemudian ada kaitan dengan Kastam. Kalau tak silap, Kastam yang tukang pungut. Kemudian diagihkan 10 *percent* kepada Tabung Tanam Semula di bawah RISDA, kemudian 4 *percent* kepada R&D di bawah Lembaga Getah.

Saya fikir kalau kementerian Yang Berhormat yang bertanggungjawab terhadap Tabung Tanam Semula itu boleh bersetuju untuk penangguhan, saya percaya bahawa tidak ada masalah kepada Kementerian Perladangan dan Komoditi. Itu satu.

Kedua Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata bahawa menggalakkan untuk tanaman yang lain, pilihan untuk menggantikan tanam semula ini. Saya fikir daripada segi

strategi jangka panjang, masa depan, kita tidak begitu fokus. Maknanya kita membiarkan pilihan mereka.

■1830

Jadi akhirnya bila ditanam yang lain, tiba-tiba komoditi tersebut juga mengalami kejatuhan, ditebang pula, tanam lain pula. Akhirnya asyik tanam, tebang, tanam, tebang, tanam tebang. Jadi tidak menyelesaikan masalah bagi saya. Macam dahululah orang pakat kalit tanam pokok dokong ya, pokok dokong, ia tidak menyelesaikan masalah. Kerajaan sepatutnya harus menyediakan satu pelan membantu mereka untuk menghadapi situasi-situasi yang begini. Macam saya kata tadi bahawa kalau kementerian Yang Berhormat Menteri boleh bersetuju dengan duit ses ini, maknanya sekupang dengan duit R&D di bawah LGM ini sudah mampu untuk— begitu juga dengan duit proses, ini di bawah komoditi juga.

Duit proses ini sampai seringgit lebih diambil oleh kilang, seringgit lebih sehingga menyebabkan keadaan akhirnya, harga akhir di ladang itu jadi bolehlah RM2 ataupun tidak sampai RM2. Jadi kalau dihadkan duit proses itu, walaupun bukan di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri tetapi kementerian Yang Berhormat Menteri boleh mencadangkan kepada Kementerian Komoditi untuk menjaga kepentingan dan kebajikan pekebun dan juga penoreh.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, benar daripada segi potongan itu sebahagian untuk R&D dan sebahagian lagi untuk tanaman semula. Di pihak kementerian sebenarnya kita pun sudah berbincang bahawa kita tiada halangan untuk penangguhan ini tetapi *still* oleh sebab ia melibatkan dasar seperti kata Yang Berhormat tadi, melibatkan beberapa kementerian dan agensi, kita akan berbincang. Kita akan membawa perkara ini untuk kita bincangkan. *Insyah-Allah*, kita akan cuba.

Apabila saya mengatakan semula, tanaman lain, kita yang akan *guide* pekebun kecil tadi. Bukan bermakna bila ada pilihan, dia pilihlah dia hendak tanam jagung kah, dia hendak tanam dokong kah, kita akan memberikan tanaman yang cepat dan *marketable*. Kita akan membantu mereka untuk sementara waktu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sekarang ini tanaman cepat, *marketable* misalnya cendawan. Itu merupakan tanaman cepat dan *marketable*. Itu cepat, *marketable* tidak boleh— jadi itu sebagai contoh. Banyak lagilah, kita akan bincang dengan Kementerian Pertanian walaupun saya bekas Menteri Pertanian tetapi kita akan berbincang dengan Kementerian Pertanian untuk berbincang daripada segi apa tanaman yang paling sesuai.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Cili misalnya, sekejap. Seperti yang saya sebut tadi waktu saya menjadi Menteri Pertanian. Saya menyebut 90% daripada cili diimport dari luar negara, dari luar 90%. Jadi kalau kita tanam semula sebelum kita menanam pokok lain, kita hendak menjadikan itu sebagai ladang cili sebagainya, jadi kita membenarkan mereka untuk tanam cili supaya dalam masa dua, tiga bulan mereka sudah boleh *harvest* dan dalam keadaan

harga getah hari ini mereka memerlukan duit untuk hidup dan apa sahaja yang boleh mendatangkan hasil yang cepat, kita akan bantu.

Jadi itu yang saya sebutkan. Tetapi pilihan masih lagi kepada pekebun sama ada mereka hendak terus menanam getah dan tanam pokok lain di celah-celah pokok getah ataupun hendak menjadikan keseluruhan ladang tersebut ataupun kebun tersebut untuk tanaman lain. Jadi kita akan *guide* mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih idea yang sangat baik cuma saya hendak haraplah bahawa kalau hendak suruh *depa* tanam cendawan itu, tak perlu tebang pokok sebab cendawan ini tidak perlu sampai tebang pokok, dia buat dalam bangsal pun cukup boleh, kalau *pi* tebang pokok untuk tanam cendawan, saya ingat tidak berbaloilah bagi saya, tidak berbaloi. Jadi saya takut nanti silap *instruction* tebang pokok, tanam cendawan. Dia kata ini dah jadi kerja merapu. Cendawan ni pakai buat dangau.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Dalam program tanaman semula bukan kita suruh dia tebang pokok untuk tanaman lain. Apabila sampai tempoh pokok itu tidak ada, tidak boleh mengeluarkan hasil maka mereka tebang. Bukan kata pokok yang elok muda pun kita suruh tebang, itu bukan program tanaman semula Yang Berhormat. Yang Berhormat ini dia pakar padi mungkin, bab getah dia tidak berapa tahu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak apalah, betul saya bersetuju tetapi apabila sampai kepada peringkat tanaman kena tebang, suruh dia tanam cendawan, *habaq* kat dia tanam pokok getah juga kemudian tanam cendawan. Betul, tapi kalau kita suruh dia tebang waktu itu, waktu itu sudah sampai pokok tua dah tidak ada susu, suruh tebang *pi* tanam cendawan. Jadi saya *pikiaq*, kebun getah *pi* tanam cendawan. Boleh, tanam cendawan tetapi sampingan kepada pokok getah, itu memang betul.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita tidak payah *argue* lah ya. Yang Berhormat Pokok Sena, mohon untuk jumlah – dia hendak tahu berapa jumlah tabung tanaman semula yang terkumpul di bawah RISDA. Sekejap, saya habiskan ini selepas itu saya bagi.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 31 Disember 2015 jumlah terkumpul adalah sebanyak RM231, 720, 688, terkumpul. Okey Yang Berhormat Labuan mencadangkan agar KEMAS memberikan penekanan bahasa Inggeris. Getah okey.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Sekejap ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah sekarang musim panas, El Nino. Kawasan kebun getah ini apabila musim panas, daunnya akan luruh dan akan menyebabkan susu torehan getah



ini juga berkurangan. Ini menyebabkan bukan sahaja kekurangan hasil kerana akibat rendahnya harga getah tetapi juga susu getah daripada pokok yang ditoreh itu juga berkurangan jadi sudah tentulah akan menambahkan lagi tekanan kepada penoreh-penoreh getah.

Apakah perancangan kementerian terutamanya dalam menghadapi musim kemarau yang sebegini terutamanya di kawasan-kawasan yang berhadapan dengan musim luruh yang memberikan kesan yang besar kepada pendapatan pekebun kecil ini? Minta penjelasan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah sebutkan tadi tentang program-program kita untuk meningkatkan pendapatan melalui aktiviti-aktiviti ekonomi tambahan yang lain. Kita akan beri. Sebenarnya kita di peringkat kementerian telah mewujudkan sebuah jawatankuasa menangani kos sara hidup untuk pekebun kecil getah dan penduduk-penduduk luar bandar. Seramai 50,000 orang masyarakat luar bandar akan menerima faedah daripada apa yang kita rancangan. Kalau macam di Kuala Krai misalnya, KESEDAR diberikan tanggungjawab untuk membuat program bagi membantu meningkatkan pendapatan dan sebagainya.

Jadi banyak yang kita buat seperti tadi ada cendawan, ada cili, ada pelihara ayam kampung dan sebagainya. Kita akan bagi peralatan untuk membantu mereka kerana kita tahu mereka tidak ada modal dan sebagainya. Kalau ayam, kita bagi anak ayam, bagi tempat ayam, kepungan ayam dan sebagainya. Jadi kita akan bantu untuk meningkatkan pendapatan. RISDA sahaja dipertanggungjawabkan untuk membantu 40,000 orang pekebun kecil.

Saya pergi kepada KEMAS, Yang Berhormat Labuan mencadangkan agar KEMAS memberikan penekanan bahasa Inggeris pada peringkat awal kanak-kanak contohnya mengadakan dua jam program bahasa Inggeris kepada anak-anak kecil. Untuk maklumat Yang Berhormat, ada dua kurikulum yang kita guna pakai iaitu Taska PERMATA KEMAS menggunakan kurikulum PERMATA Negara, manakala Tabika KEMAS menggunakan kurikulum standard prasekolah...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ...Kena bagi betul itu, kulum-kulum itu, peliklah.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri macam hendak sebut PAS kah PAN, kena betul-betul juga.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** ...Yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai garis panduan untuk pengajaran dan pembelajaran. Bagi kanak-kanak Taska Permata KEMAS, pembelajaran bahasa Inggeris ditekankan melalui perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal. Kurikulum PERMATA Negara mengandungi permainan bahasa yang bertujuan untuk menggalakkan kanak-kanak berkomunikasi, bertutur dan mendengar melalui permainan, perbualan, aktiviti *show and tell*. Aktiviti ini akan menggalakkan kanak-kanak untuk menyebut serta menambahkan kemahiran komunikasi dalam bahasa Inggeris.

## ■1840

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang digunakan di Tabika KEMAS pula telah menetapkan penggunaan sebanyak 50% bahasa Inggeris dan 50% bahasa Melayu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kita juga mengadakan bengkel dan kursus-kursus untuk guru-guru ataupun pembantu-pembantu KEMAS ataupun guru-guru Tabika KEMAS bagi memahirkan mereka di dalam bahasa Inggeris bagi mereka mampu untuk mengajar bahasa Inggeris kepada anak-anak Tabika KEMAS ini.

Yang Berhormat Gerik memaklumkan bahawa beliau tidak berpuas hati dengan bekalan air terawat yang dibekalkan kepada masyarakat Orang Asli di perkampungan Orang Asli iaitu RPS Kemar, RPS Banun, RPS Bukit Asu dan RPS Hulu Gerik. Untuk makluman Yang Berhormat, KKLW menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli atau JAKOA telah pun mengambil tindakan susulan terhadap masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Gerik sebelum ini berkaitan bekalan air terawat. Kerja-kerja pembaikan telah siap dilaksanakan di perkampungan Orang Asli Bukit Asu dan Hulu Gerik dan berfungsi dengan baik pada hari ini. Bagi memastikan sistem itu terus berfungsi, kerja-kerja penyelenggaraan secara bulanan juga telah dilaksanakan.

Manakala bagi bekalan air di RPS Kemar dan RPS Banun, penumpuan akan diberikan kepada kerja-kerja menaik taraf sistem Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS) kepada sistem air terawat. Pemantauan sistem ini dibuat secara berterusan oleh pegawai JAKOA, Tok Batin, JKKK perkampungan Orang Asli. *Insyah-Allah* program ini, pembangunan ini akan dilaksanakan secara berperingkat.

Yang Berhormat Batu Kawan memaklumkan komuniti Orang Asli dipinggirkan daripada arus pembangunan dan hak-hak tanah adat dirampas melalui proses pemutihan oleh kerajaan. Sebenarnya tuduhan tersebut adalah tidak benar, pihak kerajaan melalui JAKOA terus membangunkan masyarakat Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat sehingga tahun 2016 seramai 3,420 Orang Asli bekerja dalam sektor awam iaitu seramai 1,798 orang lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, seramai 872 orang bekerja di bawah perkhidmatan PDRM, seramai 378 orang bekerja di JAKOA, seramai 338 orang berkhidmat di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan seramai 34 orang bekerja di bawah perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia daripada sejumlah 3,420 orang seramai 137 Orang Asli adalah dalam kumpulan pengurusan dan profesional, manakala seramai 1,977 Orang Asli telah bekerja dalam sektor swasta.

Untuk makluman juga, setiap tahun MARA menghantar seramai 20 pelajar Orang Asli ke luar negara untuk meneruskan pelajaran mereka dan dari segi soal tanah Orang Asli dan sebagainya. Kita mengambil berat tentang perkara ini, saya pun telah mengarahkan kepada JAKOA untuk menyelesaikan isu pengukuran tanah Orang Asli seluruh negara menjelang akhir 2016 ini. Ini kerana selepas tanggungjawab kita ialah di peringkat pengukuran sahaja, selepas pengukuran kita akan serahkan kepada kerajaan negeri untuk tindakan seterusnya sehinggalah kepada pewartaan atau sebagainya.

Yang Berhormat Sepang memohon— Ipoh ada Orang Asli?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ada. Satu orang sahaja. [Ketawa] Lain semua kita sudah halau dari Ipoh, keluar ke tempat lain. Tidak memberi rumah kepada mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya ingat tidak baik perkataan halau.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Halau. Betul Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita sudah ambil alih tanah mereka dan beri kepada macam orang sayalah. Saya hendak tanya Menteri mengenai orang asal, apakah dasar kerajaan untuk membina rumah-rumah untuk mereka? Dan adakah benar bahawa rumah-rumah pernah dibina itu tidak sesuai dan tidak mengikut kehendak mereka dan adakah benar bahawa rumah-rumah ini dijual dengan harga yang sangat tinggi sehingga orang-orang asal tidak dapat membeli rumah-rumah itu? Apakah pendirian, apakah yang dibuat oleh kementerian?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan melalui JAKOA mempunyai program membina rumah masyarakat Orang Asli ini dan diberikan secara percuma sebenarnya, tidak ada bayaran, tidak ada jualan dan sebagainya.

Pada pembentangan Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan sebanyak RM60 juta untuk pembinaan rumah masyarakat Orang Asli. Jadi kita sentiasa terus— pada tahun Bajet 2015 kalau tidak silap saya, hanya RM40 juta sahaja bajet yang diberikan tetapi tahun ini ditambah kepada RM60 juta dan sebagainya.

Dari segi kesesuaian dan sebagainya, saya percaya pihak JAKOA sentiasa berbincang dengan pihak Tok Batin dan pengerusi JAKOA, pengerusi JKKK Orang Asli untuk berbincang lagi soal kesesuaian rumah dan sebagainya. Cuma saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat hanya satu orang sahaja Orang Asli, jadi tidak faham tentang Orang Asli. Saya ada 5,000 masyarakat Orang Asli termasuk juga Kuala Krau pun ramai.

Orang Asli kita buat rumah mereka di kampung kita macam rumah PPRT juga, macam rumah PBR, Program Bantuan Rumah di masyarakat orang Melayu, juga sama. Cuma mungkin ada sesetengah masyarakat Orang Asli ini mereka perlu ada dua rumah juga sebenarnya, rumah yang kita bina dan rumah asal yang mereka ada itu, mereka kadang-kadang lebih *comfortable* juga untuk duduk di rumah asal, rumah kayu yang lama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Siang duduk rumah baru, malam rumah asal.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Jadi bagi kerajaan, kita tidak akan bina rumah seperti rumah asal juga kalau kita hendak bawa pembangunan tentu, kalau kita hendak bawa pembaharuan kepada masyarakat Orang Asli kita tidak akan bina seperti rumah asal mereka juga. Jadi kalau macam itu, mereka pindah dari rumah asal kepada rumah asal. Kita bina rumah yang lebih baik. Selesa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sangat selesa.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Berapa sasaran rumah yang akan dibina atau telah dibina?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Setakat ini *waiting list*, saya bagi tahu Dewan biar Dewan tahu, *waiting list* ada 10,000. Kalau rumah harga RM50,000 tahun ini kita dapat RM60 juta, bermakna berapa ribu itu pembinaan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Di Kuala Krau 100. Terima kasih Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Jadi lebih banyak. Sebenarnya rumah Orang Asli di Kuala Krau lebih banyak daripada rumah PBR yang hanya 11 sahaja. okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, betul.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat Sepang memohon kementerian agar mengambil tindakan berkenaan kampung Orang Asli di Bukit Tunggul dan Bukit Jenuk yang belum dapat bekalan elektrik. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui JAKOA telah mengadakan mesyuarat dengan penyelia utiliti iaitu pihak TNB pada 16 Mac 2016 dan pihak TNB memaklumkan bahawa pihaknya tidak ada halangan untuk menyelesaikan isu bekalan elektrik ini. Walau bagaimanapun tertakluk kepada pemilik tanah tersebut kerana mereka tinggal di tanah *private*.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita sentiasa membantu masyarakat Orang Asli ini dan untuk pengetahuan, pada petang tadi Ketua Pengarah JAKOA mengadakan rundingan dengan pemilik tanah itu bagi kita menyelesaikan isu elektrik ke rumah Orang Asli.

Untuk isu *Rural Transformation Centre* atau RTC, saya merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Lawas mengenai cadangan supaya diwujudkan RTC Lawas. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar kementerian ialah untuk membina dua buah RTC bagi Sarawak dan Sabah manakala satu RTC untuk Semenanjung. Jadi, oleh sebab sudah ada RTC di Sarawak iaitu di Miri, di Sibuti, Bekenu Miri dan juga di Mid-Layar di Daerah Betong, jadi dua RTC Sarawak itu telah pun mencukupi.

Walaupun bagaimanapun, kementerian sedia untuk mengkaji kesesuaian untuk menubuhkan mini RTC di Lawas. Manakala Yang Berhormat Tenom juga memohon supaya Tenom dijadikan lokasi RTC di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah mengadakan lawatan tapak ke beberapa buah lokasi yang berpotensi di Sabah termasuk Tenom untuk dijadikan RTC.

#### ■1850

Oleh itu, pihak kerajaan negeri telah diminta untuk memuktamadkan lokasi-lokasi bagi negeri Sabah.

Yang Berhormat Sabak Bernam membangkit juga isu RTC. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, sehingga kini terdapat lapan RTC dan 213 mini RTC yang beroperasi di seluruh negara. Manfaat yang diperoleh daripada RTC adalah sangat baik dan jumlah pengunjung direkodkan melebihi 9.7 juta orang dan nilai jualan sebanyak RM454 juta pada tahun 2015. Lebih 22,500 usahawan dan petani telah dibantu secara langsung dan tidak langsung dalam aktiviti ekonomi, terutamanya berkaitan dengan pertanian, ternakan, perikanan dan juga termasuk peniaga-peniaga kecil-kecilan.

Begitu juga dengan mini RTC sehingga kini telah menerima bilangan pengunjung melebihi 577,000 orang pada tahun 2015 melalui pelbagai aktiviti seperti sukarelawan, kolaborasi latihan dan sebagainya.

Yang Berhormat Kota Samarahan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibuti bangun.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apabila disebutkan RTC tadi, terima kasih kerana telah membenarkan sebuah RTC di kawasan Sibuti yang pertama di negeri Sarawak. Apa yang saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri ialah kalau boleh Yang Berhormat Menteri memberi bantuan untuk kawasan RTC dibesarkan sedikit lagi kerana tidak semua agensi-agensi kerajaan yang patut ada dalam RTC itu dapat tempat yang sesuai dan juga sepatutnya Agrobank sudah ada beroperasi tetapi sampai sekarang pun Agrobank belum lagi beroperasi di sana. Mohon Yang Berhormat Menteri membantu kami. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat, *insya-Allah* saya akan minta pegawai saya yang menjaga RTC ini untuk melihat RTC Sibuti. Manakala bank itu walaupun di luar bidang kuasa kementerian, kita akan cuba untuk mendapatkan Agrobank tersebut.

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Samarahan mencadangkan supaya diwujudkan lebih banyak *rural premium outlet* bertujuan memasarkan produk-produk luar bandar. Ingin saya maklumkan bahawa kita akan menjadikan RTC sebagai *rural premium outlet* bagi kita menjadikan pusat ini sebagai pusat sehati untuk produk-produk luar bandar dan juga usahawan-usahawan desa. RTC yang kita jadikan sebagai *premium outlet* nanti akan menjadi pusat pengumpulan produk, pusat pameran dan tempahan, pusat jualan terus dan juga tempahan secara *online* dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sajalah jawapan saya. Eh, ada lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada lagi, Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Lumut ada.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih saya ucapkan pada Yang Berhormat Menteri kepada Tuan Yang di-Pertua juga. Saya tertarik dengan perbincangan kita mengenai RTC ini. Cuma saya hendak bertanya pada pihak kementerian dari segi pemilihan RTC ini kedudukannya sebab saya sebagai contoh kawasan luar bandar. Setiawangsa kawasan bandar tetapi kawasan bandar ada RTC tetapi seperti tempat saya tidak ada RTC. Itu satu.

Selepas itu yang kedua pula hendak minta penjelasan dan juga makluman daripada pihak kementerian, sama ada kementerian mempunyai perancangan dalam jangka panjang untuk menyediakan RTC ini di setiap kawasan Parlimen bagi membolehkan ia digunakan semaksimum mana yang boleh. Minta penjelasan dan juga makluman pada pihak kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cair Yang Berhormat Menteri kalau macam ini cara mintanya. Ya, Yang Berhormat Pandan. Selepas Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Lumut dan juga Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya hanya ada satu soalan berkenaan dengan perkara yang saya timbulkan iaitu skandal pembelian hartanah di Australia oleh MARA, saya minta supaya Menteri paling kurang boleh maklumkan apakah hasil siasatan setakat ini. Apakah langkah yang akan diambil? Adakah audit penuh itu akan dibuat dengan secepat mungkin? Saya ada menamakan seorang pegawai tinggi daripada MARA dan saya pasti kalau Menteri pun semak, beliau ada kaitan dengan beberapa orang yang dinamakan lagi.

Saya tidak akan buat tuduhan kalau saya tidak ada dokumen-dokumen. Jadi soalan saya kepada Menteri, apakah Menteri akan ambil tindakan paling kurang tindakan disiplin sementara siasatan diambil kepada pegawai tinggi tersebut. Saya bercakap dengan Menteri bukannya yang di belakang-belakang. Kalau Menteri boleh secara profesional, yang lain itu tidak payah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuanku ada menitahkan supaya kerajaan mengadakan program membandarkan luar bandar. Dalam hal ini, saya ingin memohon Yang Berhormat Menteri memberi peruntukan yang secukupnya khususnya untuk Parlimen Lumut membandarkan kawasan-kawasan luar bandar. Khususnya peruntukan lampu jalan dan juga peruntukan membaiki jalan raya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima Yang Berhormat Menteri. Pertamanya saya hendak ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas kehadiran Yang Berhormat Menteri ke Parlimen Kuala Selangor sehinggakan wajah Yang Berhormat itu menyebabkan Yang Amat Berhormat Pekan mengumumkan sebuah RTC di Kuala Selangor. Terima kasih saya ucapkan.

Keduanya saya hendak bertanya tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Patut tidak nampak Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Keduanya, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di atas inisiatif Yang Berhormat Menteri mengenai MARA Digital di Anggerik Mall, sebab saya melihat inisiatif yang sangat baik dan boleh dikembangkan untuk menjadi salah sebuah hab baru terutama sekali di negeri Selangor untuk mengumpulkan usahawan-usahawan termasuk juga *the hotspot* dengan izin, untuk generasi muda negeri Selangor.

Jadi saya amat berharap agar ia menjadi satu *central* ataupun menjadikan MARA *Central* atau *youth central* yang baru supaya generasi muda di Selangor boleh berhimpun dan juga berkumpul untuk mereka melakukan pelbagai aktiviti keusahawanan mengikut hasrat Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri. Jangan lupa Kuala Krau Yang Berhormat Menteri, RTC. Sebab Kuala Krau tidak boleh *contempt*..

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, saya ingin menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Parit Sulong. Dari segi bandar dan luar bandar tadi, kalau di bandar ia dipanggil UTC dan di luar bandar *Rural Transformation Centre* tadi. Jadi UTC di bawah JPM kalau tidak silap saya, di bawah Jabatan Perdana Menteri dan RTC di bawah Kementerian KKLW.

Jadi saya jawab RTC lah. Seperti yang saya sebut tadi RTC di Semenanjung, satu negeri, satu. Sabah dan Sarawak, dua di Sabah dan dua di Sarawak. Mereka dapat dua kerana kawasan yang luas dan sebagainya. Akan tetapi seperti yang saya sebut tadi untuk setiap Parlimen satu, kita akan bersetuju dan kita cadangkan dan sudah dicadangkan waktu mesyuarat NBOS dahulu iaitu satu Parlimen satu untuk mini RTC. Jadi kalau Yang Berhormat Parit Sulong nanti dengan lemah lembutnya memohon itu *insya-Allah*, atas sekalilah dia punya senarai.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Sekejap Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Jadinya Yang Berhormat mohon, saya hendak mohon sekali untuk Tuan Yang di-Pertua. Kesian dia Kuala Krau dan juga Parit Sulong.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Patutlah bila Yang Berhormat Parit Sulong bercakap, orang lain 20 minit, dia setengah jam.

Pemilihan RTC saya hendak sebut, pemilihan RTC ini kita berdasarkan bangunan kerajaan yang menjadi "*gajah putih*". Itu sebenarnya.

#### ■1900

Mula ada diperkenalkan RTC, banyak projek kerajaan tiba-tiba kosong tiada penghuni. Jadi sebab itu kita jadikan mini RTC. Jadi *insya-Allah* kita akan tengok secara *details*.

Yang Berhormat Pandan tadi, isu mengenai kes pemilihan bangunan di Melbourne oleh anak syarikat MARA Inc. Bukan Mara Inc. tapi anak syarikat pelaburan MARA Inc. di Australia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Untuk maklumat Yang Berhormat, setakat ini kita telah pun mengambil tindakan dalaman - ia ada dua; dalaman dan luaran. Dalaman kita telah pun memberhentikan *Chairman* MARA Inc. dan juga CEO MARA Inc., kita berhenti atau tidak sambung. Maknanya diberhentikan. Tindakan luaran ialah kita menyerahkan *chairman* kita misalnya hantar sendiri dokumen kepada pihak SPRM. Pihak SPRM sedang menyiasat kes ini. Saya dimaklumkan oleh pihak SPRM mereka hampir menyelesaikan siasatan di dalam negara dan selepas ini mereka akan ke luar negara ke Australia dan sebagainya untuk menyiasat, akan *interview* saksi dan juga siapa sahaja telah pun dilakukan dalam negara termasuk pegawai daripada MARA, pegawai daripada MARA Inc. dan sebagainya. Mereka akan ke Australia dan sebagainya untuk membuat siasatan di sana termasuk melihat dari segi akaun dan sebagainya.

Maknanya mereka akan menjalankan siasatan seperti forensik audit. Maknanya akan menyiasat secara *detail* mengenai akaun dan sebagainya. Dalam masa yang sama selain daripada SPRM, MARA juga telah pun menulis surat kepada Auditor General (AG) supaya menjalankan forensik audit kepada akaun MARA Inc. dan sebagainya yang ada kaitan dengan kes ini.

Jadi Yang Berhormat, percayalah kita tidak akan melindungi sesiapa pun di dalam Parlimen ini. Ada disebutkan bahawa kita tidak akan melindungi sesiapa. Akan tetapi oleh sebab SPRM sedang jalankan siasatan, maka kita serahkan kuasa sepenuhnya kepada SPRM untuk menjalankan siasatan. Dalam masa yang sama, Auditor General juga mengadakan forensik audit untuk kes ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah benar bahawa pihak berkuasa Australia sendiri akan melakukan siasatan kes ini? Sekiranya, begitu benar adakah kerajaan ataupun MARA akan memberikan kerjasama yang sepenuhnya untuk menentukan bahawa siasatan oleh pihak berkuasa Australia akan dijalankan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya juga dari segi kita tidak tahu dari segi siasatan. Cuma saya dimaklumkan bahawa pihak SPRM telah menghubungi rakan sejawat mereka di Australia bagi membantu dan bersama-sama bekerjasama dalam menyiasat isu ini. Seperti saya kata, MARA tidak akan melindungi sesiapa dan apa-apa perkara yang diperlukan kerjasama, dokumen dan sebagainya kita akan bagi kerjasama sepenuhnya.

Tentang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pandan juga saya lupa tadi yang ada pegawai yang dimaksudkan itu saya difahamkan pegawai ini sudah buat laporan polis. Jadi saya harap kita serahkan kepada *authority*lah untuk menyelesaikan.

Jadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah pun memberikan perhatian yang serius kepada KKLW dan *insya-Allah* segala cadangan segala apa yang dibangkitkan akan diberikan perhatian yang serius bagi kita



menyelesaikan segala isu yang berkaitan demi kepentingan rakyat dan masyarakat luar bandar. Terima kasih, *assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya giliran Kementerian Luar. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri.

#### **7.04 mlm.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Yang Berhormat, Yang Berhormat Sandakan, Kalabakan, Tumpat, Bachok, Klang, Ipoh Barat, Kuala Langat, Bayan Baru, Bukit Katil dan Yang Berhormat Limbang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2016 yang menyentuh isu-isu di bawah seliaan bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sandakan dan juga Yang Berhormat Kalabakan berkaitan isu keselamatan di Sabah dan juga isu tuntutan wilayah Sabah oleh Kerajaan Filipina, pembayaran wang serahan kepada waris Kesultanan Sulu dan cadangan memutuskan hubungan diplomatik Kerajaan Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil serta memantau rapi berkenaan isu tuntutan ke atas Sabah. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia tidak pernah mengakui dan tidak sekali-kali akan melayan sebarang bentuk tuntutan oleh mana-mana pihak sama ada Filipina ataupun Kesultanan Sulu ke atas sebahagian atau keseluruhan negeri Sabah. Status negeri Sabah dalam Persekutuan Malaysia adalah sah dan diterima oleh masyarakat antarabangsa.

Penduduk Sabah telah menunaikan tanggungjawab dan menentukan masa hadapan mereka melalui pungutan suara yang dikelolakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui Suruhanjaya Cobbold pada 1962. Dalam hubungan ini, Malaysia akan terus mempertahankan kedaulatan wilayahnya dan akan sentiasa memelihara kepentingan semua warganegara terutamanya di Sabah.

Untuk makluman di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah beberapa kali mengeluarkan kenyataan bagi membuat penegasan bahawa pendirian Malaysia yang tidak mengiktiraf tuntutan Filipina ke atas Sabah. Pada 19 Mei 2015 dan 1 Mac 2016, Kementerian Luar Negeri telah memanggil Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Filipina di Kuala Lumpur berhubung kenyataan pemimpin negara berkenaan berkaitan dengan tuntutan terhadap Sabah. Kerajaan sentiasa serius dan tidak pernah memandang ringan mengenai isu keselamatan di Sabah dan akan sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya demi membanteras segala jenis ancaman kepada negara.

Berkaitan isu, *sanction money* atau wang serahan kepada waris Kesultanan Sulu. Pembayaran wang serahan ini adalah berdasarkan kepada perjanjian 22 Januari 1878 antara Sultan Sulu, Sultan Mohamet Jamal Al Alam dengan Baron de Overbeck and Alfred Dent

daripada Syarikat Borneo Utara British. Perjanjian 1878 tersebut menggariskan bahawa Sultan Sulu menyerahkan Wilayah Borneo Utara untuk selama-lamanya dan waris Sulu berhak menerima bayaran tahunan sebanyak 5,300 Peso Mexico pada waktu itu.

Pembayaran wang serahan telah dibuat sebagai memenuhi juga susulan daripada itu keputusan Mahkamah Tinggi Borneo Utara tahun 1939 yang membenarkan petisyen sembilan orang waris Kesultanan Sulu untuk menerima dan berkongsi antara mereka bayaran tahunan sebanyak RM5,300 yang telah disamakan dan diselaraskan pada tahun 1968. Penghakiman 1939 tersebut menjelaskan bahawa hak ke atas wang serahan tersebut tiada kena mengena dengan persoalan kedaulatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hubungan dua hala di antara Malaysia dan Filipina adalah amat baik waktu ini termasuk dalam konteks kerjasama ASEAN. Hubungan ini perlu terus dipupuk dan dipelihara demi kepentingan bersama dan kerajaan akan terus memantau perkembangan hubungan dua hala lebih-lebih lagi dalam mengharungi pilihan raya umum presiden di Filipina pada Mei 2016.

Yang Berhormat Bachok membangkitkan berkaitan peranan Malaysia dalam menawar bantuan dan pendamaian bagi pergolakan di Selatan Thai. Untuk makluman Dewan yang mulia, hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand kini berada pada tahap yang amat baik. Semasa lawatan rasmi TYT General Prayut Chan-Ocha, Perdana Menteri Thailand ke Malaysia pada 1 Disember 2014 beliau menyatakan komitmen Kerajaan Thailand terhadap proses damai Selatan Thailand.

Beliau menegaskan bahawa Malaysia adalah satu-satunya fasilitator kepada proses damai tersebut. Beliau juga turut melahirkan penghargaan terhadap peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai fasilitator. Perkara yang sama ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Thailand dalam pertemuan sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN Ke-26 di Kuala Lumpur.

#### ■1910

Malaysia menekankan pendekatan *prosper thy neighbour* melalui inisiatif *three E's*, dengan izin, *education*, *entrepreneur* dan *employment* yang mana pelbagai usaha dan program bina upaya dalam bidang latihan vokasional dan keusahawanan telah dijalankan di Selatan Thailand. Kerajaan Malaysia juga akan terus komited membantu dalam membina upaya untuk masyarakat Islam di Selatan Thailand dalam bidang pendidikan, latihan, vokasional dan keusahawanan melalui mekanisme dua hala sedia ada khususnya melalui Jawatankuasa *Joint Development Strategy for Borders Area* ataupun JDS.

Yang Berhormat Tumpat membangkitkan berkaitan dengan perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Filipina dan Bangsamoro yang mana Malaysia terlibat dalam proses perjanjian tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perjanjian komprehensif Bangsamoro ataupun *Comprehensive Agreement on the Bangsamoro* (CAB) di antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) telah pun dimeterai pada 27 Mac 2014 yang turut disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekali lagi Malaysia memainkan

peranan sebagai fasilitator penting dalam proses damai ini di antara kedua-dua pihak sejak tahun 2001 lagi.

Walau bagaimanapun draf BBL ini ataupun *Bangsamoro Basic Law* tidak dapat diluluskan oleh – belum lagi diluluskan oleh Kongres Filipina kerana Kongres telah pun selesai bersidang pada 5 Februari 2016 untuk memberi ruang kepada ahli-ahli politik Filipina untuk memulakan kempen pilihan raya masing-masing sempena Pilihan Raya Umum Filipina pada 9 Mei 2016. Oleh itu draf BBL belum lagi diluluskan di bawah pentadbiran Presiden Aquino.

Namun yang demikian Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa mengadakan *engagement* berterusan dengan pelbagai *stakeholders* di Philippine terutamanya Pejabat Presiden Filipina, Pejabat Penasihat Presiden Mengenai Rundingan Damai, *Presidential Advisor on the Peace Process* (OPAPP), MILF dan juga OIC bagi memastikan kejayaan pelaksanaan CAB tersebut. Di samping itu, Malaysia juga komited untuk menyumbang kepada proses pembangunan bina upaya dan perkongsian pengalaman bagi membantu masyarakat Bangsamoro.

Malaysia juga akan terus menyokong operasi TIM, Pemantauan Antarabangsa ataupun IMT, *International Monitoring Team* di Mindanao. Mandat IMT telah dipersetujui untuk dilanjutkan selama setahun lagi bermula 15 Mac 2016 hingga 14 Mac 2017. Dalam hubungan ini *team* pemantau Asia telah pun memulakan penugasan mereka di sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab ataupun mengulas pandangan yang saya berikan dalam perbahasan yang lalu. Saya dengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa hubungan Malaysia dengan Filipina dan hubungan Malaysia dengan Thailand adalah amat baik sekali sekarang ini.

Kebimbangan saya, hubungan kita dengan kedua-dua negara itu amat baik sebahagian sebabnya adalah kerana kita tidak memberikan penekanan dan penegasan yang tegas berkaitan dengan hak-hak dan kepentingan negara kita, walaupun puncanya daripada kedua-dua negara ini. Kalau dalam kes Filipina, Filipina Selatan, Bangsamoro ia jelas melibatkan Malaysia, melibatkan keselamatan rakyat Malaysia di Sabah khususnya di Pantai Timur Sabah.

Jadi apa Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi bukan pertama kali berlaku bahawa Kongres Filipina tidak akan mengendahkan, tidak akan *ratify* dengan izin, perjanjian yang dibuat oleh pemerintah melalui Pejabat Presiden Republik Filipina itu. Apa yang berlaku sekarang ini bukanlah kali pertama. Walaupun alasannya ialah bahawa Kongres sudah pun berehat untuk bersedia menghadapi Pilihan Raya Presiden, tetapi ini bukan pertama kali dilakukan oleh Kongres Filipina.

Jadi harapan saya ialah bahawa Wisma Putra lebih tegas dan mencari kaedah-kaedah yang lain termasuk menggunakan rakan-rakan multilateral kita atas nama ASEAN atau OIC dan sebagainya untuk menekan kepada pemerintah Filipina bahawa jika ia tidak diselesaikan akan

mempunyai kesan keselamatan yang amat parah kepada Malaysia. Oleh itu kita berhak bukan sahaja secara bilateral dengan Filipina tetapi secara multilateral dengan kumpulan-kumpulan, negara-negara yang kita terlibat untuk mendesak ataupun untuk kita terlibat secara langsung dalam memastikan bahawa terdapat keamanan di Filipina Selatan misalnya. Saya harap Timbalan Menteri memberi perhatian hal ini.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat. Saya ambil perhatian tentang cadangan, cuma saya hendak maklumkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan rundingan damai ini adalah suatu proses yang panjang. Kalau di Philippine, CAB itu mengambil masa hampir 17 tahun. Bayangkanlah IMT pun bermula daripada 2001 dan peranan IMT sememangnya telah terbukti di peringkat antarabangsa dan diakui ia menyebabkan kebanyakan aktiviti-aktiviti keganasan berkurangan di kawasan-kawasan zon konflik.

Manakala di Thailand pula, pengiktirafan untuk Malaysia menjadi fasilitator bukan disuarakan oleh kerajaan semata-mata tetapi juga disuarakan oleh penduduk di *Southern Thailand* bahkan diadakan satu *pooling* dan 80% mengatakan mereka hanya hendak *the only facilitator to facilitate process* damai itu adalah Malaysia. Bayangkanlah dahulu ada lebih kurang enam, ada BIPP, BPN, PLUM, mungkin Yang Berhormat Tumpat lebih mengetahui dan umumnya *well-versed about this* tetapi peranan yang dimainkan oleh Malaysia itu telah berjaya *to unify them* dan akhirnya mencipta kepada penubuhan MARA Patani yang merupakan kejayaan yang *momentous*.

Jadi memang saya mengambil pandangan itu, cuma umumnya bila kita jadi fasilitator *we are the third party*. Lazimnya ini adalah lebih baik diselesaikan dalam ruang lingkup bilateral sebab secara multilateral, ASEAN menggunakan piagam *none intervention*. Akan tetapi banyak perkara yang dibuat melalui bilateral banyak juga mencapai kejayaan cuma saya mengakui bahawa ia bukanlah satu perkara yang mudah dan tentu sekali mengambil masa yang begitu panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Saya ingin hendak bertanya kepada Timbalan Menteri, sebenarnya *constructive engagement* kita ada *prosper thy neighbour* dan negara kita yang tidak mempunyai doktrin *military*. Kalau ikut sejarah kita 60 tahun kita ada '*Ganyang Malaysia*' umpamanya. Kita lebih berjaya menangani ancaman-ancaman luar dan menstabilkan kestabilan negara mengikut acuan kita sendiri.

Sepanjang 20 tahun ini walaupun ancaman perisai kita bertambah, dinamik berubah, bentuknya pun berubah, *form and structure* nya pun berubah tetapi kerajaan kita dengan dasar-dasar yang ada ini dapat bertahan dan saya rasa inilah landasan yang terbaik untuk kita bergerak. Jadi saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri dasar *constructive engagement* ini adakah perlu kita perkukuhkan lagi dan kita jadikan sebahagian daripada AEC ataupun ASEAN dan dalam *background* kita ZOFPAN. Saya juga diingatkan satu ketika kita hantar

tentera kita ke Congo, Lebanon dan tempat-tempat lain. Jadi adakah kita hendak memperkukuhkan dasar *constructive engagement* untuk menangani persekitaran yang berbeza, yang banyak ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi, jadi itu adalah merupakan pendekatan yang sentiasa digunakan dan menambah kepada apa yang disebut *constructive engagement*, kita juga menggunakan pendekatan *wasatiyyah*. *Wasatiyyah* ini bukan aplikasi dari sudut agama sahaja tetapi ia adalah pendekatan yang merupakan diterima pakai oleh kebanyakan masyarakat antarabangsa yang melihat Malaysia sebagai negara yang boleh berperanan sebagai *mediator* dalam konflik-konflik yang berlaku di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin pindah kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Klang berkaitan dengan pelantikan wakil ke AICHR ataupun Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia ataupun dengan izin, ASEAN *Intergovernmental Commission on Human Rights*.

#### ■1920

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelantikan wakil Malaysia ke AICHR adalah berdasarkan terma rujukan AICHR yang diterima pakai oleh kesemua negara anggota ASEAN. Dalam hal ini, saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Luar Negeri telah melalui proses-proses dalaman menerusi jawatankuasa di peringkat kementerian untuk mengenal pasti calon-calon yang menepati kriteria asas seperti yang terkandung dalam Peruntukan 5.3 dalam Terma Rujukan AICHR. Antara kriteria-kriteria asas tersebut adalah mempunyai nilai integriti, kecekapan dan pengalaman dalam lapangan yang berkaitan dengan hak asasi manusia sama ada di peringkat nasional mahupun di peringkat serantau dan antarabangsa.

Kerajaan menitikberatkan kriteria-kriteria tambahan dalam pemilihan tersebut dengan mengambil kira aspek-aspek kemampuan calon dalam menjalankan tugas dengan adil dan telus mengikut prinsip-prinsip yang termaktub dalam Piagam ASEAN. Calon-calon wakil Malaysia ke AICHR akan disenarai-pendekkan dan akan dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan seterusnya dibawa ke perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kelulusan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, wakil Malaysia ke AICHR yang lepas telah pun ada beberapa siri pertemuan dengan wakil-wakil dan badan bukan kerajaan di peringkat nasional dan telah mengambil maklum tentang proses-proses yang dirasakan perlu diambil perhatian sewaktu proses pelantikan dilakukan. Kerajaan sentiasa terbuka untuk melaksanakan penambahbaikan dalam proses pemilihan wakil AICHR.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Menteri.

Soalan saya yang saya bangkitkan minggu lalu ialah berkaitan dengan proses ataupun cara untuk melantik wakil Malaysia dan nampaknya daripada skim yang ada sekarang, pelantikan

itu adalah terus oleh kerajaan tanpa ada perundingan dengan *stakeholders* lain ataupun golongan-golongan berkepentingan yang lain.

Kalau kita nampak Indonesia misal kata, ada prosesnya, sampai *appointment* itu telah dibuat untuk seorang wakil NGO menjadi wakil Indonesia ke AICHR. Sekarang seorang akademik telah dilantik dan proses itu adalah proses *open, transparent*, ada perbincangan, ada *proposition from* NGO dan sebagainya, sampailah proses *involved*. Akan tetapi di Malaysia, kita tidak ada.

So saya minta kementerian supaya tukar cara untuk melantik seorang wakil yang sebenar-benarnya mewakili isu berkaitan dengan hak asasi manusia. Ini saya fikir adalah penting sebab mantan wakil Malaysia sebenarnya bukan seorang yang boleh dikatakan seorang pejuang isu hak asasi manusia. Akan tetapi, saya fikir kalau kita hendak memperkuatkan isu berkaitan dengan hak asasi manusia di ASEAN, maka *people who are interested and whose struggle on human rights* mesti dilantik. Saya minta pandangan Yang Berhormat, adakah kerajaan akan tukar modus operandi untuk pelantikan ini?

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih. Saya menerima baik pandangan daripada Yang Berhormat Klang dan saya pun mengalu-alukan seandainya walaupun Yang Berhormat Klang ada calon untuk dikemukakan, boleh kemukakan kepada saya. Cuma saya hendak maklumkan, pada waktu ini, *we are stand guided by the terms of reference of AICHR. So, the terms of reference of AICHR*, walaupun dia ada maklumkan tetapi ia memberi ruang kepada *the appointing government* untuk membuat pelantikan. Kalau diambil contoh Indonesia, tetapi negara-negara lain juga mengamalkan gaya dan cara yang sama yang dilakukan di Malaysia.

Akan tetapi, untuk calon yang hendak dipilih yang akan disenarai-pendek dan kemudian akan melalui pilihan, yang penting kita akan nilai semua kriteria yang disebut termasuk apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Klang, bukan dalam perbincangan kali ini tapi termasuk juga perbincangan yang lalu. Saya pasti calon yang akan dipilih kali ini adalah calon yang benar-benar menepati kriteria tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Tumpat tadi, satu lagi, iaitu tentang Syria. Peranan tindakan yang diambil oleh Malaysia dalam menangani isu pelarian Syria dalam konteks krisis yang berlaku. Malaysia sesungguhnya peka dan prihatin terhadap krisis Syria yang berlanjutan selama lima tahun di mana ia telah mengakibatkan jumlah kematian lebih 250,000 orang awam dan juga dianggarkan 4.6 juta rakyat Syria telah menjadi pelarian dan 7.6 juta telah hilang tempat tinggal ataupun *internally displaced*.

Baru-baru ini, perkembangan positif berhubung keadaan semasa di Syria dapat dilihat apabila beberapa kuasa besar seperti Rusia, Amerika Syarikat, Arab Saudi dan Iran telah bersetuju terhadap *cessation of hostilities in Syria* selama dua minggu bermula 27 Februari 2016. Melalui *cessation of hostilities* ini, jumlah keganasan telah pun menampakkan penurunan yang ketara. Lebih penting daripada itu, bantuan kemanusiaan lebih mudah dan dapat disalurkan kepada kawasan-kawasan yang sebelum ini tidak dapat dimasuki oleh Pasukan Bantuan Kemanusiaan PBB.

Sungguhpun Malaysia mengamalkan sikap tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman dan menghormati integriti dan wilayah sesebuah negara, Malaysia percaya dan yakin bahawa sistem pelbagai hala adalah merupakan pendekatan yang terbaik mencari penyelesaian secara aman dan damai untuk menangani konflik di Syria.

Sejajar dengan dasar tersebut, Malaysia telah mengambil pendirian yang tegas dan konsisten melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pertubuhan Majlis Hak Asasi Manusia dan Pertubuhan Kerjasama Islam sebagai langkah mencari penyelesaian terhadap krisis di Syria.

Sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia terus melahirkan dan menzahirkan rasa kesal dengan situasi kemanusiaan di Syria akibat perang saudara. Dengan itu, Malaysia telah juga menyokong dan menaja bersama Resolusi 2258 pada 22 Disember 2015 bagi meningkatkan usaha bersepadu dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan di samping memudahkan akses penghantaran bantuan kemanusiaan kepada golongan yang memerlukan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Reezal Merican:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Okey.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih atas penjelasan tentang Syria tadi. Cuma, saya ingin dapat penjelasan yang lebih konkrit lagi kerana isu Syria ini agak rumit dan pendirian kita harus tegas dan jelas. Pada peringkat sekarang, semua negara yang campur tangan atau tidak campur tangan menyatakan keinginan mereka ingin melihat perdamaian di Syria baik pun Iran, Saudi, Amerika Syarikat atau Rusia.

Akan tetapi, jelasnya, dalam pendekatan dalam isu Syria sebagai sebuah negara berdaulat yang pada tahap ini dipimpin oleh Presiden Assad, tetapi kalau ikut pendirian Amerika Syarikat dan Saudi, formula perdamaian ini mestilah memastikan penyingkiran Presiden Assad daripada jawatan presidennya dan Kerajaan Malaysia telah menyertai satu latihan yang dianjurkan oleh Arab Saudi. Dengan latihan ini, kalau ikut maklumat yang kita baca dalam surat khabar antarabangsa, jelas tujuan Saudi ialah menunjukkan kekuatan untuk menyerang Syria melalui demonstrasi kekuatan *militarynya*.

Saya ingin dapat tahu daripada kerajaan, bila kita masuk untuk menyertai latihan ini dan juga kita sekian hari diheret dalam konflik ini, apa pendirian kita? Adakah kita setuju dengan penyelesaian yang ditegaskan oleh Amerika Syarikat bahawa *regime change* di Syria adalah prasyarat untuk mencapai perdamaian di Syria ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Saya hendak maklumkan tentang penyelesaian konflik di Syria ini, kebanyakan daripada resolusi-resolusi yang dicapai di peringkat PBB mahupun Majlis Keselamatan tidak menjurus ke arah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu tadi.

## ■1930

Cuma saya hendak maklumkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu tentang penyertaan Malaysia dengan *coalition* bersama dengan Saudi itu, benda persoalan itu akan dijawab oleh Kementerian Pertahanan secara spesifik yang akan menggulung selepas saya, saya rasa.

Jadi saya rasa bolehlah dibangkitkan tentang berkaitan. Cuma tentang soal penyelesaian yang berlaku di Syria sebagaimana dimaklumkan oleh Yang Berhormat Batu bukanlah satu perkara yang memang mudah kerana seakan-akan terdapat macam *power play* di antara negara-negara kuasa besar yang menyokong. Oleh sebab itulah *cessation of hostilities* ini *very important* supaya ia dapat, pertama, kita hendak lihat dahulu tentang bantuan. *They are in dire needs but they did not get enough humanitarian aids. That is more important.*

Yang keduanya, pada waktu yang sama, pelarian-pelarian yang membabitkan rakyat Syria, semakin hari semakin bertambah dan negara-negara yang menghulurkan bantuan juga menghadapi masalah-masalah negara masing-masing dan bukan mudah. Di Malaysia sendiri pun walaupun kita telah menawarkan 3,000 namun pihak KDN sentiasa ada kriteria dan terpaksa bekerjasama dengan NGO-NGO untuk pastikan bahawa kemasukan-kemasukan migran dari Syria sebagaimana pernah kita lakukan, Bosnia ini dapat dilakukan dengan baik dan tersusun dan teratur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun Yang Berhormat.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merujuk kembali kepada kenyataan Timbalan Menteri tadi tentang sikap Malaysia untuk berkecuali dan *non-aligned*. Ini konsisten dengan konsep ZOPFAN. Akan tetapi kebelakangan ini nampak gayanya mereka yang terlibat ini di dalam operasi di ketenteraan di Arab Saudi menunjukkan kecenderungan lebih memihak kepada *alignment* dengan Amerika Syarikat terutamanya tentang sekutu-sekutu yang mengambil bahagian 20 negara adalah kebanyakannya *aligned* dengan Amerika Syarikat.

Adakah ini menunjukkan kita sekarang ini tidak lagi mengamalkan sikap berkecuali atau *non-alignment* kerana persepsi adalah satu perkara yang amat penting. Keduanya, baru-baru ini kita kedengaran bahawasanya Malaysia sedang menimbang untuk memberi kemudahan ketenteraan kepada Amerika Syarikat di Sabah. Ini juga satu perkara yang membimbangkan. Soalan saya utamanya, adakah Malaysia telah *renounce our non-aligned policy* dan kalau ya, bila dan apakah dasar kita sebenarnya sekarang ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Seperti mana saya sebut tadi, saya memahami apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu. Cuma sebagaimana saya maklum daripada awal tadi bahawa perkara yang berkaitan dengan penyertaan tentera kita di Saudi boleh ditanya dengan Kementerian Pertahanan yang akan menjawab secara lebih *extensive* dan komprehensif *because* saya tak berada di posisi untuk mengemukakan perkara-perkara yang tidak menepati fakta yang saya tak ada. Baik, Tuan Yang di-Pertua...



**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tumpat bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Krisis Syria ini, Yang Berhormat Menteri menyebutkan tadi bahawa ada pelarian 4.7 juta di luar Syria sekarang ini. Maklumat terkini yang saya dapati daripada petugas-petugas di kalangan orang Syria ialah sekarang ini 6.2 juta pelarian dan beberapa juta menetap ataupun tinggal di Turki, beberapa juta lagi di Jordan dan sejuta lebih di Lubnan. Ini menandakan krisis yang amat besar.

Oleh sebab itulah saya ingin mencadangkan supaya Wisma Putra mengambil pendirian dan menumpukan *resources* dengan izin yang terhad kita ini bukan kepada latihan-latihan perang di situ tetapi kepada benar-benar membantu pelarian-pelarian ini. Malaysia sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut tadi, komited hanya untuk memberi perlindungan, penempatan kepada 3,000 sahaja. Itu amat kecil sudah tentunya dan walau bagaimanapun, saya ingin tahu, daripada 3,000 yang kita komited itu, berapa ribu sudah kita bawa ke Malaysia dan tempatkan mereka di Malaysia.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, kita rasa inilah masa yang paling sesuai untuk Parlimen dan khususnya dengan persetujuan dan cadangan daripada Wisma Putera, Kementerian Luar mewujudkan suatu kokus khusus untuk melihat kepada krisis pelarian ini seluruhnya dan khususnya pelarian Syria ini. Saya pohon pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Pandangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Tumpat saya ambil perhatian. Cuma yang dimaklumkan tentang jumlah yang setakat ini terima adalah dua keluarga kerana tempoh yang dimaklumkan ialah pada tahun 2015 hingga 2018. Untuk makluman bahawa seperti mana yang saya katakan tadi bukanlah satu perkara yang mudah kerana proses-proses untuk memasuki, membawa mereka ini telah diambil alih oleh KDN, bukan di bawah Kementerian Luar.

Dengan kerjasama dengan satu *special task force* yang diwujudkan bersama-sama juga dengan beberapa NGO yang terdiri daripada ABIM, *Syria Care*, *Malaysia Lifelines for Syria*, *Muslim Care*, *Humanitarian Care Malaysia Berhad (MyCARE)*, *Imam Response* dan *Relief Malaysia* ataupun PICOM dan juga Pertubuhan Sinar Damsyik Malaysia. Ini adalah bagi memungkinkan program yang pernah seperti mana saya katakan tadi, pernah dilakukan pada awal tahun 2000 dari tahun 1997 hingga tahun 2003 kepada hampir 340 Bosnia dahulu dapat dilakukan dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Ipoh Barat membangkitkan berkaitan isu status *the Arms Trade Treaty*. Kerajaan, ingin saya maklumkan, kerajaan sentiasa memandang serius dan komited terhadap usaha-usaha masyarakat antarabangsa dalam memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa termasuk inisiatif bagi mengawal pemindahan senjata-senjata konvensional melalui *treaty* perdagangan senjata dengan izin, *the Arms Trade Treaty*.

Justeru itu Malaysia telah membuat keputusan untuk menandatangani *treaty* tersebut pada 26 September 2013 yang lalu. Keputusan ini diambil mengambil kira pandangan serta keyakinan Malaysia terhadap keupayaan *treaty* tersebut bukan sahaja untuk mengawal pemindahan senjata-senjata konvensional tetapi juga untuk menghalang daripada senjata-senjata ini jatuh secara haram ke tangan-tangan pihak yang tidak bertanggungjawab ataupun *non state actors* seperti kumpulan-kumpulan pengganas dan penjenayah.

Pelaksanaan ATT secara telus dan berkesan sememangnya dapat menyumbang ke arah keamanan dan keselamatan sejagat secara amnya serta pencegahan ancaman peperangan keganasan secara khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Malaysia *treaty* tersebut memperkukuhkan lagi dasar keselamatan negara berhubung senjata konvensional. Ia juga tidak akan menjejaskan hak mutlak negara untuk memiliki senjata-senjata konvensional bagi tujuan pertahanan dan keselamatan negara. Ke arah meratifikasikan, kerajaan sedang berusaha untuk memenuhi semua peruntukan yang ditetapkan di bawah *treaty* ini termasuk penyemakan semula undang-undang domestik berkaitan dengan bagi mengenal pasti elemen jenayah *genocide*, jenayah terhadap kemanusiaan (*crimes against humanity*) dan jenayah perang (*war crimes*) serta mengharmonikan pemakaian definisi eksport, import, transit dan *brokering* dalam konteks undang-undang domestik supaya selaras dengan peruntukan-peruntukan di bawah *treaty* ini.

Selain itu Malaysia telah menyertai persidangan pertama negara-negara pihak kepada ATT yang telah diadakan di Cancun, Mexico pada bulan Ogos 2015 lalu sebagai tanda sokongan dan komitmen negara terhadap aspirasi masyarakat antarabangsa dalam konteks keamanan dan keselamatan sejagat melalui pelaksanaan *treaty* ini.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya, selepas kita menandatangani ATT, saya difahamkan kerajaan perlu memberi *report* pada tahun 2014 dan *report* itu tidak lagi dihantar kepada mereka yang pihak-pihak berkenaan. Apakah sebab ini berlaku memandangkan ini adalah satu *treaty* yang sangat mustahak di mana kita telah menandatangani dan juga untuk tahun 2016 pun belum lagi dihantar.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih Ipoh Barat yang sentiasa minat tentang isu ATT dan *I think I have learnt a lot from you too*. Sebenarnya mengikut semakan yang saya buat, kita *we are guided by Article 13*.

#### ■1940

*Article 13 says, obligation* untuk menghantar laporan-laporan itu adalah kepada mereka yang telah menjadi negara pihak dan bukannya *the signatory*. Ini juga terpakai kepada negara-negara Asia Tenggara yang lain termasuk Filipina, Cambodia, Singapura, Thailand yang juga berada pada kedudukan sebagai *signatory without ratifying to become state member*. I mean negara pihak, *yet*. Jadi sebab itulah kita sedang bekerjasama terutamanya untuk *ratify* secepat mungkin. Wisma Putra hanyalah koordinator yang menjadi *the real party to looking into all the aspects before ratifying* ini adalah Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara dan juga Polis Diraja Malaysia.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih lagi satu soalan. Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai *International Criminal Court* di mana saya ada bangkitkan. Pada 21 Mac 2011 Kabinet telah meluluskan untuk menjadi anggota *International Criminal Court* tetapi ada beberapa halangan yang tertentu dari tahun 2011 sampai sekarang. Apakah terkini mengenai ratifikasi ICC? Bilakah ianya akan dibuat dan sebagainya? Terima kasih.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Ya saya sudah jawab dalam perbincangan yang lalu kepada Yang Berhormat dan memang saya pun buat semakan lagi. Sememangnya perkara ini telah pun diambil alih oleh AGC kerana itu adalah arahan Kabinet. Saya yakin mungkin bila Jabatan Perdana Menteri buat penggulungan perkara ini boleh dibangkitkan sebagai pertanyaan tentang *progress*. Ini sebab sekarang ini ia berada di bawah *preview* AGC.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu yang akhir sekali yang dibangkitkan adalah oleh Ahli Parlimen dari Kuala Langat, Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Tumpat dan juga Yang Berhormat Bukit Katil berkaitan dengan isu dakwaan *arbitrary detention* ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim. Apakah pendirian Malaysia dalam perkara ini? Suka saya maklumkan perkara ini telah pun dijelaskan secara *extensive* dan komprehensif ketika penggulungan oleh KDN kerana ia berada di bawah ruang lingkup KDN.

Namun suka saya perelaskan bahawa kumpulan kerja penahanan *arbitrary* Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau United Nation Working Group On Arbitrary Detention (WGAD) merupakan satu mekanisme di bawah Majlis Hak Asasi Manusia PBB yang diberi mandat untuk mengeluarkan pendapat mengenai penahanan seseorang individu berdasarkan aduan individu ataupun *the individual complaint*.

WGAD terdiri daripada lima individu yang dilantik dalam kapasiti peribadi. Maka oleh demikian pendapat yang dikeluarkan oleh WGAD tidak mewakili pandangan mana-mana negara anggota PBB mahupun mewakili pendirian rasmi PBB secara keseluruhan. Pendapat WGAD juga tidak terikat dari segi undang-undang ataupun *not legally binding* dan tidak mengikat negara kita Malaysia.

Pendirian Kerajaan Malaysia terhadap pendapat WGAD mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim kerajaan telah mengkaji pendapat yang dikeluarkan oleh WGAD pada 17 September 2015. Mengenai penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim hampir keseluruhan maklumat dan tuduhan yang menjadi asas pendapat WGAD merupakan maklumat daripada sumber aduan individu. Maklum balas komprehensif Kerajaan Malaysia terhadap pendapat tersebut telah pun dikeluarkan dan dikemukakan kepada WGAD pada 16 November melalui Pejabat Keputusan Tetap Malaysia ke PBB di Geneva, Kementerian Luar Negeri.

Kementerian Luar Negeri juga telah memuat naikkan maklum balas tersebut di laman web kementerian selain daripada mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai maklumat tersebut. Kerajaan ingin melakukan penegasan bahawa tidak ada sebarang asas untuk mendapati Datuk

Seri Anwar Ibrahim sebagai tahanan politik ataupun *political prisoners* ataupun *prisoners of conscience*.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Pesuruhjaya Hak Asasi PBB Prince Zeid Ra'ad Al-Hussein telah membuat komen mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa mesyuarat sesi ke 31 Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva pada 10 Mac 2016. Kerajaan Malaysia telah mengemukakan jawapan balas dengan komen yang disuarakan oleh Pesuruhjaya Tinggi berdasarkan maklumat-maklumat yang dianggap sebagai berat sebelah. Demi memastikan ketepatan pada 11 Mac perwakilan tetap Malaysia ke PBB di Geneva telah melaksanakan hak menjawab ataupun *the right of reply* semasa mesyuarat tersebut untuk memberi maklum balas kerajaan di atas dakwaan-dakwaan mengenai kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kenyataan Malaysia menekankan bahawa kerajaan telah memberi maklum balas yang menyeluruh kepada WGAD dan menerangkan bahawa atas asas undang-undang serta fakta yang tidak dapat disangkal Datuk Seri Anwar Ibrahim telah didapati bersalah selepas perbicaraan yang adil yang telah mengambil tempoh yang panjang.

Kenyataan Malaysia juga menegaskan bahawa beliau bukan seorang tahanan politik. Kementerian Luar juga telah mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai perkara tersebut serta memuat naikan teks kenyataan hak menjawab Kerajaan Malaysia di laman web kementerian. Secara keseluruhan Kerajaan Malaysia akan sentiasa memastikan hak-hak asasi manusia di Malaysia terjamin. Ini adalah disebabkan oleh komitmen teguh pihak kerajaan untuk menegakkan kedaulatan undang-undang dan hak asasi manusia.

Kerajaan akan terus memberi ruang demokrasi yang diperlukan untuk rakyatnya. Di dalam keadaan yang sama, kerajaan mempunyai kewajipan untuk memastikan keamanan, kestabilan, keharmonian yang merupakan prasyarat bagi hak tersebut dinikmati sepenuhnya secara adil oleh rakyat. Malaysia amat menghormati kepentingan peranan Majlis Hak Asasi sebagai sebuah badan bukan kerajaan, badan antara kerajaan berpandukan prinsip-prinsip sejagat tidak berat sebelah, objektif dan tidak selektif.

Kerajaan berharap agar Majlis Hak Asasi Manusia akan seimbang dalam menilai hak asasi manusia bagi semua anggota yang terlibat. Malaysia juga menghargai dialog yang membina serta interaksi aktif yang menjadi asas kepada usaha-usaha Majlis Hak Asasi Manusia PBB. Juga akan terus mengekal kerjasama rapat dengan mekanisme Majlis Hak Asasi Manusia. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Menteri sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya dengar dengan teliti jawapan tadi. Sebenarnya saya percaya Yang Berhormat Menteri pun maklum bahawa dalam ucapan Prince Zeid itu ada dua segmen yang penting. Pertama ialah soal bagaimana beliau memberikan pandangan soal *democratic space* dengan izin yang telah berterusan dikekang dengan kerajaan menggunakan

undang-undang Akta Hasutan dan sebagainya untuk menekan para wartawan, mereka yang memperjuangkan hak asasi, berbeza pandangan politik dan sebagainya. Di samping segmen yang kedua itulah khusus yang berkaitan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Saya hendak pergi kepada segmen yang pertama. Saya ingin tanya Kementerian Luar bagaimana respons kita terhadap *democratic space* ini. Ini sebab dalam seksyen 4 misalnya Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia telah memberikan satu perincian bahawa penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini secara tidak langsung mengiktiraf United Nations Declaration of Human Rights dengan izin.

Ia dianggap sebagai satu *extension of the federal constitution*. Maknanya pelanggaran hak asasi manusia dalam Perlembagaan Persekutuan sekiranya tidak disebut dengan nyata dalam Perlembagaan Persekutuan ianya boleh diguna pakai menggunakan *window*, dengan izin seksyen 4 ini. Jadi dengan adanya akta ini sudah tentulah sepatutnya gambaran yang diberikan kepada dunia Malaysia sekarang ini berada pada satu tahap terbuka, progresif dan tidak terkebelakang.

Tentunya dalam konteks ini saya ingin tanya kementerian ialah soal mereka yang ditahan lewat kebelakangan ini adalah berkaitan dengan isu yang membabitkan Perdana Menteri. Misalnya dalam majalah forum *Policy Magazine* meletakkan nombor ketiga skandal terbesar 2015 adalah skandal 1MDB. Jadi perkara-perkara ini berada dalam ruang lingkup Kementerian Luar untuk memberikan satu jaminan ataupun pengarah jawapan bukan sekadar menyatakan bahawa *right to reply*, kita telah dengar berat sebelah. Akan tetapi adalah isu-isu yang bukan sekadar maklumat daripada kami tetapi maklumat daripada luar. Itu pertama.

Kedua, Menteri sebut tadi tentang ATT. Soalan saya ketika perbahasan secara spesifik ialah bertanyakan kementerian tentang *United Nations Program of Action to Illicit Trade in Small Arms and Light Weapons*. Ini yang mana Malaysia sepatutnya menghantar laporan itu pada tahun 2014 dan juga akan ada program iaitu mesyuarat penting pada bulan Jun ini 2016.

#### ■1950

Saya teliti di dalam *website* ini tidak ada laporan. Kalau ikut dalam laporan 2011, *Minister of Home Affairs* jadi *coordinating body*. Yang Berhormat Menteri sebut tadi soal Kementerian Luar akan jadi *coordination body*. Adakah ini berbeza, ada konflik ataupun *it is two separate entity* dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bukit Katil. Saya sebut daripada awal tadi bahawa isu ini membabitkan *the custodian ministry* yang lain tetapi sebagai Kementerian Luar kita mengambil *position* untuk *explain*. Bila saya kata *right of reply* maknanya kita mengambil peranan-peranan, tempat-tempat untuk memperbetulkan kalau ada tanggapan yang tidak betul.

Pertama, contoh laporan yang pernah dikeluarkan dalam Parti Keadilan sendiri di *Facebook* yang mengatakan bahawa, '*Anwar only prisoner of conscience, anywhere in the world mentioned by High Commissioner of Human Rights ataupun Prince Zeid*'. Kalau lihat *Prince Zeid* tak *mention*, waima satu *line* pun bahawa Anwar adalah *prisoner of conscience* yang disebut oleh

WGAD, bukan *Prince Zeid*. Jadi *this is another one thing*. Saya mengambil peranan untuk memperbetulkan. *Then, prisoner of conscience* ini pun ataupun *political prisoner* ini pun secara umumnya dia tidak ada *a universal agreement*.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Maaf Menteri, saya hendak minta yang tadi itu, yang *you* kata dalam *Facebook* itu. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua? Saya nak tanya dalam ucapan itu dinyatakan bahawa *the imprisonment of former Opposition Leader Anwar Ibrahim whose detention has been ruled by the Working Group on Arbitrary Detention*. Maksudnya dia mengambil perkara yang telah pun diputuskan oleh *Working Group on Arbitrary Detention*. Apa yang dinyatakan dalam *working group* menyatakan bahawa *Datuk Seri Anwar is a political, is a prisoner of conscience*. So, *I think by deducing that, you can conclude*, bahawa dengan izin itu yang dinyatakan.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Ya, *but it is open to multi definition* sebab kalau nak kata *political prisoner* ataupun *prisoner of conscience*...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Unless Prince Zeid* menyatakan bukan, dia tidak menyokong *working group* punya pandangan.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Ayat yang mengatakan bahawa *Anwar only prisoner of conscience anywhere in the world mentioned by High Commissioner*.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *That was mentioned in working group and that quoted in the speech*.

**Dato' Seri Reezal Merican:** *But, that was not mentioned by Prince Zeid*. Saya hendak menyatakan apa yang benar ya. Kemudian kalau hendak ambil soal terminologi yang dikatakan *political prisoner*, dia tidak ada *universally agreed upon*. *The term of political prisoner* melainkan apa yang diambil daripada *Parliamentary Assembly of the Council of Europe in October 2012*. Itu pun dia kata *if the detention has been imposed on purely political reason without connecting or connection to any of the offense*. Atau pun *if for political motive, the length of detention or condition are clearly out of proportion to the offense that person has been found guilty*.

Jadi kedua-duanya juga telah dijawab sebenarnya secara ekstensif. Sebab sini kata kalau boleh saya boleh bagi secara bertulis laporan ini kepada semua yang bertanya. Mungkin kalau ada perkara-perkara yang tidak tepat nak *debate back I'm open to that but this is the answer based on fakta* sebab peranan Kementerian Luar *is to take position to explain*.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jejebu]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jejebu dan Yang Berhormat Batu bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jejebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat Menteri. Sesungguhnya kita memahamilah apa yang diperjuangkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil tetapi kalau kita berfikiran dan bertindak mengikut pandangan *working*

*group* ini ataupun pandangan mana-mana NGO lain kerana ada kepentingan kita, maka kita suruh dasar negara kita, undang-undang negara kita, Perlembagaan negara kita mengikut pandangan pihak-pihak yang sedemikian rupa kerana kepentingan kita, apakah ini merupakan suatu pemikiran yang merdeka ataupun pemikiran yang terjajah sebenarnya.

Jadi sebab itu rakyat dikelirukan kerana kepentingan. Apa yang dikelirukan ialah rakyat tidak diberitahu proses bagaimana WGAD ini mencapai keputusan sesuatu kenyataan bahawa kononnya Datuk Seri Anwar Ibrahim ini ialah tahanan politik. Kita sebelum ini tidak tahu juga tetapi bila Menteri beritahu, rupanya diputuskan oleh lima orang yang dilantik. Caranya macam mana, caranya orang yang berkenaan yang tuan punya badan pergi mengadu. Apa yang dia adu, kita pun tidak tahu dan pihak yang diadu tak pula berpeluang untuk mempertahankan diri dia dan WGAD membuat *ruling* nya bahawa dia ini tahanan politik. Akan tetapi sepanjang enam tahun perbicaraan, tidak pernah sekali pun diajukan tuduhan bahawa dia ini berpolitik sebab itu dia kena tahan tetapi kesnya lain, *very clear case*.

WGAD pembuat keputusan dalam lima orang dan ini dipakai oleh Yang Berhormat Bukit Katil dan suruh kita ubah undang-undang mengikut WGAD punya pendapat. Ini pemikiran betul-betul belum merdeka, dijajah teruk lagi ini. *[Ketawa]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dah, tidak apa, terima kasih banyak.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]:** Jadi macam mana pandangan Menteri berkaitan dengan ini. Apakah kita terpaksa mendengar semua pandangan NGO dan lepas itu kita mengubah undang-undang kita dan kita terpaksa akur kepada pandangan-pandangan yang sedemikian rupa.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh?

**Dato' Seri Reezal Merican:** *You want to answer or you want to ask?*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Ya, I answer.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelevu tidak habis lagi.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]:** Kita tandatangan TPPA, dikatakan kita hilang integriti, kita hilang kita punya *sovereignty*.

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Betul jang, betul, betul.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Okey tidak apa. Cukup.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]:** Akan tetapi dia ikut kehendak WGAD, adakah mereka merupakan orang yang tidak ada *sovereignty*, tidak ada kemerdekaan, tidak berpijak di buminya sendiri tetapi bergantung hidup kepada pandangan orang. Macam mana pandangan Menteri?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih Yang Berhormat Jelevu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Jelevu baru habis. Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu duduk dulu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya agak macam ini, Yang Berhormat Jelebu sendiri tidak dengar dengan teliti apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut. Saya dengar dengan jelas bahawa Timbalan Menteri bagi peluang untuk *right of reply* dan *participate* dalam memberi pandangan kerajaan kepada *working group* ini. *Working group* ini bukan *working group* NGO, ini adalah satu badan yang di bawah *office UN human rights*. Itu bukan satu badan NGO yang kita tafsirkan. Cuma saya ingin bawa kepada isu yang lebih teknikal. Saya setuju kalau Timbalan Menteri ambil propaganda parti saya untuk nak hujah dalam perkara ini, itu lain. Dalam *working group* ini, mereka gunakan istilah yang sangat *precise*. Dalam perkara ini saya agak ia memang betul kita tidak wajar untuk campurkan konsep *political prisoner*, *prisoner of conscience* dengan *arbitrary detention* dalam satu hujah yang sama.

Dalam *working group* ini tidak sentuh isu *political prisoner* atau *prisoner of conscience*. Yang dimaksudkan *arbitrary detention*, maksudnya seseorang itu ditahan secara *arbitrary* tidak kisahlah sebab apa-apa alasan, dia tidak terhad dalam isu politik. Jadi itulah sebab saya agak jawapan kepada *working group* ini lebih *precise*, harus jadi lebih *precise* sebab apa yang disebutkan di dalam itu ialah tidak sepatutnya seseorang itu ditahan dan alasan untuk menahan itu bertentangan dengan *universal human rights*. Itulah sebab perkara ini kita kena jawab dengan lebih sofistikated. Akan tetapi saya juga ingin sentuh sedikit tentang *political prisoner* dan *prisoner of conscience*.

*Political prisoner* memang luas definisinya tetapi *prisoner of conscience* itu, tafsiran oleh *Amnesty International* it was very clear. Cuma kalau kita tidak setuju dengan tafsiran itu, then Kementerian Luar Negeri mestilah, syorkan apakah tafsiran Kerajaan Malaysia kalau kita ingin mengambil itu sebagai satu istilah yang boleh kita bahas.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Ya, saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Tanjong Karang nak tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang dan Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kota Tinggi nak pendek boleh Yang Berhormat Tanjong Karang boleh. Pendek sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya dengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan teliti dan juga hujah Yang Berhormat Batu. Daripada jawapan Timbalan Menteri tadi 16 November 2015 melalui Pejabat Perutusan Tetap Malaysia ke



PBB di Geneva, Kementerian Luar telah memuat naik maklum balas tersebut di dalam web kementerian, ertinya telah memberikan penjelasan.

■2000

Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan dalam Dewan ini, penjelasan yang macam mana yang diterangkan kepada *group* ini? Adakah diterangkan bahawa Anwar Ibrahim ini telah diadili dengan seadil-adilnya. Selama enam tahun telah diputuskan oleh mahkamah yang paling tinggi dalam negara kita, Mahkamah Persekutuan keputusannya 5-0 dan kesalahan ini tidak ada kena-mengena dengan politik. Dia syok sendiri dengan Saiful, peribadi dia, sebab apa yang antarabangsa hendak campur tangan? [*Dewan riuh*] Ini kenyataan, kenyataan! Tidak ada kena-mengena. Eh! Bukan kata, hendak marah fasal apa? Pihak yang tahu dia lakukan dia berdua sahaja. Mahkamah telah buat keputusan. Jadi, tadi Yang Berhormat Batu kata ada beza tahanan politik. Ini di negeri Selangor, papan *billboard* letak tahanan politik untuk menipu rakyat. Bila polis bawa turun pula kata itu tidak...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh bangun Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Polis jangan campur tangan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita baru sebut tipulah, bohonglah, tidak perlu digunakan dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tengah mencelah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa tipu, bohong?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ha.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, sudah betul.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Itu *ruling* Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *Ruling* apa? Maksudnya bukan Yang Berhormat, saya kata kerajaan negeri. Yang Berhormat hendak bersetujukah yang mengatakan yang Anwar Ibrahim ini tahanan politik? Yang Berhormat pun cakap tadi tafsirannya panjang. Bagaimana seseorang yang didapati salah liwat boleh diberitahu dengan rakyat, “*No, ini tahanan politik.*” Jauh sangat bezanya. Kalau dia kena tahan kerana dalam pergerakan Bersih kah, boleh juga kita terima. Ini tidak, kesalahan liwat Mahkamah Persekutuan. Kita angkat sumpah dalam Dewan ini menghormati Perlembagaan Negara kita, sebab apa kita hendak mendewa-dewakan campur orang luar? Saya hendak tahu apa laporan ini?

**Dato' Seri Reezal Merican:** Okey, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Takut Kementerian Luar Negeri salah buat laporan ini.

**Dato' Seri Reezal Merican:** [*Ketawa*] Tidak.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya ingat laporan Kementerian Luar Negeri, salah buat laporan ini. Mungkin Anwar ditangkap kerana Bersih barangkali, itu sebab dia kata tahanan politik.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih. Yang Berhormat Setiu, saya rasa semua berkisar benda yang sama ataupun...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Lain sedikit.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Okey, lain sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kita tahu bahawa salah satu asas penubuhan PBB, kita tahu iaitu tidak boleh mencampuri urusan dalam negeri sesebuah negara anggota. Itu jelas. Dalam keadaan sekarang, apa yang dibuat oleh pihak PBB yang dia kata wakil UNWGAD tadi, yang dikatakan tidak mewakili pun PBB, adakah dia buat ini atas dasar kerana dia didapati bersalah ataupun kerana sebab-sebab bawah hak asasi ini boleh meliwat, seolah-olahnya. LGBT lah maksudnya.

Adakah atas alasan itu kerana permohonan aduan itu dibuat? Ini kerana kita lihat salah satu apa yang dibuat oleh hak asasi manusia ini, ia berlaku di Brunei. Dia jurucakap daripada pihak hak asasi manusia oleh Rupert Colville nama dia, dia menggesa Kerajaan Brunei ini menanggungkan tarikh kuat kuasa kepada kod jenayahnya atas hukuman rejam sampai mati terhadap penjenayah yang bersifat seksual iaitu termasuklah hubungan sejenis dan juga meliwat.

Ini yang saya cuba hendak tanya, apa sebenarnya fungsi hak asasi ini? Adakah mencampuri urusan sistem kehakiman kita? Bila didapati bersalah, maknanya dia masih boleh mencampuri walaupun ia tidak ada kena-mengena dengan hak asasi sekalipun ataupun hanya kerana peliwatan itu, LGBT itu. Itu yang maksud saya.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Sudah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Fungsi dia setakat mana saya hendak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Boleh sedikit Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Nerus. Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya. Saya *duk* dengar perkataan liwat, liwat lima belas enam belas kali ini, saya hendak tanya Timbalan Menteri, kita bimbang takut kita buat tuduhan berkaitan dengan '*kashful muhsanat*' itu. Jadi walaupun telah disabitkan kes di mahkamah, masuk dalam penjara, kalau boleh istilah itu walaupun diubah macam mana, jangan kita gunalah istilah itu kalau boleh. Mungkin Timbalan Menteri sebagai yang lama...

**Dato' Seri Reezal Merican:** Baik. Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya hendak maklumkan secara jelas bahawa laporan WGAD ini bukan kali pertama. Untuk makluman Dewan, terdapat 1,254 individu daripada 50 negara dalam tempoh yang sama telah dibuat *opinion by* WGAD ini. Untuk di Malaysia sahaja, ini bukan kali pertama sebenarnya kalau kita hendak bangkitkan WGAD punya pandangan sebagai pandangan yang penting di Dewan ini. Ia pernah dibangkitkan berkaitan seorang individu yang terlibat dengan komplot memisahkan Sabah dari Malaysia.

WGAD juga pernah membuat laporan tentang enam anggota pertubuhan haram Al-Arqam tentang *arbitrary detention*, lima pelajar universiti di Pakistan yang dipercayai dengan Jemaah Islamiah dan seorang lagi individu yang dipercayai terlibat dengan Jemaah Islamiah juga. Maknanya empat kali. Tidak pernah sekali pun isu-isu ini dibangkitkan di sini.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini tidak betul kalau kata tidak pernah dibangkitkan.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Nanti dahulu. Okey. Kemudian, tunggu dahulu. Kemudian, untuk WGAD membuat pandangan kemudian dibalas, tidak semestinya laporan ataupun pandangan WGAD ini bersifat konklusif. Saya beri contoh 4 Disember 2015 yang lalu, WGAD buat pandangan berkaitan dengan Julian Assange, pengasas *WikiLeaks* di Sweden dan juga di Britain. Kerajaan UK dan Sweden, kedua-duanya *has rebutted back what's WGAD* membuat pandangan dan *opinion* berkaitan dengan penahan *arbitrary* oleh Julian Assange. Ini menunjukkan bahawa pandangan-pandangan yang dibuat oleh WGAD ini boleh – *that is why the rights of reply* untuk menjelaskan kedudukan sebenar.

Demikian juga saya hendak ceritakan bahawa tentang laporan yang dibuat ataupun maklum balas jawapan yang dibuat oleh pihak kementerian merangkumi 94 para, 30 muka surat. *Very comprehensive, very extensive*. Saya kalau hendak baca satu-satu, cukup panjang. Oleh sebab itu saya sanggup beri secara bertulis kepada semua. Kalau lihat pada *website* pun, *you are accessible and it is obtainable at anytime*. Sebab ini memberi gambaran bahawa setiap jawapan dan juga tuduhan-tuduhan, dakwaan-dakwaannya, tidak ada yang tidak terjawab.

Salah satu perkara yang penting saya hendak tekankan ialah di bawah mandat WGAD ini ditekankan, *guided by para 15 of Resolution 1997/50 that, "which still that the mandate of WGAD is to be carried out provided that no final decision has been taken in such cases by domestic courts in conformity with domestic law, with the relevant international standards set forth in the Universal Declaration of Human Rights with the relevant international instruments accepted by the state concerned"*. Dalam jawapannya, kita sudah tulis bahawa *the government, "The Federal Court in Malaysia had announced unanimous decision on 10<sup>th</sup> February 2015 in relations of Datuk Seri Anwar case. This final decision and finality to the decision of laws based on the domestic laws of Malaysia. The decision was in full compliance with relevant international standards of due process and fair trial"*. Ini jawapan yang kita bagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Dato' Seri Reezal Merican:** Jadi Yang Berhormat Batu, saya rasa saya sudah jawab sudah. Jadi sebagaimana yang ditanya oleh Yang Berhormat Tanjong Karang, jawapannya Yang Berhormat Tanjong Karang, cukup komprehensif. *Please look out at the website of KLN.* Saya ucapkan terima kasih semua kepada Yang Berhormat yang terlibat...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Dalam perbahasan membabitkan Kementerian Luar Negeri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menteri sudah hendak habis.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Mudah-mudahan segala pandangan akan saya bawa untuk pastikan perjalanan Malaysia...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon satu soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menteri sudah hendak habis Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Bukan. Oleh sebab saya tidak berpeluang untuk berbahas, ini lain. Tidak ada kena-mengena dengan itu.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Tidak. Ini saya ucapkan terima kasih banyak. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Kedaulatan Pulau Pisang hendak tanya. Bukan fasal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Isu baru tidak boleh bawa Yang Berhormat. Sekarang giliran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 8.09 mlm.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Panglima Madius Tangau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian yang menyentuh isu-isu berkaitan sains, teknologi dan inovasi semasa perbahasan iaitu Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Hulu Langat dan Yang Berhormat Kuantan.

Yang Berhormat Parit Sulong mencadangkan supaya negara mencontohi Jepun dan Korea dengan mengambil pendekatan komprehensif bagi menguasai teknologi dan memanfaatkan STI bagi menjana pendapatan negara.

**■2010**

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini ekonomi negara terlalu bergantung kepada sektor komoditi secara langsung, sensitif pada daya pasaran komoditi semasa. Kestabilan harga pasaran komoditi tersebut menyebabkan ekonomi terdedah kepada kelembapan ekonomi. Untuk negara beralih daripada kebergantungan ini, Malaysia perlu memperkasakan industri berasaskan pengetahuan ataupun *knowledge-based industry* kerana ini merupakan hala tuju berkesan untuk memupuk ekonomi negara yang lebih stabil demi kesejahteraan rakyat. Untuk memenuhi aspirasi ini antara pendekatan komprehensif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi MOSTI bagi menguasai industri berasaskan pengetahuan dan memanfaatkan STI bagi menjana pendapatan negara adalah seperti berikut. Pertama, Pelan Tindakan Grafir Kebangsaan 2020 oleh NanoMalaysia. Pelan ini menekankan penggunaan aplikasi bahan nano berasaskan karbon iaitu grafir di dalam sektor-sektor strategik negara seperti sektor industri elektrik dan elektronik, industri getah, industri plastik, industri minyak dan gas dan industri tenaga simpanan ataupun *energy storage*.

Strategi untuk merancang lagi industri melalui adaptasi *nanotechnology* merentasi sektor-sektor utama negara dan berteraskan mekanisme pembiayaan dan pelaburan usaha sama rakan strategik swasta, global dan tempatan. Contohnya ialah kolaborasi NanoMalaysia dengan RUSNANO Capital semenjak tahun 2016 menasarkkan pelaburan sebanyak USD300 juta dalam tempoh tiga tahun. Unjuran KDNK sektor *nanotechnology* khususnya grafir pada tahun 2020 adalah lebih kurang RM10,000 dan berpotensi menyediakan 9,000 peluang pekerjaan.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, adalah pelan Hala Tuju Strategik *Internet of Things* (IoT) Kebangsaan oleh MIMOS. Hala tuju ini bertujuan mewujudkan ekosistem kebangsaan bagi membolehkan penggunaan IoT sebagai sumber penjanaan ekonomi baru negara. Melalui pelan hala tuju ini dijangkakan keberhasilan daripada IoT dapat menyumbangkan kepada KDNK berjumlah RM9.5 bilion pada tahun 2020 dan menyediakan 14,270 peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga ialah Inisiatif Foresight Malaysia 2015 oleh Akademi Sains Malaysia adalah penting untuk memposisikan Malaysia melangkaui tahun 2020. MOSTI yakin negara perlu mempunyai visi STI Malaysia sehingga tahun 2050. Teknologi baru muncul atau *imaging technology* melangkaui teknologi-teknologi sedia ada seperti *nanotechnology* dan bioteknologi perlu diterokai. Negara juga perlu mempersiapkan sumber-sumber negara yang ada bagi memastikan Malaysia bersedia menghadapi ekonomi baru yang memerlukan teknologi baru muncul antaranya adalah seperti bahan termaju ataupun *advance material* dan pintar, *precision medicine*, pakaian pelbagai fungsi, atau *functional clothing* dan *artificial intelligence* ataupun penjagaan kesihatan.

Inisiatif-inisiatif ini dapat membantu negara menetapkan bidang-bidang keutamaan dalam penyelidikan masa hadapan yang berpotensi untuk diterokai oleh saintis-saintis di Malaysia bagi memastikan kelestarian industri berasaskan pengetahuan dan dapat memacu STS sepenuhnya dalam menjana ekonomi baru negara. Kajian ini dijalankan oleh Akademi Sains Malaysia melalui

kolaborasi dengan badan pemikir seperti *Institute of Strategic and International Studies (ISIS)*, *Institute Integrity Malaysia* dan pakar ekonomi dari Universiti Malaya. Pendekatan ini membolehkan negara mengenal pasti kehendak dan keperluan masyarakat, budaya, ekonomi dan juga politik agar intervensi STI yang sesuai dapat diaplikasikan.

Bagi memastikan pendekatan yang lebih komprehensif berhubung agenda sains negara, Majlis Sains Negara di mesyuarat pertamanya pada 28 Januari 2016 telah memutuskan supaya satu pelan induk STI ataupun *STI Master Plan* digubal dengan mengambil kira Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara ataupun DSTIN yang sedia ada dan sebarang serta perkembangan terkini landskap STI.

Untuk mempercepatkan perkembangan ekonomi di pelbagai sektor terutamanya untuk memacu sektor ekonomi pertumbuhan tinggi, tumpuan dan bantuan harus diberi ke atas “*start-up*” yang berasaskan teknologi canggih untuk kekal berdaya saing dalam ekonomi global. Adalah menjadi tanggungjawab kita di kementerian ini untuk mengurangkan jurang cabaran yang sedang dihadapi oleh usahawan-usahawan “*start-up*” kita supaya mereka tidak lari atau dipancing oleh negara lain terutamanya jiran kita di Singapura.

Walau bagaimanapun, isu-isu dan cabaran yang menghalang inovasi dan perkembangan “*start-up*” sebegini adalah seperti berikut;

- (i) kekurangan penyelarasan dalam inisiatif RBCNI;
- (ii) pengkomersialan rendah R&D;
- (iii) penggunaan sumber yang tidak berkesan;
- (iv) inovasi yang rendah dalam syarikat-syarikat; dan
- (v) kekurangan kemahiran pemikiran kritikal

Semua cabaran ini saya harap dapat kita selesaikan kita dapat atasi melalui Majlis Sains Negara sebagai sebuah jawatankuasa tertinggi tadbir urus negara kita.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Hulu Langat bangun Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran]:** Silakan.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan tanggungjawab Yang Berhormat Menteri. Sedikit penjelasan apabila Yang Berhormat sebut pengkomersialan yang rendah. Jadi, adakah kementerian sendiri mampu mengkomersialkan R&D dahulu kemudian jual kepada pihak swasta kerana saya difahamkan apabila terus dikomersialkan oleh swasta ada kelemahan maknanya lambat ke atau tidak dikomersialkan. Faham atau saya kena ulang balik? Maknanya adakah kementerian sendiri MOSTI mampu mengkomersialkan R&D yang sudah dibuat? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Sebenarnya kementerian ini hanya sebuah kementerian fasilitator. Kita hanya *facilitate* walaupun kita mempunyai agensi-agensinya yang terlibat secara langsung seperti Technology Park Malaysia, MIMOS dan sebagainya. Akan tetapi sebaik-baik mungkin kementerian ini dan agensi

adalah, kita hanyalah fasilitator dan akhirnya yang paling penting ialah kita dapat meliberalisasikan apa yang kita buat dan mewujudkan satu industri dan melibatkan swasta untuk mengkomersialkan hasil-hasil R&D yang kita telah temui dalam kajian kita selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menegaskan bahawa MOSTI di bawah kepimpinan saya akan memastikan ialah di mana dana diberi tanpa pengetahuan untuk memastikan pulangan lebih-lebih lagi dalam tiadanya strategi pengkomersialan daripada pihak penerima dan dana harus dihentikan sama sekali. Ini adalah kerana setiap ringgit yang dibelanjakan oleh pelbagai dana yang wujud haruslah memberi pulangan yang setimpal dan dalam usaha kita mengkomersialkan kesinambungan dana-dana ini era *grant prima* sudah berakhir. Kita tidak mahu lagi memberi dana kepada mereka yang hanya mengambil dana-dana ini tanpa niat untuk mengkomersialkan. Kerajaan hanya akan membantu *technopreneur* khususnya *technopreneur* yang serius dalam *business* yang kukuh untuk memastikan pengkomersialan produk hasil mereka.

Yang Berhormat Parit Sulong juga turut membangkitkan mengenai perancangan pembangunan modal insan dalam pelan pengukuhan R&D. Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Pertama Majlis Sains Negara pada Januari lepas memutuskan antara lain supaya MOSTI, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi menerajui penggubalan Pelan Tindakan Sains Teknologi, Kejuruteraan Matematik ataupun STEM. Pembangunan Tindakan STEM perlu melibatkan konsultasi dengan industri yang memastikan pelan ini mengambil kira kedua-dua *demand and supply side of STEM*. Selain itu, MOSTI melalui Akademi Sains Malaysia telah dan sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif untuk melahirkan dan membangunkan modal insan dalam bidang STEM.

#### ■2020

Antaranya ialah pertama, Anugerah Saintis Muda iaitu pengiktirafan pencapaian cemerlang saintis muda. Seramai 39 orang saintis muda telah menerima anugerah ini. Keduanya, Profesor Saintis Malaysia iaitu pengiktirafan yang diberi kepada penyelidik yang cemerlang dan untuk ini, 110 orang telah mendapat pengiktirafan. Ketiganya, *Young Scientists Network*, satu usaha berterusan MOSTI dan ASM dalam membangunkan saintis yang mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa. Seterusnya melibatkan kerjasama dengan *Global Young Academy*. Dalam usaha ini, seramai 67 saintis terpilih menjalankan program R&D di peringkat antarabangsa dalam bidang pengurusan risiko bencana banjir dan perubahan cuaca.

Yang Berhormat Hulu Langat menyentuh mengenai DSTIN serta pelan induk STI. Beliau mencadangkan supaya dasar...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius bin Tangau:** Silakan Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Saya tertarik dengan apa yang Yang Berhormat Menteri nyatakan

antara program-program yang dibuat oleh pihak kementerian termasuklah yang Anugerah Saintis Muda sebagai contohnya.

Apabila kita membuat program seperti ini, itu satu yang saya kira sangat bagus, tetapi selepas itu apakah perancangan pihak kementerian, maksudnya setelah membuat program seperti itu dan telah berjaya, setelah mereka ini dianugerahkan dengan pelbagai anugerah seperti saintis muda dan segala-galanya, *after that*, dengan izin atau selepas itu apa yang pihak kementerian bantu mereka? Adakah ianya akan terhenti setakat anugerah? Ataupun selepas itu akan ada bimbingan yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa mereka ini benar-benar boleh kita ketengahkan sebagai seorang saintis. Itu mungkin pihak Yang Berhormat Menteri boleh nyatakan juga.

Juga lagi satu, ini mungkin terlambat sedikit, tadi Yang Berhormat Menteri juga ada menyatakan bahawa untuk memastikan bahawa kita tidak hanya bergantung kepada geran sahaja, harus mempunyai satu *business plan* yang cukup kukuh. Akan tetapi saya hendak tanya dengan pihak Yang Berhormat Menteri, kerana kita tahu dalam zaman sekarang, orang boleh buat *business plan* yang sangat cantik tetapi apa yang kadang-kadang dibuat tidak mengikut *business plan* tersebut. Jadi, apakah peranan yang boleh dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan apa juga yang di *planned* itu, dengan izin, akan dapat dan betul-betul mereka itu ikut apa *business plan* supaya tidak hanya bergantung kepada geran sahaja dan akhirnya ianya akan membantu menaikkan kesedaran *Malaysian* ini terhadap sains dan teknologi di Malaysia ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius bin Tangau:** Terima kasih, Yang Berhormat Parit Sulong. Untuk menjawab soalan yang pertama, sebenarnya saintis-saintis muda yang ada di negara ini, institut-institut penyelidikan yang ada sebenarnya sudah merasa bahawa kita amat memerlukan saintis. Kalau kita ambil contoh dalam bidang *clinical research* sebagai contoh, oleh kerana antara alasan yang diberi pihak yang berkuasa tidak meluluskan permulaan *clinical research* sebagai contoh ialah kekurangan saintis, jadi setidak-tidaknya dengan memberi anugerah ini kita memberi galakan menghasilkan lebih ramai lagi saintis. Itu langkah yang pertama. Sebab, pada hari ini kita memerlukan satu kumpulan saintis untuk memenuhi keperluan-keperluan yang ada.

Keduanya berkenaan dengan *business plan* tadi itu. Kalau kita lihat di negara luar, contoh Yang Berhormat beri dalam perbincangan iaitu negara Korea sebagai contoh, Korea ini banyak bantuan-bantuan yang diberi oleh kerajaan dan sebenarnya kita di kementerian pun sudah buat begitu. Di dalam bidang nano sebagai contoh, kita sudah mengenal pasti 20 buah syarikat dan kerajaan memberi bantuan sebanyak RM200 '*work of graphing*' kita bagi dalam bentuk *in-kind*. Kita bagi contoh. Kita juga buat seperti apa yang Korea buat tetapi yang setakat ini, kalau dia bermula dengan kosong, belum ada apa-apa dan segala-galanya dia minta daripada dana, tentulah tidak boleh.

Maknanya, kita memerlukan usahawan yang betul-betul serius dengan apa yang dia buat. Bukan setakat dia buat dengan dia ambil dana ini kerana niat yang lain. Dia hendak ambil



dana dan bukan untuk berjaya. Ini memang satu nilai kemanusiaan dan satu cabaran yang kita buat dan satu perkara yang kita buat secara berterusan dan kita akan bekerjasama dengan kementerian lain untuk mengatasi cabaran ini.

Saya ingin teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Hulu Langat menyentuh mengenai DSTIN serta pelan induk STI. Beliau mencadangkan supaya dasar dan pelan ini dibentangkan di Parlimen untuk memberi panduan kepada semua lapisan masyarakat. Saya mengucapkan terima kasih atas cadangan ini.

Untuk makluman, inisiatif berterusan oleh kerajaan bagi memperkasakan STI dalam pembangunan negara termasuklah penggubalan DSTIN serta penubuhan Majlis Sains Negara yang merupakan jawatankuasa peringkat tertinggi kebangsaan dan dalam tadbir urus STI.

Usaha juga sedang dipergiat untuk menerapkan STI dalam dasar-dasar sektor yang lain iaitu STI untuk dasar atau *STI per policy*. Seperti mana yang pernah saya sebut di Dewan yang mulia ini bahawa dari segi dasar sains, STI ini, kita sudah kukuh, kita sudah mantap. Malah, kita sudah memberi bimbingan kepada lebih 30 buah negara di selatan, *in the south state*.

Akan tetapi dari segi *STI per policy*, ini satu lagi cabaran kita untuk dilaksanakan. Kerajaan telah melaksanakan *engagement* dengan pelbagai pihak berkepentingan semasa proses permulaan DSTIN. Pendekatan yang sama diambil dalam menggubal pelan induk STI dan pelan tindakan STEM bagi memastikan setiap inisiatif yang akan dilaksanakan nanti telah mengambil kira keperluan semua *stakeholders*.

Kementerian juga aktif melaksanakan program kesedaran dan promosi STI, antaranya ialah Program *Creativity and Science4U*, *InnoSpace*, Pameran Ledakan Kreativiti dan program-program di luar bandar seperti Perkampungan Sains, Perkhemahan Sains, Singgah Sains, Inovasi Pendidikan, *Science Kid*, *Monsoon Science Camp*, *Tecno Camp*, Kelana Sains dan *Special Science Day* yang dijalankan sepanjang tahun bagi meningkatkan produktiviti dan inovasi di kalangan masyarakat.

Kementerian turut memanfaatkan semua saluran media daripada media cetak hinggalah media elektronik dan media sosial bagi menyebarkan luas agenda dan program STI negara. Seperti dalam bidang media elektronik, MOSTI sering menguar-uarkan pencapaian STI menerusi siaran Selamat Pagi 1Malaysia di RTM, Malaysia Hari Ini di TV3 dan TV Al-Hijrah dan Dialog BERNAMA TV. Dalam media sosial, laman sosial rasmi kementerian iaitu *1MOSTI Facebook*, *MyMOSTI Twitter*, *MyMOSTI Instagram* dan *1MOSTI YouTube*. Dalam media cetak pula, Buletin MyMOSTI dua kali setahun dan Laporan Prestasi Tahunan MOSTI, *Photobook insta @MyMOSTI*.

Seterusnya ialah secara bersemuka. Pencapaian STI negara juga dipaparkan secara langsung kepada masyarakat menerusi pameran dan aktiviti *outreach*. Antara aktiviti *outreach* yang menggabungkan pameran dan pelbagai aktiviti yang menggunakan STI ialah *Creativity and Science4U*, *PSN Trooper*, *Science Fest* dan Singgah Sains. Usaha-usaha tersebut mampu memberi pendedahan kepada semua lapisan masyarakat mengenai agenda STI negara.

Walau bagaimanapun, saya berpandangan bahawa saranan Yang Berhormat Hulu Langat supaya pelan induk STI dibentangkan di Parlimen adalah satu cadangan yang baik dan akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh pihak kementerian setelah siap nanti.

Yang Berhormat Kuantan pula telah membangkitkan kesan operasi Syarikat Asian Rare Earth dan Syarikat Lynas kepada persekitaran setempat. Dalam isu Syarikat Asian Rare Earth (ARE), MOSTI melalui Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) telah melakukan kawalan seliaan secara berterusan berhubung isu ARE sejak dari tahun 1987 sehingga kini, walaupun syarikat ARE telah pun menghentikan operasinya pada tahun 1994. Pemuliharaan ataupun pemantauan berterusan ke atas radio nuklear di kawasan lokasi kilang ARE dan kemudian penstoran jangka panjang serta kawalan kawasan sekitar untuk mengesan sebarang pencemaran yang mungkin berlaku.

■2030

Di bawah kawalan LPTA, semua sisa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Madius bin Tangau:** Pendek lagi. Saya boleh habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan.

**Datuk Wilfred Madius bin Tangau:** Okey. Di bawah kawalan LPTA, semua sisa dilupuskan di lokasi yang telah diluluskan sahaja dan tidak berlaku kejadian *illegal dumping* sebagaimana yang dikatakan. Tiada sebarang pencemaran radioaktif dari kilang ARA. Sampel-sampel alam sekitar seperti air, tanah, udara, eksperimen dan tumbuhan telah dianalisis dan tahap keradioaktifan adalah di bawah had kawalan ataupun 1 *becquerel per gram* di bawah peruntukan Akta Pelesenan Tenaga Atom 1994, Akta 304. Semua analisis sampel dijalankan di makmal yang diiktiraf dan mempunyai akreditasi ISO 10725.

Dakwaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kuantan tidak dapat dipastikan kesahihannya kerana tidak disertakan dengan bukti-bukti lokasi persampelan, metodologi persampelan dan analisa alat yang digunakan dan status makmal. Silakan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memberi, saya menyebut daripada jurnal yang saya dapat iaitu *reprinted from Journal of Environmental Information Science* yang ditulis oleh Prof. Yoshihiko Wada daripada *Centre for Environmental Information Science, Tokyo*. Saya agak terperanjat apabila Yang Berhormat Menteri kata tidak ada kes *illegal dumping* kerana dalam penulisan Prof. Wada ini yang saya sendiri bertemu dengan beliau dan beliau mengesahkan bahawa ada mereka-mereka yang terlibat di dalam membuang sisa-sisa ARE itu daripada Asian Rare Earth di beberapa *dumping site* dan mengaku dan menunjukkan kepada beliau lokasi-lokasi di mana *illegal dumping* tersebut dibuat tatkala pada zaman kilang ARE itu wujud.

Jadi saya bersedia untuk berkongsi dengan kementerian, pihak Yang Berhormat Menteri untuk berkongsi penulisan Prof. Wada ini dan sekiranya perlu untuk mengaturkan supaya pihak

Yang Berhormat Menteri bertemu dengan Profesor ini. Saya agak, sebab ini adalah penulisan daripada pihak luar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat ringkaskan Yang Berhormat kalau tidak saya sambung esok.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sebab lepas ini ada Lynas lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya sebab itu saya kata, kalau tidak Yang Berhormat Menteri sambung esok.

**Datuk Wilfred Madius bin Tangau:** Yang Berhormat, kalau pihak Yang Berhormat bekerjasama dan menghantar ini, tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini perlu saya perbetulkan keadaan bahawa dos sinaran latar belakang di bandar-bandar utama Semenanjung termasuk kawasan berhampiran dengan tempat kilang dan pelupusan sisa torium di syarikat Asian Rare Earth di Perak. Kita buat pemantauan dan kita ada data di sini, kita ada data. Jadi ini saya perlu nyatakan untuk mengelakkan ada kekhawatiran di kalangan masyarakat setelah dinyatakan dan satu lagi...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *[Bangun]*

**Datuk Wilfred Madius bin Tangau:** Nanti dulu Yang Berhormat, nanti sekejap. Satu lagi perkara ialah sebenarnya Profesor yang telah menulis jurnal Yang Berhormat sebutkan itu, cara dia menulis dan menyampaikan fakta, mengambil data pun agak berlainan sebab dia gunakan unit PPM. Jadi kalau dalam hal sinaran ini, kita gunakan *microsievert*. Itu dia, jadi kalau dia buat PPM, dalam bentuk PPM, ia agak mengelirukan. Jadi apa pun untuk perbahasan ini kita ini...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, saya tidak bercakap berkenaan dengan *radiation*. Saya bercakap berkenaan dengan torium, *concentration of thorium* dan uranium *in the dump site*. Maksudnya ianya kekal di situ. Mungkin dari segi dia punya bacaan *radiation, becquerel per gram* dia rendah, akan tetapi ianya bersifat dalam bentuk *heavy metal, thorium* yang karsinogen yang sekiranya dimakan oleh lembu di situ boleh masuk dalam ekosistem. Itu yang saya cuba tanya Yang Berhormat Menteri. So, jadi saya rasa perkara ini tidak harus diperkecilkan kerana kalau Yang Berhormat Menteri sendiri tidak tahu wujudnya *illegal dumpsite*, jadi tentu sekali perkara ini terlepas pandang. Hendak *check* pun dan sebagainya.

**Datuk Wilfred Madius bin Tangau:** Okey, saya hendak memberi keyakinan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pihak kita, LPTA memantau dan mengambil bacaan setiap bulan. Kita ada data di sini. Jika sekiranya kita nampak, kita temui adanya bacaan-bacaan yang melebihi pada tahap bahaya, kita ambil tindakan. Kita sentiasa mempertahankan kesejahteraan rakyat. Sebab itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya cadang sambung esok lah.

**Datuk Wilfred Madius bin Tangau:** Sambung esok ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri ya Yang Berhormat Menteri, sambung esok. Sebab ada isu Lynas juga dan sebagainya. Mesti ada soalan.

**Datuk Wilfred Madius bin Tangau:** Okey.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta budi bicara sambung esok. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita sudah 8.30 malam Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Madius bin Tangau:** Okey, okey. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat hari ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 23 Mac 2016.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.35 malam]***